



JOHOR CORPORATION

L a p o r a n T a h u n a n 2 0 1 0

Membina dan **Membela**

JOHOR CORPORATION Laporan Tahunan 2010

Membina dan **Membela**



JOHOR CORPORATION
Level 2, PERSADA JOHOR
Jalan Abdullah Ibrahim
80000 Johor Bahru
Johor, Malaysia.

Tel 607 219 2692
Faks 607 223 3175
Emel pdnjohor@jcorp.com.my

www.jcorp.com.my




VISI

MEMBINA DAN MEMBELA

MISI

- Perbadanan pelaburan negeri yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan negara melalui entiti bisnes yang dilaksanakan dengan efisien serta efektif dengan mengambil kira kepentingan masyarakat.
- Mengekalkan kedudukan sebagai entiti bisnes yang meneraju dan menguasai pasaran, berdaya saing, menjana keuntungan serta disegani.
- Berperanan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan bisnes yang mapan dan seterusnya menempa kejayaan untuk melunaskan obligasinya sebagai perbadanan pelaburan negeri.
- Menyumbang dan meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat melalui kejayaan bisnes serta pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat.





ISI KANDUNGAN

003 SEKSYEN 1: PENYATA KORPORAT

013 SEKSYEN 2: MENGENAI JOHOR CORPORATION

014 Profil Korporat

- Aktiviti Korporat
- Maklumat Korporat

018 Struktur Bisnes

019 Struktur Korporat

020 Lembaga Pengarah

- Ahli-ahli Lembaga Pengarah
- Profil Lembaga Pengarah

024 Jawatankuasa Pengurusan

- Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Pengarah
- Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah
- Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (TERAJU)
- Jawatankuasa Induk Perjawatan
- Jawatankuasa Pengawasan Pelaburan (JAWS)
- Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)

031 SEKSYEN 3: RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN

035 SEKSYEN 4: TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

045 SEKSYEN 5: PROSPEK

046 Laporan Ekonomi

048 Bahagian Bisnes

- Bahagian Bisnes Sawit
- Bahagian Prisihatin
- Bahagian Makanan dan Perkhidmatan Restoran Segera
- Bahagian Hartanah
- Bahagian Perkhidmatan Hartanah & Logistik
- Bahagian Hospitaliti

075 SEKSYEN 6: BISNES INTRAPRENEUR

089 SEKSYEN 7: TADBIR URUS KORPORAT

090 Penyata Tadbir Urus Korporat

094 Laporan Jawatankuasa Audit

096 Penyata Kawalan Dalaman

098 Penyata Pengurusan Risiko

101 SEKSYEN 8:

102 Pembangunan Modal Insan

104 Peristiwa-peristiwa Penting 2010


110 JCorp di Media

112 Anugerah dan Pengiktirafan

116 Sejarah Korporat

- Pertumbuhan
- Perkembangan
- Transformasi
- Perkembangan Strategik

123 SEKSYEN 9: LAPORAN KEWANGAN



“
JCorp raih untung RM **962** juta...
Pencapaian tertinggi dicatat kumpulan
sejak penubuhan 40 tahun lalu... ”

*Berita Harian
19 April 2011*

SEKSYEN 1

PENYATA KORPORAT





004

YAB DATO' HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN
Menteri Besar Johor
Pengerusi Johor Corporation

YBHG TUAN HAJI KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM
Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation

PENYATA KORPORAT

PENCAPAIAN TERBAIK

LATAR BELAKANG EKONOMI YANG BAIK DAN PENINGKATAN DALAM HARGA MINYAK SAWIT PADA TAHUN 2010 MEMBANTU MENDORONG JCORP MENCAPAI KEPUTUSAN KEWANGAN YANG TERBAIK SEMENJAK PENUBUHANNYA 40 TAHUN LALU. PENCAPAIAN TERBAIK ITU TURUT TERSERLAH APABILA KUMPULAN JCORP MENERIMA PELBAGAI PENGIKTIRAFAN DAN ANUGERAH PERINGKAT NASIONAL MAHUPUN ANTARABANGSA SEPANJANG TEMPOH ITU.

Pengiktirafan itu di antaranya ialah anugerah empat bintang bagi Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan daripada Jabatan Audit Negara, menerima anugerah *Malaysia Sustainability Reporting Award* (MaSRA), meraih dua anugerah Persatuan Institusi Pembiayaan Pembangunan di Asia & Pasifik (ADFIAP), menggondol anugerah *Asia Leading Women CEO of The Year* serta menerima dua anugerah *BrandLaureate* 2010-2011.

JCorp sebuah perbadanan pelaburan negeri dipacu pasaran, yang ditubuhkan di bawah Enakmen No. 4, Kerajaan Negeri Johor, 1968. Ia merupakan antara konglomerat perniagaan utama Malaysia yang mempunyai lebih daripada 280 buah syarikat dengan lebih 65,000 orang anggota pekerja. Lapan syarikatnya tersenarai di Bursa Malaysia dengan syarikat anak Kulim (Malaysia) Berhad iaitu New Britain Palm Oil Ltd tersenarai di Port Moresby Stock Exchange, Papua New Guinea serta London Stock Exchange.

JCorp merupakan entiti korporat, mempunyai pelaburan yang merangkumi pelbagai bisnes strategik seperti bisnes sawit, makanan dan perkhidmatan restoran segera, prisihatin (kesihatan pakar), hartanah, modal teroka dan logistik. Perolehan daripada bisnes syarikat-syarikat ini berjumlah RM7.5 bilion bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2010.

LAPORAN EKONOMI

Tahun 2010 telah menyaksikan tempoh pemulihan ekonomi global dengan peningkatan sebanyak 3.9%. Pemulihan kukuh yang dilihat melalui pertumbuhan pasaran tempatan berbeza apabila dibandingkan dengan pertumbuhan lemah di negara maju. Ini menandakan peralihan kuasa ekonomi dari Barat ke Timur dan Utara ke Selatan. Kerajaan, bank pusat dan penggubal dasar di serata dunia berusaha ke arah mencari cara untuk merangsang dan menyokong ekonomi domestik masing-masing.

Ekonomi Asia merekodkan beberapa prestasi baik dalam tahun 2010. Negara-negara Asia Tenggara mencatat pertumbuhan mendadak sepanjang tahun walaupun sedikit penurunan berlaku sekitar penghujung tahun. Ketika kebanyakan daripada negara-negara maju belum pulih sepenuhnya daripada krisis kewangan tahun 2008, kemunculan pasaran-pasaran baru terutama China dan India menunjukkan kadar perkembangan serta peningkatan permintaan yang tinggi.

Langkah-langkah efektif yang dilaksanakan oleh Malaysia dalam menguruskan krisis ekonomi telah berjaya merangsang negara ke arah kepesatan dan pemulihan ekonomi yang kekal. Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan 7.2% dalam tahun 2010, satu pemulihan mendadak daripada kemelesetan tahun 2009. Pada waktu yang sama, JCorp menyahut seruan kerajaan di dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) melalui bisnes sedia ada untuk menyediakan prasarana sektor minyak dan gas (O&G), bisnes sawit, prisihatin serta hospitaliti.

PEROLEHAN DARIPADA BISNES SYARIKAT- SYARIKAT KUMPULAN JCORP BERJUMLAH

RM 7.5 BILION
BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER
2010



PENYATA KORPORAT

SAMBUNGAN



006

PERISTIWA KORPORAT

Kamaruzzaman bin Abu Kassim dilantik sebagai Presiden & Ketua Eksekutif JCorp yang ketiga berkuatkuasa 1 Disember 2010. Jawatan tersebut sebelum ini disandang oleh Tan Sri Muhammad Ali Hashim untuk tempoh 28 tahun (1982 – 2010) dan Tan Sri Basir Ismail untuk tempoh 12 tahun (1970-1982). Berbekalkan pengalaman selama 18 tahun di JCorp, Kamaruzzaman terus mendukung nilai-nilai teras JCorp dan mengembangkan bisnes bagi meneruskan dan memastikan kelestarian Kumpulan JCorp untuk kekal di hadapan.

Barisan Lembaga Pengarah JCorp dengan ini merakamkan ucapan “Menjunjung Kasih” kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta’zim di atas perkenan pelantikan Presiden & Ketua Eksekutif ketiga JCorp, serta menyatakan komitmen ke arah mengukuhkan lagi kerjasama dengan pihak Istana, Kerajaan Negeri serta Kerajaan Persekutuan.

Sementara itu, Lembaga Pengarah JCorp mengalu-alukan pelantikan Dato’ Paduka Ismee bin Ismail dan YB Haji Obet bin Tawil, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor; sebagai Ahli Lembaga Pengarah berkuatkuasa masing-masing pada 1 November 2010 dan 11 Mac 2011.

TINJAUAN SEGMENT BISNES

Segmen bisnes Kumpulan diuruskan secara meluas di serata dunia dan beroperasi di lokasi strategik di Malaysia, terutamanya dalam operasi perladangan, makanan dan perkhidmatan restoran segera, prisihat, hartanah, modal teroka dan lain-lain pelaburan. Manakala bisnes di Papua New Guinea dan Kepulauan Solomon tertumpu kepada bisnes sawit dan pemprosesan hasil pertanian. Agihan pendapatan Kumpulan

mengikut geografi didominasi oleh Malaysia (75%), Eropah (13%), dan selebihnya di sekitar Asia, Papua New Guinea dan lain-lain negara. Bagi meneruskan kecemerlangan, pelbagai inisiatif telah diambil secara menyeluruh di peringkat Kumpulan JCorp demi mencapai kecemerlangan global. Justeru itu, setiap bahagian dan unit yang beroperasi dalam Kumpulan JCorp telah merencanak rancangan strategik untuk meningkatkan lagi pencapaian Kumpulan JCorp secara keseluruhannya.

MEMBINA DAN MEMBELA

Pertumbuhan jangka panjang JCorp selama 40 tahun didukung melalui penilaian dan pengukuhan dasar-dasar JCorp. Kejayaan JCorp melahirkan usahawan dan pengurus berkarisma telah merealisasikan prinsip “Membina dan Membela”.

Pada masa yang sama, individu berpotensi dalam bidang keusahawanan dikenalpasti dan dididik melalui program Didik BISTARI, Tunas BISTARI dan Siswa BISTARI. Dengan meletakkan pembangunan intrapreneur sebagai satu daripada peranan pembangunan utamanya, JCorp telah membantu dalam melahirkan lebih ramai usahawan menjadi komponen dalam Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) sekali gus menjadi tunjang memperkukuhkan sosio-ekonomi mereka.



TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Dalam sumbangan kepada komuniti, JCorp telah merealisasikan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dengan menyokong dan menubuhkan badan bukan kerajaan (NGO) selain menggerakkan pelbagai organisasi bisnes amal (OBA) serta pasukan sukarelawan sendiri. JCorp melaksanakan tanggungjawab ini tanpa prejudis, dibatasi sempadan atau mengira bangsa dan agama.

PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI

Kerajaan Malaysia mengumumkan satu rancangan transformasi ekonomi yang bertujuan mendorong negara ke arah menjadi satu negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah diumumkan pada bulan Januari 2010, diikuti oleh Model Ekonomi Baru (NEM) pada bulan Mac 2010 dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) pada bulan September 2010. ETP menyenaraikan 12 Bidang Keutamaan Ekonomi Negara (NKEA), sebagai pemacu penting kepada perubahan ekonomi di Malaysia bagi mempertingkatkan kedudukan daya saing negara.

Pada tahun 2010, penilaian teliti serta sokongan telah diberikan kepada rancangan ETP Kerajaan Malaysia. JCorp telah mengenalpasti bidang yang boleh disertainya. Dalam sektor O&G, penglibatan JCorp adalah melalui penyediaan prasarana termasuk membina Hab Penyimpanan Minyak di Pelabuhan Tanjung Langsat. Dalam bidang hartanah pula, beberapa kepentingan JCorp berada di dalam kawasan rancangan untuk pembangunan semula *Central Business District* (CBD) Johor Bahru. Manakala dalam industri bisnes sawit, JCorp akan mengusahakan jadual penanaman semula, program pertambahan hasil Buah Tandan Segar (BTS) dan peningkatan produktiviti Minyak Sawit Mentah (MSM) selain menyertai perladangan pisang dan nenas. Penyelidikan juga dijalankan dalam biogas dan biofuel. Melalui sektor pelancongan dan hospitaliti, JCorp akan menyertai usaha ke arah meningkatkan kadar kemasukan pelancong terutamanya ke Iskandar Malaysia serta tahap kualiti layanan yang ditawarkan melalui sektor hospitaliti dan kesihatan pakar JCorp.

TIGA PERANAN UTAMA JCORP

Peranan JCorp terbahagi kepada tiga bahagian utama: Pertama, JCorp ialah sebuah perbadanan pelaburan negeri yang didorong oleh prestasi, entiti bisnes yang kompetitif, peningkatan hasil pendapatan dan keuntungan serta pulangan pelaburan yang baik. Kedua, sejajar dengan enakmen penubuhannya, JCorp merupakan pemangkin untuk pembangunan ekonomi Malaysia, menggalakkan Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan Pelaburan Langsung Domestik (DDI) di Johor melalui bisnes baru termasuk projek-projek ETP. Di samping itu, JCorp berperanan di dalam mewujudkan satu persekitaran yang kondusif bagi memupuk keusahawanan, memperluaskan bisnes dan mengenalpasti pelaburan baru untuk tujuan pembangunan. Ketiga, JCorp menggabungkan bisnes dengan peranan khidmat sosial yang dilaksanakan melalui NGO, OBA serta pasukan sukarelawan JCorp dengan aktiviti mengumpul dana dan menghulurkan bantuan kepada pihak yang berhak menerima sumbangan CSR.

PRESTASI 2010

JCorp telah mencapai keputusan prestasi kewangan yang baik bagi tahun 2010. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, keuntungan sebelum cukai Kumpulan JCorp meningkat 37.4% kepada RM962 juta berbanding RM700 juta pada tahun sebelumnya. Ini merupakan pencapaian tertinggi dalam tempoh 40 tahun. Hasil jualan juga meningkat 6.1% kepada RM7.5 bilion dari RM7.1 bilion yang dicatat tahun sebelumnya.

PENYATA KORPORAT

SAMBUNGAN



008

KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI KUMPULAN JCORP MENINGKAT

37.4% KEPADA
RM962 JUTA



Peningkatan keuntungan Kumpulan adalah hasil daripada sumbangan prestasi cemerlang syarikat-syarikat di dalam Kumpulan itu di mana sumbangan terbesar diperolehi daripada Kumpulan Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim). Peningkatan harga MSM pada penghujung 2010 dan operasi yang semakin efisien telah membantu menyumbang keuntungan yang menggalakkan kepada sektor perladangan. Kulim memiliki ladang di Malaysia, Papua New Guinea dan Kepulauan Solomon. Prestasi QSR Brands Bhd (QSR) termasuk KFC Holdings (Malaysia) Bhd (KFC) juga telah menunjukkan peningkatan dan seterusnya menyumbang kepada keuntungan Kulim.

Di peringkat perbadanan, keuntungan sebelum cukai meningkat 18% kepada RM118 juta berbanding RM100 juta pada tahun sebelumnya manakala perolehan menurun 22.4% kepada RM388 juta berbanding RM500 juta pada tahun 2009. Penurunan ini disebabkan terdapat transaksi besar dalam tahun 2009 yang melibatkan pajakan tanah industri miliknya kepada sebuah syarikat yang berpangkalan di Eropah.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Lembaga Pengarah JCorp amat komited dalam memastikan taraf tertinggi tadbir urus korporat yang meliputi proses, budaya, polisi dan undang-undang yang mempengaruhi tatacara, pentadbiran dan pengawalan organisasi, dikekalkan di seluruh Kumpulan JCorp. Justeru, Lembaga Pengarah menilai dasar tadbir urus korporat secara berterusan bagi memastikan prinsip-prinsip dan amalan-amalan terbaik dalam tadbir urus korporat sebagaimana termaktub di dalam *Malaysian Code on Corporate Governance* digunapakai dan dipatuhi demi menjaga semua pihak yang berkepentingan. Mereka terdiri daripada Kerajaan Negeri, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah serta lain-lain termasuk anggota pekerja, para pembekal, para pelanggan, pihak bank dan institusi kewangan, penggubal dasar dan juga komuniti. Lembaga Pengarah telah melaksanakan sistem kawalan dalaman yang baik dan mengiktiraf tadbir urus korporat yang sentiasa menjalankan proses evolusi secara berterusan bagi menyokong operasi dan bisnes Kumpulan JCorp.

RANCANGAN PENSTRUKTURAN KORPORAT

Inisiatif awal telah diambil ke arah melaksanakan pembayaran serta pembiayaan semula pinjaman yang akan matang pada 2012. Komitmen dan keupayaan JCorp ini terkandung dalam Pelan Induk Penstrukturan Korporat (PIPK) 2002 yang dihasilkan melalui analisis menyeluruh bisnes dan industri JCorp. Ini termasuk penyusunan semula hutang serta kaedah bagi mengumpul dana dan menjana tunai yang lebih baik melalui pencairan aset yang bernilai tinggi dan bukan strategik sebagai persediaan membayar balik pinjaman menjelang 31 Julai 2012.

Usaha tersebut akan merangkumi penstrukturan Kumpulan JCorp secara menyeluruh, Kumpulan JCorp tetap akan memastikan ianya dilaksanakan dengan mengambil kira matlamat, arah tuju dan peranan penubuhan asal serta memelihara kepentingan semua yang terlibat. Lembaga Pengarah berkeyakinan bahawa JCorp mampu menyempurnakan keseluruhan obligasi PIPK 2002 itu menjelang tempoh ditetapkan.

Penstrukturan ini membolehkan JCorp membuat pulangan kepada Kerajaan Negeri secara terus berdasarkan keuntungan yang diperolehi dari bisnes Kumpulan.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

ADFIAP 2011

JCorp diberi pengiktirafan oleh Persatuan Institusi Pembiayaan Pembangunan di Asia & Pasifik (ADFIAP) terhadap projek pembangunan dan inisiatifnya dengan penganugerahan dua anugerah ADFIAP 2011 iaitu Laporan Tahunan Terbaik 2009 dan Pemenang bagi Kategori Tanggungjawab Sosial Korporat bagi dua aktiviti CSR yang merangkumi Briged Waqaf dan rangkaian Klinik & Hospital Waqaf An-Nur. Anugerah tahunan ADFIAP bertujuan mengiktiraf dan menghargai projek-projek inovatif yang membawa impak kepada pembangunan negara masing-masing.

JCORP MENDAPAT
PENGIKTIRAFAN ADFIAP
DENGAN MEMENANGI
2 ANUGERAH IAITU
LAPORAN TAHUNAN
TERBAIK 2009
DAN KATEGORI
TANGGUNGJAWAB SOSIAL
KORPORAT



MASRA 2010

Kulim (Malaysia) Berhad pula diberi pengiktirafan melalui *Malaysia Sustainability Reporting Award* (MaSRA) bagi tahun 2010 oleh Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA). Ini merupakan pengiktirafan buat kali kedua berturut-turut kepada Kulim selepas pertama kali mendapat anugerah serupa pada tahun 2009. Anugerah ini merupakan pengiktirafan kepada Kulim hasil daripada inisiatif awal menerapkan prinsip-prinsip dan kriteria di dalam Rundingan Meja Bulat mengenai Kemapanan Minyak Sawit (RSPO) secara berterusan.

PENYATA KORPORAT

SAMBUNGAN



010



BRANDLAUREATE 2010-2011

Produk-produk bermutu daripada bahagian Makanan dan Perkhidmatan Restoran Segera JCorp telah memenangi anugerah *BrandLaureate* 2010-2011. KFC, Pizza Hut dan Ayamas memenangi anugerah Jenama Terbaik Kategori Makanan & Minuman masing-masing bagi produk Ayam Goreng, Piza dan *Chicken Based Product*. Pemenang *The BrandLaureate Awards* dipilih berdasarkan pelbagai kriteria yang merangkumi penjenamaan dari aspek strategi, pembudayaan, integrasi komunikasi dan prestasi.

ASIA LEADING WOMEN CEO OF THE YEAR

Anugerah *Asia Leading Women CEO of the Year*, adalah antara pengiktirafan dalam siri anugerah *Women in Leadership Asia (WIL)*, telah diberikan kepada Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir, Pengarah Urusan KPJ Healthcare Berhad. WIL mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada pemimpin-pemimpin wanita Asia yang berpengaruh dengan pencapaian cemerlang mereka dan juga pengiktirafan kepada organisasi di atas inisiatif mempertingkatkan pembangunan dan pengiktirafan taraf wanita dalam masyarakat. Anugerah tersebut diberikan kepada CEO wanita terkemuka, tanpa mengira industri. Penilaian ini berdasarkan penglibatan aktif dalam industri, kerjaya cemerlang, bakat kepimpinan, pengurusan yang strategik serta sumbangan kepada organisasi dan dunia korporat.

INDEKS AKAUNTABILITI

JCorp diberi pengiktirafan buat kali ketiga berturut-turut apabila menerima anugerah tertinggi 4 bintang di dalam Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan daripada Jabatan Audit Negara. Indeks ini adalah penilaian terhadap pematuhan pengurusan kewangan yang ditetapkan oleh Jabatan Audit Negara. Ia bertujuan untuk meningkatkan tanggungjawab dan integriti pengurusan dana awam dalam semua jabatan dan agensi peringkat Negeri mahupun Persekutuan. Anugerah ini mengiktiraf usaha cemerlang Kumpulan JCorp dalam meningkatkan pengurusan, perkhidmatan dan produk-produk pelanggan terutama dalam bidang pengurusan kewangan.

Anugerah serta pengiktirafan yang telah diperolehi menjadi inspirasi dan galakan kepada pihak Lembaga Pengarah, pengurusan dan anggota pekerja JCorp untuk terus mempertingkatkan sistem bisnes dan pengurusan sumber kewangan dan aset secara berterusan ke arah membentuk JCorp menjadi satu organisasi yang cekap, menguntungkan dan antara konglomerat yang penting di negara ini.



SAMBUTAN 40 TAHUN JCORP

JCorp meraikan sambutan 40 tahun penubuhannya pada tahun 2010. Semenjak memulakan operasinya pada 1 Julai 1970 dengan pinjaman RM10 juta daripada Kerajaan Negeri Johor, JCorp berusaha gigih hingga menjadi sebuah perbadanan pelaburan negeri yang merangkumi pelbagai bisnes dan mempunyai 8 buah syarikat tersenarai dengan nilai pasaran melebihi RM16 bilion. Sempena sambutan 40 tahun penubuhannya, majlis bacaan Yaasin and Tahlil mingguan diadakan sebagai tanda kesyukuran. Majlis ini dilaksanakan melalui kerjasama erat dengan Pejabat Agama Negeri Johor dan telah menyaksikan penyertaan 80 buah masjid peringkat daerah di seluruh negeri.



011

PENGHARGAAN KHAS

Ucapan terima kasih kepada Presiden & Ketua Eksekutif JCorp kedua, Tan Sri Dato' Muhammad Ali Hashim di atas kepimpinan dinamik dan sumbangan yang berharga sehingga meletakkan JCorp pada kedudukan sekarang. Memegang jawatan Presiden & Ketua Eksekutif pada tahun 1982 selepas Tan Sri Basir Ismail, beliau telah memimpin JCorp selama 28 tahun dengan memaparkan kepimpinan, ketabahan, semangat bisnes serta keusahawanan yang tinggi.



JCorp juga merakamkan penghargaan kepada Tan Sri Dato' Abdullah bin Ayub, Tan Sri Dato' Abdul Rahman bin Mamat dan Dato' Haji Abd Latiff bin Yusof di atas sumbangan mereka ketika menjadi Ahli Lembaga Pengarah JCorp. Tan Sri Dato' Abdullah telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas JCorp selama hampir 39 tahun semenjak pelantikannya pada 25 April 1972 manakala Tan Sri Dato' Abdul Rahman bin Mamat dan Dato' Haji Abd Latiff bin Yusof telah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah masing-masing daripada 1 Oktober 2006 dan 19 Oktober 2006.



ANUGERAH SERTA PENGIKTIRAFAN YANG DIPEROLEHI MENJADI INSPIRASI DAN GALAKAN KEPADA LEMBAGA PENGARAH, PENGURUSAN DAN ANGGOTA PEKERJA JCORP UNTUK TERUS BERUSAHA MEMBENTUK JCORP MENJADI SATU ORGANISASI YANG CEKAP, MENGUNTUNGKAN DAN ANTARA KONGLOMERAT YANG PENTING DI NEGARA INI.

012



PENGHARGAAN

Lembaga Pengarah akan terus mengatur langkah strategik demi memaju dan memastikan Kumpulan JCorp mematuhi etika kerja serta amalan-amalan tadbir urus korporat yang terbaik. Dengan itu, pihak Lembaga Pengarah ingin menyatakan penghargaan kepada pengurusan dan anggota pekerja Jcorp di atas dedikasi, komitmen dan kesetiaan dalam menempuhi segala cabaran. Ketabahan dan kesetiaan yang ditunjukkan membolehkan Kumpulan JCorp menangani cabaran yang dihadapi, seterusnya bersedia menempuh cabaran dan merebut peluang-peluang baru pada tahun-tahun akan datang.

Penghargaan juga dirakamkan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan di atas kejayaan Kumpulan JCorp, iaitu Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Persekutuan, institusi kewangan, para penasihat kewangan, para pelanggan, rakan strategik dan institusi pelaburan serta semua pihak yang berkepentingan. Pengalaman lalu telah membuka landasan lebih kukuh untuk Kumpulan JCorp terus bergerak ke hadapan dan maju dalam bidang bisnes. Satu platform telah dibina untuk mendorong Kumpulan JCorp maju ke fasa pertumbuhan yang memberangsangkan dengan dipacu oleh wawasan dan hala tuju yang jelas ke arah masa depan lebih cemerlang.

DATO' HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN

Pengerusi
Johor Corporation

KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM

Presiden & Ketua Eksekutif
Johor Corporation

SEKSYEN 2

MENGENAI JOHOR CORPORATION

- 014** Profil Korporat
 - Aktiviti Korporat
 - Maklumat Korporat
- 018** Struktur Bisnes
- 019** Struktur Korporat
- 020** Lembaga Pengarah
 - Ahli-ahli Lembaga Pengarah
 - Profil Lembaga Pengarah
- 024** Jawatankuasa Pengurusan
 - Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Pengarah
 - Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah
 - Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (TERAJU)
 - Jawatankuasa Induk Perjawatan
 - Jawatankuasa Pengawasan Pelaburan (JAWS)
 - Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)

PROFIL KORPORAT

SETELAH 40 TAHUN DITUBUHKAN, JCORP SEBAGAI SEBUAH PERBADANAN PELABURAN NEGERI YANG DITUBUHKAN OLEH KERAJAAN NEGERI JOHOR TELAH MENDAPAT KEPERCAYAAN DAN KEYAKINAN SEPENUHNYA DARIPADA PEMEGANG-PEMEGANG KEPENTINGANNYA, KHASNYA DARIPADA KERAJAAN NEGERI JOHOR DAN KERAJAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA. SESUNGGUHNYA KEPERCAYAAN DAN KEYAKINAN INI SEWAJARNYA DITERIMA OLEH JCORP YANG TELAH MENCATAT REKOD BISNES DAN KORPORAT YANG CEMERLANG SELAMA BEBERAPA TAHUN YANG SEKALI GUS TELAH MENYUMBANG KEPADA PERTUMBUHAN DAN PEMBANGUNAN EKONOMI, UMUMNYA DI MALAYSIA DAN KHASNYA DI JOHOR.

014



Sesungguhnya JCorp adalah sebuah perbadanan pelaburan negeri yang memiliki rekod kejayaan yang membanggakan, bukan sahaja yang bermatlamatkan bisnes dan korporat semata-mata, malahan yang berobjektifkan perancangan sosio ekonomi yang strategik melalui kaedah pacuan pasaran (market driven) yang kreatif dan inovatif. JCorp juga telah berjaya membina reputasi yang cemerlang walaupun berhadapan dengan situasi, suasana dan cabaran yang ekstrem terutamanya semasa krisis kewangan dan ekonomi pada tahun 1997.

Sebagai salah sebuah badan korporat yang terbesar di Malaysia, Kumpulan JCorp terus mencatatkan pencapaian yang baik. Bagi tahun kewangan berakhir 2010, nilai perolehan Kumpulan JCorp berjumlah lebih RM7.5 bilion dan Keuntungan Sebelum Cukai Kumpulan sebanyak RM962 juta. Jumlah nilai pasaran modal bagi saham 8 buah syarikat dan sekutu dalam Kumpulan JCorp yang

tersenarai di Bursa Malaysia iaitu Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim), KPJ Healthcare Berhad (KPJ), Sindora Berhad (Sindora), Damansara Realty Berhad (DBhd), QSR Brands Bhd (QSR), KFC Holdings (Malaysia) Bhd (KFC), Al-'Aqar KPJ REITs (Al-'Aqar) dan New Britain Palm Oil Ltd (NBPOL), syarikat di bawah Kulim yang tersenarai di Bursa Saham Port Moresby pada akhir Disember 2010, bernilai melebihi RM16 bilion.

Matlamat utama JCorp sebagai perbadanan pelaburan negeri adalah untuk menjana kekayaan dan mewujudkan nilai yang berkekalan melalui usaha-usaha keusahawanan, bisnes dan aktiviti korporatnya. Perkembangan dan kejayaan Kumpulan JCorp sehingga kini adalah sebagai bukti hasil daripada kepimpinan keusahawanan dan kebijaksanaan bisnes oleh lebih daripada 65,000 eksekutif dan anggota pekerja di dalam Kumpulan termasuklah sejumlah golongan pakar di dalam bidang masing-masing.

AKTIVITI KORPORAT

Dengan kekuatan dan daya usaha lebih daripada 280 syarikat anak di dalam Kumpulannya, JCorp kini berdiri sebaris dengan syarikat-syarikat konglomerat besar negara dengan bisnes utamanya merangkumi Bisnes Sawit, Khidmat Perubatan Pakar, Makanan dan Perkhidmatan Restoran Segera, Pembangunan & Pelaburan Hartanah Komersial & Hospitaliti, Perkhidmatan Hartanah & Logistik dan Bisnes Intrapreneur.

JCorp kini adalah merupakan peneraju pasaran dalam negara bagi beberapa bisnes utamanya, seperti Khidmat Perubatan Pakar dan Perkhidmatan Restoran Segera. Kehadiran JCorp juga dirasai di peringkat serantau dan mampu memberikan impak khususnya dalam segmen bisnes sawit serta sektor bisnes lain, dengan operasi dan kepentingan bisnesnya bukan sahaja di Malaysia malahan merentasi sempadan antarabangsa iaitu termasuk di Papua New Guinea, Singapura, Brunei, Filipina, Kepulauan Solomon, Kemboja dan India.

Menerusi Kulim, JCorp antara peneraju sektor perladangan dengan 79,987 hektar di Papua New Guinea, 7,577 hektar di Kepulauan Solomon dan 37,450 hektar di Semenanjung Malaysia.

Pada masa kini, keseluruhan Kumpulan bukan hanya terlibat di dalam pemprosesan ternakan, peruncitan, khidmat kontrak perladangan dan bisnes-bisnes sokongan seperti operasi makanan ternakan, ladang pembiakan ternakan, penetasan dan pengeluaran sos. Menerusi sektor Makanan dan Perkhidmatan Restoran Segera yang diterajui QSR dan KFC telah menunjukkan prestasi yang baik dan menyumbangkan kepada keuntungan Kulim. Sehingga kini syarikat memiliki francais KFC untuk Malaysia, Singapura, Brunei, Kemboja dan India. Sebanyak 515 outlet telah beroperasi di Malaysia, 9 di Brunei, 77 di Singapura, 10 di Kemboja dan 7 di India.

Sementara itu, KPJ yang terlibat dalam bisnes khidmat rawatan dan perubatan pakar, kini memiliki dan menguruskan 20 hospital pakar swasta di seluruh Malaysia dan 2 buah hospital di Indonesia. KPJ juga memiliki dan menguruskan *KPJ International College of Nursing and Health Sciences* (KPJIC) dengan misinya 'Melahirkan Jururawat untuk Dunia'. Selain mempunyai kampus induk yang mengagumkan di Kota Seriemas Nilai, Negeri Sembilan, KPJIC juga meluaskan khidmat latihannya di selatan tanah air melalui kampus cawangan di Metropolis Tower Johor Bahru.

Pelabuhan Tanjung Langsat terletak di dalam kawasan Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat yang mempunyai keluasan 1,619 hektar, telah diwujudkan dengan tujuan menyediakan perkhidmatan pelabuhan kepada syarikat-syarikat di dalam Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat. Pelabuhan ini bakal menjadi Hab Penyimpanan Minyak di dalam sektor O&G.



MAKLUMAT KORPORAT

PEJABAT BERDAFTAR

Level 2, PERSADA JOHOR
Jalan Abdullah Ibrahim
80000 Johor Bahru
Johor, Malaysia
Telefon : 607-219 2692
Faksimili : 607-223 3175
ISO Faksimili : 607-224 2692
E-mel : pdnjohor@jcorp.com.my

JURUAUDIT

Ernst & Young
Suite 11.2
Level 11
Menara Pelangi
80400 Johor Bahru
Johor
Malaysia

CAWANGAN KUALA LUMPUR

Level 11
Menara JCorp
No 249 Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Telefon : 03-2787 2692
Faks : 03-2787 2700

BANK UTAMA

Malayan Banking Berhad
Lot M1-22
106-108 City Square
Jalan Wong Ah Fook
80000 Johor Bahru
Johor, Malaysia

LAMAN WEB


www.jcorp.com.my





STRUKTUR BISNES

018




Peratus Pegangan*



Peratus Pegangan Langsung JCorp*

* pada 31 Disember 2010

STRUKTUR KORPORAT



LEMBAGA PENGARAH

020



YAB DATO' HAJI ABDUL GHANI
BIN OTHMAN
Menteri Besar Johor
Pengerusi Johor Corporation



YBHG TUAN HAJI KAMARUZZAMAN
BIN ABU KASSIM
Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation



YB DATUK HAJI AHMAD ZAHRI
BIN JAMIL
Pengerusi Jawatankuasa Perumahan,
Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan
Kemudahan Awam Negeri Johor



YB TUAN HAJI OBET BIN TAWIL
Setiausaha Kerajaan Negeri Johor



YB DATUK ABDUL RAHMAN PUTRA
BIN DATO' HAJI TAHA
Penasihat Undang-Undang Negeri Johor



**YB DATIN PADUKA ZAINON
 BINTI HAJI YUSOF**
 Pegawai Kewangan Negeri Johor



**YBHG DATUK DR. RAHAMAT BIVI
 BINTI YUSOFF**
 Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan
 (Sistem dan Kawalan)
 Kementerian Kewangan



YBHG DATO' SRI DR. ALI BIN HAMSA
 Ketua Pengarah, Unit Kerjasama Awam Swasta,
 Jabatan Perdana Menteri



YBHG DATUK DR. HARIS BIN SALLEH
 Ketua Pegawai Eksekutif
 Pembangunan Bio-Teknologi
 Teknologi dan Bio-Diversiti Negeri Johor



**YBHG DATO' PADUKA ISMEE
 BIN ISMAIL**
 Ketua Pegawai Eksekutif
 Lembaga Tabung Haji



**ENCIK MOHAMED IZAHAM
 BIN ABDUL RANI**
 Setiausaha Johor Corporation

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

YAB DATO' HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN

Pengerusi Johor Corporation

Berumur 65 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah JCorp atas jawatan mulai 3 Mei 1995. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari *La Trobe University of Australia*, Ijazah Sarjana Politik Ekonomi dari *University of Australia* dan Ijazah Sarjana Politik Ekonomi dari *University of Queensland*. Beliau kini merupakan Menteri Besar Johor.

YBHG TUAN HAJI KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 47 tahun. Beliau dilantik sebagai Presiden & Ketua Eksekutif dan Pengarah JCorp mulai 1 Disember 2010. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) daripada Universiti Wollongong, New South Wales, Australia pada 1987. Sebelum ini, beliau telah menjalankan tugas selaku Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua Pegawai Operasi JCorp mulai 1 Ogos 2006 sebelum dilantik selaku Naib Presiden Kanan, Kewangan dan Khidmat Korporat pada 1 Januari 2009 dan sebagai Pemangku Presiden dan Ketua Eksekutif mulai 29 Julai 2010.

YB DATUK HAJI AHMAD ZAHRI BIN JAMIL

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 62 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas JCorp mulai 9 September 2009. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya. Beliau kini merupakan Pengerusi, Jawatankuasa Perumahan Kerajaan Tempatan, Kerja Raya Dan Kemudahan Awam Negeri Johor.

YB TUAN HAJI OBET BIN TAWIL

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 57 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah JCorp atas jawatan mulai 14 Mac 2011. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau kini merupakan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor.

YB DATUK ABDUL RAHMAN PUTRA BIN DATO' HAJI TAHA

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 53 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah JCorp atas jawatan mulai 15 Ogos 2006. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari *Canterbury University*, New Zealand pada tahun 1984. Beliau kini merupakan Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.

YB DATIN PADUKA ZAINON BINTI HAJI YUSOF

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 58 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah JCorp atas jawatan mulai 11 Januari 2006. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya. Beliau kini merupakan Pegawai Kewangan Negeri Johor.

YBHG DATO' SRI DR ALI BIN HAMSA

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 56 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah JCorp bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 1 November 2009. Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran dari *Oklahoma State University* pada tahun 1997, Ijazah Sarjana Ekonomi dari *Oklahoma State University* pada tahun 1986, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari *Universiti Malaya* pada tahun 1979 dan Diploma Pengurusan Awam dari *Institut Tadbiran Awam Negara* pada tahun 1980. Beliau kini merupakan Ketua Pengarah, Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri.

YBHG DATUK DR RAHAMAT BIVI BINTI YUSOFF

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 54 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah JCorp bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 1 Februari 2009. Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran dari *Australia National University*, Ijazah Sarjana Ekonomi dari *Western Michigan USA*, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sains Kemanusiaan (Ekonomi) dari *Universiti Sains Malaysia* dan Diploma Pentadbiran Awam dari *Institut Tadbiran Awam Negara*. Beliau kini merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Sistem Dan Kawalan), Kementerian Kewangan.

YBHG DATUK DR HARIS BIN SALLEH

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 63 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas JCorp mulai 1 Julai 1997. Beliau berkelulusan dalam bidang perubatan (MBBS) dari *Universiti Malaya* pada tahun 1975 dan *Royal College Of Obstetricians & Gynaecologists* (London) pada tahun 1982. Beliau kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Bio-Teknologi, Teknologi Dan Bio-Diversiti Negeri Johor.

YBHG DATO' PADUKA ISMEE BIN ISMAIL

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 46 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas JCorp mulai 1 November 2010. Beliau adalah ahli felo *Chartered Institute of Management Accountants*, *United Kingdom (CIMA)* dan ahli *Institut Akauntan Malaysia (MIA)*. Beliau kini merupakan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji.

ENCIK MOHAMED IZAHAM BIN ABDUL RANI

Setiausaha Johor Corporation

Berumur 44 tahun. Beliau dilantik sebagai Setiausaha JCorp mulai 1 April 2011. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) dari *Australian National University*, Canberra. Beliau merupakan Akauntan Bertauliah dari *Malaysian Institute of Accountants*. Beliau juga merupakan ahli *Certified Practising Accountants* dari *Australian CPA*. Beliau kini merupakan Pengurus Besar, Pejabat Korporat, JCorp.

JAWATANKUASA PELABURAN LEMBAGA PENGARAH



024

JAWATANKUASA PELABURAN LEMBAGA PENGARAH

PENGERUSI

1. DATO' HAJI ABDUL GHANI
BIN OTHMAN
Menteri Besar Johor
Pengerusi Johor Corporation

AHLI-AHLI

2. DATUK HAJI AHMAD ZAHRI
BIN JAMIL
Pengerusi Jawatankuasa Perumahan,
Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan
Kemudahan Awam Negeri Johor
3. DATUK ABDUL RAHMAN PUTRA BIN
DATO' HAJI TAHA
Penasihat Undang-Undang Negeri Johor
4. DATIN PADUKA ZAINON
BINTI HAJI YUSOF
Pegawai Kewangan Negeri Johor
5. DATUK DR. HARIS BIN SALLEH
Ketua Pegawai Eksekutif
Pembangunan Bio-Teknologi
Teknologi dan Bio-Diversiti Negeri Johor

SETIAUSAHA

6. MOHAMED IZAHAM
BIN ABDUL RANI
Setiausaha Johor Corporation

JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH



025

JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH

PENGERUSI

1. DATUK DR HARIS BIN SALLEH
Pengarah Bebas

AHLI-AHLI

2. TAN SRI DATUK DR HADENAN
BIN A. JALIL
Ahli Bebas
3. ZAINAH BINTI MUSTAFA
Ahli Bebas

SETIAUSAHA

4. ABD RAZAK BIN HARON
Naib Presiden Eksekutif (Pematuhan)

JAWATANKUASA PENGURUSAN



026

JAWATANKUASA PENGURUSAN TERTINGGI KUMPULAN (TERAJU)

PENGERUSI

1. KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM
Presiden & Ketua Eksekutif
Johor Corporation

AHLI-AHLI

2. AHAMAD BIN MOHAMAD
Ketua Eksekutif
Bahagian Bisnes Sawit
Johor Corporation
Pegarah Urusan
Kulim (Malaysia) Berhad
3. DATIN PADUKA SITI SA'DIAH BINTI SHEIKH BAKIR
Ketua Eksekutif
Bahagian Prishatin
Johor Corporation
Pegarah Urusan
KPJ Healthcare Berhad
4. ZULKIFLI BIN IBRAHIM
Naib Presiden Kanan (Kewangan & Operasi)
Johor Corporation
5. ROZAN BIN MOHD SA'AT
Ketua Eksekutif
Bahagian Bisnes Hospitaliti
Johor Corporation
Pegarah Urusan
Sindora Berhad
6. LUKMAN BIN ABU BAKAR
Ketua Eksekutif
Bahagian Hartanah
Johor Corporation
Pegarah Urusan
Johor Land Berhad

7. ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN
Naib Presiden Eksekutif (Pembangunan Bisnes)
Johor Corporation
Pegarah Eksekutif Dan Ketua Eksekutif
Tanjung Langsat Port Sdn Bhd
8. ABD RAZAK BIN HARON
Naib Presiden Eksekutif (Pematuhan)
Johor Corporation
Pegarah
JCIA Services Sdn Bhd
9. SYED ALI BIN SYED AHMAD
Penasihat Modal Insan Kumpulan
Johor Corporation

SETIAUSAHA BERSAMA

10. MOHAMED IZAHAM BIN ABDUL RANI
Pegurus Besar
Pejabat Korporat
Johor Corporation
11. JAMALLUDIN BIN KALAM
Pegawai Khas Kepada
Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation
Pemangku Timbalan Pegurus Besar
Pejabat Korporat
Johor Corporation

JAWATANKUASA PENGURUSAN



027

JAWATANKUASA INDUK PERJAWATAN

PENGERUSI

1. SYED ALI BIN SYED AHMAD
Penasihat Modal Insan Kumpulan
Johor Corporation

AHLI-AHLI

2. IBRAHIM BIN ABDUL SAMAD
Pengurus Besar Kanan
TPM Technopark Sdn Bhd
3. RAMLAN BIN JUKI
Pengurus Besar Kanan
Sindora Berhad
4. ZULMAN BIN SHARIFF
Ahli Lembaga Pengarah JIMB
5. SHARIFAH MUSAINAH BINTI SYED ALWI
Pengurus Besar
Jabatan Sumber Manusia
QSR Brands Bhd /KFC Holdings (Malaysia) Bhd
6. DATIN FAUZIAH SABARIAH BINTI JAMALUDDIN
Pengurus Besar
Jabatan Sumber Manusia
KPJ Healthcare Berhad

7. MOKTAR BIN M. SALLEH
Pengarah Korporat, Sumber Manusia
Bahagian Bisnes Hospitaliti
Hotel Puteri Pacific
 8. IDHAM JIHADI BIN ABU BAKAR
Timbalan Pengurus Besar
Pro Corporate Management Services Sdn Bhd
 9. ABDUL SHUKOR BIN ABDULLAH
Pengurus Kanan
Jabatan Bisnes Intrapreneur
Johor Corporation
 10. FADZILAH BINTI MOHD OTHMAN
Pengurus Kanan
Jabatan Sumber Manusia & Pentadbiran
Johor Land Berhad
 11. ROSLAN BIN YAAKUB
Pengurus Kanan
Bahagian Perkhidmatan Am
Kulim (Malaysia) Berhad
- #### SETIAUSAHA
12. SUHANA BINTI SHUIB
Timbalan Pengurus Besar
Jabatan Pembangunan Tenaga Insan & Pentadbiran
Johor Corporation

JAWATANKUASA PENGURUSAN



028

JAWATANKUASA EKSEKUTIF (EXCO)

PENGERUSI

1. ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN
Naib Presiden Eksekutif (Pembangunan Bisnes)
Johor Corporation
Pengarah Eksekutif Dan Ketua Eksekutif
Tanjung Langsat Port Sdn Bhd

TIMBALAN PENERUSI

2. AZLI BIN MOHAMED
Pengurus Besar
Jabatan Kewangan
Johor Corporation

AHLI-AHLI

3. AZIZAH BINTI AHMAD
Pengurus Besar
Waqaf An-Nur Corporation Berhad
4. MD SHAHRODIN BIN MD YUNOS
Pengurus Besar
Jabatan Khidmat Hartanah
Johor Corporation
5. SHAHRUNI BIN HAJI ASLAM
Timbalan Pengurus Besar
Jabatan Bisnes Amal
Johor Corporation

6. SUHANA BINTI SHUIB
Timbalan Pengurus Besar
Jabatan Pembangunan Tenaga Insan & Pentadbiran
Johor Corporation
7. NORISHAH BINTI MOHD SETH
Timbalan Pengurus Besar
Jabatan Komunikasi Korporat
Johor Corporation
8. WAN SU BINTI ALI
Pemangku Timbalan Pengurus Besar
Jabatan Undang-Undang
Johor Corporation
9. IDHAM JIHADI BIN ABU BAKAR
Pemangku Timbalan Pengurus Besar
Pro Corporate Management Services Sdn Bhd

SETIAUSAHA

10. RASHIDAH BINTI MD DAUD
Eksekutif
Pejabat Korporat
Johor Corporation

JAWATANKUASA PENGURUSAN



029

JAWATANKUASA PENGAWASAN PELABURAN (JAWS)

PENGERUSI

1. RAMLAN BIN JUKI
Pengurus Besar Kanan
Sindora Berhad

AHLI-AHLI

2. AHAMAD BIN MOHAMAD
Ketua Eksekutif
Bahagian Bisnes Sawit
Johor Corporation
Pengarah Urusan
Kulim (Malaysia) Berhad
3. ROZAN BIN MOHD SA'AT
Ketua Eksekutif
Bahagian Bisnes Hospitaliti
Johor Corporation
Pengarah Urusan
Sindora Berhad
4. ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN
Naib Presiden Eksekutif (Pembangunan Bisnes)
Johor Corporation
Pengarah Eksekutif Dan Ketua Eksekutif
Tanjung Langsung Port Sdn Bhd
5. ABDUL MALEK BIN TALIB
Timbalan Ketua Eksekutif
Bahagian Pembangunan Hartanah
Johor Corporation
Pengarah Eksekutif
Johor Land Berhad

6. HALMI BIN JASMIN
Pengarah Urusan Kumpulan
Metro Parking (M) Sdn Bhd
7. MD SHAHRODIN BIN MD YUNOS
Pengurus Besar
Jabatan Khidmat Hartanah
Johor Corporation
8. AZLI BIN MOHAMED
Pengurus Besar
Jabatan Kewangan
Johor Corporation
9. IDHAM JIHADI BIN ABU BAKAR
Pemangku Timbalan Pengurus Besar
Pro Corporate Management Services Sdn Bhd

SETIAUSAHA

10. MAZENAH BINTI HAJI ABU BAKAR
Eksekutif
Pejabat Korporat
Johor Corporation




SEKSYEN 3

RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN




RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN 2004-2010

PEROLEHAN (KUMPULAN) (RM Juta)




PEROLEHAN (JCORP) (RM Juta)




032


KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (KUMPULAN) (RM Juta)




KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (JCORP) (RM Juta)



JUMLAH ASET (KUMPULAN) (RM Juta)



JUMLAH ASET (JCORP) (RM Juta)



RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN 2004-2010


(RM Juta)

	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
KUMPULAN							
PEROLEHAN	2,543	2,672	3,457	4,748	6,282	7,089	7,524
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	205	145	348	518	660	700	962
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI	80	61	262	478	464	446	834
JUMLAH ASET	8,299	8,754	10,264	11,330	12,273	13,798	14,384
JUMLAH LIABILITI	6,102	6,901	7,514	7,604	8,326	9,056	9,349
JUMLAH EKUITI	2,197	1,853	2,750	3,726	3,947	4,742	5,035
JCORP							
PEROLEHAN	306	432	609	492	427	500	388
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	254	133	121	126	82	100	118
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI	246	124	115	126	77	99	119
JUMLAH ASET	4,093	4,233	4,680	4,796	4,934	4,896	5,173
JUMLAH LIABILITI	4,040	4,058	4,251	4,241	4,302	4,165	4,303
JUMLAH EKUITI	53	175	429	555	632	731	870

033

JUMLAH LIABILITI (KUMPULAN)

(RM Juta)





SEKSYEN 4

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



ONEMindAdvertising Sdn Bhd (619801-T)

Approved by :

Company Stamp and Sign

Date: 13 June 2011

Time :

We would appreciate if you kindly check overall to ensure no mistakes / errors prior to print. We shall not be liable / responsible for any cost arising thereon after approved.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

JCORP MERUPAKAN SEBUAH PERBADANAN PELABURAN NEGERI YANG SENTIASA BERUSAHA MEMENUHI HASRAT UNTUK MENJADI ENTITI KORPORAT YANG MENERAJUI KEMAKMURAN DAN MELETAKKAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL SEBAGAI SALAH SATU AGENDA UTAMANYA. BERLANDASKAN PRINSIP “MEMBINA DAN MEMBELA”, JCORP PERCAYA KEJAYAAN KORPORAT DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL BERGANTUNG ANTARA SATU SAMA LAIN DAN DAPAT DILAKSANAKAN MENERUSI PENDEKATAN YANG SELARAS DENGAN PRINSIP SYARIAH ISLAM SERTA NILAI-NILAI SEJAGAT.

036



Di JCorp, persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan yang tidak berorientasikan keuntungan dikenali sebagai Organisasi Bisnes Amal (OBA). OBA berperanan sebagai satu saluran untuk JCorp menyumbang ke arah pembangunan ummah dari berbagai aspek kebajikan, kesihatan dan riadah serta keusahawanan.

Di dalam tahun 2010 sebanyak 26 buah OBA yang bernaung di bawah Jabatan Bisnes Amal JCorp. OBA ini dimasukkan di dalam beberapa kategori iaitu Pembangunan Sosial & Kebajikan Awam, Pembangunan Usahawan, Sukan & Rekreasi serta Kebajikan Anggota Pekerja.

PEMBANGUNAN SOSIAL DAN KEBAJIKAN AWAM

RANGKAIAN MASJID AN-NUR JOHOR CORPORATION

Sehingga kini sebanyak 7 buah masjid termasuk sebuah masjid di Pulau Sibu diuruskan oleh JCorp menerusi Waqaf An-Nur Corporation Bhd. Khidmat yang diberikan oleh masjid bukan sahaja sebagai tempat beribadat tetapi juga sebagai gedung ilmu serta menjadi tempat rujuk kepada anggota masyarakat yang memerlukan. Jumlah kariah rangkaian Masjid An-Nur Johor Corporation kini dianggarkan lebih 15,000 orang.

HOSPITAL WAQAF AN-NUR DAN KLINIK WAQAF AN-NUR

Pada tahun 2010 JCorp masih lagi mengekalkan jumlah sebuah Hospital Waqaf An-Nur (HWAN) dan 12 rangkaian Klinik Waqaf An-Nur (KWAN). Sebanyak 660,907 rawatan telah diberikan kepada pesakit di HWAN dan rangkaian KWAN. Daripada jumlah tersebut 40,357 atau 6% rawatan telah diberikan kepada pesakit bukan Islam. Manakala pesakit buah pinggang di HWAN dan 4 buah rangkaian KWAN adalah seramai 120 orang.

Matlamat utama penubuhan Klinik Waqaf dan Hospital tersebut adalah untuk memberi kemudahan kesihatan dan dialisis kepada pesakit yang kurang berkemampuan.

HWAN dan rangkaian KWAN bukan hanya menyediakan rawatan kesihatan pada caj nominal sebanyak RM5 termasuk ubat-ubatan, malahan menawarkan rawatan dialisis dengan harga subsidi kepada pesakit yang memerlukan. Pesakit juga menerima bantuan daripada Baitul Mal, PERKESO dan pelbagai agensi kebajikan yang lain yang membolehkan mereka menerima rawatan secara percuma.

660,907
RAWATAN TELAH
DIBERIKAN KEPADA
PESAKIT DI HOSPITAL
DAN RANGKAIAN KLINIK
WAQAF AN-NUR



TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

SAMBUNGAN



RM**461,424**
TELAH DISUMBANGKAN
DARIPADA TABUNG
TIJARAH PADA TAHUN
2010



038

BRIGED WAQAF

Berpegang kepada visi untuk menjadi organisasi sukarelawan Islam terunggul dalam pengurusan bencana di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, pada tahun 2009, Briged Waqaf telah membuktikan kewujudannya dengan mendapat pengiktirafan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Pasukan Briged Waqaf telah menyumbang khidmat bakti semasa bencana banjir berlaku di Utara Semenanjung Malaysia. Briged Waqaf telah menghantar 12 orang anggota Pasukan Elit dengan bekalan makanan dan perubatan selama seminggu pada 8 hingga 15 November 2010. Alor Star, Kota Star, Kubang Pasu, Jitra dan Kepala Batas adalah kawasan tumpuan bantuan akibat terjejas teruk dan menyumbang sebahagian besar daripada 38,000 mangsa banjir di Kedah. Briged Waqaf menumpukan bantuan kemanusiaan kepada seramai 310 orang mangsa banjir terdiri daripada anggota pekerja daripada syarikat-syarikat anak di dalam Kumpulan iaitu Hospital Pakar Kedah (KMC) KFC Holdings (Malaysia) Bhd dan QSR Brands Bhd. Jumlah bantuan yang disumbangkan adalah sebanyak RM160,000.00.

AT-TIJARAH DAN TIJARAH RAMADAN

Di dalam usaha untuk menghasilkan pemikiran bisnes yang dinamik di samping menerapkan kekuatan budaya bisnes yang luas kepada masyarakat, JCorp dengan kerjasama Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) telah meneruskan program At-Tijarah sebanyak 13 episod untuk musim ke 6. Konsep yang ditampilkan pada tahun 2010 memaparkan kisah-kisah usahawan Islam Malaysia yang telah berjaya di luar negara.

Program Tijarah Ramadan juga memberi peluang kepada syarikat-syarikat samada dalam Kumpulan JCorp mahupun syarikat luar dan agensi-agensi kerajaan untuk memaparkan aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan yang dilaksanakan menerusi media televisyen. Ini adalah kerana di samping kejayaan bisnes dan keuntungan yang dikecapi oleh organisasi, adalah menjadi tanggungjawab dan amanah oleh mereka untuk membantu rakyat Malaysia yang memerlukan. Tahun 2010, turut menyaksikan penglibatan syarikat-syarikat luar menyertai episod di dalam Tijarah Ramadan di samping syarikat di dalam Kumpulan JCorp.

TABUNG TIJARAH RAMADHAN - YAYASAN JOHOR CORPORATION

Semenjak dilancarkan pada tahun 2005 sehingga Disember 2010, sejumlah RM1,792,906 telah dapat dikumpulkan menerusi Tabung Tijarah Ramadhan hasil sumbangan daripada badan-badan korporat dan awam melalui SMS, deposit tunai dan cek dari seluruh Malaysia termasuk Singapura dan Brunei.

Daripada jumlah tersebut, Tabung Tijarah Ramadhan telah menyalurkan sebanyak RM1,471,622 kepada golongan-golongan yang memerlukan dari seluruh negara. Bagi tempoh Januari hingga Disember 2010 sebanyak RM461,424 telah disumbangkan kepada mereka yang memerlukan.

Seramai hampir 4,600 orang termasuk badan-badan yang memerlukan telah mendapat manfaat daripada Tabung Tijarah Ramadhan tanpa mengira kaum dan agama.

RUMAH KEBAJIKAN ANAK YATIM DARUL HANAN

Sejak ditubuhkan, Darul Hanan telah memberi manfaat kepada 304 orang anak-anak yang memerlukan bantuan. Darul Hanan memberi penekanan ke arah ilmu pengetahuan dan mementingkan sahsiah diri anak-anak untuk memastikan bahawa mereka mencapai taraf pelajaran yang tinggi dan sahsiah yang terpuji agar dapat mengubah arah kehidupan yang lebih sempurna pada masa depan.

Bagi tahun 2010, seramai 28 orang penghuni lelaki dan 36 orang perempuan di bawah jagaan Darul Hanan. Sementara itu, 4 orang anak lelaki dan 3 orang anak perempuan sedang menuntut di menara gading.

4,600 ORANG
TERMASUK BADAN-BADAN
YANG MEMERLUKAN MENDAPAT
MANFAAT DARIPADA TABUNG
TIJARAH RAMADHAN



PEMENTASAN TEATER IMAM AL-BUKHARI

JCorp turut meneroka dimensi baru apabila berjaya mengenengahkan teater sebagai salah satu cabang CSR. Pementasan ini dibawa dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Johor.

Pementasan Teater Imam Al-Bukhari dianjurkan bertujuan untuk menimbulkan semangat di kalangan masyarakat Islam, agar menyedari dan peka mengenai perit-jerih dan perjuangan tokoh-tokoh Islam di dalam mempertahankan agama Islam dari tahun ke tahun hinggalah lebih seribu lima ratus tahun. Imam Al-Bukhari adalah salah seorang tokoh sejarah Islam dan merupakan perawi hadis yang sahih. Beliau telah banyak berjasa memelihara dan mempertahankan hadis yang menjadi sumber rujukan umat Islam sehingga kini. Pementasan ini juga bertujuan untuk mengetengahkan teater sebagai satu cabang dakwah sekaligus memberi ilmu kepada masyarakat melalui pementasan.



TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

SAMBUNGAN

PEMBANGUNAN USAHAWAN

PROGRAM-PROGRAM BISTARI

Program Tunas BISTARI telah dilancarkan oleh Bistari Johor Berhad (BISTARI) dengan objektif untuk memupuk semangat keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar bermula di peringkat sekolah rendah hingga universiti. Program ini dinamakan sebagai Didik BISTARI, Tunas BISTARI dan Siswa BISTARI.

CATUR BISTARI pula merupakan aktiviti papan permainan berunsurkan bisnes berteraskan Islam yang memperkenalkan satu konsep pembelajaran santai yang dapat memberi kesan kepada tahap pemahaman dan pengukuhan dalam usaha menimba ilmu. CATUR BISTARI telah dicipta dengan matlamat untuk mencetuskan minat dan kesedaran kepada pemain tentang pentingnya aspek keusahawanan dan pengurusan kewangan berjaya. Di samping berhibur, permainan ini membentuk kecenderungan berbisnes dan akhirnya meneroka bisnes sebagai kerjaya, beramal serta berjihad.

Bistari Young Entrepreneur Sdn Bhd begitu giat memperkenalkan CATUR BISTARI kepada orang ramai terutamanya masyarakat umum melalui penganjuran pertandingan di peringkat sekolah rendah, menengah dan terbuka.

KELAB BISTARI

Melalui Kelab BISTARI, JCorp telah dapat menggabungkan seramai 2,659 orang ahli usahawan individu dan korporat dalam mempertingkatkan peluang kerjasama di antara usahawan Bumiputera. Di antara aktiviti kelab adalah sesi perbincangan, sesi ulasan buku, sesi perkongsian pengalaman, seminar pengurusan dan lawatan perdagangan.

040



JCORP TELAH DAPAT
MENGGABUNGKAN SERAMAI

2,659 ORANG AHLI USAHAWAN,
INDIVIDU DAN KORPORAT DALAM
MEMPERTINGKATKAN PELUANG
KERJASAMA DI ANTARA USAHAWAN
BUMIPUTERA



SUKAN & REKREASI

PERSATUAN MENEMBAK CLAY TARGET JOHOR

Persatuan telah berjaya menganjurkan dua pertandingan besar iaitu Pertandingan Menembak Iskandar 2010 pada 22 hingga 25 April 2010 dan Pertandingan Menembak Australasia pada 21 hingga 25 Oktober 2010.

Pertandingan Menembak *IPSC Level IV Australasia 2010* telah diadakan di Lapang Sasar Persatuan Menembak Clay Target Johor (JCTSA) di Ladang REM, Kota Tinggi. Lebih 500 penembak tempatan dan luar negara menyertai pertandingan kali ini. Peserta dari 26 buah negara antaranya Australia, Jerman, Perancis, Jepun, Rusia, Amerika Syarikat, Malaysia dan Jepun telah bersaing sepanjang lima hari pertandingan.

Pertandingan ini membuktikan keupayaan Malaysia sebagai tuan rumah dalam menganjurkan kejohanan bertaraf antarabangsa. Pertandingan juga memberi peluang kepada peserta dari Malaysia untuk beraksi dan bersaing dengan peserta antarabangsa seterusnya mengukur tahap prestasi mereka.

Majlis perasmian pertandingan disempurnakan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor di padang kawad Kem Majidee pada 18 Oktober 2010. Pertandingan ini adalah anjuran Persatuan Menembak Praktikal Malaysia (PSAM) dengan kerjasama *Dynamic Shooting Association Singapore* (DSAS) dan Persatuan Menembak Clay Target Johor (JCTSA).



PERSATUAN PELAYANG JOHOR

Berusia lebih 10 tahun, Persatuan Pelayang Johor kini telah dikenali di peringkat tempatan dan antarabangsa. Festival layang-layang peringkat antarabangsa menjadi acara yang amat dinanti-nantikan seluruh peringkat masyarakat tanpa mengira usia. Festival layang-layang yang diadakan mempunyai potensi di dalam menggiatkan industri pelancongan negara.

Festival Layang-layang Antarabangsa Bandar Dato' Onn 2010 anjuran JCorp bersama Johor Land Berhad dengan kerjasama Persatuan Pelayang Johor dan Majlis Pelayang Malaysia bertemakan 'Satu Angkasa, Satu Dunia, Satu Impian' diadakan selama tiga hari bermula 6 hingga 8 Februari 2010. Festival ini berjaya menarik penyertaan 87 peserta antarabangsa dari 19 negara dan 59 pelayang tempatan.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

SAMBUNGAN



PERSATUAN PELAYARAN JOHOR DAN PERSATUAN PELAYARAN MALAYSIA

JCorp turut melibatkan diri di dalam bidang sukan perahu layar melalui Persatuan Pelayaran Johor dan Persatuan Pelayaran Malaysia. Para atlet telah mengambil bahagian di dalam kejohanan di peringkat dalam dan luar negara serta berjaya meletakkan nama Malaysia di persada antarabangsa.

Pada 28 Disember 2010 hingga 8 Januari 2011, telah diadakan *IODA World Sailing Championship 2010* bertempat di Pulau Langkawi, Kedah. Atlet Malaysia, Ahmad Syukri Abdul Aziz, telah berjaya mendapat tempat kedua individu keseluruhan dalam pertandingan tersebut.

JOHOR FC

Musim 2010 Johor FC telah menarik perhatian peminat bola sepak khususnya di negeri Johor kerana melakar sejarah layak ke pertandingan separuh akhir Piala Malaysia. Pemilihan Johor FC sebagai Kelab Terbaik 2010 oleh Persatuan Bolasepak Malaysia membuktikan kewibawaan dan keberkesanan pengurusan kelab. Kemenangan ini merupakan kali kedua berturut-turut. Pasukan FUTSAL Johor FC juga muncul sebagai Naib Johan pertandingan FUTSAL Kebangsaan FAM/Felda 2010.



KELAB MOTOR JOHOR

Kelab Motor Johor merupakan salah satu kelab gabungan Persatuan Automobil Malaysia (AAM) yang aktif dalam pembangunan sukan bermotor. Pelbagai pertandingan telah dianjurkan oleh Kelab Motor Johor seperti Johor Clubman Race 2010, Johor Sprint Challenge 2010, Lumba Pecut Malam Minggu (*Saturday Nite Sprint*) dan Kejohanan Petronas AAM Malaysian Cub Prix 2010.

Kelab Motor Johor akan lebih berdaya maju di masa akan datang dengan adanya barisan AJK yang baru dilantik pada akhir tahun 2010. Pelbagai aktiviti sedang diusahakan bagi menarik lebih ramai peminat-peminat sukan permotoran dan sukan ekstrem.

**KEBAJIKAN ANGGOTA
 PEKERJA**

MUTIARA JOHOR CORPORATION

Mutiara Johor Corporation yang dipengerusikan oleh YBhg Puan Noor Laila Yahaya adalah sebuah kelab wanita yang dianggotai oleh anggota pekerja wanita dan isteri-isteri anggota pekerja. Ia merupakan di antara persatuan yang aktif menjalankan aktiviti kebajikan, keagamaan, sosial dan akademik di kalangan ahlinya mahupun masyarakat.



PERSATUAN KELUARGA PERBADANAN JOHOR

PKP Perbadanan Johor terdiri keahliannya dari kalangan anggota pekerja JCorp, telah ditubuhkan untuk menjaga kebajikan anggota pekerja JCorp. Antara aktiviti yang dijalankan adalah menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada anggota pekerja dan masyarakat serta lawatan sambil belajar. PKP Perbadanan Johor telah menggondol Piala Pusingan Presiden & Ketua Eksekutif bagi kategori kawad kaki sempena Karnival Sukan Johor Corporation 2011. Penghargaan turut diberikan kepada anak-anak anggota pekerja yang berjaya mendapat keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan utama dan melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.



TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

SAMBUNGAN



KESIMPULAN

JCorp dan syarikat di dalam Kumpulannya akan terus memberikan khidmat bakti di dalam mencari keuntungan dan mengekalkan nilai-nilai murni melalui bisnes. Pada masa yang sama JCorp komited kepada kehendak masyarakat dengan menggunakan segala sumber yang ada untuk memenuhi tanggungjawab sosialnya melalui aktiviti-aktiviti langsung dan tidak langsung serta memajukan kebolehan pengurusan profesional yang dimiliki.

Sebagai organisasi korporat yang bertanggungjawab, kami percaya bahawa JCorp dan syarikat-syarikat di dalam Kumpulannya termasuk seluruh anggota pekerja perlu melibatkan diri secara aktif di dalam pembangunan masyarakat dan sosial. Dengan ini, imej Kumpulan JCorp akan terus terpelihara terutama dalam perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial.

SEKSYEN 5

PROSPEK

046 Laporan Ekonomi

048 Bahagian Bisnes

- Bahagian Bisnes Sawit
- Bahagian Prasihatin
- Bahagian Makanan dan Perkhidmatan Restoran Segera
- Bahagian Hartanah
- Bahagian Perkhidmatan Hartanah & Logistik
- Bahagian Hospitaliti

LAPORAN EKONOMI

046

MENURUT TABUNG KEWANGAN ANTARABANGSA (IMF), EKONOMI GLOBAL BERKEMBANG 3.9% DI DALAM TAHUN 2010. ANTARA FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA PERKEMBANGAN EKONOMI TERSEBUT ADALAH DASAR-DASAR AKOMODATIF YANG DITERIMA PAKAI OLEH NEGARA EKONOMI MAJU TERUTAMANYA AMERIKA SYARIKAT DAN JEPUN. KADAR PERMINTAAN YANG TERJEJAS TERUK KETIKA KRISIS KEWANGAN TELAH MENUNJUKKAN PEMULIHAN. PERKEMBANGAN EKONOMI TURUT DISOKONG DENGAN ALIRAN MASUK MODAL YANG MEMBERANGSANGKAN, PAKEJ-PAKEJ RANGSANGAN DAN PENINGKATAN PERMINTAAN.

Pertumbuhan ekonomi Asia dipelopori oleh ekonomi China yang merekodkan pertumbuhan dua digit untuk dua suku tahun berturut-turut dalam separuh tahun pertama 2010. Pertambahan aliran masuk modal telah merangsangkan harga saham serantau serta mengukuhkan nilai mata wang negara Asia berbanding dolar Amerika. Di Malaysia, ekonomi negara menunjukkan pertumbuhan yang baik sebanyak 7.2% dalam 2010 berbanding penguncupan KDNK di tahap -1.7% dalam tahun 2009. Penguatan ini disokong oleh dasar kewangan akomodatif dan peningkatan fiskal ekonomi tempatan.

Walau bagaimanapun, keadaan kewangan di Eropah mencetuskan kebimbangan terhadap satu lagi penurunan ekonomi. Penurunan tahap kredit beberapa negara Kesatuan Eropah seperti Greece, Portugal dan Hungary telah di laksanakan oleh agensi penarafan antarabangsa. Ini disebabkan oleh kerugian sektor perbankan serta kebimbangan terhadap tahap ketahanan fiskal. Negara yang mencatatkan defisit yang tinggi terdesak untuk mengambil langkah langkah pemulihan yang drastik.

Pertambahan mendadak harga aset dalam tahun 2010 mengakibatkan perlaksanaan dasar kawalan yang ketat. Peningkatan inflasi telah mendorong bank-bank pusat di China, India, Australia dan Malaysia menaikkan nilai kadar faedah. Pelabur memandangi positif langkah ini demi mengelakkan penggelembungan harga aset dan seterusnya satu lagi kejatuhan ekonomi.


PROSPEK EKONOMI

Pengeluaran dunia dijangka akan terus meningkat dalam tahun 2011 walaupun pada kadar perlahan. Pertumbuhan ekonomi negara maju dijangka lebih rendah berbanding negara lain. Kadar pengangguran yang tinggi juga akan terus menjadi kebimbangan bagi negara-negara maju. Pada masa yang sama, krisis hutang Eropah masih lagi menjadi kebimbangan. Walaupun begitu, keadaan ekonomi dijangka akan mengekalkan polisi kewangan dan fiskal yang baik.

Sementara itu, kenaikan harga minyak akan menjadi ancaman baru kepada ekonomi global. Harga komoditi yang tinggi, termasuk harga makanan dijangka menjadi penghalang kepada prestasi ekonomi. Rantau Asia telah menunjukkan tanda-tanda tekanan inflasi. Keadaan ini akan menyebabkan bank-bank pusat mengambil langkah memperketatkan polisi kewangan serta menaikkan kadar faedah kepada tahap yang sesuai.

Walaupun berhadapan dengan semua faktor-faktor tersebut, kedudukan kewangan global dijangka akan kekal baik dalam tahun 2011. Keadaan ekonomi yang baik, selera risiko yang lebih tinggi dan aliran mudah tunai yang banyak akan terus menyokong pertumbuhan dan pasaran-pasaran ekuiti global.

Di Malaysia, pertumbuhan ekonomi dijangka pada tahap 5 – 6% dalam tahun 2011. Ini disebabkan pengurangan dalam pertumbuhan eksport. Walau bagaimanapun, permintaan domestik akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia melalui pelaksanaan projek-projek di bawah Program Transformasi Ekonomi dan dasar kewangan akomodatif.



BAHAGIAN BISNES

BAHAGIAN BISNES SAWIT

MASA DEPAN BERMULA DI SINI

2010 merupakan tahun yang penuh kecemerlangan bagi Kumpulan Kulim. Dengan asas yang kukuh, Kulim terus mencipta kejayaan pada tahap tertinggi dengan penuh keazaman dan tenaga.

Keuntungan yang diperoleh jauh lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya, ini didorong oleh perluasan ke Papua New Guinea (PNG), pengukuhan harga sawit, pendapatan langsung hasil penjualan bisnes oleokimia dan pertumbuhan Bahagian Makanan dan Perkhidmatan Restoran Segera yang mantap. Kulim memperoleh 72% Keuntungan Sebelum Cukai daripada bisnes perladangan di Malaysia dan PNG yang beroperasi melalui *New Britain Palm Oil Limited* (NBPOL), syarikat yang tersenarai di Bursa Saham London. Selebihnya diperoleh daripada bisnes Makanan dan Perkhidmatan Restoran Segera melalui QSR Brands Bhd yang memegang lesen rangkaian restoran segera Pizza Hut dan KFC.

PEMBANGUNAN KORPORAT (KULIM)

Komunikasi korporat yang telus dan sesi dialog terbuka menjadi asas informasi yang kukuh di antara Kulim dengan pemegang saham di samping kerjasama yang erat dengan pihak media. Kulim berbangga apabila dinobatkan sebagai Pemenang Laporan Kemapanan Terbaik dan Kepujian dalam Pelaporan bagi Strategi dan Tadbir Urus di *ACCA Malaysia Sustainability Reporting Awards (MaSRA) 2010*. Bagi tahun ketiga berturut-turut, Kulim juga merupakan pemenang bagi anugerah NACRA 2010, Kecemerlangan Industri – Perladangan dan Pelombongan (Papan Utama) untuk Laporan Tahunan 2009.

Kulim berhasrat untuk memperluaskan kawasan penanaman kelapa sawit, di samping berminat terhadap ladang-ladang baru yang mematuhi prinsip-prinsip Meja Bulat bagi Kemapanan Minyak Sawit (RSPO). Di PNG, kejayaan mengambilalih 80% kepentingan dalam *CTP (PNG) Limited* yang kini dikenali sebagai *Kula Palm Oil Limited* (KPOL) pada April 2010 telah menyumbang kepada pertambahan sebanyak 26,295 hektar kawasan bertanam di samping 5 buah kilang pemprosesan.



Dengan cabaran getir dan ketidakpastian dalam sektor biofuel, Kulim memutuskan untuk menstruktur semula pelaburan dengan cara keluar daripada usahasama di Singapura. Pada April 2010, Kulim telah memindahkan 49% kepentingan ekuiti dalam *Nexsol (S) Pte Ltd* kepada *Peter Cremer (Singapore) GmBH* (Peter Cremer) sementara Peter Cremer bersetuju untuk memindahkan 49% ekuitinya dalam *Nexsol (M) Sdn Bhd* kepada Kulim. Berikutan langkah pertukaran tersebut, *Nexsol (M) Sdn Bhd* menjadi syarikat anak 100% milik Kulim sementara *Nexsol (S) Pte Ltd* menjadi syarikat bersekutu.

Pelupusan *Natural Oleochemicals Sdn Bhd* (NatOleo) dan syarikat-syarikat anaknya kepada *PGEO Group Sdn Bhd* milik Wilmar dengan nilai RM450 juta menandakan keluarnya Kumpulan daripada bisnes oleokimia di mana urusniaga ini telah selesai sepenuhnya pada September 2010. Rasional pelupusan ini adalah untuk melepaskan nilai pelaburan dalam NatOleo yang pada dasarnya menghasilkan produk oleokimia asas dengan perolehan yang tidak menentu. Dengan pelupusan NatOleo, Kulim mampu untuk memberi lebih penumpuan terhadap margin yang lebih baik, bisnes yang lebih stabil dan menguntungkan melalui penanaman kelapa sawit serta bisnes Makanan dan Restoran.

KULIM MEMPEROLEH

72%

KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DARIPADA BISNES PERLADANGAN



BAHAGIAN BISNES SAWIT

SAMBUNGAN



KAWASAN PERLADANGAN
SAWIT TELAH MENINGKAT
KEPADA

134,403
HEKTAR

050

Selain daripada rasional bisnes, langkah ini menunjukkan kesungguhan Kulim untuk menonjolkan nilai-nilai tidak nyata dalam Kumpulan. Kebanyakan pendekatan yang diambil oleh Kulim sebelum ini dirasakan tidak mampu direalisasikan disebabkan kurangnya langkah-langkah yang padu untuk memperkukuh nilai-nilai tersebut. Justeru, penjualan ini juga bertujuan memberi petanda bahawa apa yang berlaku adalah sebaliknya.

MINYAK SAWIT MAPAN

Perundingan Meja Bulat mengenai Kemapanan Minyak Sawit (RSPO) telah ditubuhkan pada tahun 2004 bertujuan mengalakkan penggunaan produk-produk sawit yang mapan melalui penarafan global yang dipercayai dan penglibatan para pemegang saham. Standard RSPO digunapakai bagi memastikan tiada hutan-hutan primer atau kawasan-kawasan pemuliharaan yang diteroka bagi tujuan perladangan kelapa sawit. Ia juga menasaskan untuk mengurangkan kesan-kesan perladangan terhadap alam sekitar di samping memelihara hak-hak pemilik tanah, pekerja ladang dan kaum pribumi.

Kulim terus bekerja keras untuk mencapai penarafan global seperti mana yang ditetapkan oleh RSPO. Operasi NBPOL di Ramu telah menerima pensijilan RSPO secara rasmi pada Ogos 2010 diikuti *Guadalcana Plains Palm Oil Limited* (GPPOL) pada Februari 2011. Sementara itu, KPOL yang baru diambil alih kini dalam proses pemulihan dan sedang dalam persediaan untuk melalui audit RSPO. Ladang-ladang milik JCorp juga telah berjaya memperoleh pensijilan RSPO pada Februari 2011.

PERLADANGAN

Kulim berusaha secara berterusan untuk mencapai inisiatif 30:30 dengan menasaskan pengumpulan 30 tan hasil bagi setiap hektar dan pengestrakan produk sawit yang mencapai 30%. Keputusan yang diperoleh pada tahun ini adalah bercampur-campur sekaligus menyukarkan perbandingan dilakukan mengikut tahun. Walau bagaimanapun, hampir kesemua ladang-ladang Kumpulan di Kepulauan Solomon dan PNG terbukti berpotensi untuk menghasilkan kapasiti 30 tan buah per hektar berdasarkan pencapaian sebahagian ladang-ladang tersebut.

Pengambilalihan KPOL di PNG pada penghujung April 2010 telah berjaya menambah 26,000 hektar kawasan penanaman serta 16,000 hektar kawasan penanaman bagi pekebun kecil.

Kawasan ladang bertanam telah meningkat kepada 134,403 hektar berbanding 106,123 hektar pada 2009. Mengimbuai usaha pengambilalihan di luar negara dalam tahun-tahun sebelum ini, lebih separuh daripada kawasan bertanam kini terletak di luar Malaysia, dengan pembahagian 42% di Malaysia, 53% in PNG dan 5% di Kepulauan Solomon.

Perladangan di Malaysia

Di Malaysia 3,326.96 hektar telah ditanam semula pada 2010 berbanding 3,489.66 hektar yang dijadualkan. Musim kemarau dari bulan Januari hingga Mac dan hujan pada separuh kedua mempengaruhi persediaan untuk penanaman semula di sebahagian ladang, justeru kerja-kerja tersebut kini diteruskan dan dijangka selesai pada awal 2011. Pada penghujung tahun 2010, usia pokok kelapa sawit di ladang-ladang di Malaysia berkurangan daripada 13.55 tahun pada Disember 2009 kepada 12.99 tahun pada Disember 2010.

Dalam tiga tahun kebelakangan ini, operasi di Malaysia telah merekodkan peningkatan memberangsangkan dalam Kadar Pengekstrakan Minyak (OER): 2008: 19.16%, 2009: 19.94%, 2010: 20.45% di sebalik peratusan pembelian Buah Tandan Segar (BTS) yang lebih tinggi dari pihak ketiga. Begitu juga pada tahun 2008, Kadar Pengekstrakan Biji (KER) telah mengatasi pencapaian industri di Semenanjung Malaysia secara purata.

Di Malaysia, jumlah pengeluaran Minyak Sawit Mentah (MSM) adalah sebanyak 244,639 tan pada 2010 iaitu 5.6% lebih rendah daripada 259,130 tan pada tahun sebelumnya. Pengeluaran biji sawit adalah sebanyak 70,809 tan, pengurangan 9.1% daripada 77,916 tan pada 2009. Dari segi penghasilan minyak sawit, di sebalik penurunan BTS per hektar, kilang-kilang pemprosesan di Malaysia merekodkan peningkatan yang signifikan dalam OER yang meningkat kepada 20.5%, peningkatan 0.5% daripada 20% in 2009, manakala KER merosot sedikit kepada 5.9% pada 2010 berbanding 6% pada 2009.

PENGHASILAN MINYAK SAWIT DI MALAYSIA MENINGKAT KEPADA

20.5%



Perladangan di PNG

Di PNG dan Kepulauan Solomon, jumlah BTS yang diproses meningkat dengan dramatik kepada 1.98 juta tan, melonjak pada bulan Mei hasil daripada penyertaan 3 ladang yang baru diambil alih di Higaturu, Milne Bay dan Poliamba. Pecahan tanaman pekebun kecil berbanding jumlah tanaman keseluruhan menurun kepada 27.7% berbanding 29.3% pada tahun sebelumnya hasil daripada kemasukan estet-estet tersebut. Penghasilan BTS purata di PNG dan Kepulauan Solomon di 69,139 hektar kawasan penuaian adalah 23.6 tan per hektar (mengambil kira hasil tahunan di Higaturu, Milne Bay dan Poliamba).

Hasil di West New Britain berada pada 26.1 tan per hektar, sedikit berkurangan berbanding tahun 2009 manakala perbandingan hasil di Higaturu, Milne Bay dan Poliamba berdasarkan tahun adalah 22.7 tan per hektar.

Pembinaan sebuah lagi kilang pemprosesan syarikat, yang juga merupakan kilang yang kedua belas di NBPOL, telah bermula dan akan menampung kapasiti 60 tan buah sejam. Kilang ini dijangka dilancarkan pada separuh kedua 2011. Kerja-kerja awam hampir selesai sementara kesemua jentera hanya menunggu masa untuk dipasang.

Kulim juga berbangga apabila pekebun kecil NBPOL merupakan kumpulan pertama pekebun kecil yang dianugerahkan dengan pensijilan RSPO.



BAHAGIAN BISNES SAWIT SAMBUNGAN



Kilang Penapisan Minyak Sawit di Liverpool, United Kingdom

Kilang penapisan baru NBPOL di Liverpool, United Kingdom telah memulakan operasinya pada bulan Mei dan telahpun menyaksikan peningkatan dari segi jualan dan pengeluaran.

Pengeluaran Daging Lembu

Saiz kelompok ternakan Kumpulan NBPOL tidak menunjukkan perubahan yang ketara dengan 19,600 ternakan diuruskan di dua lokasi berbeza (16,000 di Ramu dan 3,600 di West New Britain). Aktiviti penternakan Kumpulan menghasilkan lebih kurang 803,000 kilogram daging lembu untuk pasaran PNG menjana perolehan berjumlah K11.8 juta.

INTRAPRENEUR VENTURE (KULIM)

Mencipta kejayaan melalui bisnes nurseri benih sawit dan tanaman hiasan, Kulim Nursery Sdn Bhd terlibat dalam pengeluaran dan pemasaran baja organik mesra alam menggunakan produk hiliran sawit – biokompos. Perusahaan baru, Extreme Edge Sdn Bhd, yang dahulunya merupakan sebuah jabatan di dalam EPA Management Sdn Bhd, telah dikorporatkan untuk memanfaatkan peluang-peluang yang kian meluas dalam sektor ICT di samping menyediakan ICT kepada syarikat-syarikat dalam Kumpulan.

JUMLAH PEROLEHAN TERHADAP TERNAKAN KUMPULAN NBPOL SEBANYAK

KINA 11.8 JUTA

052





053

PROSPEK DAN PERANCANGAN

Keadaan ekonomi global merupakan kunci yang menentukan masa depan harga produk sawit. Harga bahan api dan kesannya terhadap biodiesel menjadi faktor penting yang akan menentukan harga MSM pada tahun ini. Komoditi tempatan terus meningkat dengan mendadak, sekurang-kurangnya sehingga separuh pertama 2011.

Unjuran menunjukkan bahawa menjelang 2015, lebih kurang 62 hingga 63 juta tan minyak sawit diperlukan berbanding 45.5 juta tan pada 2010.

Dengan inisiatif kemapanan industri sawit menunjukkan kemajuan dalam usaha memperbaiki pencapaian pemeliharaan alam sekitar, tarikan utama pengamalan standard RSPO adalah insentif kewangan untuk pengeluar.

Kulim terus berusaha mencapai dua strategi utama merangkumi pertumbuhan organik dan peningkatan hasil minyak sawit melalui misi 30:30 menggunakan bahan-bahan penanaman bermutu untuk menggantikan pokok-pokok sawit yang telah tua sekaligus meningkatkan kualiti pokok dan proses penapisan untuk memperbaiki OER.

Pencapaian yang meyakinkan pada 2010 menunjukkan kekuatan dan keberkesanan model bisnes Kulim di sebalik cabaran getir yang terpaksa diharungi sepanjang tahun lalu. Bahagian akan terus teguh dalam memenuhi agenda pertumbuhan mapannya, dan pada masa yang sama kekal optimis bahawa bisnes akan terus berkesinambungan dan bertumbuh sepanjang tahun 2011.

BAHAGIAN PRISIHATIN



054

MENGALAKKAN PERTUMBUHAN YANG BERTERUSAN

Sejak ia ditubuhkan, KPJ telah melancarkan strategi yang konsisten untuk mengenalpasti kawasan-kawasan pertumbuhan baru dan telah melabur dana untuk meningkatkan kapasiti serta kemampuan untuk melayani lebih ramai pesakit.

Kumpulan KPJ mempunyai rangkaian hospital yang melebihi 20 hospital di Malaysia dan dua di Indonesia, yang disokong oleh lebih daripada 8,000 orang anggota pekerja. Seramai 700 konsultan perubatan berganding bahu dengan anggota pekerja kejururawatan, perkhidmatan kesihatan bersekutu dan pentadbiran untuk merawat lebih daripada dua juta pesakit yang telah mendapatkan pelbagai perkhidmatan perubatan di hospital-hospital KPJ dalam tahun 2010.

KPJ berhasrat untuk terus meningkatkan kedudukannya serta mengharumkan nama hospital-hospital KPJ di dalam industri priasihatin melalui strategi perniagaan yang agresif berserta pertumbuhan melalui pertumbuhan secara organik dan pengambilalihan. KPJ juga mensasarkan kemasukan ke dalam pasaran baru.

Dalam tahun kewangan 2010, dua hospital baru telah memulakan operasi iaitu RS Bumi Serpong Damai di Jakarta, Indonesia, dan KPJ Tawakkal di Kuala Lumpur, telah bermula operasi dalam tahun kewangan 2010, sementara hospital-hospital KPJ yang sedia ada telah meningkatkan prestasi melalui penambahan meningkatkan kapasiti masing-masing seiring dengan kenaikan bilangan pesakit. Sebagai contoh, KPJ Johor di Johor Bahru telahpun menambahkan 50 katil melalui pembukaan sebuah *Premier Ward*. Di samping itu, hospital tersebut juga telah menambahkan bilangan klinik rawatan pesakit luar dan menyediakan 130 petak parkir kereta melalui pembinaan tempat letak kereta lima tingkat.

Di lokasi yang lain, KPJ Selangor di Shah Alam dan Hospital Pakar KPJ Ipoh di Perak turut menaiktaraf kemudahan-kemudahan di hospital masing-masing. Antaranya, Unit Kemalangan dan Kecemasan KPJ Selangor telah berwajah baru dan di lengkapi dengan kemudahan tambahan manakala KPJ Ipoh telah membelanjakan RM1 juta untuk mengubahsuai dan memperbaharui wad kanak-kanak yang sebesar 6,948 meter persegi.

KPJ Ipoh juga telah menerima penghormatan dengan kehadiran DYTM Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim sewaktu pembukaan perdana Wad Pediatrik pada 6 Oktober 2010. Pada tahun yang sama, hospital tersebut juga memperkenalkan perkhidmatan densitometri tulang di pusat diagnostik yang baru diubahsuai dan serta perkhidmatan pembedahan lasik pada tahun 2010.

MEMPERLUASKAN PASARAN, MEMPERKUKUHKAN KEHADIRAN

KPJ telah melancarkan beberapa inisiatif strategik untuk memperluaskan kapasitinya. Dalam tahun 2010, KPJ telah berjaya memeterai beberapa perjanjian pengambilalihan, termasuk pembelian saham sebanyak 51% untuk menguasai Sabah Medical Centre (SMC) pada bulan Jun 2010. Seiring usaha ini, KPJ turut memberikan lebih banyak lagi kemudahan untuk pelanggan-pelanggan SMC melalui pembinaan sebuah bangunan baru untuk menampung operasi SMC untuk memenuhi permintaan jangka panjang KPJ telah memulakan pembinaan bangunan hospital baru.

4 BUAH HOSPITAL KPJ BERJAYA MENDAPAT AKREDITASI PENUH 3-TAHUN

Upacara pecah tanah simbolik diadakan di Sutera Harbour Resort pada 13 Disember 2010, dimana pelancaran tersebut yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Peter Pang En Yin, bekas Timbalan Ketua Menteri Sabah.

Pada bulan Januari 2011, KPJ menandatangani perjanjian untuk membeli 100% Pusat Pakar Perubatan Sibu serta pusat geriatrik yang dikenali sebagai *Love Care Centre* di Sibu, Sarawak. Pengambilalihan ini membolehkan KPJ memperluaskan lagi untuk perkhidmatan prisihatannya kepada masyarakat majmuk di Sarawak serta menerokai pasaran-pasaran baru di Malaysia Timur.

Selain itu, KPJ kini sedang menyiapkan Pusat Pakar KPJ Klang di Selangor dan menjangka akan menyiapkan pembinaan pada tahun 2011. Pada tahun 2009, KPJ telah membayar sebanyak RM38 juta untuk membeli bangunan yang separuh siap di Klang ini pada tahun 2009 dan seterusnya telah melabur lebih daripada sebanyak RM70 juta untuk menyiapkan pembinaan dan melengkapkan KPJ Klang bangunan tersebut untuk memastikan ianya mampu memberikan perkhidmatan prisihatinya kepada penduduk Klang dan masyarakat tempatan secara umumnya.

MENJAMIN KESELAMATAN PESAKIT

KPJ sentiasa menekankan penyediaan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan memberikan keutamaan kepada keselamatan pesakit. Perkhidmatan prisihatinya yang berkualiti dan bertahap tinggi ini dicapai melalui sokongan daripada Jawatankuasa Penasihat Perubatan, yang berganding bahu dengan konsultan perubatan, para jururawat dan paramedik serta anggota pekerja pengurusan, yang berkongsi pandangan mengenai isu-isu klinikal serta perumusan prosedur untuk memastikan keselamatan pesakit sentiasa diutamakan.



Usaha KPJ untuk mencapai keunggulan dari segi klinikal dan keselamatan pesakit melalui amalan yang terbaik akan terus dicerminkan melalui pencapaian perakuan akreditasi dari lembaga yang diakui seperti *Malaysian Society of Quality in Healthcare* (MSQH).

Pada tahun 2010, empat hospital KPJ berjaya mencapai status akreditasi penuh untuk tempoh 3-tahun selepas menjalani tinjauan terperinci proses audit secara menyeluruh dalam semua aspek keselamatan pesakit dan kualiti.

Empat hospital tersebut ialah KPJ Perdana, KPJ Kajang, KPJ Penang dan Kedah Medical Center. Dengan pencapaian tersebut, kini terdapat 10 hospital dalam rangkaian KPJ yang telah mencapai status akreditasi MSQH.

Enam hospital yang lain yang telahpun memenuhi syarat-syarat akreditasi MSQH ialah adalah KPJ Johor, KPJ Ipoh, KPJ Ampang Puteri, KPJ Damansara, KPJ Selangor dan KPJ Seremban.

Lebih banyak lagi hospital Hospital-hospital lain di dalam Kumpulan KPJ akan berusaha untuk menjalani proses akreditasi ini pada tahun ini serta dan dalam tahun-tahun yang akan datang, untuk memastikan bahawa amalan-amalan yang terbaik baik dan prosedur yang selaras dengan tahap-tahap antarabangsa sentiasa dipatuhi demi menjamin keselamatan pesakit dan kualiti perkhidmatan.



BAHAGIAN PRISIHATIN SAMBUNGAN

MENGUTAMAKAN KUALITI

Nama KPJ melambangkan KPJ berdiri utuh sebagai lambang perkhidmatan prisihatan yang berkualiti dan ini dicerminkan oleh usaha Kumpulan ini untuk mencapai keunggulan klinikal di semua tahap operasi di hospital-hospitalnya.

Sepanjang tahun ini, Kumpulan KPJ telah mencatat beberapa pencapaian yang membanggakan dari segi kualiti, dan pengiktirafan ISO adalah salah satu daripadanya. Tahap kualiti di KPJ Ampang Puteri, KPJ Damansara, KPJ Selangor dan KPJ Johor telah diakui melalui pencapaian Integrated Management System, atau Sistem Pengurusan Bersepadu, yang mengabungkan piawaian pengurusan ISO 9000 (pengurusan korporat dan kualiti), OSHAS 18000 (kesihatan dan keselamatan pekerja) dan ISO 14000 (pengurusan persekitaran), manakala sembilan hospital KPJ telah memperolehi piawaian ISO 9001:2008.

Keutamaan terhadap kualiti di dalam Kumpulan KPJ ini didorong terbukti melalui pengiktirafan yang diterima, iaitu anugerah-anugerah dalam bidang pengurusan, keselamatan kerja, pembangunan sumber manusia dan produktiviti.

Dalam bidang pengurusan dan produktiviti, Hospital Pakar Puteri di Johor Bahru telah menerima Anugerah Global 2 (Kategori Diamond) dari *Business Productivity Network* pada 24 Januari 2010, manakala KPJ Ampang Puteri meraih anugerah Produktiviti dari MPC pada 1 Mei 2010. *Business of the Year Award* untuk segmen Perkhidmatan dari *SMI & SME Worldwide Network* diterima oleh KPJ Ipoh pada 20 Jun 2010.

Hospital-hospital KPJ juga diberikan pengiktirafan atas layanan dan khidmat yang mesra serta perkhidmatan. Umpamanya, KPJ Ampang Puteri telah menerima anugerah Global Award for Perfection, Quality & Ideal Performance dari Association Otherways Management & Consulting pada 29 Mac 2010 manakala KPJ Selangor memenangi *Service Excellence Award* dari *Asia Entrepreneur Alliance* pada 14 Oktober 2010.

Pertubuhan Professional Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia, atau lebih di kenali sebagai MOSHPA, telah memberikan pengiktirafan kepada KPJ Damansara ketika menamakannya sebagai pemenang Anugerah Pekerjaan & Keselamatan pada bulan Ogos 2010.

Walaupun berjaya meraih pelbagai penghargaan, Kumpulan KPJ tetap tidak melupakan golongan masyarakat yang kurang bernasib baik. Kumpulan KPJ terus memupuk sikap prihatin dan bertimbang rasa di kalangan anggota pekerjaannya dan secara meluangkan masa dan berusaha menyumbang kepada perkembangan masyarakat yang sihat. KPJ juga sering menghulurkan bantuan kepada golongan yang miskin.

Antara usahanya ialah perkhidmatan perubatan yang dihulurkan kepada golongan miskin tersebut melalui rangkaian Klinik Wakaf An-Nur (KWAN), yang merupakan sebahagian penting inisiatif CSR KPJ utama dalam usaha menunaikan tanggungjawab sosial korporat Kumpulan KPJ. Rangkaian KWAN memberikan bantuan perubatan kepada lebih daripada setengah juta pesakit kurang berkemampuan setiap tahun.

056



RANGKAIAN KWAN KINI
MENINGKAT KEPADA

15 KLINIK





Salah satu tanda pencapaian tahun 2010 ialah kejayaan mendirikan tiga klinik Kwan baru, iaitu Usaha berterusan Kumpulan KPJ ini dibuktikan dengan pembukaan klinik-klinik KWAN yang baru yakni Klinik Waqaf An-Nur Gugusan Manjoi di Ipoh, Perak, serta dua di Selangor iaitu Klinik Waqaf An Nur Masjid Jamek Pekan di Kajang dan Klinik Waqaf An Nur Masjid Al-Falah USJ 9 di Selangor.

Dengan pembukaan klinik-klinik pada tahun 2010 itu, rangkaian KWAN kini meningkat kepada 15 klinik yang beroperasi di lima negeri di Malaysia. KPJ juga menguruskan sebuah Hospital Waqaf dengan kapasiti 30-katil di Pasir Gudang, Johor.

MENGOPTIMALKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Untuk terus maju sebagai pemimpin industri, KPJ telah memasang mengimplimentasikan sistem maklumat yang bersepadu untuk menghubungkan setiap perkhidmatan di dalam sesebuah hospital justeru meningkatkan kecekapan dan memperkukuhkan keunggulan operasi, serta mengurangkan risiko akibat kesilapan manusia. KPJ akan terus melabur dalam kemudahan canggih yang baru ekoran penemuan saintifik dan peralatan perubatan yang terkini untuk memastikan hasil rawatan yang lebih baik bagi pesakit-pesakit.

MENAMBAH NILAI MELALUI SUMBER MANUSIA

KPJ percaya bahawa strategi yang inovatif hanya akan dapat dikekalkan dengan adanya sumber manusia yang berkaliber dan berdedikasi, dan adalah hasrat KPJ untuk menjadikan anggota pekerjaannya sebagai pemimpin masa depan. Ini dapat dilihat melalui usahanya untuk menggalakkan amalan kerja beretika, proses dan protokol yang baik, berserta pembentukan pemimpin masa depan melalui program latihan dan peluang pembangunan kerjaya bagi mereka yang mempunyai dorongan kemahuan untuk berjaya dalam industri priasihatin.

DANA AMANAH PELABURAN HARTANAH AL-'AQAR KPJ

Dana Amanah Pelaburan Hartanah Al-'Aqar KPJ atau *KPJ Real Estate Investment Trust* (REIT) pada 10 Ogos 2006 kekal sebagai REIT bidang penjagaan kesihatan yang berteraskan Islam yang pertama ditubuhkan.

Jumlah hartanah dibawah REIT telah meningkat kepada dua puluh, merangkumi hospital pakar, pusat komersil, hotel, kolej kejururawatan bertaraf antarabangsa dan yang terkini hartanah penjagaan warga tua.

REIT menawarkan nilai pelaburan yang baik kepada pelabur. Sehingga 31 Disember 2010, jumlah pendapatan sewaan nya meningkat 51% daripada RM33.6 juta pada tahun 2006 kepada RM68.6 juta.

Pada 22 September 2010, Al-'Aqar menjadi REIT yang pertama memiliki hartanah di luar negara apabila mengumumkan cadangan pemilikan *Jeta Garden Aged Care Facility* dan *Jeta Garden Retirement Village* daripada *Jeta Garden Waterford Trust* (JGWT).

Disebalik kegawatan ekonomi, Al-'Aqar Capital Sdn Bhd, syarikat milik penuh Al-'Aqar KPJ REIT masih berupaya meraih keyakinan sektor kewangan. Melalui Pinjaman Berpenggal Ijarah (ICP) dan Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) dalam program Sukuk Ijarah dengan nilai RM300 juta nilai nominal, Al-'Aqar Capital Sdn Bhd berupaya untuk mengekalkan kedudukan AAA, AA2, dan AAA (bg) dari agensi penarafan Malaysia, *Rating Agency Malaysia*, ini membolehkan Al-'Aqar KPJ REIT menampung pengambilalihan bagi penambahan portfolio pada kadar terendah yang mungkin.

BAHAGIAN MAKANAN DAN PERKHIDMATAN RESTORAN SEGERA



058

RINGKASAN OPERASI

Keseluruhan jenama-jenama Kumpulan bertambah kukuh pada tahun 2010. Rangkaian restoran telah diperluaskan. Lebih ramai pelanggan menikmati variasi produk yang lebih meluas. Pelbagai inisiatif dilakukan untuk mempertingkatkan perolehan dan menjaga penjimatan. Dan pencapaian terbaik dari semua ini adalah kejayaan Kumpulan memiliki anggota pekerja yang bersemangat dan berkemahiran tinggi, sentiasa bersedia dan berani menempuh cabaran di dekad baru ini.

Asas Yang Kukuh

Kejayaan QSR terbina hasil daripada perluasan operasi restoran, kepuasan pelanggan dan pembangunan sumber manusia. Setiap tahun, asas-asas ini diperteguh dan diperkuatkan lagi sejajar dengan pertumbuhan Kumpulan yang semakin berkembang.

Langkah yang lebih berhati-hati diambil terhadap perluasan operasi restoran pada 2010 disebabkan proses pemulihan ekonomi yang secara relatifnya agak lemah di rantau ini. Begitupun, trend ini tidak berlaku di Malaysia apabila Pizza Hut mengumukan pembukaan cawangan restoran ke 200 manakala KFC Malaysia melangkah penuh bergaya melepasi sasaran 500 cawangan restoran di seluruh negara. Ini merupakan pencapaian yang menakjubkan dan Kumpulan berhasrat untuk menjadikannya contoh kepada operasi di luar negara. Sehingga April 2010, Kumpulan mengusahakan 7 cawangan restoran di India. Cawangan-cawangan ini merentas Bandar-bandar di Pune, Mumbai dan Aurangbad. Jumlah ini merangkumi dua restoran KFC yang diambil alih di Pune.



PIZZA HUT

Pizza Hut Malaysia

2010 merupakan tahun yang positif bagi Pizza Hut Malaysia. Perolehan bertumbuh kepada 11.3 % kepada RM411.6 juta berbanding RM369.8 juta pada 2009. Pertumbuhan ini didorong pengukuhan ekonomi, pengenalan produk dan kempen-kempen promosi yang efektif.

Pizza Hut Singapura

Pizza Hut Singapura mencapai pertumbuhan perolehan 8.4% kepada RM179.9 juta berbanding RM166 juta dalam tahun kewangan sebelumnya. Pencapaian yang baik ini dapat dilihat daripada peningkatan mendadak dalam kedua-dua segmen bisnes *Dine-In* dan Penghantaran. Faktor kejayaan termasuklah ekonomi yang semakin pulih yang menyumbang kepada kuasa beli pengguna yang lebih tinggi.

Sehingga 31 Disember 2010, Pizza Hut Singapura telah membuka dua cawangan baru di samping penutupan tiga cawangan, menjadikan jumlah keseluruhan 49 restoran yang sedang beroperasi.

PEROLEHAN PIZZA HUT MENINGKAT KEPADA

RM411.6 JUTA

KFC HOLDINGS (MALAYSIA) BHD (KFCH)

Kestabilan ekonomi yang dinikmati KFCH pada tahun lalu telah menyaksikan peningkatan perolehan kepada RM2,522 juta berbanding RM2,297.4 juta pada 2009. Segmen restoran KFC mencatatkan pertumbuhan 9.5% kepada RM1,888.1 juta, disumbang rangkaian cawangan yang kian meluas, pemasaran yang efektif dan aktiviti promosi. Segmen Penternakan Bersepadu mencapai perolehan RM533.4 juta, 10.2% peningkatan berbanding tahun sebelumnya.

KFC Malaysia

KFC Malaysia mencatatkan perolehan RM1,496.9 million pada 2010, 9.6% lebih tinggi daripada tahun 2009. Perolehan mungkin bertambah tinggi sekiranya 47 outlet tidak ditutup sementara bagi tujuan pengukuhan imej.

Proses pengukuhan imej Kumpulan kini diteruskan dengan 47 restoran dinaiktaraf untuk keselesaan yang lebih baik. Program ini sejajar dengan Komitmen Kumpulan untuk memberikan pengalaman penjenamaan terbaik kepada pelanggan setianya.

Sehingga 31 Disember 2010, KFC Malaysia telah membuka 40 cawangan baru menjadikan jumlah keseluruhan 515 restoran di seluruh negara.

KFC Singapura

Pengukuhan ekonomi Singapura dan kadar perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi telah membantu KFC Singapura untuk mencapai rekod perolehan yang tinggi iaitu RM368.6 juta, meningkat 7.6% atau RM25.9 juta berbanding tahun sebelumnya.

Sehingga 31 Disember 2010, KFC Singapura telah membuka 3 restoran baru dengan tiga penutupan, menjadikan jumlah cawangan dipulau tersebut sebanyak 77 outlet.

BAHAGIAN MAKANAN DAN PERKHIDMATAN RESTORAN SEGERA

SAMBUNGAN

KFC Brunei

Sejajar dengan pemulihan ekonomi di Brunei, perolehan pada akhir tahun bagi KFC Brunei meningkat kepada RM16.3 juta, peningkatan 5.7% berbanding 2009.

Sehingga 31 Disember 2010, bilangan cawangan di Brunei terus konsisten berbanding tahun sebelumnya iaitu 9 restoran di seluruh negara.

KFC Kemboja

Kumpulan amat berbangga dengan pencapaian KFC di Kemboja apabila mencatatkan perolehan RM11.4 juta, meningkat 26.7% berbanding tahun kewangan sebelumnya. Kejayaan ini dicapai di sebalik ketidaktentuan ekonomi dan banjir besar yang menjejaskan sebahagian restoran KFC.

KFC India

Kumpulan yakin dengan pencapaian KFC India walaupun baru beroperasi dalam tahun pertama. Sejumlah RM6.2 juta perolehan dijana daripada restoran-restoran KFC yang beroperasi di bandar Mumbai, Pune dan Aurangabad.

Sehingga 31 Disember 2010, KFC India telah membuka 5 cawangan baru; 3 di Mumbai dan setiap satu di Pune dan Aurangabad di samping 2 outlet sedia ada di Pune, menjadikan jumlah keseluruhan 7 restoran beroperasi.

RASAMAS & KEDAI AYAMAS

Bertentangan dengan pola pencapaian pada tahun sebelumnya, Pertumbuhan RasaMas berkembang kepada RM24.9 juta pada 2010, meningkat 7% berbanding tahun lalu.

Sehingga 31 Disember 2010, sebanyak 42 cawangan RasaMas sedang beroperasi di Malaysia dan Brunei.

Kedai Ayammas juga mencatatkan tahun perolehan yang positif dengan 36% peningkatan kepada RM55.1 juta, meningkat RM40.5 berbanding tahun sebelumnya.

Sehingga 31 Disember 2010, 14 Kedai Ayammas baru telah dibuka menjadikan jumlahnya sebanyak 49 cawangan di seluruh Malaysia.

OPERASI PENTERNAKAN BERSEPADU

Tahun yang memberangsangkan bagi segmen Penternakan Bersepadu Kumpulan telah menyumbang kepada peningkatan 7% perolehan kepada RM1,294 juta, termasuk jualan antara syarikat.

Perolehan daripada kilang pemprosesan AFCSB mencapai RM710.5 juta, 3.5% peningkatan berbanding 2009. Peningkatan ini disumbang bilangan tempahan yang lebih tinggi daripada rangkaian restoran yang kian berkembang.

Perolehan bahagian Penternakan meningkat 8.5% pada tahun 2010. Kapasiti pengeluaran juga meningkat kepada 136,000 tan metrik berbanding 131,000 tan metrik bagi tahun sebelumnya, hasil daripada pertambahan terhadap keperluan bekalan ayam Kumpulan. Keputusan positif ini walau bagaimanapun terjejas disebabkan kenaikan 15%-20% harga komoditi pada suku keempat, suatu perkembangan yang dijangka akan berterusan sehingga 2011 disebabkan keadaan cuaca yang tidak menentu di negara-negara pengeluar komoditi.

PEROLEHAN KFCH
MENINGKAT KEPADA

RM2,522 JUTA





KFC Marketing menjana peningkatan 10.7% perolehan kepada RM221.4 juta pada 2010. Pertumbuhan ini disokong penjualan yang lebih tinggi di pasaran terbuka tempatan iaitu sejumlah RM16.1 juta dan penjualan eksport berjumlah RM5.3 juta atau 25.9% peningkatan disebabkan pertambahan permintaan dari Singapura dan Brunei. Perniagaan kiosk hot dog KFC Marketing, "Ayamaz Roti Impit" turut memberi sumbangan positif terhadap Kumpulan, sama ada dari segi perolehan mahupun CSR. 60 gerai Roti Impit telah memulakan perniagaan di universiti, kolej dan politeknik sekitar Semenanjung Malaysia.

KFCH INTERNATIONAL COLLEGE

Pada masa ini, lebih kurang 200 pelajar sedang mengikuti pengajian di KFCH International College Kampus Puchong. Sukatan pelajaran yang diajar di kolej ini merangkumi Pengurusan Hotel, Pentadbiran Perniagaan, Pendidikan Awal Kanak-kanak, Teknologi Maklumat dan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Sebahagian graduan kolej ini akan ditawarkan untuk berkhidmat di dalam Kumpulan. Usaha-usaha penambahbaikan kampus kini sedang dilakukan untuk memberi kemudahan yang jauh lebih baik dari segi infrastruktur, sementara sukatan pelajaran yang lebih berkaitan dengan bisnes asas Kumpulan sedang dalam semakan pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Kumpulan amat menitikberatkan usaha membangunkan kebolehan anggota pekerjaannya. Pasukan sumber manusia merangkumi Kumpulan dan syarikat-syarikat anak telah menjalankan pelbagai program bagi tujuan ini, di mana program-program tersebut dilaksanakan di setiap peringkat anggota pekerja, daripada pengurusan kanan sehingga krew restoran. Pada tahun 2010, Kumpulan telah membuat pelaburan hampir RM7.3 juta untuk tujuan latihan dan pembangunan. Secara purata, setiap anggota pekerja menerima 54 jam latihan. Sehingga 31 Disember 2010 Kumpulan merupakan majikan kepada 31,000 anggota pekerja.

KOMITMEN HALAL

QSR dan syarikat-syarikat anak memberi jaminan pematuhan halal yang ketat di kesemua pasaran kami. Bagi membantu Kumpulan mencapai matlamat ini, kami mengamalkan pengawalan yang ketat di seluruh rangkaian pemprosesan makanan kami, bermula daripada pemilihan bahan mentah dan pengeluaran kepada pembungkusan, penyimpanan, pengangkutan dan alatan. Produk-produk import perlu mendapatkan perakuan halal daripada negara pengeluar, dan pembekal asing sentiasa dipantau oleh Penasihat Syariah Kumpulan.

MEMANDANG KE HADAPAN

Meraikan penguju tahun yang diwarnai dengan pencapaian yang cemerlang secara keseluruhannya, iltizam Kumpulan kian teguh dan kami sentiasa memandangi ke hadapan dengan penuh semangat dan keazaman untuk mengukir lebih banyak pencapaian bermakna pada masa hadapan. Berbekalkan asas kukuh dan rekod pencapaian yang cemerlang, Kumpulan berhasrat untuk melihat pertumbuhan yang berterusan di seluruh operasi dan pasaran Kumpulan.

BAHAGIAN HARTANAH

BAHAGIAN HARTANAH MERUPAKAN SATU LAGI BISNES TERAS PERBADANAN YANG DITERAJUI OLEH DUA SYARIKAT IAITU JOHOR LAND BERHAD (JLand) DAN DAMASARA ASSETS SDN BHD.



062

JOHOR LAND BERHAD

Kekuatan JLand sebagai pemaju hartanah terletak kepada projek-projek perbandaran kediaman utamanya yang berada di Johor. Syarikat kini mempunyai simpanan tanah melebihi 2,800 ekar di Johor, yang terletak di tengah-tengah Iskandar Malaysia (IM). Dalam usahanya untuk menjadi peneraju hartanah di negara ini, JLand, walaupun berhadapan dengan ketidakpastian dalam pasaran hartanah, telah berjaya mengekalkan prestasi dan menunjukkan daya tahan untuk menyesuaikan diri dalam suasana bisnes yang berubah-ubah.

Di bawah tahun kajian, aktiviti-aktiviti pembangunan hartanah Johor Land tertumpu kepada Bandar Dato' Onn, Taman Bukit Tiram dan Taman Bukit Dahlia.

Bandar Dato' Onn adalah hartanah terbaru yang ditawarkan oleh JLand menjanjikan salah satu alamat kediaman yang paling diidamkan di Iskandar Malaysia. Perbandaran ini, yang dijangka akan disiapkan dalam tempoh 20 tahun akan dibangunkan berdasarkan konsep perjiranan eksklusif. Sejumlah 19 perjiranan eksklusif di mana setiap satunya telah dirancang dengan teliti bagi menyerlahkan aspek terhebat dalam kehidupan berkomuniti. Perbandaran ini menampilkan konsep perjiranan eksklusif dan hab komersial meriah yang bakal menjadi sebuah perbandaran yang paling indah dan moden untuk didiami di selatan negara. Di dalam perbandaran ini, Hab Komersial Wilayah seluas 118 ekar bakal disediakan yang akan menjadi nadi penggerak kepada Bandar Dato' Onn dan semua komponen pembangunan yang akan dihubungkan dengan taman-taman linear dengan pengkhususan diberi kepada penyediaan landskap yang tercantik. Apabila siap, perbandaran ini akan menampilkan lebih 17,800 unit-unit hartanah dengan anggaran kasar nilai pembangunan dan keuntungan kasar masing-masing berjumlah RM4 bilion dan RM1.2 bilion.

Projek pertama Bandar Dato' Onn iaitu Perjiranan 10 yang mempunyai 662 unit-unit rumah teres dua tingkat berprestij dan rumah berkembar dua tingkat telah dilancarkan pada tahun 2007 dimana kesemua unit kediaman tersebut telah disiapkan dan lebih daripada 90% telah diserahkan kepada para pembeli.

Pada Disember 2010, Syarikat telah melancarkan fasa pertama Perjiranan 11 yang mengandungi 198 unit-unit rumah kediaman dan Perjiranan 2 yang mengandungi 21 unit-unit hartanah komersial dengan nilai pembangunan kasar berjumlah RM275 juta.

Selain daripada itu, projek-projek yang sedang dilaksanakan oleh JLand adalah Taman Bukit Dahlia dan Taman Bukit Tiram juga telah menyumbang kepada pencapaian yang memberansangkan dalam tahun dibawah kajian. Taman Bukit Dahlia terletak di lokasi strategik di antara Masai dan Pasir Gudang, salah satu koridor yang berkembang di Johor; sementara Taman Bukit Tiram merupakan pembangunan bercampur di atas tanah seluas 150 ekar. Pembangunan ini merupakan tambahan kepada pembangunan JLand di Bandar Tiram, ianya dirancang sebagai perbandaran lengkap di atas tanah seluas 1,200 ekar.



KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI JLAND MENINGKAT SEBANYAK

61.6%



063

DAMANSARA ASSETS SDN BHD

Bahagian Hartanah JCorp terdiri daripada dua syarikat utama iaitu Johor Land Berhad dan Damansara Assets Sdn Bhd (DASB). Johor Land Berhad menumpukan kepada aktiviti pembangunan kawasan perumahan dan *township*. Manakala DASB memainkan peranan di dalam hartanah komersil.

Secara umumnya, portfolio hartanah komersil ketika ini terdiri daripada kompleks membeli-belah, bangunan pejabat, terminal pengangkutan dan lain-lain yang terletak di Kuala Lumpur dan Johor Bahru seperti berikut:

Kompleks Membeli-belah

- Bangunan Pejabat
- Plaza Kotaraya
- Larkin Sentral
- Pasaraya Komuniti @mart Kempas
- Pusat Perniagaan Taman Dahlia
- KOMTAR

Pusat Bandar

- Menara Johor Corporation
- Menara KOMTAR
- Menara Ansar
- Kolej Antarabangsa di Bandar Dato' Onn

Terminal Pengangkutan

- Larkin Sentral
- Terminal Bas Sentral Kotaraya
- Jeti Tanjung Leman

Pada tahun berakhir 31 Disember 2010, JLand telah mencatatkan perolehan berjumlah RM135.6 juta berbanding perolehan berjumlah RM203.9 juta pada tahun 2009. Prestasi ini berpunca daripada pengurangan jualan dan tuntutan kemajuan kerja daripada projek hartanah utama JLand. Walau bagaimana pun, keuntungan sebelum cukai meningkat kepada 61.6% daripada RM25.2 juta kepada RM40.7 juta berbanding pada tempoh yang sama tahun lalu. Syarikat mencatatkan peningkatan margin daripada jualan rumah-rumah kedai dan tanah komersial pada tahun 2010.

Kualiti lembaranimbangan JLand juga bertambah baik dengan aset ketara bersih meningkat kepada RM697.1 juta pada tahun 2010, berbanding RM673.6 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

BAHAGIAN HARTANAH SAMBUNGAN

Meskipun bermotifkan komersil, JCorp tetap mempertingkatkan penglibatan bumiputera di dalam bidang perniagaan melalui ruang-ruang premis yang dibangunkan.

KOMTAR ~ Kompleks Membeli-belah Iconic Antarabangsa

Seiring dengan perancangan Kerajaan Negeri Johor untuk memajukan Bandaraya Johor Bahru sebagai Metropolis of International Standing selaras dengan kedudukannya di dalam *Flagship A Iskandar Malaysia*, JCorp telah merancang Program Pembangunan Semula KOMTAR untuk menjadikannya sebuah *iconic building* yang mampu menjulang Bandaraya Johor Bahru sebagai bandaraya bertaraf antarabangsa dan mengekalkan KOMTAR sebagai mercu tanda.

Hasrat murni tersebut akan diterjemahkan di dalam penjenamaan Kompleks Membeli-belah KOMTAR yang baru dengan objektif untuk memberi kepuasan membeli-belah kepada pengunjung seterusnya menjadi pemangkin kepada industri pelancongan. Bertemakan '*Refreshingly Delightful, Simply Cosmopolitan*', pembinaan kompleks membeli-belah yang bakal mempunyai keluasan boleh disewa lebih 365,000 kaki persegi ini sedang rancak dijalankan dan dijangka mula beroperasi pada tahun 2013.



Bagi menjadikannya setaraf dengan kompleks membeli-belah antarabangsa, bukan sahaja rekabentuk dan fasiliti bangunan ini perlu mempunyai tahap antarabangsa bahkan yang lebih penting adalah *retailers*. Oleh yang demikian, peniaga - peniaga bumiputera yang telah mencapai peringkat ini akan terus diberi peluang untuk berkembang maju bagi membuktikan kebolehan mereka bersaing di kompleks membeli-belah bertaraf antarabangsa.

Pasaraya Komuniti @mart Kempas

Di dalam tahun 2010 juga, DASB telah membuat pelaburan sebanyak RM33 juta untuk pembinaan sebuah pusat membeli-belah yang dinamakan Pasaraya Komuniti @mart Kempas di atas sebidang tanah yang berkeluasan 12 ekar. Pasaraya komuniti bertemakan 'Bersih Segar Untuk Semua' ini menempatkan sebuah supermarket, 4 unit penyewa mini anchor, 47 unit lot pasar, 100 unit lot kedai serbaneka, 42 unit lot kiosk dan 14 unit lot kedai makan. Ianya dibina untuk memenuhi keperluan penduduk persekitaran terutamanya bagi penduduk di Taman Cempaka, Taman Dahlia, Taman Bukit Kempas, Taman Johor dan komuniti-komuniti lain yang berhampiran dengannya.

Sempena dengan pelancaran pembinaan pasaraya komuniti ini, YAB Menteri Besar Johor telah membuat lawatan ke tapak projek di Kempas pada 14 Mei 2010.

KFCH International College di Bandar Dato' Onn

DASB juga telah membuat pelaburan sebanyak RM15 juta untuk membina sebuah bangunan yang pada asalnya untuk dijadikan pejabat baru JCorp di Bandar Dato' Onn. Bangunan ini telah berjaya disiapkan pada bulan Ogos 2010 dengan keluasan boleh sewa seluas 67,000 kaki persegi ini telah disewakan sepenuhnya kepada SPM Restaurants Sdn Bhd bermula Oktober 2010 untuk membuka sebuah kolej yang dikenali sebagai *KFCH International College*.





DASB TELAH MENJANA KENAIKAN PEROLEHAN SEBANYAK

11%

Restoran KFC Mercu Tanda Tanjung Leman

Selain itu, DASB juga menyempurnakan pembinaan sebuah restoran KFC di Tanjung Leman pada bulan November 2010. Pembinaan yang menelan belanja RM1.5 juta ini dibina menghadap ke Laut China Selatan mempunyai menara yang menjadi mercu tanda dan panduan kepada bot-bot mahupun feri. Di samping itu, ianya bagi menggalakkan kedatangan pelancong asing mahupun tempatan yang menggunakan kemudahan jeti Tanjung Leman untuk ke Pulau Sibul dan pulau-pulau sekitarnya.

Transformasi Larkin Sentral

Selaras dengan usaha kerajaan untuk menjayakan *Economic Transformation Programme*, DASB telah melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf Larkin Sentral untuk menampung keperluan pengunjung mahupun peniaga. Diantara kerja-kerja menaiktaraf tersebut adalah membina kemudahan infrastruktur iaitu 4 buah link bridge yang menghubungkan bangunan pasar dengan restoran KFC, bangunan pasar dengan tempat letak kereta Jalan Garuda 3, bangunan pasar dengan Plaza Larkin serta bangunan terminal dengan tempat letak kereta.

Selain itu, kerja menaiktaraf medan selera juga telah dijalankan melibatkan aspek pencahayaan, pengudaraan dan susun atur gerai untuk memuatkan lebih ramai penjamu selera dengan kos sebanyak RM880,000. Medan selera ini menempatkan 50 unit kedai makan halal dan 25 unit kedai makan tidak halal.

Pasar basah juga telah menerima pembaharuan di mana sebanyak 242 unit lot pasar basah telah dinaiktaraf bagi menjamin keselesaan pelanggan dengan mempunyai ruang niaga dan ruang pejalan kaki yang lebih luas serta sistem pengudaraan yang lebih efisien.



YAB Menteri Besar Johor telah sudi membuat lawatan kerja ke Larkin Sentral pada 8 Jun 2010 bagi melihat sendiri perubahan yang telah dilaksanakan di samping mendekati para peniaga yang terdapat di kompleks ini.

Kedudukan Kewangan

Bahagian Hartanah Komersil (DASB) telah menjana kenaikan perolehan sebanyak 11% daripada RM18 juta dalam tahun 2009 kepada RM20 juta dalam tahun 2010. Walaubagaimanapun, Keuntungan Sebelum Cukai syarikat menurun sedikit dari RM12 juta kepada RM11 juta terutamanya disebabkan peningkatan kos kewangan untuk pembiayaan projek baru. Manakala di peringkat Kumpulan DASB, perolehan bagi tahun 2010 telah menurun 5% dari RM154 juta kepada RM146 juta disebabkan oleh penurunan perolehan syarikat-syarikat di dalam Kumpulan. Di samping itu, kenaikan kos-kos operasi dan kos kewangan telah menyebabkan Keuntungan Sebelum Cukai Kumpulan DASB menurun dari RM27 juta pada tahun 2009 kepada RM20 juta bagi tahun 2010.



BAHAGIAN PERKHIDMATAN HARTANAH & LOGISTIK



066

TPM TECHNOPARK SDN BHD

TPM Technopark Sdn Bhd merupakan Syarikat Anak milik penuh JCorp yang terlibat di dalam perkhidmatan pengurusan projek dan pembangunan serta pemasaran kawasan perindustrian.

Pada tahun 2010, TPM Technopark Sdn. Bhd. telah menjual sebanyak 302.2 ekar tanah industri milik JCorp bernilai RM176.3 juta. Jualan tanah industri pada tahun 2010 meningkat berbanding tahun 2009 kerana keyakinan para pelabur terhadap kawasan industri milik JCorp disamping kesan awal pemulihan ekonomi dunia.

Sebagai agen pemasaran kepada JCorp, TPM Technopark Sdn. Bhd. sentiasa terlibat dalam misi pelaburan bagi mendapatkan lebih banyak pelaburan dari luar negara dan memperkenalkan Johor sebagai sebuah lokasi terpilih bagi tujuan pelaburan. TPM Technopark Sdn Bhd telah merancang untuk mempelbagaikan strategi pemasarannya. Strategi pemasaran yang dilaksanakan meliputi penyertaan dalam

pameran, misi dan sesi dialog perdagangan serta pengiklanan dan mengambil bahagian di dalam program-program pemasaran yang dianjurkan oleh MIDA, MITI dan Kerajaan Johor. Kelebihan strategik negeri Johor sebagai satu-satunya lokasi di Malaysia yang mampu memberikan gabungan kelebihan dari Malaysia dan Singapura telah digunakan sepenuhnya.

Kemudahan infrastruktur sedia ada yang terdapat di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang dan Tanjung Langsat juga menjadi daya tarikan kepada pelabur berpotensi dari dalam dan luar negara.

TPM Technopark Sdn. Bhd. juga sedang membangunkan Taman Perindustrian Sedenak seluas 700 ekar dimana kerja-kerja pembangunan infrastruktur kawasan sedang giat dijalankan. Ia bakal memainkan peranan yang penting memandangkan lokasinya yang strategik di kawasan pusat pembangunan Iskandar Malaysia.

Selain jualan tanah industri, TPM juga merupakan pengurus projek kepada beberapa projek Kumpulan JCorp. Ini termasuk kerja menaiktaraf dan membina semula Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) serta pembinaan bangunan Akademi JCorp di Ulu Tiram dan pembangunan Paramount International College di Bandar Dato' Onn. Secara keseluruhannya, TPM sedang menguruskan projek-projek yang dianggarkan bernilai RM265 juta.

TPM juga terlibat sebagai Pengurus Projek bagi sekolah-sekolah agama di Negeri Johor yang ditadbir oleh Jabatan Agama Islam Johor. Ketika ini TPM sedang menyiapkan 2 projek sekolah menengah agama bernilai RM3.4 juta.

Sehingga Disember, 2010, TPM Technopark Sdn. Bhd. telah menyiapkan 22 projek pembangunan dengan nilai sebanyak RM121.7 juta. Antara projek besar yang telah disiapkan adalah kerja-kerja mendalamkan jeti Tanjung Langsat Port, Dewan Serbaguna di Taman Kota Masai dan Kampung Kopok serta 3 projek sekolah agama di Kota Tinggi, Batu Pahat dan Kulai.



PELABUHAN TANJUNG LANGSAT

Program Transformasi Ekonomi yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai hab terbesar minyak dan gas di rantau ini adalah seiring dengan dasar Tanjung Langsat Port. Program ini telah mengenalpasti dua belas (12) Kawasan Tumpuan Ekonomi Negara (NKEA) termasuk sektor minyak dan gas di Malaysia. Tanjung Langsat Port (TLP) adalah pelabuhan khusus dalam pengendalian kargo cecair dan kargo pepejal dimana menjadikan ia sebuah kawasan penting untuk program transformasi ini. Kerajaan melalui Pemandu (*Performance Management Delivery Unit*) dan Unit Perancangan Ekonomi Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM17 juta untuk pembangunan kerja-kerja infrastruktur termasuk kerja mendalamkan Berth-7 yang berjumlah RM10 juta, kerja pembinaan jalan utama dari Kiswire ke Asiaflex bernilai RM5 juta dan juga pembinaan rangkaian paip menghubungkan LgT-2 ke rangkaian paip utama berjumlah RM2 juta.

KERAJAAN TELAH MEMPERUNTUKKAN SEBANYAK

RM 17 JUTA
UNTUK PEMBANGUNAN
INFRASTRUKTUR TLP

Pelabuhan Tanjung Langsat terletak di dalam kawasan Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat yang mempunyai keluasan 1,619 hektar dan telah diwujudkan dengan tujuan menyediakan perkhidmatan pelabuhan kepada syarikat-syarikat di dalam Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat. TLP telah berjaya membina lima buah jeti kargo cecair dan dua buah jeti kargo kering yang mampu mengendalikan kapal dari 5,000 dwt hingga 120,000 dwt. Kedalaman laut di TLP ini adalah dari 5 meter hingga 15.5 meter dan laluan masuk kapal ialah 12.8 meter dengan variasi ketika surut dalam lingkungan 3 meter dan 4.5 km pesisiran pantai, adalah mencukupi untuk mengendalikan keperluan pelabur-pelabur. Pembinaan ini turut menyediakan kemudahan perkhidmatan kepada Asiaflex Product Sdn. Bhd. Dan Kiswire Neptune Sdn Bhd (Kiswire), di mana kedua-dua syarikat ini menghasilkan produk berasaskan minyak dan gas. Syarikat Technip menghasilkan *flexible pipes* manakala syarikat Kiswire menghasilkan *steel wire rope*.

Langsat Terminal One Sdn Bhd (LgT-1) adalah usahasama antara MISC, Dialog dan PUMA (anak syarikat Trafigura). Tangki yang terdapat di terminal ini mempunyai keupayaan menyimpan 400,000 tan metrik di mana 130,000 tan metrik adalah untuk simpanan *nafta* dan *middle distillates*, dan lebih 270,000 metrik ton untuk minyak bahan bakar. Penyimpanan minyak jenis *nafta* dan *middle distillates* telah dimulakan pada September 2009. Kapal pertama yang mula berlabuh di pelabuhan ini dengan membawa minyak bahan api adalah pada April 2010. Status pembangunan Fasa 3, LgT-1 dengan kapasiti 70,000 tan metrik adalah dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2011, manakala LGT-2 yang berkapasiti 170,000 tan metrik dijangka beroperasi sebelum akhir tahun 2011. Kapasiti keseluruhan untuk LGT-1 dan LGT-2 adalah 640,000 tan metrik dan akan menghasilkan 12.5 juta tan metrik setahun bagi produk petroleum di Jeti kargo cecair.

BAHAGIAN PERKHIDMATAN HARTANAH & LOGISTIK SAMBUNGAN

Selain itu, projek *flexible pipes plant* yang bernilai RM500 juta dilaksanakan oleh Asiaflex Products Sdn Bhd (APSB) telah siap sepenuhnya dan telah dirasmikan pembukaannya pada 25 November 2010 oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Keputusan Technip untuk beroperasi di Malaysia telah membuktikan bahawa negara telah dikenali sebagai hub untuk syarikat-syarikat minyak dan air seperti Conoco Philips. APSB juga telah berjaya mengendalikan kargo 3,500 tan metrik milik Technip yang berasaskan minyak dan gas di jeti kargo kering pada tahun 2010.

Asiaflex telah merancang untuk meluaskan bisnis mereka dengan mengeluarkan produk yang berteknologi tinggi iaitu *umbilical* yang dianggarkan akan menelan sejumlah RM200 juta untuk menjayakannya. Mereka juga merancang untuk mengeluarkan *spoolbase* di TLP pada masa hadapan.

Sepanjang tahun 2010, TLP telah berjaya membawa masuk sebanyak 222 kapal yang melakukan operasi pemindahan kargo di jeti. TLP telah mengendalikan sebanyak 4.8 juta tan metrik kargo berbanding pada tahun lepas hanya 28 kapal dengan 641,500 tan metrik kargo sahaja. Kadar jam beroperasi juga telah meningkat dari 1,284 jam pada tahun lepas kepada 8,565 jam pada tahun ini. Aktiviti *dockage* dan *wharfage* menghasilkan caj sebanyak RM11.5 juta. Walau bagaimanapun caj ini tidak termasuk caj untuk aktiviti sokongan yang lain.

Mengikut pecahan, Langsat Terminal One Sdn Bhd (LGT-1) adalah penyumbang utama pada tahun 2010 membawa kapal sebanyak 188 buah atau 85% dengan 4.7 tan metrik kargo. Selain itu, Asiaflex selaku penyumbang kedua dengan lapan peratus (8%) daripada keseluruhan kapal. Ini melibatkan 12 buah kapal untuk operasi import manakala 23 buah kapal untuk operasi export dan jumlah keseluruhan kendalian ialah 641,500 tan metrik. Manakala, Langsat Bulkera Sdn Bhd telah membawa tujuh (7) buah kapal dengan 64,000 tan metrik.



Mengikut statistik, LGT-1 telah mengendalikan hampir 526,00 tan metrik kargo cecair yang mengandungi minyak petroleum dari pelbagai gred seperti gasolin, nafta manakala 104,400 tan metrik CPO telah berjaya dikendalikan oleh LBSB melalui jeti TLP dan hanya 11,000 tan metrik melibatkan operasi di terminal minyak TLP.

Untuk aktiviti *lay-up* dan *float repair*, TLP telah berjaya mengendalikan 20 buah kapal mengandungi *semi submersible rig*, *jack-up rig*, produk *tanker*, bot bekalan, kapal kargo dan lain-lain. Untuk aktiviti tambahan, TLP telah mengendalikan 254 buah kapal yang melibatkan 46,099 tan metrik bekalan air mentah.

TLP juga telah berjaya menyediakan sebanyak 1,400 peluang pekerjaan kepada masyarakat.

LANGSAT MARINE BASE SDN BHD

Langsat Marine Base Sdn Bhd (LMB) telah ditubuhkan pada tahun 2009 untuk memberi perkhidmatan kepada kontraktor-kontraktor gas dan minyak melalui perkhidmatan menyediakan tanah dan pelabuhan marin untuk menyokong aktiviti mereka. Penubuhan syarikat ini adalah seiring dengan visi kerajaan Malaysia untuk mengubah Johor menjadi hub lapangan perkhidmatan minyak dan peralatan (OFSE).

LMB telah beroperasi secara rasmi pada 18 November 2010 dengan *offshore supply vessel* (OSV) aktiviti di Berth 7. Sejak itu, aktiviti *offshore* akan dikendalikan oleh LMB.

Untuk tahun 2010, aktiviti-aktiviti LMB ada melibatkan pengendalian dan penyimpanan barangan *offshore*, *float repair*, penyewaan alatan, penyediaan kapal layar dan alatan sokongan dan aktiviti penyimpanan. Bagi tahun 2010 juga, empat (4) jenis kapal termasuk 'OSV', *semi submersible rig*, *product tanker* dan *jack-up rig* telah dikendalikan oleh LMB dengan jayanya. Terdapat banyak pertanyaan untuk menggunakan fasiliti di sini tetapi disebabkan kawasan yang terhad menyebabkan LMB terpaksa menolak tawaran mereka.

Pada tahun 2010 LMB juga telah merancang untuk mendalamkan *inner basin* Berth-7 dan membina tambahan *ballords* dan *fender* untuk menampung bilangan kapal yang banyak pada masa hadapan. Adalah dijangkakan operasi di LMB akan berjalan lancar pada akhir tahun 2011.

DAMANSARA REALTY BERHAD

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2010, jumlah hasil Kumpulan meningkat sebanyak 133% kepada RM63.2 juta berbanding RM27.2 juta pada 2009. Keseluruhan hasil Kumpulan adalah meliputi hasil yang disumbangkan oleh aktiviti pembangunan hartanah berjumlah RM55 juta (87%), aktiviti pembinaan berjumlah RM2.1 juta (3.3%) dan aktiviti perkhidmatan di sektor kesihatan berjumlah RM5.9 juta (9.5%).

Walaupun terdapat peningkatan ketara terhadap jumlah hasil, bagi tahun kewangan 2010, Kumpulan mencatatkan kerugian selepas cukai berjumlah RM8.2 juta berbanding keuntungan selepas cukai berjumlah RM1.2 juta pada 2009. Walau bagaimanapun, kerugian tersebut adalah disebabkan oleh peruntukan ke atas akaun berjumlah RM10.1 juta.

Dalam usaha untuk mengukuhkan kedudukan kewangan, pada 2010 Kumpulan DBhd telah berjaya mengurangkan kira-kira RM7.4 juta daripada jumlah liabiliti. Selain itu, melalui strategi komprehensif, Kumpulan DBhd dijangka dapat membiayai semula sejumlah RM25.5 juta pinjaman bank pada pertengahan 2011.

ANALISA OPERASI

Pembangunan Hartanah

Aktiviti pembangunan hartanah di Taman Damansara Aliff (TDA) menyumbang sejumlah RM24.6 juta hasil Kumpulan melalui aktiviti penjualan tanah (RM18.7 juta) sementara pembangunan Aliff Puteri (Sub-Fasa 1) menyumbang sejumlah RM5.8 juta. Pada Oktober 2010, DBhd telah berjaya menyiapkan dan membuat serahan perumahan Aliff Puteri kepada pembeli.

Di atas faktor pasaran perumahan di Kuantan yang agak kurang memuaskan, tumpuan terhadap Bandar Damansara Kuantan (BDK) hanya meliputi aktiviti penjualan tanah strategik. Pada 2010, BDK mencatatkan hasil jualan tanah dan lot kedai kosong yang berjumlah RM30.4 juta.



Pembinaan

Sektor pembinaan menyumbang sejumlah RM2.1 juta daripada jumlah hasil Kumpulan, di mana ianya disumbang sepenuhnya oleh kontrak pembangunan perumahan fasa rendah dan sederhana untuk Syarikat Perumahan Negara Berhad.

Perkhidmatan di Sektor Perubatan

Servis berkaitan perkhidmatan di sector perubatan menyumbang RM6 juta dari keseluruhan hasil Kumpulan, melalui aktiviti yang dilaksanakan oleh Healthcare Technical Services Sdn Bhd (HTS). HTS merupakan syarikat anak di mana DBhd mempunyai 70% kepentingan di dalamnya.

Sehingga kini, HTS menguruskan 13 projek pembangunan hospital dengan nilai projek berjumlah RM343.8 juta. Selain itu, HTS juga di dalam perancangan untuk menjalankan 15 projek pembangunan hospital bernilai RM432.4 juta.

PROSPEK

Prospek bisnes Kumpulan dijangka akan berkembang baik dengan implementasi strategi yang terlaksana sepanjang 5 tahun kebelakangan ini. Jumlah pinjaman syarikat telah berkurang kepada RM25.7 juta pada 2010 berbanding RM49.5 juta pada 2006. Dijangkakan pada pertengahan 2011, Kumpulan DBhd akan melangsaikan kesemua pinjaman tersebut. Selain itu, dengan strategi komprehensif, DBhd telah berjaya mengurangkan kos berkaitan pentadbiran daripada RM12.9 juta (2008) kepada RM9.3 juta pada 2010.

Sehingga kini, DBhd telah berjaya melaksanakan perancangan untuk mengembalikan kedudukan posisi kewangan ke arah yang lebih baik. Kumpulan DBhd di dalam proses untuk meningkatkan tahap bisnes sedia ada dan bersedia untuk menceburi bisnes baru.

BAHAGIAN PERKHIDMATAN HARTANAH & LOGISTIK

SAMBUNGAN

ASIA LOGISTICS COUNCIL SDN BHD

Asia Logistics Council Sdn Bhd (ALC), syarikat yang berstatus MSC, telah memulakan operasinya sejak Februari 2008 di pejabat yang terletak di tingkat 45, Menara 2, Menara Berkembar Petronas, Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Kuala Lumpur.

Berdasarkan Perjanjian Perkongsian Pendapatan yang telah ALC meterai bersama *World Logistic Council Inc* (WLC) pada 5 Februari 2008, ALC telah bersetuju untuk membantu WLC di dalam menyebarkan penggunaan *Digital Soft Infrastructure* (DSI) yang akan merevolusikan pengendalian perdagangan dunia. DSI ini diperkenalkan melalui inisiatif global ke arah membentuk pertumbuhan ekonomi yang berterusan dengan meningkatkan efisiensi di dalam kendalian aktiviti-aktiviti berkaitan logistik untuk perdagangan serta akan meningkatkan tahap sekuriti kargo secara global. Inisiatif yang dikenali sebagai *HumaWealth Program* ini dipelopori oleh *Global Coalition for Efficient Logistics* (GCEL), sebuah badan kerjasama di antara badan awam dan pihak persendirian, berpusat di Switzerland yang tidak berasaskan keuntungan, dan mempunyai ahli serta penyokong melebihi dari 90 agensi-agensi kerajaan, 24 NGO serta firma-firma insuran, kewangan dan teknologi terkemuka di dunia, dengan jumlah tenaga kerja terkumpul sebanyak 2.7 juta yang memberikan perkhidmatan kepada lebih dari 60% dari keluaran domestik kasar dunia di 130 negara. ALC and WLC juga merupakan ahli GCEL.

Intipati kepada DSI, adalah satu platform teknologi terbuka yang di kenali sebagai *Global Logistics System* (GLS), yang berupaya untuk meningkatkan efisiensi secara signifikan bagi industri-industri berkaitan perdagangan termasuk - operasi, logistik, insuran, kewangan – semuanya TANPA SEBARANG KOS kepada pengguna akhir termasuk pengguna Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Melalui pelaksanaan DSI di bawah Program HumaWealth, terdapat banyak manfaat yang dapat diraih dan di antara lain termasuklah:

- Mengurangkan kos purata import dan eksport dunia dari 11% kepada 6%, sekaligus memberikan penjimatan sedunia sebanyak USD691 bilion setahun, sebanyak USD194 bilion bagi rantau Asia, dan USD8.9 bilion setahun bagi Malaysia.
- Memaksimumkan kapasiti logistik fizikal sediaada serta mengurangkan kos perdagangan sehingga 30% dan kos operasi sehingga 15%, dengan itu sekaligus menjana peningkatan perdagangan, di mana ini dapat menarik berbilion dolar pelaburan asing dan infrastruktur fizikal.
- Meningkatkan kawalan sempadan dan keselamatan kargo dari serangan keganasan.
- Mewujudkan USD6 trilion peluang pasaran untuk industri kewangan, insuran and teknologi sehingga tahun 2020.
- Menyatukan di antara tenaga pakar dan tenaga kerja muda, dan dapat membentuk peluang pekerjaan baru di kedua-dua negara membangun dan yang sedang membangun.
- Meningkatkan daya membeli penduduk negara berpendapatan menengah yang mewakili 45% daripada penduduk dunia sekaligus meluaskan pasaran utama global.



MEWUJUDKAN
USD 6 TRILION
PELUANG PASARAN





Secara keseluruhannya, pada tahun 2010, ALC dan GCEL telah meneruskan momentum operasinya ke arah memupuk kesedaran, membentuk sokongan serta konsensus, terhadap Strategi Global GCEL melalui Program HumaWealth, di kalangan organisasi awam dan swasta terpilih, di rantau Asia Pasifik.

Hasil dari beberapa sesi strategik bersama organisasi-organisasi terpilih di rantau Asia ini, ALC telah berjaya menganjurkan *HumaWealth Awareness Event (HWAE)* GCEL yang julung-julung kalinya di Jakarta Indonesia, pada 5 April 2010. Acara ini telah dianjurkan bersama oleh Kamar Dagang dan Industri Indonesia (KADIN), sementara Timbalan Gabenor Bank Indonesia Bapak Muliaman Hadad telah dijemput khas untuk menyampaikan ucapan di majlis ini. Berikutan kejayaan majlis yang pertama itu, ALC dan GCEL telah mengadakan beberapa pertemuan strategik lain dan salah satu sesi yang sangat signifikan merupakan sesi strategik bersama Pengarah Eksekutif Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC), Duta Mohamed Noor Yacob dan wakil-wakil APEC yang lain, di Singapura pada 21 Mei 2010. Pertemuan dengan APEC ini telah berhasil menghubungkan ALC dan GCEL dengan *ASEAN Business Advisory Council (ASEAN-BAC)* dan seterusnya membentuk sebuah kerjasama yang sangat bermakna. Pada 28 Oktober 2010, semasa berlangsungnya Perjumpaan Tahunan Perniagaan dan Pelaburan ASEAN di Hanoi Vietnam, GCEL dan ASEAN-BAC telah diberi penghormatan untuk menyampaikan Kertas Putih Bersama (*Joint White Paper*) kepada para pemimpin dan menteri-menteri ASEAN.

Kertas putih yang menggariskan langkah-langkah yang memberi penekanan kepada pertumbuhan perdagangan dan peningkatan tahap kompetitif bagi IKS ke arah mengintegrasikan ekonomi ASEAN, telah mendapat sokongan padu dari kalangan Menteri-Menteri ASEAN, sebagaimana yang dilaporkan oleh Pengerusi ASEAN-BAC Dr. Doan Duy Khuong.

Berikutan dari kejayaan penganjuran acara *HumaWealth Awareness* di Jakarta, ALC dan GCEL juga telah berjaya menganjurkan beberapa lagi acara yang serupa di rantau Asia Pasifik termasuk di Mumbai India pada 31 Julai 2010, di Singapura pada 9 September 2010, di Da nang Vietnam pada 23 Ogos 2010 dan di Malaysia pada 12 Oktober 2010. ALC telah menjemput wakil-wakil dari sektor awam, persatuan-persatuan industri dan eksekutif-eksekutif dari firma-firma kewangan, insuran dan teknologi serantau untuk diberikan penerangan tentang manfaat Program HumaWealth dan sekaligus bagi memberikan mereka masa yang cukup untuk membuat persediaan untuk menghantar kumpulan eksekutif mereka menghadiri acara utama *HumaWealth Genesis* pada penghujung tahun ini kelak.

Melalui acara HWAE ini, yang lazimnya dianjurkan bersama oleh dewan-dewan perdagangan dan persatuan-persatuan bisnes berkaitan logistik, ALC telah berjaya untuk mencetuskan minat yang mendalam dari kalangan wakil-wakil yang telah hadir, dan pada masa yang sama juga acara ini telah membuka ruang untuk mengenalpasti dan memilih pihak-pihak yang berminat untuk bekerjasama di dalam melaksanakan Laluan Perdagangan Tandaaras (BTL).

Susulan dari itu, penyertaan mereka di dalam BTL ini telah direalisasikan dengan termeterainya Memorandum Persefahaman (MOU) bersama wakil-wakil negara yang benar-benar memahami manfaat yang ditawarkan melalui program HumaWealth GCEL ini, dan telah mengambil langkah berani untuk menerajui negara mereka dengan mengambil bahagian di dalam pelaksanaan BTL ini. Berikutan dari termeterainya MOU bersama KADIN Indonesia tahun lalu, GCEL telah sekali lagi memeterai MOU bersama *Confederation of Indian Industries (CII)* pada 13 Disember 2010, yang telah secara rasminya merekodkan penyertaan India di dalam pelaksanaan BTL Asia, selain dari sekaligus melengkapkan Laluan Dagangan Tandaaras Asia yang pertama, yang menghubungkan Indonesia dan India, dan dengan ini juga menandakan bermulanya Fasa Penyebaran (*Deployment*) bagi rantau Asia.

Walaupun kempen kesedaran Program HumaWealth di rantau Asia telah sampai ke penghujungnya, dan dengan itu telah membuka laluan kepada bermulanya penyebaran Laluan Dagangan Tandaaras Asia yang pertama, GCEL telah mula memfokuskan usaha untuk berkempen di tiga lagi rantau dunia iaitu, Timur Tengah & Afrika, Amerika dan Eropah, dengan sasaran untuk menganjurkan sekurang-kurangnya 4 HWAE di setiap rantau, yang kemudiannya akan diakhiri dengan penganjuran acara kemuncak iaitu *HumaWealth Genesis Event* di Palais des Nations PBB Geneva, sebelum akhir tahun 2011.

BAHAGIAN HOSPITALITI

PENGLIBATAN JCORP DI DALAM BISNES HOSPITALITI ADALAH MELALUI PEMILIKAN 4 BUAH HOTEL, SEBUAH RESORT DAN SEBUAH PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA. TERNYATA SEKTOR INI MEMPUNYAI PELUANG BISNES SELARAS DENGAN PERKEMBANGAN INDUSTRI PELANCONGAN DI JOHOR KHUSUSNYA DAN JUGA DI MALAYSIA AMNYA. OLEH ITU SECARA TIDAK LANGSUNG SEKTOR INI MENYUMBANG KEPADA PERTUMBUHAN MASA HADAPAN JCORP SEKALIGUS MENINGKATKAN JOHOR SEBAGAI DESTINASI PERCUTIAN BERTARAF ANTARABANGSA.

072



Di bawah Puteri Hotels Sdn Bhd terdapat The Puteri Pacific Johor Bahru, Sibul Island Resort dan Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, manakala di bawah Kumpulan Hotel Selesa pula terdapat dua buah hotel di negeri Johor iaitu Hotel Selesa Johor Bahru dan Hotel Selesa Pasir Gudang dan juga sebuah hotel di Port Dickson iaitu Selesa Beach Resort Port Dickson.

The Puteri Pacific Johor Bahru merupakan sebuah hotel bisnes dan konvensyen yang terkenal sebagai tempat mesyuarat, persidangan dan penganjuran acara-acara istimewa. The Puteri Pacific Johor Bahru terletak di tengah-tengah Bandaraya Johor Bahru dan dilengkapi

dengan 464 buah bilik tetamu, bilik suit dan pangsapuri. Sebagai pengiktirafan untuk penginapan terbaik, The Puteri Pacific Johor Bahru telah menerima Anugerah Berlian di Majlis Anugerah Pelancongan Johor 2009 anjuran Jabatan Pelancongan Negeri Johor 2010.

Persada Johor International Convention Centre merupakan pusat konvensyen pertama di Johor dan selatan Semenanjung Malaysia. Persada Johor menawarkan kemudahan persidangan, tempat mesyuarat, acara khusus, pameran dan resepsi perkahwinan. Persada Johor muncul sebagai pemenang *FIABCI MALAYSIA SPECIAL PROJECT AWARD* pada tahun 2007.

Pusat konvensyen ini menawarkan kepelbagaian kemudahan tempat mesyuarat dari 10 hingga 3,500 delegasi dan 300 tapak pameran.

Sibu Island Resort yang terletak di Pantai Timur Johor telah dibuka semula pada Januari 2009 selepas menjalani pengubahsuaian dan penaiktarafan dalam memenuhi standard resort antarabangsa. Di antara elemen-elemen tersebut termasuk loji rawatan air bagi menghasilkan air yang segar dan bersih, pantai yang bersih serta bilik yang telah dinaiktaraf. Selain dari itu resort juga menyediakan kemudahan rekreasi bertaraf dunia untuk aktiviti lasak dan berpasukan, rekreasi untuk kanak-kanak dan aktiviti sukan laut.

Hotel Selesa Johor Bahru dan Hotel Selesa Pasir Gudang merupakan kumpulan hotel di bawah pengurusan The Puteri Pacific Johor Bahru di Johor dan terletak hanya beberapa

minit dari Singapura. Selesa Beach Resort Port Dickson menempatkan 213 bilik penginapan dengan rekaan balkoni peribadi dan amat mudah untuk diakses dengan kelebihan lokasinya yang terletak hanya 45 minit dari KLIA dan satu setengah jam pemanduan dari Kuala Lumpur dan Melaka melalui Lebuhraya Utara Selatan. Reka bentuk unik Minangkabau mencerminkan kekayaan seni warisan dan budaya tradisional Negeri Sembilan yang damai dari kesibukan kota.

Bahagian hospitaliti JCorp sedang giat menyelaraskan aktiviti-aktiviti pemasaran kesemua hotel-hotel dan pusat konvensyennya dengan menyertai pelbagai promosi-promosi pelancongan di dalam dan di luar negara dengan kerjasama Jabatan Pelancongan Johor, Pelancongan Malaysia dan *Malaysia Exhibition and Convention Bureau*.





SEKSYEN 6

BISNES INTRAPRENEUR





BISNES INTRAPRENEUR

BISNES INTRAPRENEUR

JCORP MEMAINKAN PERANAN YANG PENTING DALAM PEMBANGUNAN MASA DEPAN EKONOMI JOHOR DAN NEGARA, KHUSUSNYA UNTUK MEMENUHI OBJEKTIF DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL. PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN JCORP DILAKSANAKAN MELALUI PELBAGAI PENDEKATAN DENGAN FOKUS KEPADA DUA KUMPULAN SASARAN. KUMPULAN SASARAN PERTAMA MELIBATKAN SOKONGAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN PEMBUKAAN PELUANG-PELUANG BISNES DENGAN TUJUAN UNTUK MENINGKATKAN BILANGAN DAN MEMPERKUKUHKAN KUALITI AHLI PERNIAGAAN MELAYU – ISLAM DARI LUAR JCORP.



077

Kumpulan sasaran kedua yang tidak kurang pentingnya adalah membangunkan Intrapreneur atau Pengurus Usahawan daripada kalangan anggota pekerja dalaman JCorp sendiri dengan menyediakan mereka kemahiran di dalam mengurus aset dan meningkatkan nilai bisnes. Sasaran kedua inilah yang menyediakan hubungan strategik dengan pertumbuhan dan perkembangan korporat JCorp.

Bertahun JCorp telah melakar reputasi di peringkat nasional dalam Program Pembangunan Usahawan yang unik dan telah berjaya melahirkan beberapa Pengurus Usahawan yang membanggakan yang pada masa kini sedang menguruskan dan menerajui syarikat tersenarai dan tidak tersenarai dalam Kumpulan JCorp. Kumpulan pemimpin korporat dalaman yang dibangunkan ini disokong oleh barisan pelapis kedua dan ketiga yang mana

telah dipersiapkan untuk menerajui syarikat dalam Kumpulan bagi mengharungi cabaran pertumbuhan korporat masa hadapan.

Program Pembangunan Usahawan JCorp khususnya melalui pendekatan Skim Intrapreneur JCorp telah memasuki tahun kedua belas pelaksanaannya semenjak ianya dilancarkan pada tahun 1999. Skim yang merupakan dimensi baru perkongsian risiko dan keuntungan adalah satu skim pembangunan usahawan yang unik dan inovatif yang telah menunjukkan kejayaan luar biasa, berprestasi dan diterima baik. Dilaksanakan pada awalnya sebagai salah satu strategi kreatif JCorp dalam menangani krisis ekonomi 1997/1998, skim ini telah terbukti berjaya sebagai sebahagian jentera bisnes JCorp untuk memacu pertumbuhan bisnes dan perkembangan korporat masa depannya.

BISNES INTRAPRENEUR

SAMBUNGAN

Bagi tempoh berakhir 31 Disember 2010, JCorp telah berjaya melahirkan sebanyak 84 buah syarikat Intrapreneur dengan jumlah jualan secara agregat sebanyak RM675.3 juta dan keuntungan sebelum cukai secara agregat sebanyak RM18.9 juta. Secara keseluruhan sebanyak 11 buah syarikat Intrapreneur telah berupaya untuk mencatatkan Keuntungan Sebelum Cukai melebihi RM1 juta sejak dilaksanakan pada tahun 1999 dengan 4 buah syarikat mencatatkannya bermula tahun 2010 iaitu Orkim (M) Sdn Bhd di bawah Sindora Berhad, Institut Pembangunan Dan Pengurusan Johor Sdn Bhd (IPPJ), Syarikat Pengangkutan Maju Berhad dan Kulim Nursery Sdn Bhd yang melayakkan keempat-empat syarikat ini dianugerahkan dengan anugerah berprestij *One Million Dollar Club* menyamai prestasi dengan syarikat-syarikat yang telah dianugerahkan sebelumnya.

Pelaksanaan Skim Intrapreneur JCorp sentiasa diperkemas dari semasa kesemasa bagi disesuaikan dengan persekitaran bisnes global. Setelah lebih 12 tahun dilaksanakan, Skim

Intrapreneur JCorp tidak lagi mensyaratkan JCorp atau syarikat-syarikat dalam Kumpulan untuk memiliki pegangan minima 75 peratus. Penyertaan ekuiti oleh pihak-pihak luar Kumpulan JCorp juga turut boleh dipertimbangkan tertakluk kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh JCorp. Perubahan ini antara lain bertujuan untuk memberikan ruang yang lebih luas kepada syarikat-syarikat Intrapreneur untuk terus meneroka pasaran global tanpa terikat pra-syarat kelayakan.

Fungsi dan tanggungjawab Jabatan Bisnes Intrapreneur (JBI) di JCorp dan juga JCorp Intrapreneur (M) Berhad (JIMB) terus diperkukuhkan selaras dengan sasaran JCorp untuk memastikan kelestarian bisnes Syarikat-Syarikat Intrapreneur. Sistem dan prosedur pembangunan Intrapreneur telah dibentuk dan sentiasa dikemaskini yang meliputi aspek-aspek seperti kriteria pemilihan calon Intrapreneur, pemilihan aktiviti bisnes, sistem pemantauan, sistem ganjaran dan faedah dan juga peluang-peluang untuk Intrapreneur mengembangkan bisnes dan kerjaya.

078



JUMLAH JUALAN SECARA
AGREGAT 84 SYARIKAT
INTRAPRENEUR ADALAH
SEBANYAK

RM **675.3** JUTA



079



Menyedari akan daya maju Skim Intrapreneur, JCorp secara lebih agresif telah merencana satu program bagi mengenalpasti bisnes dan aktiviti-aktiviti dalam Kumpulan JCorp dan jabatan-jabatan dalaman untuk diintrapreneurkan. Ianya juga disusuli dengan pencarian dan pelawaan kepada usahawan-usahawan luar yang layak bagi membantu mempercepatkan perkembangan dan pertumbuhan skim ini.

Peluang sentiasa di berikan kepada Intrapreneur yang menunjukkan kebolehan luar biasa dalam menguruskan bisnes. Kepelbagaian bisnes yang diceburi oleh JCorp mendorong kepada usaha-usaha JCorp untuk mengumpulkan

bisnes yang mempunyai sinergi antara satu sama lain di bawah satu kumpulan (*clustering*) pengurusan. Intrapreneur yang mempunyai kebolehan luar biasa akan menerajui kumpulan aktiviti bisnes tersebut manakala Intrapreneur yang lain di bawahnya akan terus dibimbing dan diberi panduan untuk memacu bisnesnya.

Sebagai kesimpulan, pemilikan institusi memberikan sumbangan yang signifikan dalam menjurus kepada membina satu modal sosial negara, yang mana adalah kritikal bagi mengekalkan kedaulatan negara dan kesepaduan sosial.

BISNES INTRAPRENEUR

SAMBUNGAN



EA TECHNIQUE TELAH
MENUNJUKKAN
KEUNTUNGAN
BERTERUSAN SEBANYAK

RM **5.8** JUTA



080

PERKAPALAN SEBAGAI BISNES TERAS SINDORA MELALUI EA TECHNIQUE (M) SDN BHD

Penglibatan Kumpulan dalam industri perkapalan diterajui oleh EA Technique (M) Sdn Bhd (EA Technique) yang diambilalih pada 2006. Ia telah berkembang pesat dan kini menjadi sebuah entiti korporat dengan modal berbayar sebanyak RM44 juta. Penyelesaian pengambilalihan 51% ekuiti Orkim oleh Sindora dan EA Technique pada 31 Januari 2011 telah membolehkan Kumpulan muncul sebagai syarikat perkapalan kedua terbesar di Malaysia di bawah kategori kapal tangki produk petroleum bersih (CP) selepas Malaysian International Shipping Corporation (MISC) yang dimiliki oleh Petronas.

Tahun 2010 menyaksikan banyak syarikat-syarikat perkapalan terkemuka menggabungkan aktiviti mereka untuk mengukuhkan prestasi bisnes dengan mengecilkan operasi, melupuskan kapal-kapal lama dan membatalkan tempahan untuk kapal baru. Walaupun sepanjang tahun, harga minyak mentah dunia telah mengukuh, pasaran perkapalan antarabangsa mengalami lebihan bekalan kapal tangki dan ini mengakibatkan tekanan kepada kadar sewaan dan menjadikan ia lebih rendah.

Dalam usaha untuk mengukuhkan kedudukan dan memastikan prospek jangka panjang yang menguntungkan, syarikat meneruskan strategi pengembangannya melalui pertumbuhan organik serta penggabungan dan pengambilalihan (M&A). Pengambilalihan majoriti 51% pegangan saham dalam Orkim adalah secara berperingkat melalui pegangan langsung 20% oleh Sindora dan baki 31% lagi oleh EA Technique. Pengambilalihan ekuiti yang terakhir 1% telah diselesaikan pada Januari 2011 dan ini menjadikan Orkim sebagai subsidiari Sindora bermula pada Februari 2011.

EA Technique juga telah dianugerahkan empat kontrak jangka panjang selama 10 tahun dengan pilihan tambahan untuk pembaharuan selama tiga tahun bagi membekalkan bot tunda dermaga dan bot perkhidmatan untuk Sg Udang Port Sdn Bhd yang perlu disiapkan sebelum akhir tahun 2011, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM63.5 juta. Kontrak baru ini dijangka akan menjana pendapatan sebanyak RM13.9 juta setahun. Projek ini dibiayai melalui Sumber Kewangan Dalam (IGF) dan pinjaman bank. Ini bermakna pada akhir tahun 2011, EA Technique akan memiliki 13 kapal sokongan dengan jangkaan pendapatan setahun lebih daripada RM40 juta.

Sejajar dengan pertambahan kapasiti, jangkaan pendapatan Kumpulan diunjur meningkat daripada RM63.3 juta yang dicatatkan pada tahun 2007 kepada lebih daripada RM200 juta pada tahun 2011. Ini akan membolehkan operasi bisnes perkapalan Kumpulan terus berkembang dan muncul sebagai salah sebuah syarikat perkapalan utama di Malaysia.

Bilangan kapal milik Kumpulan EA Technique adalah seperti berikut:

Jadual: Jenis dan bilangan kapal Kumpulan EA Technique

Kapal	Unit	Sedang beroperasi	Dalam pembinaan
Kapal tangki	15	15	-
Kapal sokongan			
Bot tunda dermaga	6	2	4
Bot keselamatan	1	1	-
Bot krew pesisir pantai	2	2	-
Bot penambat	4	4	-
Jumlah	28	24	4



PRO OFFICE SOLUTIONS SDN BHD SEBAGAI PILIHAN UTAMA PENYEDIA PERKHIDMATAN PEMROSESAN DATA DAN DOKUMEN

Pro Office (M) Sdn Bhd (Pro Office) terus mencatat pencapaian memuaskan walaupun berhadapan dengan persekitaran bisnes yang mencabar di mana para pelanggan mengenakan syarat yang ketat pada kadar yang amat kompetitif. Namun begitu, syarikat masih mampu mencapai prestasi cemerlang secara konsisten dan seterusnya meningkatkan reputasinya sebagai salah satu penyedia perkhidmatan terkemuka di negara ini. Reputasi perkhidmatannya yang cemerlang telah meningkatkan tahap kesetiaan pelanggan dan menarik minat pelanggan-pelanggan baru yang ternama.



BISNES INTRAPRENEUR

SAMBUNGAN

Pro Office adalah sebuah syarikat Penyumberluaran Proses Bisnes (BPO) yang menyediakan perkhidmatan menyeluruh dalam industri Pemprosesan Data dan Dokumen (DDP). Syarikat telah berjaya meluaskan perkhidmatannya kepada syarikat telekomunikasi, institusi kewangan dan syarikat insurans serta beberapa syarikat berkaitan kerajaan. DDP meliputi perkhidmatan yang merangkumi pengklasifikasian data, menukar dan memformat dokumen hinggalah kepada mencetak data dan menyediakan dokumen bercetak untuk diedar melalui pos. Pro Office juga telah mempelbagaikan perkhidmatannya di dalam perkhidmatan nilai tambah lain seperti Perkhidmatan Pengurusan Mel, Pemasaran Langsung, Surat Serah Tangan/Surat Iklan dan Penghantaran Kurier/Bungkusan.

Syarikat telah meluaskan operasinya dan berjaya melaksanakan perkhidmatan yang bersepadu, rantai bekalan yang serba lengkap, memastikan keselarasan perkhidmatan dan kualiti perkhidmatan terbaik untuk memenuhi permintaan yang kian bertambah.

Walaupun menghadapi senario ekonomi yang mencabar, syarikat masih mampu mencapai pertumbuhan yang nyata dan prestasi cemerlang sejak ia memulakan bisnesnya pada tahun 1990 disebabkan oleh asas bisnes yang kukuh serta kemampuan keusahawanan dan komitmen Pengurus Intrapreneurnya. Jumlah nilai kontrak yang mencapai hampir dua kali ganda daripada apa yang dicatatkan lima tahun dahulu adalah bukti peningkatan reputasi Pro Office sebagai pengendali mel pukal yang berwibawa.

Jadual: Sumbangan mengikut Segmen Pasaran Tahun 2010

Segmen Pasaran	Perolehan (RM '000)	% sumbangan
Telekomunikasi	14,710	44
Bank/Institusi Kewangan	8,403	25
Dana Amanah	4,722	14
Lain-lain	5,790	17
Jumlah	33,625	100

Dalam usaha untuk mempelbagai dan meningkatkan pendapatannya serta mencari peluang bisnes baru untuk menjana dan menambah nilai aktiviti-aktiviti sedia ada, Pro Office telah mula membekalkan alatulis seperti kad bisnes, sampul surat dan kertas kepala surat. Menyedari keadaan pasaran bisnes mel pukal yang kompetitif dan mencabar pada masa kini, Pro Office terus menerokai pelaburan baru yang bersinergi dengan perkhidmatan sedia ada. Syarikat juga mengkaji secara aktif pelbagai peluang bisnes baru termasuk usahasama, penggabungan dan pengambilalihan bisnes yang bersinergi serta saling melengkapi bagi mempertingkatkan daya saing, prestasi dan kesinambungannya.

082

KEUNTUNGAN SELEPAS
CUKAI PRO OFFICE
MENINGKAT KEPADA

RM **33.6** JUTA



Syarikat juga telah membuka sebuah pusat pemulihan bencana yang baru di Selayang, Selangor yang bukan hanya untuk memastikan perkhidmatan berterusan kepada pelanggan, malahan menjana lebih banyak peluang bisnes untuk syarikat. Pusat pemulihan ini juga telah mewujudkan kapasiti tambahan yang menghasilkan lebih banyak pendapatan kepada syarikat. Syarikat juga sedang dalam proses membeli mesin baru yang canggih untuk mempertingkatkan prestasi dan memenuhi keperluan pelanggannya.

Pro Office juga telah dianugerahkan Anugerah Kecemerlangan Bisnes Beretika 2010/2011 (Kategori Syarikat Bersaiz Sederhana) oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (MDTCC) pada 9 Disember 2010.

KUMPULAN METRO PARKING SEBAGAI PENERAJU UTAMA SERANTAU

Pengurusan tempat letak kereta merupakan industri yang sangat kompetitif di mana sebahagian besar pasaran dikuasai oleh syarikat-syarikat operator ternama. Selain itu, industri ini didominasi oleh pemilik hartanah yang menguruskan sendiri tempat letak kereta mereka. Walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran, syarikat-syarikat operator tempat letak kereta yang utama ini masih menunjukkan pertumbuhan yang stabil kerana pasaran hartanah yang semakin berkembang terutamanya di negara-negara serantau seperti China dan India.

Kumpulan Metro Parking (Metro Parking) yang merupakan sebuah syarikat subsidiari milik 75% Kumpulan Sindora, terlibat dalam operasi dan penyediaan perkhidmatan perundingan tempat letak kereta yang meliputi pengurusan dan pengendalian semua jenis kemudahan tempat letak kereta. Khidmat rundingan merangkumi merekabentuk, menjalankan kajian aliran trafik dan memilih peralatan yang bersesuaian untuk sesebuah tempat letak kereta.

Syarikat ini diperbadankan pada bulan Mac 1991 dan berjaya diiktiraf sebagai syarikat antarabangsa setelah hampir 20 tahun beroperasi. Metro Parking secara agresif telah memperluaskan rangkaian bisnesnya bukan hanya di Malaysia, malahan di negara-negara serantau lain seperti Singapura, Brunei, Filipina, Hong Kong dan India.



Pertumbuhan Kumpulan yang kukuh disokong oleh jenamanya yang terkenal dan tahap perkhidmatan kepada pelanggan yang baik. Kumpulan Metro Parking menguasai 27.2% pasaran domestik yang meliputi pengendalian 111 tempat letak kereta pada akhir tahun 2010.

Pada tahun 2010, Metro Parking (M) Sdn Bhd telah menerima dua lagi Anugerah berprestij dalam *4th Business of The Year Award* yang dianjurkan oleh *SMI & SME Worldwide Network*. Anugerah tersebut adalah:

- *Corporate Leader of the Year* kepada En. Halmi Jasmin, Pengarah Urusan Kumpulan, Kumpulan Metro Parking
- *Service Provider of the Year* kepada Metro Parking (M) Sdn. Bhd.

Anugerah-anugerah lain yang diterima pada tahun yang ditinjau adalah:

- Anugerah Usahawan 1Malaysia oleh Biro Pembangunan Ekonomi dan Usahawan UMNO dan majalah *The Leaders*

KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI METRO PARKING MENINGKAT KEPADA

RM2.4 JUTA



BISNES INTRAPRENEUR

SAMBUNGAN



084

- Jenama Terbaik dalam Penjenamaan Produk, Jenama Terbaik dalam Pekhidmatan – Pengurusan dan Khidmat Rundingan Tempat Letak Kereta dalam *The BrandLaureate - SME's Chapter Awards 2010*
- Anugerah Kecemerlangan Perniagaan Beretika 2010/2011 oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Subsidiari di Singapura juga tidak ketinggalan menerima satu lagi anugerah iaitu *Excellent Service Award 2010* pada 11 November 2010 daripada Kerajaan Singapura.

Sasaran jangka pendek syarikat adalah untuk mengukuhkan operasi dan meningkatkan keuntungan melalui perolehan lebih banyak kontrak yang berdaya maju dan menambah syer pasaran, khususnya di Filipina dan India kerana sebahagian besar pasaran di negara tersebut masih belum dimanfaatkan di samping kos pelaburan yang rendah.

EPASA SHIPPING AGENCY SDN BHD

EPASA Shipping Agency Sdn Bhd (Epasa) yang berpangkalan di Pasir Gudang, Johor, secara khususnya terlibat dalam aktiviti berkaitan perkapalan dan penghantaran, pengurusan perkarangan kontena, dan mulai bulan Julai 2008, ia telah mempelbagaikan operasinya dengan menceburi bisnes pengangkutan (*haulage*). Lokasi operasi lain adalah di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dan Kompleks Kastam Johor Bahru. Syarikat berkenaan memiliki pengalaman yang luas mengendalikan pelbagai jenis kargo melalui jalan laut, darat dan udara. Pelanggannya meliputi syarikat-syarikat perkapalan terkemuka termasuklah yang bertaraf antarabangsa seperti Mediterranean Shipping Line Co. (M) Sdn Bhd, China Shipping (M) Agency Sdn Bhd, Antara Steel Mills Sdn Bhd dan FPM (M) Sdn. Bhd. Perkarangan kontena syarikat yang meliputi kawasan seluas 14 ekar telah disewa dari Johor Logistics Sdn Bhd dan mampu mengendalikan kapasiti sebanyak 15,000 TEU sebulan.

Penglibatan Epasa dalam bisnes *haulage* melibatkan pelaburan bernilai RM2.5 juta dan kini syarikat memiliki tujuh unit *prime movers* dan 44 unit treler. Operasi bisnes ini akan diberi penekanan khusus disebabkan oleh potensinya yang besar dan sejajar dengan permintaan yang kian bertambah di Pelabuhan Pasir Gudang dan Tg Pelepas. Segmen bisnes ini dijangka akan memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan dan keuntungan syarikat serta menjadi aktiviti teras dalam tempoh terdekat. Bisnes ini telah dikenalpasti sesuai untuk dilaksanakan program sub-intrapreneur bagi memastikan kesinambungan pertumbuhan dan prestasi Epasa.

PENGLIBATAN DALAM SEKTOR BIOTEKNOLOGI MELALUI MICROWELL SDN BHD

Penglibatan Sindora dalam sektor bioteknologi adalah melalui pengambilalihan 60% ekuiti Microwell Sdn Bhd (Microwell) pada 24 April 2010. Microwell menawarkan rangkaian produk baja bio berasaskan teknologi yang dihasilkan daripada sisa biologi yang mesra alam dan tidak mengandungi bahan kimia yang berbahaya dan ia digunakan untuk meningkatkan kesuburan tanah. Mikro-organisma di dalam baja bio akan menghasilkan nutrien organik yang amat berkesan dalam penyuburan tanah dan memberi perlindungan kepada pokok kelapa sawit daripada penyakit berbahaya seperti Ganoderma yang biasanya menyerang ladang-ladang kelapa sawit di seluruh Malaysia.



Syarikat kini telah berjaya memformulasikan baja bionya sendiri di bawah jenama GroAgro 1 – GroAgro 4 dan sedang mendapatkan hakmilik paten dagangan. Aplikasi percubaan bagi baja bio tersebut telah dijalankan sejak dua tahun lalu dan keputusannya setakat ini adalah amat memuaskan di mana penghasilan Buah Tandan Segar (BTS) meningkat dengan ketara dan pokok kelapa sawit mempunyai ketahanan yang tinggi terhadap penyakit.

Pengambilalihan Microwell merupakan satu lagi kejayaan mercutanda Sindora dalam pendekatan Bisnes Intrapreneur Venture yang melibatkan pengambilalihan kepentingan ekuiti dalam syarikat-syarikat yang menguntungkan dan berdaya maju. Di samping itu, pendekatan ini turut membantu usahawan yang berpotensi tetapi kekurangan modal dan sokongan korporat untuk terus berkembang dan mencipta nama dalam bidang yang diceburi.

KUMPULAN SINDORA TIMBER SDN BHD

Pemulihan semula ekonomi dunia yang tidak menentu dan permintaan terhadap kayu tropika yang semakin meningkat dari China dan India telah menghidupkan kembali industri ini. Proses pembangunan semula di Jepun akibat gempa bumi dan tsunami telah menguatkan lagi permintaan produk-produk berasaskan perkayuan

terutamanya produk papan lapis yang sentiasa menerima tempahan. Namun demikian, kurangnya kawasan konsesi pembalakan yang baru mengakibatkan kesulitan memperolehi kayu balak dan kos pengeluaran yang berterusan meningkat membuatkan aktiviti yang berkaitan dengan perkayuan yang diceburi syarikat tidak berjaya menjana keuntungan.

Dalam usaha untuk meningkatkan prestasi dan pertumbuhan korporat syarikat, tiga subsidiari telah ditubuhkan dalam tempoh tiga tahun lepas sebagaimana berikut:

- General Access Sdn Bhd (GASB) terlibat di dalam kontrak kerja-kerja tanah dan penyediaan infrastruktur seperti penanaman semula pokok kelapa sawit, pembinaan jalan dan kerja-kerja am lain.
- Jejak Juara Sdn Bhd (JJSB) terlibat dalam aktiviti mengurus ladang getah seluas 200 hektar milik Sindora yang terletak di Kluang, Johor.
- Tiram Fresh Sdn Bhd (TFSB) pula mengusahakan penanaman cendawan di Kompleks Sindora Timber, Bandar Tenggara, Kulai, Johor.

Selain itu, Sindora Timber juga telah diamanahkan untuk menguruskan baki ladang kelapa sawit milik Sindora seluas 200 ekar di Ladang Sungai Simpang Kiri, Yong Peng, Johor.

Untuk terus maju ke hadapan, Sindora akan mengambil segala tindakan yang wajar bagi memperolehi pulangan daripada pelaburannya dalam Sindora Timber melalui penerokaan bisnes baru yang berdaya maju dan penjualan aset-aset yang tidak produktif melalui tumpuan kepada bisnes baharu yang tidak berasaskan kayu. Kumpulan mempunyai sumber untuk memperluaskan kemampuannya dan merealisasikan peluang-peluang bisnes baharu bagi Sindora Timber agar terus menyumbang secara positif kepada Kumpulan.

BISNES INTRAPRENEUR

SAMBUNGAN



086

GRANULAB (M) SDN BHD

GranuLab (M) Sdn Bhd (GranuLab) yang telah diambilalih pada tahun 2007, terlibat dalam aktiviti pengeluaran dan pemasaran tisu tulang gantian sintetik di bawah jenama GranuMaS[®]. Projek berasaskan teknologi tempatan ini adalah hasil usaha penyelidikan bersama di antara SIRIM, Institut Teknologi Nuklear Malaysia (MINT), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) untuk menghasilkan Tisu Tulang Gantian bagi aplikasi pembedahan tulang di dalam prosedur tulang biasa untuk pembedahan Ortopedik, ENT, pergigian, pembedahan plastik dan pembedahan Maxillofacial. Ia merupakan projek pertama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi SIRIM yang dikomersialkan melalui perkongsian pintar dengan sebuah syarikat tempatan. GranuMaS[®] telah menerima akreditasi antarabangsa termasuk American Standards for Testing Materials Standard dan ISO 10993 Series In-Vitro Cytotoxicology and Biocompatibility Tests. Melalui Perjanjian Pelesenan Teknikal dengan SIRIM Berhad, GranuLab telah diberi lesen hak eksklusif untuk mengkomersialkan GranuMaS[®] selama 10 tahun dengan pilihan penyambungan selama 10 tahun.

Penggunaan batu kapur Malaysia yang mudah didapati untuk menghasilkan tisu tulang gantian sintetik ini akan membolehkan produk tersebut bersaing secara kompetitif di pasaran antarabangsa. Produk ini juga telah memenangi banyak anugerah di peringkat tempatan mahupun antarabangsa, seperti Anugerah Inovasi Malaysia Perdana Menteri 2007, ISESCO Science Award 2006, Gold Medal – Salon International Des Inventions Geneva (2005), Pingat Perak – Expo Sains, Teknologi dan Inovasi (2004), Anugerah Inovasi Terbaik SIRIM 2004 – Kategori – Produk: GranuMaS[®], dan Anugerah Inovasi Terbaik SIRIM 2004 – Kategori Teknologi.

Projek berkenaan telah menerima sokongan padu daripada kerajaan Malaysia menerusi pengiktirafan Status Bio Nexus pada tahun 2007 serta geran kerajaan berjumlah RM5.2 juta daripada Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Perbadanan Bioteknologi Malaysia (Biotech Corp) dan Perbadanan Pembangunan IKS (SMIDEC). Geran tersebut telah digunakan untuk membiayai pembukaan sebuah makmal pengeluaran, aktiviti promosi, kos pensijilan serta latihan. GranuLab telah pun memulakan pembinaan sebuah kilang pengeluaran gred perubatan dengan kos RM8 juta di Kota Kemuning, Shah Alam, Selangor untuk pengeluaran GranuMaS[®]. Pengeluaran percubaan telah bermula pada awal tahun 2011. Kilang yang dimiliki syarikat ini merupakan kilang yang pertama seumpamanya di Malaysia serta di Asia Tenggara yang mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan produk tisu tulang gantian sintetik bertaraf perubatan. Syarikat juga dalam proses mendapatkan pensijilan CE Mark dan ISO13485.

Syarikat ini akan terus menjalin kerjasama erat dengan SIRIM untuk pembangunan produk dan teknologi penggunaan *Hydroxyapatite* (HA) sebagai bahan asas untuk mengeluarkan produk-produk sampingan lain seperti simen tulang. Ia juga akan memeterai perjanjian usaha sama dengan beberapa universiti dan institusi tempatan untuk menggunakan kemudahan makmal syarikat bagi tujuan penyelidikan.

Keunggulan produk tersebut dan pensijilan oleh badan-badan akreditasi antarabangsa, berserta dengan kempen pemasaran yang agresif, pengetahuan mengenai produk dan penambahbaikan produk secara berterusan akan membolehkan produk GranuMaS® bersaing secara kompetitif di peringkat antarabangsa.

MIT INSURANCE BROKERS SDN BHD (MIT)

Proses pengambilalihan MIT Insurance Brokers Sdn Bhd bermula pada suku pertama 2010 dan selesai sepenuhnya pada bulan Julai tahun yang sama. MIT dianggap sebagai syarikat broker insurans yang kecil tetapi mempunyai potensi yang baik untuk berkembang pesat. MIT mempunyai kedua-dua lesen konvensional dan Takaful selain memiliki kepakaran teknikal, pelanggan yang ternama dan mempunyai kemampuan kewangan. Syarikat juga mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan mampu memahami kehendak syarikat konglomerat besar seperti JCorp dalam memberikan perkhidmatan yang lengkap.

Pengalaman yang diperolehi oleh Sindora ketika memiliki kepentingan di dalam Willis akan disalurkan dan digunakan sebaik mungkin kepada MIT. Syarikat mempunyai potensi untuk terus berkembang dan memberi sumbangan terhadap prestasi Kumpulan terutamanya jangkauan perolehan yang lumayan dan mampu diraih daripada Kumpulan JCorp sendiri di samping perkembangan pasaran luar Kumpulan.





SEKSYEN 7

TADBIR URUS KORPORAT

- 090 Penyata Tadbir Urus Korporat
- 094 Laporan Jawatankuasa Audit
- 096 Penyata Kawalan Dalaman
- 098 Penyata Pengurusan Risiko

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

ADALAH MENJADI DASAR JCORP BAGI MEMASTIKAN SEGALA PERJALANAN OPERASINYA MEMATUHI TADBIR URUS KORPORAT YANG BAIK. PERUBAHAN DI DALAM PERSEKITARAN BISNES SERTA CARA BISNES DIJALANKAN MENJADI FAKTOR UTAMA DI DALAM PEMBENTUKAN TADBIR URUS KORPORAT SESEBUAH ORGANISASI. SEHUBUNGAN ITU, JCORP SEBAGAI SEBUAH PERBADANAN PELABURAN NEGERI DI BAWAH KERAJAAN NEGERI JOHOR PERLU MEMATUHI UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN SEPERTI ENAKMEN PERBADANAN JOHOR NO. 4/1968 (SEBAGAIMANA PINDAAN ENAKMEN NO. 5/1995) DAN AKTA PERBADANAN (KEKOMPETENAN BADAN PERUNDANGAN NEGERI) 1962 (AKTA 380).

090

JCorp sentiasa memastikan amalan tadbir urus korporat yang baik dalam semua aktiviti dan urusniaga bisnes syarikat di dalam Kumpulannya melalui Ahli-Ahli Lembaga Pengarah, sistem pentadbiran syarikat-syarikat dan juga semua jawatankuasa tadbir urus. Kami berbangga dengan piawai tadbir urus korporat dan reputasi yang telah dibina serta percaya semua ini adalah penting bagi mengukuhkan bisnes serta mempertahankan nilai-nilai pihak berkepentingan. JCorp dan Kumpulannya juga menyedari piawai yang tinggi mengenai amalan korporat yang selari dengan prinsip-prinsip dan garis panduan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang telah disemak semula (yang mana bersesuaian).

Kami telah melaksanakan struktur tadbir urus korporat dengan sistem kawalan dalaman, panduan pelaporan dan tanggungjawab yang jelas serta prosedur-prosedur yang mudah difahami. Penyata amalan tadbir urus korporat Kumpulan adalah seperti di bawah:

LEMBAGA PENGARAH

Komposisi

Lembaga Pengarah JCorp adalah terdiri daripada Pengerusi (Menteri Besar Johor), Presiden dan Ketua Eksekutif, tiga pegawai daripada Perkhidmatan Awam Negeri Johor (Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-undang dan Pegawai Kewangan Negeri), dua orang wakil dari Kerajaan Persekutuan (Pengaroh Bahagian Pengurusan Belanjawan (Perbendaharaan) di Kementerian Kewangan serta Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam

Swasta di Jabatan Perdana Menteri) dan tiga orang pengarah bebas yang dilantik dalam kalangan ahli politik dan perniagaan. Presiden dan Ketua Eksekutif merupakan satu-satunya Pengarah Eksekutif di dalam lembaga pengarah. Setiap ahli lembaga pengarah bersama-sama menyumbang kemahiran, pengalaman, kebijaksanaan dan juga pandangan masing-masing di dalam mesyuarat lembaga pengarah.

Tugas dan Tanggungjawab

Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas prestasi keseluruhan JCorp dengan menetapkan visi dan objektif serta memastikan kecukupan dan integriti strategi, prestasi kewangan, isu-isu bisnes dan sistem kawalan dalaman JCorp.

Seperti yang termaktub di dalam Enakmen, Pengerusi adalah bukan seorang Presiden dan Ketua Eksekutif dan mereka mempunyai peranan yang berbeza. Presiden dan Ketua Eksekutif berperanan melaksanakan kawalan ke atas kualiti dan ketepatan masa bagi aliran maklumat di antara pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan.

Pengerusi pula adalah tidak terlibat hal ehwal pengurusan dan bertanggungjawab ke atas tugas-tugas Lembaga Pengarah, memastikan Lembaga Pengarah melibatkan pihak pengurusan di dalam perbincangan mengenai pelbagai perkara termasuk isu-isu strategik dan proses perancangan bisnes.

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bermesyuarat seperti yang dijadualkan iaitu sekurang-kurangnya empat kali setahun bagi menganalisis prestasi JCorp dan menyelesaikan perkara-perkara yang berkaitan dengan polisi dan isu-isu strategik bisnes JCorp dan Kumpulannya. Pengerusi boleh memanggil mesyuarat pada bila-bila masa dan akan, atas permintaan bertulis daripada tidak kurang daripada lima orang ahli Lembaga Pengarah, memanggil mesyuarat khas di dalam tempoh satu bulan daripada tarikh permintaan tersebut. Dalam tahun 2010, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak lima kali.

Namun JCorp percaya bahawa sumbangan daripada setiap pengarah dapat dicerminkan dengan cara selain daripada menghadiri mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah dan juga jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah. Oleh yang demikian, JCorp memilih untuk tidak menumpukan semata-mata kepada rekod kehadiran Lembaga Pengarah di dalam mesyuarat-mesyuarat rasmi kerana ini akan menjumudkan pandangan terhadap sumbangan mereka kepada JCorp.

Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Bagi memastikan kelancaran operasi dan proses membuat keputusan, dan pada masa yang sama memastikan kawalan yang sesuai, Lembaga Pengarah dibantu oleh lima jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Eksekutif, Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Perancangan Strategik, Jawatankuasa Tender serta Jawatankuasa Pelaburan. Fungsi pengurusan pula dipertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (TERAJU) dan pelbagai jawatankuasa tadbir urus lain.

Capaian kepada Maklumat

Pihak Pengurusan sentiasa menyediakan maklumat yang mencukupi serta menepati masa kepada Lembaga Pengarah berhubung hal ehwal dan juga isu-isu yang memerlukan keputusan Lembaga Pengarah. Pelaporan oleh pihak Pengurusan juga meliputi pencapaian operasi dan kewangan Kumpulan. Setiausaha pula bertanggungjawab ke atas hal ehwal berkaitan pentadbiran kesetiausahaan korporat.

SISTEM PENTADBIRAN SYARIKAT

Semua fungsi kesetiausahaan dalam syarikat-syarikat milik JCorp adalah dipertanggungjawabkan kepada Pro Corporate Management Services Sdn Bhd (Pro Corporate), syarikat penyedia khidmat kesetiausahaan untuk syarikat-syarikat di dalam Kumpulan. Fungsi syarikat ini didokong oleh para setiausaha yang berkeelayakan dan mereka bertanggungjawab bagi memastikan semua syarikat di dalam Kumpulan mematuhi segala keperluan berkanun seperti mana yang dinyatakan di dalam Akta Syarikat 1965 dan di mana bersesuaian, Keperluan Penyenaraian di Bursa Malaysia dan juga Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti. Mereka juga bertanggungjawab untuk memastikan lembaga pengarah syarikat-syarikat mematuhi polisi dan mencapai objektif syarikat seperti mana yang telah ditetapkan. Pelantikan setiausaha syarikat yang telah dikenal pasti ditentukan oleh Jawatankuasa TERAJU.

Semua pelantikan pengarah adalah diuruskan oleh Pro Corporate secara tahunan. Kriteria-kriteria pelantikan adalah berdasarkan kepada ketetapan sepertimana berikut:

Pengarah

- Telah lulus semua peperiksaan wajib;
- Telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama lima tahun.

Timbalan Pengerusi

- Telah berkhidmat sebagai Pengarah sekurang-kurangnya selama lapan tahun berturutan;
- Memegang jawatan sekurang-kurangnya sebagai Pengurus.

Pengerusi

- Telah berkhidmat sebagai Pengarah sekurang-kurangnya selama sepuluh tahun berturutan;
- Memegang jawatan sekurang-kurangnya sebagai Pengurus Besar.

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA TADBIR URUS

JCorp sentiasa mendukung struktur dan sistem membuat keputusan berasaskan prinsip dan amalan Syura. Pejabat Korporat pula memainkan peranan penting bagi memastikan semua keputusan diluluskan oleh jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan.

Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan Kumpulan (TERAJU)

Jawatankuasa ini dianggotai oleh 9 orang ahli dan dipengerusikan oleh Presiden dan Ketua Eksekutif. Peranannya termasuklah membincang dan memutuskan isu-isu strategik berkaitan JCorp dan juga syarikat-syarikat di dalam Kumpulannya.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

SAMBUNGAN

Jawatankuasa Teraju Korporat

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Naib Presiden Kanan (Kewangan dan Operasi) dan dianggotai oleh 10 orang ahli. Peranan yang dimainkan oleh Jawatankuasa ini termasuklah menyokong dan mengesahkan semua keputusan yang dibuat di dalam pelbagai jawatankuasa seperti Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) dan sebagainya.

Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)

Jawatankuasa ini dianggotai oleh 10 orang ahli dalam kalangan pengurusan JCorp dan dipengerusikan oleh Naib Presiden Eksekutif (Pembangunan Bisnes). Jawatankuasa ini membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan operasi serta kewangan dan memajukan segala cadangan kepada Jawatankuasa Teraju Korporat.

Jawatankuasa Pengawasan Pelaburan (JAWS)

Jawatankuasa ini yang berfungsi untuk membincangkan semua projek serta pelaburan baru dan dianggotai oleh 9 orang ahli yang dilantik dalam kalangan pengurusan kanan syarikat-syarikat di dalam Kumpulan JCorp. Pada masa kini, ia dipengerusikan oleh Pengurus Besar Kanan, Sindora Berhad.

Di samping empat jawatankuasa utama seperti yang dinyatakan di atas, terdapat lebih daripada tiga puluh jawatankuasa tadbir urus yang mempunyai fungsi dan terma rujukan tertentu masing-masing di dalam memantau operasi Kumpulan. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut di antaranya adalah Jawatankuasa Perancangan Strategik, Jawatankuasa Pemulihan Syarikat, Jawatankuasa Kemudi Korporat (Akaun), Jawatankuasa Laporan Suku Tahunan, Jawatankuasa Meluluskan Surat-surat Perjanjian, dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

TADBIR URUS KORPORAT DALAM ENTITI TERSENARAI DALAM KUMPULAN JCorp

Terdapat tujuh entiti di dalam Kumpulan JCorp yang disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia iaitu Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, QSR Brands Berhad, KFC Holdings (Malaysia) Berhad, Sindora Berhad, Damansara Realty Berhad dan Al-Aqar KPJ REIT. Manakala New Britain Palm Oil Limited pula disenaraikan di Bursa Saham Port Moresby dan Bursa Saham London. Sebagai entiti yang tersenarai, adalah penting untuk syarikat-syarikat ini melaksanakan tadbir urus korporat yang baik. Syarikat-syarikat ini dituntut untuk sentiasa mematuhi pelbagai peraturan oleh bursa saham di mana saham-saham mereka didaftar dan disenaraikan. Setiap syarikat tersenarai ini juga mempunyai ahli lembaga pengarah dan jawatankuasa audit mereka sendiri.

KETELUSAN

Ketelusan dalam proses membuat keputusan

Beberapa contoh pelaksanaan aspek ketelusan termasuklah pembangunan infrastruktur informasi dalam bentuk intranet dan pengurusan pengetahuan. Pengurusan pengetahuan merupakan satu kaedah di mana anggota pekerja berpeluang memberikan pelbagai maklumat menerusi percambahan cadangan dan idea. Mereka yang menyumbangkan idea-idea bernas dan inovatif yang boleh dilaksanakan akan mendapat ganjaran serta pengiktirafan daripada pihak pengurusan melalui Skim Cempaka dan Konvensyen Kualiti. Selain itu, JCorp juga telah mewujudkan saluran komunikasi untuk penyampai maklumat menerusi Borang Perakuan Peradaban yang diharapkan dapat digunakan oleh anggota pekerja untuk menyalurkan maklumat terus kepada Presiden dan Ketua Eksekutif jika mereka mendapati terdapat sebarang salah laku atau penyelewengan dalam kalangan anggota pekerja.

Ketelusan terhadap rakan niaga

Bagi menggalakkan ketelusan kepada semua rakan niaga, JCorp juga turut memajukan penggunaan Borang Perakuan Peradaban ini kepada para kontraktor dan pembekal.

Ketelusan dalam penilaian prestasi anggota pekerja

Setiap anggota pekerja dinilai berdasarkan pencapaian KPI individu yang telah dipersetujui pada awal tahun. Jabatan Pembangunan Tenaga Insan dan Pentadbiran bersama-sama dengan setiap Ketua Jabatan yang berkenaan akan membentangkan keputusan penilaian tersebut kepada Jawatankuasa Penilaian Prestasi.

JCorp juga menerima pakai sistem Penilaian Timbal Balik di mana Eksekutif Kanan dan ke atas akan dinilai oleh anggota pekerja bawahan dan juga rakan sekerja.

AKAUNTABILITI DAN AUDIT

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan, matlamat Lembaga Pengarah adalah untuk menyampaikan penilaian yang tepat dan seimbang ke atas kedudukan kewangan dan prospek Kumpulan. Jawatankuasa Audit pula menyemak laporan penyata kewangan tahunan bagi memastikan polisi-polisi perakaunan yang bersesuaian digunakan dan disokong dengan pertimbangan serta anggaran yang munasabah dan semua piawaian perakaunan yang diterima pakai telah dipatuhi.

Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman yang menyatakan gambaran umum mengenai kawalan dalaman adalah seperti yang dinyatakan pada muka surat 96.

Perhubungan dengan Juruaudit

Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit sentiasa memelihara hubungan yang telus dan bersesuaian dengan juruaudit dalaman dan luaran. Peranan Jawatankuasa Audit yang berkaitan dengan juruaudit digambarkan dalam Laporan Jawatankuasa Audit sebagaimana di muka surat 94.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

KOMPOSISI

JAWATANKUASA AUDIT DIPENGERUSIKAN OLEH DATUK DR HARIS SALLEH, SEORANG PENGARAH BEBAS. AHLI JAWATANKUASA PULA TERDIRI DARIPADA TAN SRI DATUK DR. HADENAN A. JALIL DAN ZAINAH MUSTAFA, MASING-MASING MERUPAKAN AHLI LEMBAGA PENGARAH BEBAS SYARIKAT-SYARIKAT TERSENARAI DI LUAR DAN DALAM KUMPULAN JCORP. KETUA AUDIT KUMPULAN MERUPAKAN SETIAUSAHA KEPADA JAWATANKUASA INI.

Tan Sri Datuk Dr. Hadenan merupakan bekas Ketua Audit Negara dan Zainah pula ahli felo Association of Chartered Certified Accountant (ACCA) United Kingdom.

KEHADIRAN MESYUARAT

Jawatankuasa ini bermesyuarat sepertimana yang dijadualkan sekurang-kurangnya dua kali setahun. Presiden dan Ketua Eksekutif menghadiri mesyuarat atas jemputan. Pada tahun 2010, Jawatankuasa telah mengadakan tiga kali mesyuarat sebagaimana berikut:

AHLI-AHLI	TARIKH MESYUARAT		
	9 April	6 September	8 Disember
Datuk Dr Haris Bin Salleh	✓	✓	✓
Tan Sri Datuk Dr. Hadenan A. Jalil	✓	✓	✓
Zainah Binti Mustafa	✓	✓	✓

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Peranan Jawatankuasa Audit ini termasuklah:-

Kawalan Dalaman

- Menimbang keberkesanan kawalan dalaman syarikat ke atas laporan kewangannya termasuklah kawalan dan keselamatan teknologi maklumat;
- Memahami skop pemeriksaan juruaudit dalaman dan luaran ke atas kawalan dalaman bagi perkara-perkara berikut:
 - Kebolehpercayaan dan ketepatan laporan kewangan;
 - Keberkesanan dan kecekapan operasi;
 - Pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan;
 - Perlindungan harta-harta syarikat.

Audit Dalaman

- Meneliti laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Kumpulan JCorp (IAC);
- Meneliti kecukupan skop, fungsi dan sumber-sumber audit dalaman yang membolehkannya untuk menjalankan tugas-tugas audit;
- Menimbang penemuan audit yang penting dari siasatan dalaman dan reaksi pengurusan;
- Jika perlu, mengadakan pertemuan berasingan dengan Ketua Audit Kumpulan untuk membincangkan sebarang perkara yang dirasakan perlu dibincangkan secara rahsia.

Audit Luaran

- Mengadakan pertemuan berasingan dengan juruaudit luaran untuk membincangkan sebarang perkara yang jawatankuasa audit atau juruaudit luaran percaya ianya perlu dibincangkan secara rahsia;
- Meneliti laporan juruaudit luar dan ulasan pengurusan;
- Meneliti perlantikan juruaudit luar, yuran audit dan sebarang kemusykilan berkaitan dengan perletakan ataupun pemecatan juruaudit sebelum membuat cadangan kepada Pengarah;
- Berbincang dengan juruaudit luar sebelum kerja-kerja audit dijalankan; jenis dan skop audit serta memastikan wujudnya penyelarasan jika lebih daripada satu firma audit terlibat dalam pengauditan.

Penyata Kewangan

Meneliti laporan kewangan tahunan JCorp dengan tumpuan diberikan khususnya ke atas:-

- Sebarang perubahan dalam polisi dan amalan perakaunan;
- Pelarasan penting daripada audit yang dijalankan;
- Prinsip andaian berterusan;
- Pematuhan kepada standard perakaunan dan lain-lain keperluan perundangan;

Pengurusan Risiko

- Meneliti laporan pengurusan risiko oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan membincangkan sebarang risiko atau pendedahan penting serta menilai tindakan-tindakan yang diambil oleh pengurusan untuk mengurangkan risiko tersebut.

Tanggungjawab Lain

- Menjalankan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan dengan terma rujukan serta tugas-tugas lain seperti yang diminta dan ditakrifkan oleh Pengarah.

RINGKASAN AKTIVITI

.....
Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:-

- Meneliti laporan mesyuarat Jawatankuasa Audit Dalam Kumpulan JCorp yang diadakan pada 31 Mac, 1 September and 29 November 2010;
- Meneliti dan meluluskan Perancangan Audit Tahunan;
- Membincangkan masalah-masalah dan juga perkara-perkara yang timbul semasa audit dijalankan, dan sebarang perkara yang mana kedua-dua juruaudit dalaman dan luaran berhasrat untuk membincangkannya tanpa kehadiran pihak pengurusan;
- Meneliti kecukupan skop, fungsi dan sumber-sumber audit luaran yang membolehkannya untuk menjalankan tugas-tugas audit;
- Meneliti keputusan-keputusan audit akhir tahun serta membincangkan penemuan dan sebarang perkara yang menjadi perhatian Juruaudit Luar;
- Meneliti laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang diadakan pada 24 Mac, 26 Ogos and 24 November 2010.

PENYATA KAWALAN DALAMAN

SISTEM KAWALAN DALAMAN (PEKASA) JCORP MEMASTIKAN BAHAWA SETIAP ASET ADALAH TERPELIHARA, REKOD PERAKAUNAN DIKENDALIKAN DENGAN BAIK DAN SEGALA MAKLUMAT KEWANGAN ADALAH BOLEH DIPERCAYAI.

TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA AUDIT DILENGKAPI OLEH TUGAS-TUGAS YANG DIJALANKAN OLEH JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (IAC), JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO DAN JUGA JAWATANKUASA-JAWATANKUASA AUDIT DI SYARIKAT-SYARIKAT TERSENARAI BERKAITAN.

Jawatankuasa Audit juga meneliti keberkesanan sistem kawalan dalaman Kumpulan dari aspek risiko perniagaan utama dan juga kewangan yang memberi kesan terhadap operasi Kumpulan. Berdasarkan kepada laporan juruaudit dalaman, Jawatankuasa Audit berpuas hati wujudnya kawalan dalaman yang mencukupi di dalam Kumpulan.

CIRI-CIRI UTAMA SISTEM KAWALAN ADALAH:

Rangkakerja Kawalan

Strategi Kumpulan dirumus secara teratur oleh pihak pengurusan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pihak Pengurusan mempunyai tanggungjawab dasar untuk melaksanakan perancangan, mengenal pasti risiko dan memastikan adanya kawalan yang bersesuaian. Ini dapat dicapai melalui struktur organisasi yang jelas mentarifkan tanggungjawab, bidang kuasa dan prosedur pelaporan.

Kumpulan menerima pakai Rangkakerja Kawalan Dalaman *The Committee of the Sponsoring Organisation of the Treadway Commission's* (COSO) dan mempunyai manual polisi dan prosedur berkaitan perakaunan dan kewangan, taksiran perbelanjaan modal, pengagihan kuasa dan bidang kuasa, pengurusan risiko perbendaharaan, operasi hartanah dan pengurusan sumber manusia.

Pelaporan Kewangan

Belanjawan terperinci disediakan oleh setiap Bahagian dan disemak oleh Jawatankuasa Perancangan Strategik sebelum Belanjawan Yang Disatukan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Petunjuk Utama Prestasi dan pencapaian operasi disediakan dan dipantau berbanding belanjawan.

Kawalan Operasi

Pasukan pengurusan dalam Kumpulan beroperasi dalam lingkungan garis panduan prosedur operasi Kumpulan yang disesuaikan untuk mencapai tahap kecekapan operasi dan keberkesanan perkhidmatan yang optimum, serta hasil kewangan sepertimana yang dirancangkan. Terdapat kawalan yang khusus bagi memastikan pengurusan kewangan yang berhemat, melindungi aset-aset daripada kerugian fizikal dan perlindungan insuran pada tahap yang sewajarnya.

Penilaian Pelaburan

Kumpulan JCorp telah menyediakan prosedur yang jelas berhubung kelulusan pelaburan dan perbelanjaan modal. Perbelanjaan yang dirancang dimasukkan ke dalam belanjawan tahunan. Kelulusan bagi komitmen perbelanjaan modal dibuat mengikut peruntukan bidang kuasa yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Cadangan-cadangan pelaburan yang penting adalah tertakluk kepada penelitian oleh ahli panel dan juga Jawatankuasa Utama JAWS sebelum dibentangkan di dalam mesyuarat TERAJU dan Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Memantau Kawalan

Keberkesanan sistem kawalan dalaman kewangan dan prosedur operasi dipantau oleh pihak Pengurusan dan diaudit oleh fungsi Pematuhan Korporat Kumpulan (*Group Corporate Assurance* atau GCA). GCA mengguna pakai perancangan audit berasaskan risiko, suatu pendekatan di mana juruaudit memfokuskan kepada faktor-faktor yang memberi kesan, sama ada baik atau sebaliknya, ke atas pencapaian objektif organisasi dan operasinya. Skop pengauditan termasuklah risiko itu sendiri dan kaedah di mana risiko tersebut ditadbir, diurus serta dikawal. Juruaudit kemudiannya melaporkan kepada IAC Kumpulan atau Jawatankuasa Audit ke atas kelemahan kawalan dalaman dan memantau pelaksanaan cadangan bagi tujuan penambahbaikan.

AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman dijalankan oleh GCA dengan dibantu oleh jabatan audit dalaman di syarikat-syarikat tersenarai. GCA merancang jadual lawatan auditnya setiap tahun dengan mengambil kira pandangan pihak pengurusan, tetapi tidak terikat dengannya, dan perancangan tersebut dibentangkan kepada IAC atau Jawatankuasa Audit untuk kelulusan.

JCorp juga merupakan ahli korporat di dalam Institut Juruaudit Dalaman Malaysia. Aktiviti GCA adalah tertakluk kepada Piawaian Audit Dalaman Professional Antarabangsa dan telah mengguna pakai piawaian ini di dalam melaksanakan kerja-kerja audit. Piawaian tersebut meliputi keperluan-keperluan berikut:

- Kebebasan
- Kecekapan Profesional
- Skop kerja
- Pelaksanaan kerja audit
- Pengurusan aktiviti-aktiviti Audit Dalaman

Aktiviti audit dalaman GCA telah diiktiraf sebagai *Generally Conform* terhadap piawaian tersebut. Bagi memastikan aktiviti audit dalaman dijalankan oleh mereka yang profesional lagi berkebolehan serta memastikan pengetahuan teknikal mereka sentiasa terkini dan berkaitan, GCA menyediakan peluang-peluang latihan dan pembangunan yang bersesuaian kepada anggota pekerjaannya, termasuklah program Juruaudit Dalaman Bertauliah. Sehingga kini, terdapat seramai 13 orang juruaudit bertauliah berkhidmat di dalam Kumpulan.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO

FUNGSI UTAMA PENGURUSAN RISIKO DI JCORP ADALAH UNTUK MEMBERIKAN SUMBANGAN KUKUH TERHADAP PENCAPAIAN OBJEKTIF KORPORAT JCORP DAN KUMPULAN SERTA MEMBANTU HALA TUJU STRATEGIKNYA. JCORP JUGA KOMITED DALAM MEMBINA FALSAFAH DAN BUDAYA ORGANISASINYA BAGI MEMASTIKAN KEBERKESANAN PENGURUSAN RISIKO PERNIAGAAN DAN KECEKAPAN PENGURUSAN MELALUI AKTIVITI-AKTIVITI DI DALAM KUMPULAN. PENGURUSAN RISIKO MEMBOLEHKAN JCORP DAN KUMPULANNYA MEMANFAATKAN KESEMPATAN KE ATAS PELUANG-PELUANG DALAM MENINGKATKAN HASIL DAN KELUARANNYA BAGI MEMASTIKAN SETIAP RISIKO YANG DIAMBIL ADALAH BERDASARKAN KEPADA KEPUTUSAN BERMAKLUMAT DAN JUGA ANALISIS YANG REALISTIK DAN PRAKTIKAL KE ATAS IMPAK SESUATU RISIKO.

098

Memurus kesinambungan bisnes juga merupakan sebahagian daripada pengurusan risiko yang ditekankan oleh JCorp dan Kumpulan bagi memastikan wujudnya kesinambungan di dalam proses bisnes utamanya di mana ia adalah perlu untuk menyumbang kepada pencapaian objektif-objektif JCorp dan Kumpulan.

JCorp dan Kumpulan menyedari bahawa ia bertanggungjawab menguruskan secara sistematik serta meneliti secara kerap profil risikonya pada peringkat strategik, kewangan dan operasi. Ini dilakukan dengan membangunkan / menerima pakai rangka kerja pengurusan risiko dalam menentukan proses-proses dan mengenal pasti cara-cara untuk melaksanakan objektifnya. Dengan cara ini, JCorp dan Kumpulan bukan sahaja berhasrat untuk meminimalkan risikonya malah dapat memaksimumkan peluang-peluang yang ada.

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Bagi tujuan mengurus, mengenal pasti serta memantau risiko-risiko yang dihadapi oleh JCorp dan Kumpulan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC) telah ditubuhkan dalam tahun 2008. Tanggungjawab utama RMC adalah untuk membantu Ahli Lembaga Pengarah dalam mengenal pasti dan menguruskan risiko-risiko utama JCorp.

Bagi tahun pelaporan berakhir pada 31 Disember 2010, tiga (3) mesyuarat telah diadakan iaitu pada bulan Mac, Ogos dan November 2010.

Tugas dan Tanggungjawab RMC

Di antara bidang tugas dan tanggungjawab ahli-ahli RMC adalah:-

- Memantau prosedur dan amalan dalam mengenal pasti, menilai dan memantau pendedahan risiko.
- Memberi pandangan kepada pihak Pengurusan dari semasa ke semasa berkaitan dengan jenis-jenis sumber dan kawalan dalaman yang diperlukan bagi menurunkan tahap risiko yang dihadapi.
- Melaporkan kepada Ahli Lembaga Pengarah secara tetap berhubung isu-isu yang berkaitan dengan risiko JCorp dan Kumpulan.
- Mengetahui dan menilai risiko utama yang dihadapi oleh setiap unit bisnes JCorp dan Kumpulan dengan cara yang sistematik.
- Mengetahui potensi risiko positif dan mengawal risiko negatif.
- Membangun dan melaksanakan strategi pengurusan risiko yang khusus dan menentukan tanggungjawab bagi setiap pelan dan tindakan untuk menguruskan risiko utama dalam unit bisnes.
- Mengadakan pemantauan bagi hala tuju risiko, status pelan tindakan dan laporan setiap tiga bulan sekali untuk dimaklumkan kepada Ahli Lembaga Pengarah JCorp.

PENGURUSAN RISIKO ENTERPRAIS

Skop rangka kerja pengurusan risiko adalah menyeluruh. Rangka kerja ini diuruskan oleh unit Pengurusan Risiko Enterprais (ERM). Unit ini bertanggungjawab ke atas polisi dan rangka kerja ini dengan mendapatkan input daripada mereka yang terbabit.

Tugas dan tanggungjawab Unit ERM adalah sebagaimana berikut:-

- Menguruskan proses mengenal pasti dan memantau risiko JCorp dan Kumpulan.
- Menyelenggara daftar risiko.
- Bertanggungjawab untuk membangun, melaksana dan menyebarkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko dan Pematuhan.
- Membangunkan alat bagi membantu komuniti JCorp untuk melaksanakan amalan terbaik berhubung risiko dan pematuhan.
- Memperuntukkan peluang latihan yang mencukupi kepada semua anggota pekerja bagi memupuk budaya kesedaran risiko di dalam JCorp dan Kumpulan.
- Menerbit dan mengedarkan maklumat berhubung Pengurusan Risiko dan Pematuhan bagi makluman anggota pekerja.

Pada masa ini, JCorp dan Kumpulan menggunakan sistem berasaskan web secara atas talian yang dikenali sebagai *JCorp Risk Information System* (KRIS) yang boleh diakses di <http://kris.jcorp.com.my>. Sistem ini telah dibangunkan pada tahun 2009 bagi memudahkan proses mengemas kini daftar risiko pada setiap suku tahunan. Walau bagaimanapun berkuatkuasa mulai 30 Jun 2011, kekerapan pengemaskinian daftar risiko telah ditingkatkan daripada suku tahunan kepada dwi bulanan. Penambahbaikan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada JCorp dan Kumpulan untuk mengemas kini profil risiko dengan lebih kerap bagi membolehkan keputusan dilakukan dengan lebih tepat. Risiko tersebut akan sentiasa diteliti dari semasa ke semasa di peringkat syarikat masing-masing. Seterusnya risiko ini akan disusun, dibahas dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah JCorp.



SEKSYEN 8

- 102 Pembangunan Modal Insan
- 104 Peristiwa-peristiwa Penting 2010
- 110 JCorp di Media
- 112 Anugerah dan Pengiktirafan
- 116 Sejarah Korporat
 - Pertumbuhan
 - Perkembangan
 - Transformasi
 - Perkembangan Strategik

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

PERANCANGAN PENGGANTIAN YANG TERSUSUN BAGI MEMASTIKAN KELANGSUNGAN BISNES DAN MASA DEPAN JCorp ADALAH AMAT PENTING. DASAR-DASAR, POLISI SERTA PROSEDUR YANG DIGUBAL MEMUDAHKAN ANGGOTA PEKERJA UNTUK TERUS MENJALANKAN TUGAS DENGAN LANCAR WALAUPUN BERLAKU PERUBAHAN-PERUBAHAN DI PERINGKAT KEPIMPINAN DI DALAM KUMPULAN.



102

Usaha-usaha ke arah perancangan penggantian yang teratur telah dimulakan di JCorp sejak tahun 2009. Di peringkat permulaan, jawatan-jawatan kritikal di peringkat JCorp dan syarikat-syarikat dalam Kumpulan telah dikenal pasti. JCorp menggunakan khidmat konsultan untuk mengenal pasti kompetensi teras dan kompetensi kepimpinan yang digunakan sebagai asas pengukuran kesediaan calon-calon berpotensi untuk menggalas tanggungjawab di peringkat tertinggi organisasi. Tiga pendekatan iaitu *Behavioural Event Interview (BEI)*, maklum balas kompetensi 360° dan ujian *Psychometric*, digunakan bagi membuat penilaian calon-calon yang telah dikenal pasti tersebut.

JCorp juga terus memberikan pendedahan pelbagai pengalaman pengurusan kepada calon-calon berpotensi ini melalui program-program seperti *cross-posting*, *job rotation* tugas-tugas khas dan *mentoring*.

Pelbagai program latihan yang berterusan juga dilaksanakan untuk setiap kategori anggota pekerjaannya untuk meningkatkan tahap kompetensi. Jumlah pelaburan di peringkat Kumpulan pada tahun 2010 adalah sebanyak RM9.1 juta. Anggota pekerja juga amat digalakkan untuk mengikuti program profesional seperti ICSA, ACCA, CIMA dan CIA bagi melahirkan lebih ramai profesional dalam bidang ini.

Kebajikan anggota pekerja juga tidak diabaikan. Program persaraan telah dianjurkan untuk anggota pekerja yang menghampiri tempoh persaraan bersama pasangan masing-masing sebagai memberi pendedahan dan persediaan awal dalam urusan persaraan, kewangan, kesihatan dan cara-cara menguruskan perjalanan hidup selepas bersara.



Selain daripada itu, Skim Khairat Keluarga yang ditubuhkan pada tahun 1990 dengan tujuan menyediakan bantuan kewangan kepada anggota pekerja dan ahli keluarga apabila anggota pekerja atau ahli keluarga meninggal dunia, telah diberi penambahbaikan dari segi jumlah sumbangan yang dibayar kepada anggota pekerja atau waris mulai tahun 2010. Peningkatan jumlah sumbangan ini adalah mengambil kira kos keperluan masa kini yang lebih tinggi. Bagi tahun 2010, jumlah sumbangan yang dibayar kepada anggota pekerja dan waris adalah sebanyak RM1.7 juta untuk 31 orang anggota pekerja dan 360 orang ahli keluarga yang meninggal dunia.

Melalui Skim Prisihatin pula, JCorp memberi kemudahan rawatan pakar dengan menanggung sebahagian besar daripada kos rawatan di hospital milik KPJ Healthcare Bhd, untuk anggota pekerja dan ahli keluarga termasuk ibu bapa yang mencarum.

JCorp mengamalkan cara kepimpinan yang telus dan pembuatan keputusan secara bersama. Perbincangan, pertukaran pandangan dan idea antara semua lapisan anggota pekerja dan pengurusan tertinggi dilaksanakan melalui pelbagai wadah perbincangan dan penyaluran idea seperti Majlis Perhimpunan Dialog dan Amanat (PEDOMAN), Skim Cadangan

CEMPAKA dan ICC serta Majlis Bersama Jabatan. Selain daripada dapat menjalin hubungan harmoni dan telus, ianya juga dapat menggalakkan anggota pekerja memberikan idea di dalam penambahbaikan proses kerja dan meningkatkan kualiti kerja.

Aktiviti rekreasi, sukan dan sosial tetap aktif dilaksanakan melalui Persatuan Rekreasi Keluarga Perbadanan Johor (PKP) dan Mutiara Johor Corporation. Aktiviti yang dijalankan di antaranya Pertandingan Futsal Tiga Penjuru, Pertandingan Boling Antara Jabatan Kerajaan, Ceramah Agama "Merapatkan Ukhuwah Kekeluargaan Dalam Menghadapi Saingan Era Globalisasi", Majlis Khatam Al-Quran, Hari Terbuka Perpustakaan Mutiara dan Program Kitar Semula Demi Masa Depan telah berjaya memupuk kerjasama dan semangat kerja berpasukan di kalangan ahli di samping mengeratkan ikatan silaturrahim sesama anggota pekerja dan ahli keluarga dari pelbagai peringkat usia. JCorp percaya aktiviti seperti ini dapat meningkatkan motivasi dan keinginan semua untuk sama-sama menyumbang bagi mencapai kejayaan bersama.

Kesejahteraan anggota pekerja juga dilindungi melalui langkah-langkah keselamatan dan kesihatan yang diamalkan di dalam aktiviti dan operasi perniagaan. Di peringkat JCorp, sebuah Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja yang dianggotai oleh wakil-wakil dari syarikat telah ditubuhkan sejak Jun 2002 untuk memantau pelaksanaan dasar keselamatan dan kesihatan pekerja di peringkat Kumpulan.

Modal Insan adalah penting di dalam menjamin peningkatan dan kelangsungan organisasi. Justeru, anggota pekerja perlu dipersiapkan untuk menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan dan meningkatkan kompetensi diri yang diperlukan oleh organisasi bagi menghadapi cabaran mendatang.

PERISTIWA-PERISTIWA PENTING 2010

JANUARI

01

Majlis Pedoman anggota pekerja JCorp 2010 bertempat di Dewan Tanjung Puteri 303, Level 3, Persada Johor, Johor Bahru.

FEBRUARI

05-07

Festival Layang-Layang Antarabangsa Bandar Dato' Onn 2010 berlangsung pada 5 hingga 7 Februari 2010 di Perjiranan 10, Bandar Dato' Onn, Johor Bahru.

25

Majlis Pelancaran rancangan CATUR BISTARI d'TV bertempat di Auditorium P. Ramlee, Angkasapuri, Kuala Lumpur. Majlis dirasmikan oleh YBhg Dato' Norhyati Ismail, Timbalan Ketua Pengarah (Penyiaran Strategik), Radio Televisyen Malaysia (RTM).



MAC

20

Mutiara Johor Corporation melalui Biro Pendidikan menganjurkan Hari Terbuka Perpustakaan Mutiara Johor Corporation di Perpustakaan Mutiara Johor Corporation, Kompleks Mutiara Johor Land.

APRIL

08

Majlis Penyerahan 250 Buah Beg Sekolah Sumbangan Tabung Tjajah Ramadhan - Yayasan Johor Corporation kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah yang memerlukan di negeri Pahang.

14

JCorp menerima lawatan daripada Koperasi Islam Selatan Thailand. Rombongan dibawa melawat ke Klinik Waqaf An-Nur, Kotaraya.

30

Kejohanan Perahu Layar KFC / MPPG – Terbuka Johor 2010 bertempat di Pasir Layar, Pelabuhan Tanjung Langsat, Pasir Gudang.





MEI

13

JCorp menerima lawatan dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

15

Kejohanan Golf Amal NatOleo Waqaf An-Nur Pasir Gudang, Charity Golf 2010 bertempat di Tanjong Puteri Golf Resort, Pasir Gudang. Kejohanan ini merupakan sirkit ketiga bagi tahun 2010.

21-23

Ekspo Usahawan Bistari 2010 "Jom Bisnes" anjuran bersama Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI), JCorp dan Dewan Perdagangan Islam Malaysia bertempat di Persada Johor, Johor Bahru.

JULAI

05

Majlis Pedoman Eksekutif JCorp 2010 bertempat di Dewan Selat Tebrau 101, Level 1, Persada Johor.

16

Majlis Perasmian Penutup dan Jamuan Makan Malam Konvensyen Program Usahawan Muda (PUM) Peringkat Nasional 2010 Kali Ke 14, 2010 berlangsung di Dewan Tanjong Puteri (301 & 303), Level 3, Persada Johor, Johor Bahru.

23

JCorp menerima lawatan dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia di bawah program *Team Building* Seksyen Khidmat Perunding yang bertemakan 'Bengkel Pengukuhan Organisasi'.

28

JCorp menerima lawatan dari pengurusan atasan RISDA.

29

Mesyuarat Ahli-Ahli Lembaga Pengarah JCorp kali ke 153 berlangsung Persada Johor, dan dipengerusikan oleh YAB Dato' Haji Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor merangkap Pengerusi JCorp.

30

JCorp menerima lawatan dari Pesuruhjaya Kerajaan Negeri Victoria, Australia.

PERISTIWA-PERISTIWA PENTING

SAMBUNGAN

AGOS

01

Ulang Tahun ke 40 JCorp.

03

JCorp menerima lawatan dari Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak.

05

Majlis Pelancaran Tjjarah Ramadan Musim Ke 6, 2010 berlangsung di Bilik Johor & Kelantan, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Majlis perasmian disempurnakan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Hj Baharom (B), Menteri Di Jabatan Perdana Menteri.

24

Mesyuarat Ahli-Ahli Lembaga Pengarah JCorp kali ke 154 berlangsung di Bilik Sekijang 403, Level 4, Persada Johor. Mesyuarat dipengerusikan oleh YAB Dato' Haji Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor merangkap Pengerusi JCorp.

28

JCorp dengan kerjasama Pejabat Daerah Muar mengadakan Majlis Sumbangan, Bacaan Yaasin Dan Tahlil Serta Santapan Berbuka Puasa Bersama Rakyat bertempat di Masjid Jamek Sultan Ibrahim, Tanjung Emas, Muar, Johor. Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Dan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim berkenan mencemar duli berangkat ke majlis tersebut.



SEPTEMBER

08

Sumbangan Tabung Tjjarah Ramadhan kepada penduduk miskin dan kurang berkemampuan kawasan Parlimen Semerah sempena sambutan Aidilfitri.

30

Majlis Hari Raya Aidilfitri JCorp bertempat di Dewan Tanjung Puteri, Persada Johor. Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Dan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim berkenan mencemar duli berangkat ke majlis tersebut.





OKTOBER

06

Kunjungan hormat Duta Besar Uzbekistan, TYT Shukur Sabitov dan delegasi.

23-24

Kejohanan Golf Amal Klinik Waqaf An-Nur Kulim (Malaysia) Berhad 2010 bertempat di Nam Heng Country Club, Ladang Basir Ismail, Kota Tinggi, Johor.

25

Mesyuarat Ahli-Ahli Lembaga Pengarah JCorp kali ke 155 berlangsung di Persada Johor dan dipengerusikan oleh YAB Dato' Haji Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor merangkap Pengerusi JCorp.

27

Majlis Penyerahan Beg Sekolah Sumbangan Tabung Tijarah Ramadhan di Jabatan Pelajaran Negeri Johor.

28

Sesi taklimat JCorp kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, bertempat di Dewan Tanjung Puteri (303), Level 3, Persada Johor, Johor Bahru.

28

JCorp menerima lawatan dari Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak dan Pustaka Negeri Sarawak.

29-31

Cabaran CATUR BISTARI Institusi Pengajian Tinggi Peringkat Kebangsaan 2010 di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM, Serdang, Selangor.

PERISTIWA-PERISTIWA PENTING

SAMBUNGAN

NOVEMBER

02

Majlis Penyerahan Sumbangan kepada 250 Keluarga Miskin Tegar Berbangsa India di kawasan Segamat diadakan di Dewan Jubli Intan, Segamat. Program amal ini bersempena Hari Deepavali pada 5 November 2010 dan dianjurkan oleh Jawatankuasa Khidmat Kemasyarakatan Bulan Sabit Merah Malaysia di bawah naungan Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Raja Idris.

03

Majlis Penyampaian Sijil *Certificate In Intrapreneurship* Kumpulan 5 di Tanjung Puteri (303), Persada Johor oleh YBhg Dato' Prof Ir Sahol Hamid Abu Bakar, Timbalan Canselor Universiti Teknologi MARA.

04

Majlis Penyerahan Beg Sekolah Sumbangan Tabung Tijarah Ramadhan berlangsung di Sekolah Kebangsaan Sungai Petai, Alor Gajah, Melaka. Sebanyak 250 buah beg sekolah diagihkan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah yang kurang berkemampuan sekitar negeri Melaka kepada Tn. Hj Kassim Mohamad, Pegawai Pelajaran Daerah Alor Gajah, Melaka.

04

Program Pengurusan Protokol Dan Etiket Majlis DiRaja (Johor) bertempat di Bilik Permata 3, Hotel Puteri Pacific, Johor Bahru. Seramai 46 orang anggota pekerja JCorp dan syarikat di dalam Kumpulan menghadiri program tersebut dan dikendalikan oleh YB Dato' Abdul Rahim Bin Ramli, Dato' Penghulu Istiadat Istana Johor.

09

JCorp menerima lawatan dari Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) dan Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah.

11

JCorp menerima kunjungan hormat dari peserta-peserta program latihan *Effective Capacity Building for Senior Public Officials from Selected OIC Member States III*. Seramai 14 orang pegawai kanan kerajaan dari Afghanistan, Ghana, Malaysia, Myanmar, Sierra Leone, Syria, Sudan, Uganda, Uzbekistan dan Vietnam menyertai program ini.

11-14

Ekspo 2010 Beli Barangan Malaysia Zon Selatan anjuran bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan JCorp di Persada Johor dan telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

16

Bersempena sambutan Hari Raya Aidil Adha 1431H, Majlis Qurban Bersama Rakyat Johor anjuran bersama syarikat berkaitan Kerajaan Johor diadakan pada 17 November, 2010 bertempat di Plaza Angsana Johor Bahru. Bagi menjayakan majlis tersebut, JCorp menyumbang lima ekor lembu dan jamuan untuk petugas dan tetamu di majlis tersebut. Majlis telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibn Almarhum Sultan Iskandar.

20-21

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) dan JCorp menganjurkan Program Usahawan BISTARI 2010 Zon Tengah bertempat di Kompleks PERHEBAT, Kem Sungai Buloh, Selangor.





NOVEMBER

20-21

JCorp menerima lawatan dari TEKUN Nasional.

23

JCorp menerima lawatan dari Politeknik Kota Kinabalu, Sabah.

27-28

Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Malaysia (MITI) dengan kerjasama JCorp menganjurkan Program Usahawan BISTARI Zon Utara bertempat di Hotel Swiss Inn, Sg. Petani, Kedah. Bersempena dengan program tersebut Bengkel CATUR BISTARI dan cabaran CATUR BISTARI telah diadakan.

DISEMBER

09

Mesyuarat Ahli-Ahli Lembaga Pengarah JCorp Kali Ke 156 di Bilik Sekijang (403), Persada Johor, Johor Bahru dan dipengerusikan oleh YAB Dato' Hj Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor merangkap Pengerusi JCorp.

19

Konvokesyen PUSPATRI 2010 bertempat di Dewan Tanjung Puteri (301), Persada Johor, Johor Bahru.

20

Hari MEKAR Kumpulan Johor Corporation 2010 dengan tema '*Be Innovative Stay Competitive*' diadakan di Dewan Tanjung Puteri, Persada Johor, Johor Bahru.

JCORP DI MEDIA

JCorp menang dua anugerah

JCORP, Johor Corporation memenangi dua anugerah berprestij daripada Association of Financing Institutions in Asia and the Pacific (ADFIAF) 2010 dalam satu majlis khas yang berlangsung di Acapulco Beach Club Resort & Hotel, Kyrenia, Cyprus, pada hujung Mei.

Anugerah berkecemasan adalah Special Award for Best Annual Report dan Outstanding Development Project Award.

JCorp satu daripada ahli ADFIAP iaitu sebuah institusi memajukan struktur pembangunan ekonomi yang kukuh di negara ini

Wakil An-Nar dan Rangkaian Klinik Wakil An-Nar. Ia di bawah pengurusan Jabatan Bisnes Ansal dengan kerjasama.

Tahliil sempena sambutan ke-40 Johor Corporation



Majlis tahliil sempena sambutan ke-40 Johor Corporation telah diadakan pada 18 April 2010 di Hotel Grand Hyatt Kuala Lumpur. Majlis ini dihadiri oleh para pemimpin industri, ahli media, dan undangan kehormat.

Sebelum ini, JCorp telah menerima dua anugerah berprestij daripada ADFIAF 2010. Anugerah tersebut adalah Special Award for Best Annual Report dan Outstanding Development Project Award.

JCorp raih untung RM962 juta

Pencapaian tertinggi dicatat kumulatif sejak pembaharuan 40 tahun lalu

Kedudukan Nilai Aset Johor Corporation

(RM Juta)	Kumpulan Johor Corporation			
	2010	2009	2010	2009
Aset bukan tunai	11,228	10,262	1,478	1,388
Aset tunai	3,138	1,434	1,091	1,118
Jumlah aset	14,366	11,696	2,569	2,506
Liabiliti bukan tunai	3,471	3,391	1,878	2,371
Liabiliti tunai	1,416	1,471	1,301	1,352
Jumlah liabiliti	4,887	4,862	3,179	3,723
Aset bersih	9,479	6,834	1,390	1,783

Terminal Bas Larkin Sentral selesa

Lahit 60000 guni kenderaan bukannya kemudikan terbi perkhidmatan yang ramai



Majlis persembahkan terminal bas Larkin Sentral telah diadakan pada 18 April 2010. Terminal ini mempunyai keluasan 100,000 kaki persegi dan mampu menampung 60,000 kenderaan sehari.

Terima tajaan RM3.447 juta

JCorp tambah 'tonik' kuat akaad Johor hadapi ujian Liga M



JCorp telah menerima tajaan sebanyak RM3.447 juta untuk projek pembangunan infrastruktur di Johor Bahru. Tajaan ini akan digunakan untuk membangunkan terminal bas Larkin Sentral.

Majlis tahliil, bacaan Yasin sempena penubuhan ke-40 JCORP

Majlis tahliil sempena sambutan ke-40 Johor Corporation telah diadakan pada 18 April 2010 di Hotel Grand Hyatt Kuala Lumpur. Majlis ini dihadiri oleh para pemimpin industri, ahli media, dan undangan kehormat.



Prestasi terbaik JCorp

KUALA LUMPUR 18 April - Kumpulan Johor Corporation (JCorp.) mencatat keuntungan sebelum cukai dan selepas pembayaran zakat sebanyak RM962 juta, meningkat 37.4 peratus bagi tahun kewangan berakhir Disember 2010 berbanding RM700 juta yang direkodkan tahun sebelumnya.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini, ia merupakan prestasi terbaik Kumpulan Johor Corporation sejak penubuhannya 40 tahun lalu. Keuntungan itu adalah hasil prestasi cemerlang syarikat-syarikatnya yang mana Kumpulan Kulim (Malaysia) Bhd. menjadi penyumbang terbesar.

Jualan di peringkat kumpulan juga meningkat 6.1 peratus kepada RM7.5 bilion pada tempoh berkenaan berbanding RM7.1 bilion sebelumnya.

Di peringkat Johor Corpora-

Dua lokasi berpotensi pusat pertumbuhan minyak, gas

JCORP berminat untuk membangunkan dua lokasi berpotensi pusat pertumbuhan minyak dan gas di Teluk Ramunia dan Tanjung Langsat. Kedua-dua lokasi ini mempunyai potensi yang besar untuk membangunkan pusat pertumbuhan minyak dan gas.

Dua lokasi berpotensi pusat pertumbuhan minyak, gas

Teluk Ramunia, Tanjung Langsat mampu tarik pelaburan luar. Kedua-dua lokasi ini mempunyai potensi yang besar untuk membangunkan pusat pertumbuhan minyak dan gas.



“Teluk Ramunia dan Tanjung Langsat mempunyai potensi yang besar untuk membangunkan pusat pertumbuhan minyak dan gas.”

Manfaat pelan pembangunan

Tanggungjawab, kemampan sekitar habitat ditonas



JCorp telah membangunkan pelan pembangunan yang mampan dan bertanggungjawab. Pelan ini akan digunakan untuk membangunkan pusat pertumbuhan minyak dan gas di Teluk Ramunia dan Tanjung Langsat.

Menang anugerah

Johor Corporation (Johor Corp) memenangi Anugerah Khas bagi Laporan Tahunan Terbaik dan Anugerah Pembangunan Projek Terbaik bagi Tanggjawab Sosial Korporat (CSRF) daripada Association of Development Financing Institutions in Asia and the Pacific (ADFIAF).

JCorp plans to develop town

JCorp berhasrat untuk membangunkan sebuah bandar di kawasan Teluk Ramunia dan Tanjung Langsat. Bandar ini akan mempunyai infrastruktur yang mampan dan bertanggungjawab.

JCorp taja RM400,000 Festival Layang-Layang Sedunia

KUALA LUMPUR – Sebuah pertandingan layang-layang antarabangsa yang terbesar di dunia, Festival Layang-Layang Sedunia (World Kite Festival) akan diadakan di Johor Bahru pada 11 hingga 14 April 2011. Festival Layang-Layang Sedunia 2011 akan diadakan di Kompleks Budaya Johor Bahru, Johor Bahru. Festival Layang-Layang Sedunia 2011 akan diadakan di Kompleks Budaya Johor Bahru, Johor Bahru. Festival Layang-Layang Sedunia 2011 akan diadakan di Kompleks Budaya Johor Bahru, Johor Bahru.

JCorp sudah melabur secara langsung dalam pembangunan Festival Layang-Layang Antarabangsa Johor Bahru sebagai salah satu projek pembangunan pada tahun 2011.

JCorp wins two prestigious awards

WITH A great profit performance for last year, the state's largest firm, Johor Corporation (JCorp) recently received an award from the Development Planning Institute in Asia and the Pacific (DPIAP) in April 2011.

Two other awards as well as trophies were in Johor Bahru Department.



JCorp's president and chief executive Kamaruzzaman bin Kadir.

JCorp was represented by its president and chief executive Kamaruzzaman bin Kadir.

85/17 Business Times

JCorp group pre-tax hits record RM962m

By Ben Tan
KUALA LUMPUR (The Star) – The Johor Corporation (JCorp) group pre-tax profit for the first quarter ended 31 March 2011 hit a record of RM962 million.



JCorp terima dua anugerah
KORHAR BAHRU 21 April – Johor Corporation (JCorp) menerima dua anugerah daripada Persatuan Institut Kewangan Pembangunan di Asia dan Pasifik (ADPIAP) 2011 pada majlis persembahan persembahan di Kyrenia, Cyprus, semalam.

BISNES

Jalinan MDeC, GCEL tembusi pasaran global

KUALA LUMPUR – Jalinan MDeC dan GCEL telah melancarkan projek perhubungan antara MDeC dan GCEL.



Wakil-wakil MDeC dan GCEL melancarkan projek perhubungan antara MDeC dan GCEL.

11 Januari 18 Februari 2011

Festival layang-layang kumpul lebih RM400,000

Program dijangka tarik hampir 100,000 pengunjung dalam, luar negara



Penyertaan dalam Festival Layang-Layang Sedunia 2011.

Program ini dijangka akan menarik hampir 100,000 pengunjung dalam dan luar negara.

Program ini dijangka akan menarik hampir 100,000 pengunjung dalam dan luar negara.

JCorp profit up 37.4% to RM962mil

KUALA LUMPUR – Keuntungan JCorp (JCorp) untuk tempoh tiga bulan berakhir 31 Mac 2011 meningkat 37.4% kepada RM962 juta.

Keuntungan ini dijangka akan menarik hampir 100,000 pengunjung dalam dan luar negara.

Larkin Sentral terminal terbaik

Mampu tampung 60,000 pengguna, lebih mesra golongan OKU



Interior Larkin Sentral terminal.

JCorp bantu mangsa banjir

80 sukarelawan Briged Waqaf bersih kediaman, masjid serta surau

KUALA LUMPUR – 80 sukarelawan Briged Waqaf telah membantu membersihkan kediaman, masjid dan surau.

Briged Waqaf diwujudkan pada 2009 untuk membantu mangsa banjir.

Briged Waqaf diwujudkan pada 2009 untuk membantu mangsa banjir.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

112



ANUGERAH ADFIAP 2011

- ANUGERAH KHAS LAPORAN TAHUNAN TERBAIK 2009
- ANUGERAH PROJEK PEMBANGUNAN CEMERLANG
TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT
Bagi Projek Briged Waqaf dan Hospital Waqaf An-Nur dan Rangkaian
Klinik Waqaf An-Nur

PENGIKTIRAFAN

113

‘THE BRANDLAUREATE AWARD 2008-2009’

JCorp

‘The BrandLaureate Conglomerate Award’

KFC

‘Best Brands in Fast Food - Fried Chicken’

Ayamas

‘Best Brands in Chicken - Based Products’

Pizza Hut

‘Best Brands in Food and Beverage - Pizzas’

ANUGERAH LAIN

JCorp

4-Bintang - Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
2010 Jabatan Audit Negara

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN SAMBUNGAN



KULIM (MALAYSIA) BERHAD

- 1 **NACRA AWARD 2010**
 - *Industry Excellence Award (MainBoard) - Plantation & Mining (Winner)*
- 2 **Scored A in Malaysian Corporate Governance (MCG) Index 2010**
- 3 **Minister CSR Awards**
 - *Honorable mention for Outstanding Work in Empowerment of Women (WOW)*
- 4 **Malaysia Sustainability Reporting Awards (MaSRA) 2010**
 - *Winner - Best Sustainability Report*
 - *Commendation - Strategy & Governance*
 - *Shortlisted - Sustainability Report*
 - *Shortlisted - Sustainability Report within Annual Report*
- 5 **Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (Malaysian Farm Certification Scheme for Good Agricultural Practice)**
- 6 **2009 South East Asia Frost & Sullivan Growth Strategy Excellence Award (Oleochemicals)**

KPJ HEALTHCARE BERHAD

- 1 **2nd Global Award – Diamond Category – Puteri Specialist Hospital**
- 2 **The Global Award for Perfection, Quality & ideal Performance – KPJ Ampang**
- 3 **Business of the Year Award – Service Provider – KPJ Ipoh**
- 4 **Productivity Award – KPJ Ampang**
- 5 **1st Place Winner of Scientific Poster Competition – Kuantan Specialist Hospital**
- 6 **Occupational & Safety Award – KPJ Damansara**
- 7 **Runner up for Excellence Award – Human Resource Development Project Category – KPJ Selangor**
- 8 **International ICC Convention Gold Award – Smile Team – KPJ Selangor**
- 9 **Service Excellence Award – KPJ Selangor**
- 10 **Anugerah Pembangunan Sumber Manusia – Winner – KPJ Damansara**
- 11 **Anugerah Pembangunan Sumber Manusia – 3rd Placing – KPJ Tawakkal**
- 12 **ASEAN Business Award 2010 – Employment Category (Medium Industry) – KPJ Ampang**



.....
SINDORA BERHAD

METRO PARKING (M) SDN BHD

- 1 *Best Brand in Product Branding, Best Brand in Services – Parking Management and Consultancy in The BrandLaureate*
- 2 *Business Ethic Excellence Award 2010/2011 Big Company Category*
- 3 *Service Provider of The Year Award 2009 in Business Of The Year Award*

METRO PARKING (S) PTE LTD

- 1 *Excellent Service Award 2010, Metro Parking Singapore*
-

QSR BRANDS BHD & KFC HOLDINGS (MALAYSIA) BHD

KFC

- 1 *Yum! Reel Advertising Excellence Award - "New Discoveries"*
- 2 *Reader's Digest Most Trusted Brands*
- 3 *Putra Brand Awards 2010 (Silver)*
- 4 *Trusted Brand 2010 – Gold Award (Voted by Consumers for Family Restaurant Category)*

PIZZA HUT

- 1 *Yum! Best New Product – Crunchy Cheesy Bites*
- 2 *Yum! Best Overall Marketing*
- 3 *Mocktail Innovation Award*
- 4 *Above & Beyond Award*
- 5 *Yum! Reel Advertising Excellence Award – "Neighbours"*
- 6 *Trusted Brand 2010 – Gold Award (Voted by Consumers for Family Restaurant Category)*
- 7 *The BrandLaureate Award 2009-2010 Best Brands Category Food & Beverage Pizzas 2009-2010*
- 8 *Trusted Brand 2010 – Gold Award (Voted by Consumers for Family Restaurant Category)*

AYAMAS

- 1 *Domestic Diva Awards for Ayammas Golden Nuggets in Best Ready To Eat Frozen Meat Category*
 - 2 *Domestic Diva Awards for Ayammas Premium Frankfurter Cheese in Best Processed Meat Category*
 - 3 *Best Brand Product Branding - Consumer Chicken Based Products Category*
-

SEJARAH KORPORAT

PERTUMBUHAN

1968

- Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Johor di bawah Enakmen Bil 4 Tahun 1968.

1970

- PKENJ memulakan operasi pada 1 Ogos 1970.

1971

- Mendapat mandat dari kerajaan negeri untuk menguruskan Ladang Tebrau seluas 1,580.7 hektar yang merupakan aktiviti bisnis pertama yang dijalankan oleh PKENJ.

1972

- PKENJ mendapat kebenaran dari kerajaan negeri untuk menjalankan aktiviti perlombongan bijih timah di kawasan seluas 12,950.1 hektar di Kota Tinggi.
- PKENJ dikurniakan sebidang tanah seluas 3.5 hektar, di kawasan bandar Johor Bahru oleh kerajaan negeri untuk membina sebuah kompleks membeli belah iaitu Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR).
- Pembukaan kawasan-kawasan perindustrian di Pasir Gudang, Tanjung Agas di Muar dan Tongkang Pecah di Batu Pahat.

1975

- Pembelian saham-saham Kulim (Malaysia) Berhad, iaitu sebuah syarikat perladangan kelapa sawit dan getah yang tersenarai di *London Stock Exchange* di bawah nama *Kulim Group Limited*. Pembelian ini merupakan titik tolak penglibatan PKENJ di dalam sektor perladangan kelapa sawit dengan pegangan saham di dalam Kulim sebanyak 8.72%.

1977

- Penyusunan semula Sindora Berhad, di mana PKENJ memiliki 65% ekuiti sekaligus menjadi pemegang saham terbesar di dalam Sindora Berhad.
- PKENJ telah dilantik sebagai pentadbir kawasan Pasir Gudang di bawah Seksyen 150, Enakmen Lembaga Perbandaran, No 118.

1988

- PKENJ mengambil alih Kemajuan Intisari Sdn Bhd yang kemudian ditukarkan namanya kepada Kumpulan Perubatan (Johor) Sdn Bhd.



PERKEMBANGAN

1991

- Penglibatan PKENJ secara usaha sama dalam pengeluaran jongkong aluminium melalui syarikatnya, Johor Aluminium Processing Sdn Bhd.
- PKENJ dilantik sebagai 'master franchiser' bagi *The Medicine Shoppe International Inc.* bagi Malaysia, Singapura dan Brunei.
- Masjid An-Nur KOTARAYA, Johor Bahru iaitu masjid pertama di Malaysia di dalam kompleks membeli-belah siap dibina.

1992

- Pelancaran Amanah Saham Johor (ASJ).
- PKENJ memperkenalkan Skim Perumahan BAKTILADANG iaitu skim perumahan percuma untuk pekerja ladang.

1993

- PKENJ telah diumumkan sebagai pemenang dua Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam 1993 bagi Penggunaan Kupon Di Tapak Pelupusan Sampah, Pasir Gudang dan inovasi BADANG atau '*Mechanical Buffalo*'.
- Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang (PBTPG) telah terpilih untuk menerima Anugerah Khas Perkhidmatan Awam 1993 bagi kategori Pengurusan Kewangan.
- Pusat Pembangunan dan Latihan Tenaga Industri (PUSPATRI) telah ditubuhkan oleh PKENJ di Pasir Gudang untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja mahir.

1994

- Kawasan Perindustrian Pasir Gudang telah menerima anugerah FIABCI '*Malaysian Chapter's Industrial Development Award 1994*'.
- PKENJ melalui KPJSB telah menubuhkan kolej jururawat, Puteri Nursing College dengan matlamat utama untuk mengatasi masalah kekurangan jururawat terlatih.
- Pembukaan Hotel Selesa Pasir Gudang yang dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.
- Penyenaraian KPJ Healthcare Berhad iaitu sebuah syarikat anak Kumpulan Perubatan Johor Sdn Bhd yang merupakan syarikat anak milik penuh PKENJ di Papan Utama KLSE.

1995

- PKENJ menukar namanya kepada PERBADANAN JOHOR.
- Medaniaga BISTARI pertama diadakan iaitu acara kemuncak kepada program Tunas BISTARI di mana pelajar-pelajar Tunas BISTARI diberi peluang untuk menunjukkan kemahiran keusahawanan mereka.
- Pelancaran Dana Johor oleh YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.
- Penyenaraian '*The Archipelago Fund*', iaitu satu projek usaha sama dengan *Jupiter International of London*, di *Luxembourg Stock Exchange*.
- Festival Layang-layang Antarabangsa Pasir Gudang yang pertama diadakan.
- Nama Perbadanan Johor secara rasminya telah ditukar kepada JOHOR CORPORATION (JCorp).

1996

- JCorp menjadi penaja kepada rancangan Jejak Rasul 2 di TV3 sepanjang bulan Ramadhan.
- Pembukaan rasmi Hospital Pakar Ampang Puteri oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.
- Pelancaran buku *Membujur Lalu* hasil tulisan YB Dato' Muhammad Ali Hashim, Ketua Eksekutif Perbadanan Johor.
- Majlis Pembukaan Rasmi Rumah Sakit Selasih di Padang, Sumatera dan Kawasan Perindustrian Padang di Padang Sumatera Barat yang dirasmikan bersama oleh Bapak Hasan Basri Durin dan YAB Dato' Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor.
- Melalui Kulim (Malaysia) Berhad, JCorp telah mengambil alih 90% kepentingan di dalam New Britain Palm Oil Limited (NBPOL) sebuah syarikat perladangan terbesar di Papua New Guinea.
- Penyenaraian Johor Land Berhad iaitu sebuah syarikat anak JCorp di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur.

SEJARAH KORPORAT

SAMBUNGAN

TRANSFORMASI

1997

- Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang menerima sijil pengiktirafan ISO 9002, menjadikannya Pihak Berkuasa Tempatan yang pertama menerima pengiktirafan daripada pihak SIRIM.
- Pentadbiran Persatuan Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ) diserahkan oleh Kerajaan Negeri kepada JCorp.
- Stadium Tan Sri Dato' Hj Hassan Yunus, Johor Bahru menjadi salah satu daripada gelanggang untuk Kejohanan Bola Sepak Piala Dunia Remaja ke IX.
- Johor Franchise Development Sdn Bhd menandatangani perjanjian dengan HC Duraclean Inc (USA) bagi menubuhkan 'Duraclean Franchise Outlet' di Malaysia, Singapura, Indonesia dan Brunei.
- Majlis Menandatangani Perjanjian Usaha sama di antara Johor Capital Holdings Sdn Bhd dengan *Albarakah Islamic Investment Bank of Bahrain*. Dengan ini, Asian Islamic Equity Fund telah dilancarkan dan diuruskan oleh Albarakah-PJB Pacific Investment Company.
- Majlis Pecah Tanah Hospital Pakar Perdana, Kota Bahru yang dirasmikan oleh YAB Tuan Guru Dato' Nik Aziz bin Nik Mat.

1998

- Pembukaan Klinik Waqaf An-Nur yang pertama di Tingkat 3, Plaza KOTARAYA.



2000

- Majlis Menandatangani Perjanjian Pembelian Majoriti Saham di dalam Medicare Specialist Centre di antara Kumpulan Perubatan Johor Sdn Bhd dengan DBS Land Group of Singapore.
- Puan Hajjah Siti Sa'diah Sh Bakir, Ketua Eksekutif Bahagian Prisihatin telah dianugerahkan Pingat Darjah Paduka Mahkota Johor Yang Amat. Mulia Pangkat Dua (DPMJ) yang membawa gelaran Datin Paduka.
- YB Dato' Muhammad Ali Hashim, Ketua Eksekutif JCorp telah dikurniakan Pingat Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri.
- Klinik Waqaf An-Nur dengan kerjasama RTM telah mengadakan Forum Perdana Hal Ehwal Islam bertempat di Dataran Bandaraya, Johor Bahru.

2001

- Falsafah Korporat dilancarkan iaitu 'JCorp - Satu Rumpun Enterpris!'

2002

- Pelan Induk Penstrukturan Korporat (PIPK) telah diluluskan dengan penstrukturan pinjaman JCorp yang berjumlah RM3.4 bilion kepada instrumen pinjaman jangka panjang.

2003

- Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) di antara Kerajaan Negeri Johor dan Kumpulan JCorp bagi pemulihan harga Amanah Saham Johor dan Dana Johor melalui Skim Sokongan Harga.
- JCorp, menerusi KPJ Healthcare Berhad menandatangani perjanjian pengurusan dengan United Group Ltd, Dhaka, Bangladesh untuk mentauliah dan membekalkan kepakaran teknikal kesihatan serta menguruskan Continental Hospital di Dhaka Bangladesh.

2004

- 8 daripada 10 hospital di bawah Kumpulan KPJ Healthcare Berhad meneruskan pengiktirafan MS ISO 9001:2000.
- Pembinaan pusat konvensyen yang dikenali sebagai Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor.

PERKEMBANGAN STRATEGIK

2005

- Pengambilalihan saham QSR sebanyak 36.7% oleh Kulim
- Pengambilalihan Waqaf Korporat oleh JCorp yang melibatkan peralihan sebanyak 75% ekuiti dalam Tiram Travel Sdn Bhd.
- Pengambilalihan 2 syarikat Intrapreneur oleh Sindora, iaitu EPASA Shipping Sdn Bhd dan MM Vitaols Sdn Bhd.
- Perasmian Al-Aqar, KPJ REIT oleh KPJ Healthcare Berhad.
- Penyerahan JMF Asset Management Sdn Bhd oleh Sindora kepada Amanah Raya Berhad.
- Pelupusan ladang kelapa sawit di Sumatera oleh Kulim sebanyak USD60 million.
- Pembukaan Hospital Pakar Seremban oleh KPJ Healthcare Berhad.
- Natoleo meningkatkan pengeluaran tahunan asid tepu sebanyak 380,000 tan menjadikan Natoleo sebagai salah sebuah kilang oleokimia terbesar di dunia.

2006

- JCorp menerusi Kulim berjaya mengambil alih QSR Brands Berhad dengan memiliki 51.9% sahamnya.
- JCorp menerusi Kulim (Malaysia) Berhad berjaya menceburi bidang bio-diesel secara usaha sama dengan Cremer Gruppe untuk mengeluarkan 100,000 tan biodiesel setahun di Tanjung Langsat.
- Pembukaan Hospital Waqaf pertama – Hospital Waqaf An-Nur di Pasir Gudang dirasmikan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor.
- Pelancaran dan penyenaian Al-Aqar KPJ REIT. REIT prisihatin berlandaskan syariah Islam yang pertama di dunia.
- Pelancaran Waqaf Korporat di mana JCorp mewakafkan saham-saham miliknya di dalam Kulim (Malaysia) Berhad sebanyak 12.4 juta unit saham, KPJ Healthcare Berhad sebanyak 18.9 juta unit saham dan Johor Land Berhad sebanyak 4.3 juta unit saham.
- Perasmian dan pengisytiharan Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat sebagai kawasan *Biofuel Park* oleh YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia.



SEJARAH KORPORAT

SAMBUNGAN

2007

- Penyenaraian semula New Britain Palm Oil (syarikat dibawah Kulim) di *London Stock Exchange*.
- Pembelian majoriti pegangan saham Sindora oleh Kulim melalui JCorp.
- Pengambilalihan Pusat Perubatan Taiping oleh KPJ Healthcare Berhad.
- KPJ Healthcare Berhad membuka kampus cawangan KPJ International College of Nursing and Health Sciences di Metropolis Tower, Johor Bahru.
- JCorp berjaya melaksanakan penebusan siri pertama bon Pelan Induk Penstrukturan Korporat (PIPK) bernilai RM393.8 juta pada 31 Julai 2007.
- Buat pertama kalinya JCorp menerima pengiktirafan 4 Bintang dalam pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Negeri Johor oleh Jabatan Audit Negara.

2008

- Pembiayaan Skim Sokongan Harga Akhir dan pembubaran Amanah Saham Johor. Skim Sokongan Harga Dana Johor telah diteruskan untuk kali kelima.
- Perubahan taraf pihak berkuasa tempatan kepada Majlis Perbandaran Pasir Gudang.
- Perjanjian pajakan tanah seluas keseluruhan 80 ekar bersamaan RM87.1 juta antara Tanjung Langsat Port dengan 2 buah syarikat antarabangsa dan syarikat tempatan iaitu Asiaflex Products Sdn Bhd (Technip), Kiswire Neptune Sdn Bhd, Johor Shipyard and Engineering Sdn Bhd (JSE).
- Menandatangani perjanjian pinjaman di antara Tanjung Langsat Port dan MIDF Amanah Investment Bank Berhad melalui Sukuk Musyarakah berjumlah RM250 juta dan Kertas Komersial Musyarakah/Program Nota Jangka Sederhana berjumlah RM135 juta.
- Permulaan pembinaan 4 dermaga baru iaitu 3 dermaga tambahan kargo cecair pukal dan sebuah dermaga kargo kering dengan kos RM480 juta.
- Mengendalikan kapal tangki pertama Langsat Bulkers yang membawa keluar sebanyak 2,817 meter padu '*Palm Fatty Acid Distillated*' dan '*Palm Kernel Fatty Acid Distillates*'.
- Perjanjian Unincorporated Joint Venture antara Damansara Assets Sdn Bhd dengan Majlis Perbandaran Pasir Gudang bagi pembinaan Menara Aqabah yang bernilai RM11 juta.
- Pembinaan pejabat JCorp yang baru di Bandar Dato' Onn yang bernilai RM28 juta.



PERKEMBANGAN STRATEGIK

2009

- JCorp berjaya melaksanakan penebusan siri kedua bon di bawah Pelan Induk Penstrukturan Korporat JCorp pada 31 Julai 2009 iaitu Bon Islam Boleh Tebus Terjamin (Bai' Bithaman Ajil) JCorp Siri Kedua bernilai RM653,530,785 dan Sijil Boleh Tebus Terjamin (Bai' Bithaman Ajil) JCorp Siri Kedua bernilai RM18,983,000.
- Majlis Bersama Media bertempat di Persada Johor. Taklimat disampaikan oleh YBhg Tan Sri Dato' Muhammad Ali Hashim, Presiden Dan Ketua Eksekutif JCorp.
- JCorp berjaya mengekalkan taraf 4 bintang buat kali kedua bagi Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan 2008 dengan peratusan sebanyak 94.4%.
- Siri ceramah '*Business Jihad Lectures*' Series bertajuk "*Management Lessons From Ottoman Leadership*" telah disampaikan oleh Dr. Mustafa Ozel, Pensyarah Universiti Fatih, Istanbul, Turki bertempat di Bunga Room, Level 3, Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur. Siri ceramah tersebut dianjurkan oleh JCorp dengan kerjasama Biro Korporat Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM).
- Majlis Pelancaran Briged Waqaf pada 9 Ogos 2009 bertempat di Astaka Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang. Majlis disempurnakan oleh YBhg Tan Sri Dato' Muhammad Ali Hashim, Presiden Dan Ketua Eksekutif JCorp merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Briged Waqaf.
- Kulim (Malaysia) Berhad telah memenangi anugerah '*Best First Time Report & Commendation For Strategy And Governance*' di majlis Anugerah Laporan Kemapanan Malaysia (ACCA) MaSRA 2009 bertempat di Hotel Hilton, Kuala Lumpur. Anugerah telah disampaikan oleh YB Datuk Wira Chor Chee Heung, Timbalan Menteri Kewangan.
- Pasukan Elit Briged Waqaf menerusi Majlis Keselamatan Negara berlepas ke Padang, Sumatera, Indonesia menggunakan pesawat TUDM dari Lapangan Terbang TUDM Subang, Selangor bagi membantu mangsa-mangsa gempa bumi. Pasukan Elit seramai 10 orang diketuai oleh Tn. Hj. Mohd Hizam Abdul Rauf, Ketua Kompeni Ali Abu Talib. Bantuan yang disalurkan berupa ayam kari dalam tin (produk Ayamas) sebanyak 14 tan dan air mineral sebanyak 250 karton.
- Majlis Akad Sumbangan Barangan Farmaseutikal Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM) Kepada Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) Untuk Rangkaian Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) di seluruh negara bertempat di KPJ Ampang Puteri Specialist Hospital, Ampang, Selangor.
- Sesi Taklimat JCorp kepada Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor, Ahli Dewan Undangan Negeri Johor dan Ketua-ketua Jabatan Negeri Johor telah diadakan pada 4 Disember 2009.
- Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman Waqaf Khas (Waqaf Korporat) antara JCorp Dengan Majlis Agama Islam Johor dan telah diadakan pada 4 Disember 2009 bertempat di Bilik 306 Persada Johor.
- JCorp dan Persatuan Pancaragam Malaysia dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menganjurkan "*Malaysia Wind Orchestra Competition 2009*" berlangsung pada 6 Disember 2009 bertempat di Dewan Tanjung Puteri, Persada Johor. Sebanyak 5 kumpulan yang bertanding. Pelancaran Persatuan Pancaragam Malaysia telah disempurnakan oleh Yang Amat Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah, Penaung Persatuan Pancaragam Malaysia.
- JCorp dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menerbitkan program realiti televisyen sebanyak 13 siri yang diadaptasi daripada permainan CATUR BISTARI yang dibangunkan oleh JCorp iaitu CATUR BISTARI d'TV. Program tersebut telah disiarkan di saluran RTM 1 bermula hingga 21 Februari 2010 hingga 9 Mei 2010.
- Kulim (Malaysia) Berhad telah menerima pengiktirafan dan penganugerahan '*Global CSR Summit Awards 2009*' bagi kategori '*Gold For Best Environmental Excellence*' pada di Singapura.

SEJARAH KORPORAT

SAMBUNGAN

2010

- Perubahan pucuk pimpinan tertinggi JCorp. Kamaruzzaman Abu Kassim dilantik sebagai Presiden & Ketua Eksekutif berkuatkuasa 1 Disember 2010.
- Pembukaan bangunan baru Hospital Pakar KPJ Tawakkal di Kuala Lumpur.
- JCorp diberi pengiktirafan oleh Persatuan Institusi Pembiayaan Pembangunan di Asia & Pasifik (ADFIAP) terhadap projek pembangunan dan inisiatifnya dengan memenangi dua anugerah ADFIAP 2009 iaitu Laporan Tahunan Terbaik 2009 dan Pemenang bagi Kategori Tanggungjawab Sosial Korporat bagi dua aktiviti CSR yang merangkumi Briged Waqaf dan rangkaian Klinik & Hospital Waqaf An Nur.
- Kulim (Malaysia) Berhad dipilih sebagai pemenang Laporan Kemapanan Terbaik dan Kepujian dalam Pelaporan bagi Strategi dan Tadbir Urus di *ACCA Malaysia Sustainability Reporting Awards (MaSRA) 2010*.
- JCorp berjaya mengekalkan taraf 4 bintang buat kali ketiga bagi Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan 2010.



SEKSYEN 9

LAPORAN KEWANGAN

- 124 Sijil Ketua Audit Negara
Mengenai Penyata Kewangan
- 127 Laporan Para Pengarah
- 130 Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli
Lembaga Pengarah Johor Corporation
(Akaun Kumpulan)
- 131 Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang
Bertanggungjawab ke Atas Pengurusan
Kewangan Johor Corporation
- 132 Penyata Pendapatan Komprehensif
- 134 Penyata Kedudukan Kewangan
- 136 Penyata Perubahan Ekuiti
- 139 Penyata Aliran Tunai
- 142 Nota-Nota kepada Penyata Kewangan
- 254 Senarai Anak-Anak Syarikat dan Syarikat-
Syarikat Bersekutu



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
JOHOR CORPORATION
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010**

Penyata Kewangan Johor Corporation dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, keputusan signifikan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Johor Corporation dan Kumpulan pada 31 Disember 2010, hasil operasi serta aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Johor Corporation adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Sijil ini hendaklah dibaca bersama Laporan Ketua Audit Negara tanpa menjejaskan pendapat saya.



(TAN SRI DATO' SETIA AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA

PUTRAJAYA
15 APRIL 2011



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
JOHOR CORPORATION
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010**

Laporan Ketua Audit Negara ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Sijil Ketua Audit Negara bagi menyokong pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

2. Pemerhatian audit terhadap Penyata Kewangan adalah seperti berikut:

2.1 Pembayaran Balik Pinjaman – RM3,351 juta

Johor Corporation mempunyai pinjaman berjumlah RM3,351 juta yang akan matang pada 31 Julai 2012 terdiri daripada pinjaman jangka pendek sebanyak RM400 juta dan pinjaman jangka panjang iaitu *Guaranteed Redeemable Islamic Bond ("GRIB")* yang berjumlah RM2,951 juta. Lembaga Pengarah Johor Corporation telah melantik kedua-dua pemberi pinjaman utama sebagai penasihat kewangan untuk mengemukakan cadangan penyelesaian yang membolehkan Johor Corporation memenuhi obligasi kewangannya dalam tempoh masa yang ditetapkan. Pihak Lembaga Pengarah Johor Corporation berkeyakinan bahawa skim penstrukturan semula obligasi kewangan ini akan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Langkah-langkah pembetulan yang sewajarnya hendaklah diambil oleh pihak pengurusan Johor Corporation untuk meningkatkan akauntabiliti awam.


(TAN SRI DATO' SETIA AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA

PUTRAJAYA
15 APRIL 2011



LAPORAN PARA PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan beserta dengan Penyata Kewangan teraudit Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

KEGIATAN UTAMA

Johor Corporation telah diperbadankan di bawah enakmen Johor Corporation (Bil. 4, 1968), (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5, 1995) sebagai agensi pembangunan dan perusahaan awam. Kegiatan utama Johor Corporation adalah bisnes minyak sawit, pembangunan dan pengurusan hartanah dan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terdiri terutamanya daripada bisnes minyak sawit, perkhidmatan kesihatan pakar (prisihatin), pembangunan dan pengurusan hartanah, "intrapreneur ventures", restoran khidmat cepat dan pelaburan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM Juta	Johor Corporation RM Juta
Keuntungan daripada operasi berterusan, sebelum cukai	962	118
Keuntungan daripada operasi yang dihentikan	152	-
Keuntungan bersih sebelum cukai	1,114	118
Perbelanjaan cukai	(280)	1
Keuntungan bersih selepas cukai	834	119
Keuntungan dikaitkan kepada:		
Johor Corporation	302	119
Kepentingan minoriti	532	-
	834	119

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pemindahan material kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain dari yang telah dinyatakan dalam penyata kewangan ini.

LAPORAN PARA PENGARAH

SAMBUNGAN

LEMBAGA PENGARAH

Ahli Lembaga Pengarah yang memegang jawatan semenjak tarikh laporan yang lalu adalah:

YAB Dato' Haji Abdul Ghani Bin Othman	(Pengerusi)
YBhg Tuan Haji Kamaruzzaman Bin Abu Kassim	(Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan) (Dilantik pada 1 Disember 2010)
YB Datuk Haji Ahmad Zahri Bin Jamil	
YB Datuk Abdul Rahman Putra Bin Dato' Haji Taha	
YB Datin Paduka Zainon Binti Haji Yusof	
YB Tuan Haji Obet Bin Tawil	(Dilantik pada 14 Mac 2011)
YBhg Dato' Paduka Ismee Bin Ismail	(Dilantik pada 1 November 2010)
YBhg Dato' Sri Dr Ali Bin Hamsa	
YBhg Datuk Dr Rahamat Bivi Binti Yusoff	
YBhg Datuk Dr Haji Haris Bin Haji Salleh	
YBhg Tan Sri Dato' Muhammad Ali Bin Hashim	(Bersara pada 29 Julai 2010)
YBhg Tan Sri Dato' Abdullah Bin Ayub	(Bersara pada 31 Oktober 2010)
YBhg Tan Sri Dato' Abdul Rahman Bin Mamat	(Bersara pada 6 Disember 2010)
YB Dato' Haji Abd Latiff Bin Yusof	(Bersara pada 14 Mac 2011)

128

MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN

- (a) Sebelum Penyata Pendapatan Komprehensif dan Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan Johor Corporation ini disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk menentukan bahawa:
- tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan telah berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskan dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan
 - segala aset semasa, selain daripada hutang, yang tidak mungkin diperolehi nilainya dalam urusan biasa perniagaan, nilainya seperti yang ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Johor Corporation telah dikurangkan nilai kepada satu amaun yang dijangka boleh diperolehi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang sebarang keadaan:
- yang boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapuskan, atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation tidak mencukupi sehingga tahap yang ketara; atau
 - yang boleh menyebabkan nilai bagi aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation mengelirukan; atau
 - yang telah timbul yang akan menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian sedia ada ke atas aset atau liabiliti Kumpulan dan Johor Corporation mengelirukan atau tidak sesuai.

MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (c) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan atau penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation ini, yang akan menjadikan sebarang amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini mengelirukan.
- (d) Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:
- (i) sebarang gadaian ke atas aset-aset Kumpulan atau Johor Corporation yang telah timbul semenjak akhir tahun kewangan sebagai sandaran kepada liabiliti pihak lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan atau Johor Corporation yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (e) Pada pendapat para Pengarah:
- (i) Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan menjadi boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas dari tarikh akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjejaskan dengan ketara keupayaan Kumpulan atau Johor Corporation untuk memenuhi segala tanggungjawabnya apabila tiba masanya; dan
 - (ii) kecuali sebagaimana yang didedahkan dalam penyata kewangan, dalam tempoh di antara akhir tahun dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urusan atau peristiwa yang material dan luar biasa yang mungkin menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:



DATO' HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN
Pengerusi



HAJI KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM
Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan

Johor Bahru

31 Mac 2011

PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH JOHOR CORPORATION (AKAUN KUMPULAN)

Kami, Dato' Haji Abdul Ghani Bin Othman dan Haji Kamaruzzaman Bin Abu Kassim, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada 31 Disember 2010 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:



DATO' HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN
Pengerusi

130



HAJI KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM
Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan

Johor Bahru

31 Mac 2011


PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN JOHOR CORPORATION

Saya, Azli Bin Mohamed, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Johor Corporation, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar, dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di Johor Bahru pada

31 MAR 2011

Dihadapan saya,



Pesuruhjaya sumpah



S208-PODIUM 1
MENARA ANSAR
JOHOR BAHRU

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Sebaliknya

	Nota	Kumpulan		Johor Corporation	
		2010	2009	2010	2009
			Dinyatakan semula		
Operasi berterusan					
Hasil	4	7,524	7,089	388	500
Kos jualan		(4,207)	(3,994)	(217)	(218)
Keuntungan kasar		3,317	3,095	171	282
Lain-lain item pendapatan					
Lain-lain pendapatan	5	561	309	247	104
Lain-lain item perbelanjaan					
Perbelanjaan pengedaran		(1,549)	(1,387)	(5)	(10)
Perbelanjaan pentadbiran		(925)	(836)	(86)	(42)
Kos kewangan	7	(351)	(314)	(185)	(183)
Lain-lain perbelanjaan	6	(161)	(205)	(24)	(51)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu		70	38	-	-
Keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan	8	962	700	118	100
Perbelanjaan cukai	11	(280)	(232)	1	(1)
Keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai		682	468	119	99
Operasi yang dihentikan					
Kerugian daripada operasi yang dihentikan, bersih selepas cukai	12	(2)	(22)	-	-
Keuntungan atas pelupusan operasi yang dihentikan	12	154	-	-	-
Keuntungan bersih selepas cukai		834	446	119	99
Lain-lain pendapatan komprehensif:					
Lebih bersih daripada penilaian semula		6	-	-	-
Aliran tunai lindung nilai		(97)	-	-	-
Nilai saksama ke atas aset kewangan sedia untuk dijual		56	-	-	-
Penterjemahan matawang asing		5	-	-	-
Lain-lain pendapatan komprehensif tahun semasa, bersih selepas cukai		(30)	-	-	-
Pendapatan komprehensif tahun semasa		804	446	119	99

Nota	Kumpulan		Johor Corporation	
	2010	2009	2010	2009
		Dinyatakan semula		
Keuntungan dikaitkan kepada:				
Johor Corporation	302	104	119	99
Kepentingan minoriti	532	342	-	-
	834	446	119	99
Jumlah pendapatan komprehensif dikaitkan kepada:				
Johor Corporation	287	104	119	99
Kepentingan minoriti	517	342	-	-
	804	446	119	99

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2010

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Sebaliknya

Nota	31.12.2010	Kumpulan		Johor Corporation			
		31.12.2009 Dinyatakan semula	1.1.2009 Dinyatakan semula	31.12.2010	31.12.2009 Dinyatakan semula	1.1.2009 Dinyatakan semula	
ASET							
Aset bukan semasa							
Harta, loji dan kelengkapan	14	7,225	6,885	5,296	334	334	328
Pembangunan hartanah	23	117	80	212	25	22	22
Hartanah pelaburan	15	1,904	1,804	1,867	390	392	380
Aset tidak zahir	16	1,042	941	365	-	-	-
Hak-hak guna tanah dan lain-lain aset	17	92	103	99	-	-	-
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	18	-	-	-	2,508	2,723	2,683
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	19	507	421	1,018	180	109	90
Aset cukai tertunda	21	86	73	63	27	-	-
Lain-lain pelaburan	13	232	55	68	14	6	21
		11,205	10,362	8,988	3,478	3,586	3,524
Aset semasa							
Pembangunan hartanah	23	556	364	403	190	159	170
Inventori	24	791	655	522	54	64	71
Penghutang perdagangan dan lain-lain	22	876	1,390	1,072	1,305	1,006	1,020
Lain-lain aset semasa	25	29	63	75	1	-	1
Lain-lain pelaburan	13	169	77	42	10	8	2
Cukai boleh diperolehi kembali		32	58	45	57	24	8
Baki bank dan tunai	28	668	705	853	78	49	138
		3,121	3,312	3,012	1,695	1,310	1,410
Pelupusan aset Kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual	20	58	124	273	-	-	-
		3,179	3,436	3,285	1,695	1,310	1,410
Jumlah aset		14,384	13,798	12,273	5,173	4,896	4,934

	Nota	31.12.2010	Kumpulan 31.12.2009 Dinyatakan semula	1.1.2009 Dinyatakan semula	Johor Corporation		
					31.12.2010	31.12.2009 Dinyatakan semula	1.1.2009 Dinyatakan semula
EKUITI DAN LIABILITI							
Liabiliti semasa							
Liabiliti cukai semasa		121	127	130	-	-	-
Pembiayaan dan pinjaman	30	2,151	1,769	2,018	461	462	1,123
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	31	1,452	1,574	1,144	824	830	408
Lain-lain liabiliti semasa	32	2	1	-	-	-	-
Derivatif instrumen kewangan	27	150	-	-	-	-	-
		3,876	3,471	3,292	1,285	1,292	1,531
Jumlah (liabiliti)/aset bersih semasa							
		(697)	(35)	(7)	410	18	(121)
Liabiliti bukan semasa							
Lain-lain liabiliti jangka panjang	29	149	185	190	3	1	10
Liabiliti cukai tertunda	21	791	540	448	33	6	6
Pembiayaan dan pinjaman	30	4,508	4,860	4,396	2,982	2,866	2,755
Derivatif instrumen kewangan	27	25	-	-	-	-	-
		5,473	5,585	5,034	3,018	2,873	2,771
Jumlah liabiliti							
		9,349	9,056	8,326	4,303	4,165	4,302
Jumlah aset bersih							
		5,035	4,742	3,947	870	731	632
Ekuiti							
Rizab modal	33	998	992	990	55	55	55
Rizab lindung nilai	33	(41)	-	-	-	-	-
Rizab turun naik matawang	33	(109)	(87)	(87)	-	-	-
Rizab pelarasan nilai saksama	33	30	-	-	-	-	-
Rizab hasil		518	198	38	815	676	577
		1,396	1,103	941	870	731	632
Kepentingan minoriti							
		3,639	3,639	3,006	-	-	-
Jumlah ekuiti							
		5,035	4,742	3,947	870	731	632
Jumlah ekuiti dan liabiliti							
		14,384	13,798	12,273	5,173	4,896	4,934

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Sebaliknya

2009 Kumpulan	Rizab modal	Rizab turun naik matawang	Rizab hasil	Jumlah	Kepentingan Minoriti	Jumlah Ekuiti
<i>Baki awal pada 1 Januari 2009</i>	990	(87)	38	941	3,006	3,947
Jumlah pendapatan komprehensif	-	-	104	104	342	446
Pengambilalihan sebahagian/ pelupusan anak-anak syarikat	-	1	55	56	(149)	(93)
Pengambilalihan anak-anak syarikat	-	-	-	-	595	595
Bahagian rizab terjemahan	-	(1)	-	(1)	(24)	(25)
Dividen dibayar kepada kepentingan minoriti	-	-	-	-	(142)	(142)
Lain-lain perubahan	2	-	1	3	11	14
Baki akhir pada 31 Disember 2009	992	(87)	198	1,103	3,639	4,742

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Sebaliknya
SAMBUNGAN

2010	Rizab modal	Rizab lindung-nilai	Rizab turun naik matawang	Rizab pelarasan nilai saksama	Rizab hasil	Jumlah	Kepentingan minoriti	Jumlah ekuiti
<i>Baki awal</i>								
<i>Pada 1 Januari 2010</i>	992	-	(87)	-	198	1,103	3,639	4,742
Kesan menggunakan FRS 139	-	(12)	-	-	20	8	(12)	(4)
	992	(12)	(87)	-	218	1,111	3,627	4,738
Keuntungan bersih selepas cukai	-	-	-	-	302	302	532	834
<i>Lain-lain pendapatan komprehensif</i>								
Lebihan penilaian semula	6	-	-	-	-	6	-	6
Pelarasan pertukaran asing	-	-	(22)	-	-	(22)	27	5
Aliran tunai lindung-nilai	-	(29)	-	-	-	(29)	(68)	(97)
Nilai saksama aset kewangan sedia untuk dijual	-	-	-	30	-	30	26	56
Jumlah lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	6	(29)	(22)	30	-	(15)	(15)	(30)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	6	(29)	(22)	30	302	287	517	804
Dividen dibayar kepada pemegang saham minoriti	-	-	-	-	-	-	(9)	(9)
Pelupusan anak-anak syarikat	-	-	-	-	-	-	(424)	(424)
Pengurangan kepentingan dalam anak-anak syarikat	-	-	-	-	-	-	(115)	(115)
Pengambilalihan anak-anak syarikat baru	-	-	-	-	-	-	(4)	(4)
Tambahan kepentingan dalam anak-anak syarikat	-	-	-	-	-	-	58	58
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	-	-	-	-	(2)	(2)	-	(2)
Belian balik saham oleh anak-anak syarikat	-	-	-	-	-	-	(6)	(6)
Timbul daripada pengambilalihan dari kepentingan minoriti	-	-	-	-	-	-	(5)	(5)
	-	-	-	-	(2)	(2)	(505)	(507)
Baki akhir pada 31 Disember 2010	998	(41)	(109)	30	518	1,396	3,639	5,035

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Sebaliknya

SAMBUNGAN

Johor Corporation	Rizab Modal	Rizab Hasil	Jumlah Ekuiti
<i>Baki awal pada 1 Januari 2009</i>	<i>55</i>	<i>577</i>	<i>632</i>
Jumlah pendapatan komprehensif	-	99	99
<i>Baki akhir pada 31 Disember 2009 dan baki awal pada 1 Januari 2010</i>	<i>55</i>	<i>676</i>	<i>731</i>
Kesan menggunakan FRS 139	-	22	22
	55	698	753
Jumlah pendapatan komprehensif	-	119	119
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	-	(2)	(2)
<i>Baki akhir pada 31 Disember 2010</i>	<i>55</i>	<i>815</i>	<i>870</i>

LAPORAN TAHUNAN 2010
JOHOR CORPORATION

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Sebaliknya

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2010	2009	2010	2009
KEGIATAN OPERASI				
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai:				
Operasi berterusan	962	700	118	100
Operasi dihentikan	1	(30)	-	-
Pelarasan-pelarasan:				
Harta, loji dan kelengkapan:				
- (Keuntungan)/kerugian atas pelupusan	(1)	11	-	-
- Hapuskira	11	10	-	-
- Susutnilai	419	374	10	7
- Kerugian kerosotan	47	11	-	-
Hartanah pelaburan:				
- Perubahan dalam nilai saksama	(22)	39	(17)	45
- Hapuskira	-	5	-	-
- (Keuntungan)/kerugian atas pelupusan	-	(9)	2	(3)
Hak-hak guna tanah:				
- Pelunasan	2	1	-	3
(Keuntungan)/kerugian atas pelupusan:				
- Anak-anak syarikat	(110)	-	-	-
- Operasi dihentikan	(154)	-	-	-
- Sebahagian kepentingan di dalam anak syarikat	(47)	(13)	(15)	(24)
- Syarikat-syarikat bersekutu	19	(5)	(79)	(5)
- Lain-lain pelaburan	(108)	1	(109)	-
- Perbelanjaan pembangunan	1	-	-	-
- Muhibbah negatif	-	2	-	-
Pelaburan:				
- Perubahan dalam nilai saksama	(8)	-	(3)	-
- Peruntukan/(masuk kira semula) bagi penghausan nilai	4	(16)	15	(31)
Aset tidak ketara:				
- Pelunasan	10	12	-	-
- Hapuskira	3	-	-	-
Pendapatan dividen	(3)	(5)	(141)	(102)
Pelunasan geran kerajaan	(22)	(21)	(6)	(16)
Peruntukan hutang ragu	3	-	21	-
Perbelanjaan faedah	351	323	185	183
Pendapatan faedah	(12)	(16)	(4)	(20)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu	(70)	(38)	-	-
Sumbangan kepada waqaf	-	5	-	5
Keuntungan dari pertukaran ladang	-	(61)	-	-
Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	1,276	1,280	(23)	142

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Sebaliknya
SAMBUNGAN

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2010	2009	2010	2009
Perubahan dalam modal kerja				
Deposit bank tidak dianggap sebagai persamaan tunai	(26)	77	(25)	74
Inventori	(196)	25	10	7
Kos pembangunan hartanah	23	39	(26)	11
Penghutang perdagangan	142	(244)	(9)	32
Pemiutang perdagangan	(143)	154	43	6
Syarikat-syarikat bersekutu	(157)	59	-	-
Pelaburan jangka pendek	-	(35)	-	(5)
Pinjaman jangka pendek	(353)	451	-	-
Tunai dijana daripada/(digunakan) dalam kegiatan operasi	566	1,806	(30)	267
Pembangunan hartanah dan tanah	(118)	132	-	1
Cukai dibayar	(31)	(200)	-	-
Dividen diterima	3	5	28	73
Faedah diterima	12	16	1	20
Tunai bersih dijana/(digunakan) dalam kegiatan operasi	432	1,759	(1)	361
KEGIATAN PELABURAN				
Perolehan daripada pelupusan pelaburan dalam:				
- Anak-anak syarikat	531	-	50	62
- Syarikat-syarikat bersekutu	87	5	96	5
- Lain-lain pelaburan	75	91	133	35
- Pelaburan jangka pendek	-	-	-	1
Harta, loji dan kelengkapan:				
- Perolehan daripada pelupusan	176	427	-	-
- Pembelian	(1,012)	(1,258)	(10)	(15)
Hartanah pelaburan:				
- Perolehan daripada pelupusan	36	47	-	4
- Pembelian	(131)	(17)	(3)	(58)
Aset tidak ketara:				
- Tambahan	(18)	(10)	-	-
Hak-hak guna tanah:				
- Pembelian	-	(68)	-	-
Pengambilalihan anak-anak syarikat, tunai bersih diperolehi	(646)	40	-	-
Pengambilalihan syarikat bersekutu	(168)	-	-	-
Pembelian/langganan:				
- Kepentingan sebahagian dalam anak-anak syarikat	-	(150)	(203)	(71)
- Kepentingan sebahagian dalam syarikat-syarikat bersekutu	-	(34)	(4)	-
- Lain-lain pelaburan	(213)	(62)	(27)	(28)
Tunai bersih (digunakan dalam)/ dijana daripada kegiatan pelaburan	(1,283)	(989)	32	(65)

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2010	2009	2010	2009
KEGIATAN PEMBIAYAAN				
Pembayaran balik pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang	(662)	(1,247)	(2)	(675)
Pinjaman dari anak-anak syarikat	-	-	-	400
Pembayaran balik sewa beli dan pajakan	(12)	(17)	-	-
Pengeluaran pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang	1,762	717	15	-
Geran kerajaan diterima	23	15	7	7
Faedah dibayar	(351)	(185)	(45)	(43)
Dividen dibayar kepada kepentingan minoriti	(9)	(142)	-	-
Pengagihan dana kepada kerajaan negeri	(2)	-	(2)	-
Tunai bersih dijana daripada/(digunakan) dalam kegiatan pembiayaan	749	(859)	(27)	(311)
(Pengurangan)/penambahan bersih tunai dan persamaan tunai	(102)	(89)	4	(15)
Tunai dan persamaan tunai pada 1 Januari	527	619	17	32
Kesan turun naik kadar pertukaran ke atas tunai dan persamaan tunai	87	(3)	-	-
Tunai dan persamaan tunai pada 31 Disember	512	527	21	17
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI				
Tunai dan baki bank	385	427	1	8
Simpanan tetap	283	278	77	41
	668	705	78	49
Simpanan tetap tertakluk kepada sekatan/dicagarkan	(73)	(47)	(57)	(32)
Overdraf bank	(83)	(131)	-	-
	512	527	21	17

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

1. MAKLUMAT KORPORAT

Johor Corporation telah diperbadankan dibawah Enakmen Johor Corporation (Bil. 4, 1968) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5, 1995).

Alamat tempat perniagaan utama bagi Johor Corporation adalah seperti berikut:

Tingkat 2, PERSADA JOHOR
Jalan Abdullah Ibrahim
80000 Johor Bahru, Johor
Malaysia.

Penyata kewangan Johor Corporation yang disatukan pada dan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 meliputi Johor Corporation dan anak-anak syarikatnya dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu.

Kegiatan utama Johor Corporation adalah bisnes minyak sawit, pembangunan dan pengurusan hartanah dan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terdiri terutamanya daripada bisnes minyak sawit, perkhidmatan penjagaan kesihatan pakar (prisihatin), pembangunan dan pengurusan hartanah, "intrapreneur venture", restoran khidmat cepat dan pelaburan.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 31 Mac 2011.

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS) dan prinsip-prinsip perakaunan yang diterima pada amnya di Malaysia. Pada permulaan tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Johor Corporation telah menerima pakai FRS baru dan dipinda yang merupakan satu syarat mandatori bagi tempoh-tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010 sebagaimana yang dinyatakan sepenuhnya dalam Nota 2.2.

Penyata kewangan ini telah disediakan berasaskan kos sejarah kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam dasar-dasar perakaunan di bawah.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan ke juta terdekat (RM Juta) melainkan dinyatakan sebaliknya.

2.2 Perubahan dalam polisi perakaunan

Pada 1 Januari 2010, Kumpulan dan Johor Corporation telah menerima pakai piawaian laporan kewangan baru dan FRS yang dipinda dan interpretasi IC yang berkuatkuasa bagi entiti yang tempoh kewangannya bermula pada atau selepas 1 Januari 2010.

- FRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan
- FRS 8 Segmen Operasi
- FRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan (Disemak)
- FRS 123 Kos Peminjaman
- FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
- Pindaan kepada FRS 1 *Piawaian laporan kewangan untuk menggunakan kali pertama dan FRS 127 penyata-penyata kewangan disatukan dan berasingan: kos pelaburan dalam subsidiari, entiti yang dikawal secara bersama atau bersekutu*
- Pindaan kepada FRS 2 Pembayaran Berasaskan Saham – Syarat Penyerah Kuasa dan Pembatalan
- Pindaan kepada FRS 132 Instrumen Kewangan: Persembahan
- Pindaan kepada FRS 139 *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran, FRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan dan IC Interpretasi 9 Penilaian Semula Derivatif Terbenam*

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.2 Perubahan dalam polisi perakaunan (sambungan)

- Penambahbaikan kepada FRS yang dikemukakan pada 2009
- IC Interpretasi 9 Penilaian Semula Derivatif Terbenam
- IC Interpretasi 10 Pelaporan Kewangan Interim dan Rosotnilai
- IC Interpretasi 11 FRS 2 – Kumpulan dan Agihan Transaksi Perbendaharaan
- IC Interpretasi 13 Program Kesetiaan Pelanggan
- IC Interpretasi 14 FRS119 – Had keatas Aset Manfaat Ditetapkan, Keperluan Pembiayaan Minima dan Interaksi

FRS 4 Kontrak insuran dan TR i-3 Persembahan penyata kewangan oleh institusi kewangan Islamik juga berkuatkuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010. Walau bagaimanapun, FRS ini tidak digunapakai untuk Kumpulan atau Johor Corporation.

Penggunaan piawaian perakaunan dan Interpretasi di atas tidak akan memberi kesan ke atas prestasi kewangan atau kedudukan Kumpulan dan Johor Corporation kecuali yang dibincangkan dibawah.

FRS 7 Instrumen kewangan: Pendedahan

Sebelum 1 Januari 2010, maklumat mengenai instrumen kewangan dinyatakan menurut keperluan FRS 132 Instrumen kewangan: Pendedahan dan persembahan. FRS 7 memperkenalkan pendedahan baru untuk memperbaiki maklumat mengenai instrumen kewangan. Ia memerlukan pendedahan maklumat kualitatif dan kuantitatif mengenai pendedahan kepada risiko yang timbul daripada instrumen kewangan, termasuk pendedahan minima yang dinyatakan mengenai risiko kredit, risiko kecairan dan risiko pasaran, termasuk analisa sensitiviti terhadap risiko pasaran.

Kumpulan dan Johor Corporation telah mengunapakai FRS 7 secara prospektif menurut peruntukan-peruntukan peralihan. Dengan demikian, pendedahan-pendedahan baru tersebut belum lagi dikenakan kepada angka perbandingan-perbandingan. Pendedahan-pendedahan baru tersebut telah dimasukkan kepada keseluruhan penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

FRS 8 Segmen operasi

FRS 8, yang menggantikan FRS 114 Pelaporan Segmen, menyatakan bagaimana sesuatu entiti sepatutnya melaporkan maklumat tentang segmen-segmen operasinya, berdasarkan maklumat mengenai komponen entiti yang dilaporkan kepada ketua pembuat keputusan operasi bagi tujuan memperuntukan sumber-sumber kepada segmen tersebut dan menilai prestasi mereka. Piawaian ini juga memerlukan pendedahan maklumat tentang produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh segmen tersebut, kawasan geografi di mana Kumpulan beroperasi, dan hasil daripada pelanggan-pelanggan utama Kumpulan. Kumpulan menyimpulkan bahawa segmen operasi yang boleh dilapor sepertimana yang ditentukan menurut FRS 8 adalah segmen perniagaan yang sama yang dikenal pasti sebelum ini di bawah FRS 114. Kumpulan telah menerima pakai FRS 8 secara retrospektif. Pendedahan-pendedahan dipinda ini, termasuk maklumat perbandingan dipinda yang berkaitan, dinyatakan dalam Nota 40 pada Penyata Kewangan.

FRS 101 Pembentangan penyata kewangan (pindaan)

FRS 101 yang dipinda memperkenalkan perubahan-perubahan dalam pembentangan dan pendedahan penyata kewangan. Piawaian yang dipinda ini memisahkan perubahan-perubahan dalam ekuiti pemilik daripada bukan-pemilik. Penyata perubahan dalam ekuiti memasukkan butiran urusan dengan pemilik, dengan semua perubahan dalam ekuiti bukan-pemilik dipersembahkan dalam satu barisan. Piawaian ini juga memperkenalkan penyata pendapatan komprehensif, dengan semua item pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf dalam untung atau rugi, bersama-sama dengan semua item lain bagi pendapatan dan perbelanjaan yang diiktiraf, diiktiraf terus dalam ekuiti, sama ada dalam satu penyata, atau dalam dua penyata yang berkaitan. Kumpulan dan Johor Corporation telah memilih untuk membentangi penyata ini sebagai satu penyata.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 SAMBUNGAN

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.2 Perubahan dalam polisi perakaunan (sambungan)

FRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan (Pindaan) (sambungan)

Sebagai tambahan, satu penyata bagi kedudukan kewangan diperlukan pada permulaan tempoh perbandingan paling awal menyusuli perubahan dalam dasar perakaunan, pembetulan satu kesilapan atau klasifikasi item dalam penyata kewangan.

FRS 101 yang dipinda juga memerlukan Kumpulan membuat pendedahan-pendedahan baru untuk membolehkan para pengguna penyata kewangan tersebut menilai objektif-objektif, dasar-dasar dan proses-proses Kumpulan bagi menguruskan modal (lihat Nota 39).

FRS 101 yang dipinda telah diterima pakai secara retrospektif oleh Kumpulan dan Johor Corporation.

FRS 123 Kos Pinjaman

FRS 123 telah dipinda bagi keperluan memodalkan kos pinjaman yang berpunca secara langsung akibat daripada pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset yang layak. Polisi Kumpulan terdahulu adalah mengambilkira kos pinjaman sebagai perbelanjaan apabila ia berlaku. Kumpulan telah mengubah polisi perakaunannya berdasarkan kepada pindaan FRS 123. Selari dengan peruntukan peralihan, Kumpulan telah mengadaptasi perkara ini sebagai perubahan prospektif. Oleh itu, kos pinjaman telah dipermodalkan pada aset yang layak dengan tarikh mulanya pada atau selepas 1 Januari 2010. Tiada perubahan dilakukan bagi kos pinjaman yang terlibat sebelum tarikh ini dan telah dibelanjakan. Pada tahun kewangan semasa, kos pinjaman berjumlah RM2 juta telah dipermodalkan ke atas harta, loji dan kelengkapan.

FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran

FRS 139 mewujudkan prinsip-prinsip bagi mengiktiraf dan mengukur aset kewangan, liabiliti kewangan dan sesetengah kontrak untuk membeli dan menjual item-item bukan-kewangan. Kumpulan dan Johor Corporation telah menerima pakai FRS 139 secara prospektif pada 1 Januari 2010 menurut peruntukan peralihan. Kesan-kesan yang timbul daripada penerimaan pakai Piawaian ini telah diambilkira dengan melaraskan baki pembukaan bagi keuntungan terkumpul pada 1 Januari 2010. Perbandingan-perbandingan tidak dinyatakan semula. Butiran perubahan-perubahan dalam dasar-dasar perakaunan dan kesan-kesan yang timbul daripada penerimaan pakai FRS 139 adalah seperti yang dibincangkan di bawah:

- **Instrumen Ekuiti**

Sebelum 1 Januari 2010, Kumpulan telah mengklasifikasikan pelaburannya dalam instrumen-instrumen ekuiti yang dipegang bagi tujuan bukan-dagangan sebagai pelaburan bukan-semasa. Pelaburan sedemikian dibawa pada kos tolak kerugian penurunan nilai. Selepas terima pakai FRS 139, pelaburan ini, kecuali pelaburan yang nilai saksamanya tidak dapat diukur dengan pasti, ditentukan pada 1 Januari 2010 sebagai aset-aset yang ada-untuk-dijual.

Sebelum 1 Januari 2010, Kumpulan mengklasifikasikan pelaburan-pelaburan dalam ekuiti instrumennya yang dipegang bagi tujuan dagangan sebagai sekuriti yang boleh dipasarkan. Pelaburan-pelaburan sedemikian dibawa pada nilai kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah, ditentukan berasaskan agregat. Setelah terima pakai FRS 139, pelaburan-pelaburan ini ditentukan sebagai aset-aset kewangan pada 1 Januari 2010 pada nilai saksama menerusi untung atau rugi dan oleh itu dinyatakan pada nilai saksama mereka.

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.2 Perubahan dalam polisi perakaunan (sambungan)

FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran (sambungan)

- **Sekuriti hutang**

Sebelum 1 Januari 2010, pelaburan-pelaburan dalam sekuriti hutang dinyatakan pada kos dilunas menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Setelah terima pakai FRS 139, pelaburan-pelaburan ini ditentukan pada 1 Januari 2010 sebagai aset-aset kewangan yang sedia-untuk-dijual atau diklasifikasi sebagai pelaburan-pelaburan dipegang-hingga-matang.

- **Penurunan nilai akaun dagangan belum terima**

Sebelum 1 Januari 2010, peruntukan bagi hutang ragu diiktiraf bila ianya dianggap tidak boleh dikutip. Setelah terima pakai FRS 139, kerugian penurunan nilai diiktiraf bila terdapat bukti objektif bahawa kerugian penurunan nilai telah berlaku. Jumlah kerugian tersebut diukur sebagai perbezaan antara nilai bawa akaun belum terima dan nilai semasa aliran tunai masa depan yang dianggarkan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal akaun belum terima. Pada 1 Januari 2010, Kumpulan telah mengukur semula peruntukan bagi kerugian penurunan nilai pada tarikh tersebut menurut FRS 139 dan perbezaan tersebut diiktiraf sebagai pelarasan kepada baki awal keuntungan terkumpul pada tarikh tersebut.

- **Pembiayaan antara syarikat berkaitan**

Sepanjang tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya, Johor Corporation memberi pembiayaan dan pendahuluan tanpa-faedah atau faedah-rendah kepada subsidiari-subsidiarinya. Sebelum 1 Januari 2010, pinjaman dan pendahuluan ini direkod pada kos dalam penyata kewangan Johor Corporation. Setelah terima pakai FRS 139, pembiayaan atau pendahuluan tanpa-faedah atau faedah-rendah atau pendahuluan tersebut direkod pada mulanya pada nilai saksama yang lebih rendah daripada kos. Perbezaan antara nilai saksama dan kos pembiayaan atau pendahuluan tersebut diiktiraf sebagai pelaburan tambahan dalam subsidiari tersebut. Selepas pengiktirafan awal, pembiayaan dan pendahuluan tersebut diukur pada kos di tolak pelunasan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010
SAMBUNGAN

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.2 Perubahan dalam polisi perakaunan (sambungan)

Penambahbaikan kepada FRS yang dikemukakan dalam tahun 2009

Perubahan kepada FRS 117 Pajak

Sebelum 1 Januari 2010, semua pajakan tanah dan bangunan, jika geran dijangka tidak dipindahkan kepada pemajak pada tempoh pajakan berakhir, pemajak biasanya tidak menerima sebahagian besar segala risiko yang wujud dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan. Oleh itu, semua tanah pajakan dipegang untuk kegunaan sendiri telah diklasifikasikan oleh Kumpulan sebagai pajakan operasi dan bila perlu, bayaran minima pajakan atau bayaran pendahuluan dibuat dan diagihkan antara elemen tanah dan bangunan dalam kadar berbanding kepada nilai saksama bagi faedah pajakan dalam elemen tanah dan bangunan pada permulaan pajakan. Bayaran pendahuluan mewakili bayaran pajakan terdahulu dan dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Perubahan kepada FRS 117 Pajak menjelaskan bahawa bangunan dan tanah dipajak diklasifikasikan sebagai pajakan operasi atau kewangan sama seperti pajakan aset-aset lain. Ia juga menjelaskan nilai sekarang atas nilai bersih harta dalam pajakan dengan tempoh beberapa dekad yang amat kecil dan perakaunan bagi elemen tanah sebagai pajakan kewangan di mana keadaan tersebut perlu konsisten dengan keadaan ekonomi pemajak. Maka, penggunaan pakai pindaan kepada FRS 117 telah menyebabkan pajakan tanah tertentu tidak tamat tempoh akan diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan. Kumpulan telah menggunakan perubahan ini di dalam polisi perakaunan secara retrospektif dan perbandingan tertentu telah dinyatakan semula.

Berikut adalah kesan-kesan kepada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2010 akibat daripada perubahan polisi perakaunan di atas:

	Kumpulan 2010 RM Juta	Johor Corporation 2010 RM Juta
Peningkatan/(penurunan) dalam:		
Harta, loji dan kelengkapan	754	263
Hak-hak guna tanah	(754)	(263)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**2.2 Perubahan dalam polisi perakaunan (sambungan)***Penambahbaikan kepada FRS dikemukakan dalam tahun 2009**Perubahan kepada FRS 117 Pajak (sambungan)*

Perbandingan berikut dinyatakan semula:

Kumpulan	Seperti yang dinyatakan sebelum ini RM Juta	Perubahan RM Juta	Dinyatakan semula RM Juta
Penyata penyatuan kedudukan kewangan			
31 Disember 2009			
Harta, loji dan kelengkapan	6,125	760	6,885
Hak-hak guna tanah	860	(760)	100
1 Januari 2009			
Harta, loji dan kelengkapan	4,692	604	5,296
Hak-hak guna tanah	698	(604)	94

Johor Corporation	Seperti yang dinyatakan sebelum ini RM Juta	Perubahan RM Juta	Dinyatakan semula RM Juta
Penyata penyatuan kedudukan kewangan			
31 Disember 2009			
Harta, loji dan kelengkapan	74	260	334
Hak-hak guna tanah	260	(260)	-
1 Januari 2009			
Harta, loji dan kelengkapan	65	263	328
Hak-hak guna tanah	263	(263)	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 SAMBUNGAN

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa

Kumpulan belum menggunakan piawaian-piawaian dan interpretasi berikut yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa:

Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Mac 2010

Pindaan FRS 132: Instrumen Kewangan: Persembahan

Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2010

FRS 1 Penerimaan piawaian laporan kewangan buat kali pertama

FRS 3 Penggabungan perniagaan (pindaan)

Pindaan FRS 2: Pembayaran berasaskan saham

Pindaan FRS 5: Aset bukan semasa dipegang untuk dijual dan penamatan operasi

Pindaan FRS 127: Penyatuan dan penyata kewangan berasingan

Pindaan FRS 138: Aset tidak zahir

Pindaan IC Interpretasi 9: Penilaian semula derivatif terbenam

IC Interpretasi 12: Perkhidmatan konsesi yang telah diaturkan

IC Interpretasi 16: Lindung-nilai untuk pelaburan bersih dalam operasi asing

IC Interpretasi 17: Pengagihan aset bukan tunai kepada pemilik

Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2011

Pindaan FRS 1: Pengecualian terhadap bagi perbandingan pendedahan FRS 7. Pendedahan bagi pengguna kali pertama

Pindaan FRS 7: Penambahbaikan pendedahan mengenai penyata instrumen kewangan

Tambahan pengecualian bagi menggunakan kali pertama (pindaan FRS 1)

Urusniaga-urusniaga pembayaran berasaskan saham diselesaikan secara tunai bagi Kumpulan (Pindaan FRS 2)

IC Interpretasi 4: Penentuan samada sesuatu aturan mengandungi suatu pajakan

IC Interpretasi 18: Pindahan aset daripada pelanggan

TR 3: Panduan: Pendedahan peralihan kepada IFRS

TRi-4: Pematuhan syariah bagi jualan secara kontrak

Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2012

FRS 124: Pendedahan pihak berkaitan (disemak)

IC Interpretasi 15: Perjanjian bagi pembinaan hartanah tetap

Kecuali perubahan-perubahan dalam dasar-dasar perakaunan yang timbul daripada penerimaan pakai FRS 3 yang dipinda, pindaan-pindaan kepada FRS 127 dan Interpretasi IC 15, serta pendedahan-pendedahan baru yang diperlukan di bawah Pindaan kepada FRS 7, para pengarah menjangkakan bahawa penerimaan pakai lain-lain piawaian dan interpretasi lain di atas tidak akan mempunyai kesan yang penting ke atas penyata kewangan dalam tempoh permulaan penggunaannya. Sifat perubahan yang akan berlaku dalam dasar perakaunan atas penerimaan pakai FRS 3 yang dipinda, pindaan kepada FRS 127 dan Interpretasi IC 15 diterangkan di bawah.

Pindaan FRS 3 Penggabungan perniagaan dan pindaan kepada FRS 127 penyata kewangan yang disatukan dan berasingan

Piawaian-piawaian yang dipinda adalah berkuatkuasa bagi tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2010. FRS 3 yang dipinda memperkenalkan beberapa perubahan dalam perakaunan bagi kombinasi perniagaan yang berlaku selepas 1 Julai 2010. Perubahan-perubahan ini akan memberi kesan kepada jumlah muhibbah yang diiktiraf, keputusan yang dilaporkan dalam tempoh di mana pengambilalihan berlaku, dan keputusan yang dilaporkan pada masa depan. Pindaan kepada FRS 127 memerlukan satu perubahan dalam kepentingan pemilikan sebuah anak syarikat (tanpa kehilangan kawalan) diambilkira sebagai satu urusniaga ekuiti.

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum efektif (sambungan)

Pindaan FRS 3 Penggabungan perniagaan kepada pindaan FRS 127 Penyatuan dan penyata kewangan berasingan (sambungan)

Oleh itu, urusan sedemikian tidak akan lagi membawa kepada peningkatan muhibbah, mahupun membawa kepada peningkatan untung atau rugi. Tambahan lagi, piawaian yang dipinda merubah perakaunan bagi kerugian ditanggung oleh anak syarikat tersebut serta kehilangan kawalan sebuah anak syarikat. Pindaan-pindaan penting lain telah dibuat kepada FRS 107 Penyata Aliran Tunai, FRS 112 Cukai Pendapatan, FRS 121 Kesan Perubahan Kadar Tukaran Asing, FRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan FRS 131 Pelaburan dalam usahasama. Perubahan-perubahan daripada FRS 3 yang dipinda dan Pindaan Kepada FRS 127 akan memberi kesan kepada pengambilalihan atau kehilangan kawalan dan urusan dengan kepentingan minoriti pada masa depan. Piawaian-piawaian tersebut boleh diterima pakai awal. Walau bagaimanapun, Kumpulan tidak berhasrat untuk menerima pakai awal piawaian-piawaian ini.

IC Interpretasi 15 Perjanjian untuk pembinaan hartanah

Interpretasi ini menerangkan bila dan bagaimana hasil dan perbelanjaan berkaitan daripada jualan satu unit harta tanah sepatutnya diiktiraf sekiranya perjanjian antara pemaju dan pembeli dicapai sebelum pembinaan hartanah tersebut disiapkan. Tambahan lagi, Interpretasi ini menyediakan panduan tentang bagaimana untuk menentukan sama ada suatu perjanjian adalah terkandung dalam skop FRS 111 Kontrak Pembinaan atau FRS 118 Hasil.

Kumpulan buat masa ini mengiktiraf hasil yang timbul daripada projek-projek pembangunan hartanah menggunakan kaedah peringkat penyediaan. Setelah terima pakai Interpretasi IC 15, Kumpulan mungkin diperlukan untuk mengubah dasar perakaunannya untuk mengiktiraf hasil-hasil sedemikian pada penyediaan, atau semasa atau selepas penyerahan. Kumpulan kini dalam proses membuat penilaian ke atas kesan interpretasi ini.

2.4 Asas-asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan Johor Corporation dan anak-anak syarikat pada tarikh laporan tersebut. Penyata kewangan anak-anak syarikat yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan yang disatukan disediakan pada tarikh laporan yang sama dengan Johor Corporation. Dasar-dasar perakaunan yang konsisten digunapakai ke atas urusan serupa dan peristiwa di dalam keadaan yang sama.

Semua baki, pendapatan dan perbelanjaan dan untung dan rugi tidak direalisasi dalam kumpulan yang terhasil daripada urusan serupa dalam kumpulan dilupuskan sepenuhnya.

Pengambilalihan anak-anak syarikat diambilkira dengan menggunakan kaedah belian. Aset-aset yang boleh dikenal pasti diperolehi dan liabiliti kontingen diandai dalam satu kombinasi perniagaan diukur pada mulanya pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Pelarasan kepada nilai-nilai saksama tersebut berhubung dengan faedah-faedah yang dipegang sebelumnya di terima sebagai penilaian semula dan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Kos kombinasi perniagaan diukur sebagai agregat nilai-nilai saksama, pada tarikh pertukaran, aset-aset yang diberi, liabiliti yang ditanggung atau diandai, dan instrumen-instrumen ekuiti yang dikeluarkan, serta sebarang kos yang berpunca terus daripada kombinasi perniagaan tersebut. Sebarang lebihan kos kombinasi perniagaan ke atas bahagian Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset-aset boleh dikenal pasti milik anak-anak syarikat yang diambilalih, liabiliti dan liabiliti kontingen direkod sebagai muhibbah pada penyata kedudukan kewangan tersebut. Dasar perakaunan bagi muhibbah dibentangkan dalam Nota 2.10(a). Sebarang lebihan bahagian Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset-aset boleh dikenal pasti milik anak-anak syarikat yang diambilalih, liabiliti dan liabiliti kontingen ke atas kos kombinasi perniagaan diiktiraf sebagai pendapatan dalam untung atau rugi pada tarikh pengambilalihan. Apabila Kumpulan memperoleh suatu perniagaan, derivatif terbenam yang dipisah daripada kontrak utama oleh entiti yang diperolehi dinilai semula ke atas pengambilalihan melainkan kombinasi perniagaan menyebabkan satu perubahan dalam terma-terma kontrak tersebut yang mengubah aliran tunai secara signifikan yang akan, selainnya, diperlukan di bawah kontrak tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 SAMBUNGAN

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.4 Asas-asas penyatuan (sambungan)

Anak-anak syarikat adalah disatukan dari tarikh pengambilalihan, yakni tarikh pada bila Kumpulan mendapat kawalan, dan terus disatukan sehingga ke satu tarikh di mana kawalan sedemikian tidak lagi wujud.

2.5 Urusniaga dengan kepentingan minoriti

Kepentingan minoriti mewakili bahagian untung atau rugi dan aset-aset bersih dalam anak-anak syarikat yang tidak dipegang oleh Kumpulan dan dibentangkan secara berasingan dalam untung atau rugi Kumpulan dan termasuk di dalam ekuiti dalam penyata kedudukan kewangan disatukan, berasingan daripada ekuiti pemegang saham induk. Urusniaga-urusniaga dengan kepentingan minoriti diambilkira menggunakan kaedah konsep entiti, di mana, urusniaga dengan kepentingan minoriti diambilkira sebagai urusniaga dengan pemilik-pemilik. Di atas pengambilalihan kepentingan minoriti, perbezaan antara pertimbangan dan nilai buku saham aset-aset bersih diambillah diiktiraf terus dalam ekuiti. Untung atau rugi ke atas pelupusan kepada kepentingan minoriti diiktiraf terus dalam ekuiti.

2.6 Mata wang asing

a) Mata wang fungsi dan mata wang pembentangan

Penyata kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama dalam mana entiti tersebut beroperasi ("mata wang berfungsi"). Penyata kewangan yang disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang juga merupakan mata wang berfungsi Johor Corporation.

b) Urusniaga mata wang asing

Urusniaga dalam mata wang asing adalah diukur didalam mata wang berfungsi Johor Corporation dan anak-anak syarikat masing-masing dan direkod pada pengiktirafan awal di dalam mata wang berfungsi pada kadar pertukaran yang berhampiran dengan kadar yang digunakan pada tarikh urusniaga tersebut. Liabiliti dan aset monetari yang didenominasi di dalam mata wang asing adalah diterjemah pada kadar pertukaran pada tarikh laporan. Item-item bukan monetari yang didenominasi didalam mata wang asing yang diukur pada kos sejarah saksama adalah diterjemah menggunakan kadar pertukaran pada tarikh urusniaga awal. Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing diukur pada nilai saksama adalah diterjemah menggunakan kadar pertukaran pada tarikh apabila nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada penyelesaian item-item monetari atau atas pertukaran item-item monetari pada tarikh laporan adalah diiktiraf didalam untung atau rugi kecuali perbezaan pertukaran yang timbul daripada item-item monetari yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi-operasi asing, yang diiktiraf pada awalnya didalam lain-lain pendapatan komprehensif dan terkumpul sebagai rizab pertukaran mata wang asing dalam ekuiti. Rizab pertukaran mata wang asing tersebut diklasifikasikan daripada ekuiti kepada untung atau rugi Kumpulan diatas pelupusan operasi luar negara tersebut.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada terjemahan item-item bukan monetari dibawa pada nilai saksama adalah diambilkira didalam untung atau rugi bagi tempoh tersebut melainkan perbezaan yang timbul di atas terjemahan item-item bukan monetari di mana untung atau rugi diiktiraf terus di dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada item-item bukan monetari tersebut adalah juga diiktiraf secara langsung didalam ekuiti.

c) Operasi Luar Negara

Aset dan liabiliti operasi luar negara diterjemah ke dalam RM pada kadar pertukaran pada tarikh laporan dan pendapatan dan perbelanjaan adalah diterjemah pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada terjemahan adalah diambilkira terus sebagai pendapatan komprehensif lain. Diatas pelupusan sebuah operasi luar negara, jumlah terkumpul diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul di dalam ekuiti di bawah rizab terjemahan matawang asing berkaitan dengan operasi luar negara tersebut diiktiraf di dalam untung atau rugi.

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.6 Mata wang asing (sambungan)

c) Operasi Luar Negara (sambungan)

Muhibbah dan pelarasan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan operasi luar negara adalah dianggap sebagai aset dan liabiliti operasi luar negara tersebut dan direkodkan mengikut matawang berfungsi bagi operasi luar negara tersebut dan diterjemahkan pada kadar penutup pada tarikh laporan.

2.7 Harta, loji dan kelengkapan

Semua item harta, loji dan peralatan pada mulanya direkod pada kos. Kos sesuatu harta, loji dan peralatan hanya diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika manfaat ekonomi masa depan yang dikaitkan dengan item tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti.

Selepas pengiktirafan, loji dan kelengkapan dan perabot dan lengkapan diukur pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul. Apabila bahagian-bahagian signifikan harta, loji dan peralatan diperlukan untuk diganti secara berjarak, Kumpulan mengiktiraf bahagian-bahagian sedemikian sebagai aset-aset individu dengan jangka hayat tertentu, dan susut nilai, masing-masing. Begitu juga, bila pemeriksaan besar-besaran dijalankan, kosnya diiktiraf dalam nilai bawa loji dan kelengkapan sebagai satu gantian sekiranya kriteria pengiktirafan dipenuhi. Semua kos baik pulih dan penyelenggaraan lain diiktiraf dalam untung atau rugi bila ianya ditanggung. Tanah dan bangunan pegangan bebas diukur pada nilai saksama tolak susut nilai terkumpul atas bangunan dan kerugian penurunan nilai yang diiktiraf selepas tarikh penilaian semula. Tanah milik bebas tersebut yang didalam Kumpulan di Malaysia belum pernah dinilai sejak mereka dinilai terakhir pada tahun 1997. Para Pengarah tidak menggunakan polisi menilai semula secara berkala bagi aset-aset tersebut. Sepertimana dibenarkan dibawah peruntukan peralihan IAS16 (dipinda) Harta, loji dan kelengkapan, aset-aset tersebut adalah dinyatakan pada penilaian ditolak susut nilai terkumpul.

Sebarang lebihan penilaian semula diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul dalam ekuiti di bawah rizab penilaian semula aset, kecuali ke satu tahap di mana ia menerbalikkan penurunan penilaian semula bagi aset yang sama yang sebelumnya diiktiraf dalam untung atau rugi, di mana dalam kes ini, peningkatan diiktiraf dalam untung atau rugi. Defisit penilaian semula diiktiraf dalam untung atau rugi, kecuali ke satu tahap di mana ia mengimbangi lebihan sedia ada bagi aset yang sama yang dibawa dalam rizab penilaian semula aset tersebut.

Sebarang susut nilai terkumpul pada tarikh penilaian semula dilupuskan terhadap jumlah nilai bawa kasar bagi aset tersebut dan jumlah bersihnya dinyatakan semula kepada jumlah dinilai semula bagi aset tersebut. Lebihan penilaian semula tersebut yang termasuk dalam rizab penilaian semula berhubung dengan satu aset dipindahkan terus ke keuntungan terkumpul pada penamatan penggunaan atau penjualan aset tersebut.

Tanah milik bebas mempunyai jangka hayat tidak terhad, dan oleh demikian tidak disusutnilai. Susutnilai dikira atas dasar garis lurus dibahagi dengan jangka hayat boleh guna dijangkakan aset-aset tersebut seperti mana berikut:

- Bangunan	4 – 50 tahun
- Loji dan kelengkapan	3 – 25 tahun
- Lekapan dan kelengkapan	4 – 20 tahun
- Penambahbaikan dan pengubahsuaian hartanah pegangan pajak	10 tahun
- Restoran dan kelengkapan pejabat	3 – 15 tahun
- Perbelanjaan pembangunan ladang	17 – 20 tahun

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 SAMBUNGAN

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.7 Harta, loji dan kelengkapan (sambungan)

Aset-aset dalam pembinaan termasuk di dalam loji dan kelengkapan tidak disusutnilai kerana aset-aset tersebut belum sedia untuk digunakan.

Nilai bawa harta, loji dan kelengkapan dipertimbangkan bagi kerosotan apabila terjadi atau berubah dalam keadaan yang menunjukkan bahawa nilai bawa tersebut mungkin tidak dapat diperolehi semula.

Baki nilai, jangka hayat dan kaedah susut nilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan, dan dilaraskan secara prospektif, jika sesuai.

Sesuatu item harta, loji dan kelengkapan dinyahiktiraf atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaannya atau pelupusan. Sebarang untung atau rugi atas nyahiktiraf aset tersebut diambilkira didalam untung atau rugi dalam tahun aset tersebut dinyahiktiraf.

2.8 Perbelanjaan pembangunan ladang

Perbelanjaan pembangunan ladang dinyatakan pada kos tolak sebarang susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai.

Polisi perakaunan Kumpulan atas perbelanjaan pembangunan perladangan adalah menggunakan kaedah perlunasan di mana perbelanjaan penanaman dimodalkan dan dilunaskan sepanjang jangka hayat ekonomi dijangkakan ladang tersebut daripada tarikh matang. Semua perbelanjaan berhubung kepada pembangunan ladang minyak sawit (ladang belum matang) akan diklasifikasikan dibawah perbelanjaan pembangunan ladang. Kos tersebut akan dilunaskan apabila ladang tersebut matang. Perbelanjaan overhead ladang dibahagikan kepada hasil dan perbelanjaan pembangunan ladang pada kadar pembahagian kawasan matang kepada tidak matang. Tarikh matang bagi perbelanjaan pembangunan ladang adalah masa di mana kawasan baru ditanam menghasilkan 8.60 tan buah tandan segar sehektar setahun atau 48 bulan daripada tarikh tanaman, yang mana lebih dahulu.

Perbelanjaan pembangunan ladang minyak sawit akan dilunaskan pada kaedah garis lurus bagi tempoh 20 tahun iaitu jangka hayat berguna semasa dijangka bagi pokok sawit.

2.9 Harta-harta pelaburan

Harta-harta pelaburan pada mulanya diukur pada kos, termasuk kos urusniaga. Selepas pengiktirafan awal, harta-harta pelaburan diukur pada nilai saksama yang menggambarkan keadaan-keadaan pasaran pada tarikh laporan. Nilai saksama diperolehi dengan merujuk kepada bukti pasaran bagi harga-harga urusniaga bagi harta-harta yang serupa dan dilakukan oleh para penilai bebas yang berdaftar yang memiliki kelayakan profesional diiktiraf yang sewajarnya dan mempunyai pengalaman terkini dalam lokasi dan kategori harta yang dinilai. Untung atau rugi yang timbul daripada perubahan dalam nilai-nilai saksama bagi harta-harta pelaburan dimasukkan dalam untung atau rugi dalam tahun di mana ianya timbul.

Faedah harta di bawah pajakan operasi diklasifikasikan dan diambilkira sebagai harta pelaburan secara harta-demi-harta bila Kumpulan memegangnya untuk memperoleh sewa atau untuk menambah nilai modal atau keduanya. Sebarang faedah harta di bawah pajakan operasi yang diklasifikasikan sebagai harta pelaburan dibawa pada nilai saksama.

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.9 Harta-harta pelaburan (sambungan)

Harta-harta pelaburan adalah dinyahiktiraf sama ada selepas ia dilupus atau bila harta pelaburan tersebut tidak lagi digunakan selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi pada masa depan akan diperolehi daripada penjualannya. Sebarang untung atau rugi atas penamatan penggunaan atau penjualan harta pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi pada tahun penamatan penggunaan atau penjualannya.

Pindahan-pindahan dibuat kepada atau daripada harta pelaburan hanya apabila ada perubahan dalam kegunaannya. Bagi pindahan daripada harta pelaburan kepada harta didiami-pemilik, kos dianggap bagi perakaunan seterusnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada harta didiami-pemilik kepada harta pelaburan, harta tersebut diambilkira menurut dasar perakaunan bagi harta, loji dan peralatan yang dibentangkan dalam Nota 2.7 sehingga ke tarikh perubahan dalam kegunaan.

2.10 Aset-aset tidak zahir

a) Muhibbah

Muhibbah diukur pada kos pada awalnya. Selepas pengiktirafan awal, muhibbah diukur pada kos tolak kerugian penurunan nilai terkumpul.

Bagi tujuan menguji penurunan nilai, muhibbah yang diperolehi diperuntukkan, dari tarikh pemerolehan, kepada setiap satu unit menjana tunai Kumpulan yang dijangka akan menerima manfaat daripada sinergi kombinasi tersebut.

Unit yang menjana tunai kepada mana muhibbah telah diperuntukkan diuji untuk penurunan nilai secara tahunan dan apabila terdapat satu indikasi bahawa unit yang menjana tunai tersebut mungkin disusut nilai, dengan membandingkan nilai bawa bagi unit yang menjana tunai tersebut, termasuk muhibbah yang diperuntukkan, dengan jumlah boleh didapatkan semula bagi unit yang menjana tunai tersebut. Di mana jumlah boleh didapatkan semula bagi unit yang menjana tunai tersebut adalah kurang daripada nilai bawa, kerugian penurunan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian penurunan nilai diiktiraf bagi muhibbah tidak diterbalikkan dalam tempoh-tempoh seterusnya.

Di mana muhibbah merupakan sebahagian daripada unit yang menjana tunai dan sebahagian daripada operasi dalam unit menjana tunai tersebut dilupus, muhibbah yang berkaitan dengan operasi yang dilupus dimasukkan dalam nilai bawa bagi operasi tersebut bagi menentukan untung atau rugi atas pelupusan operasi tersebut. Muhibbah yang dilupus dalam keadaan ini diukur berdasarkan nilai saksama relatif bagi operasi yang dilupus dan sebahagian daripada unit menjana tunai yang dikekalkan.

Pelarasan muhibbah dan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan operasi luar negara pada atau selepas 1 Januari 2006 dianggap sebagai aset dan liabiliti bagi operasi-operasi luar negara dan direkod dalam mata wang berfungsi operasi luar negara tersebut dan diterjemah menurut dasar perakaunan yang dibentangkan dalam Nota 2.4.

Pelarasan muhibbah dan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan operasi luar negara sebelum 1 Januari 2006 dianggap sebagai aset-aset dan liabiliti-liabiliti Johor Corporation dan direkod dalam RM pada kadar yang digunakan pada tarikh pengambilalihan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 SAMBUNGAN

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.10 Aset-aset tidak zahir (sambungan)

b) Aset-aset tidak zahir lain

Aset-aset tidak zahir diperolehi berasingan diukur pada kos pada awalnya. Kos aset-aset tidak zahir diperolehi dalam satu kombinasi perniagaan adalah nilai saksama mereka pada tarikh pengambilalihan. Selepas pengambilalihan awal, aset-aset tidak zahir diukur pada kos tolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul.

Aset-aset tidak zahir dengan tempoh hayat berguna yang terbatas adalah dilunaskan atas tempoh hayat berguna yang dijangkakan dan ditaksir semula bagi penurunan nilai bila-bila masa terdapatnya satu indikasi bahawa aset tidak zahir tersebut mungkin akan diturun nilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap penghujung tahun kewangan. Perubahan-perubahan kepada tempoh hayat berguna dijangka atau corak penggunaan dijangka bagi faedah-faedah ekonomi masa depan yang terkandung dalam aset tersebut dinyatakan dengan mengubah tempoh atau kaedah pelunasan, mengikut kesesuaian, dan dianggap sebagai perubahan-perubahan dalam anggaran-anggaran perakaunan. Perbelanjaan pelunasan atas aset-aset tidak zahir dengan hayat terbatas diiktiraf dalam untung atau rugi.

Aset-aset tidak zahir dengan hayat berguna tidak terbatas atau belum lagi dapat digunakan diuji untuk penurunan nilai secara tahunan, atau dengan lebih kerap jika peristiwa atau keadaan menunjukkan bahawa nilai bawa mungkin disusut nilai sama ada secara individu atau pada tahap unit yang menjana tunai. Aset-aset tidak zahir sedemikian tidak dilunas. Hayat berguna bagi aset tidak zahir dengan hayat berguna tidak terbatas dikaji semula secara tahunan untuk menentukan sama ada penilaian hayat berguna tersebut masih boleh terus disokong. Jika tidak, perubahan dalam hayat berguna daripada tidak terbatas kepada terbatas dibuat secara prospektif.

Untung atau rugi yang timbul daripada aset tidak zahir yang dinyahiktiraf diukur sebagai perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan nilai bawa aset tersebut dan diiktiraf dalam untung atau rugi bila aset tersebut dinyahiktiraf.

i) Jenama-jenama

Jenama-jenama telah diperolehi dalam kombinasi-kombinasi perniagaan. Hayat-hayat berguna jenama-jenama dianggap tidak terbatas kerana berdasarkan bahagian penguasaan pasaran semasa jenama-jenama tersebut, pihak pengurusan percaya tidak terdapat satu had yang dapat diramal bagi tempoh di mana jenama-jenama tersebut dijangka akan menjana aliran masuk tunai untuk Kumpulan.

2.11 Hak-hak guna tanah

Hak-hak guna tanah diukur pada kos pada awalnya. Menyusuli pengiktirafan awal, hak-hak guna tanah diukur pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul. Hak-hak guna tanah dilunas menurut terma-terma pajakan.

2.12 Penurunan nilai-nilai aset bukan kewangan

Kumpulan menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat satu indikasi bahawa aset mungkin disusut nilai. Sekiranya indikasi sedemikian wujud, atau bila penilaian penurunan nilai secara tahunan bagi aset diperlukan, Kumpulan membuat anggaran jumlah boleh diperolehi semula daripada aset tersebut.

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.12 Penurunan nilai-nilai aset bukan kewangan (sambungan)

Jumlah boleh diperolehi semula daripada sesuatu aset adalah jumlah yang lebih tinggi bagi nilai saksama aset tolak kos untuk menjual dan nilainya bila diguna. Bagi tujuan penilaian penurunan semula, aset dikumpulkan pada tahap yang paling rendah untuk mana terdapat aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan ("Unit Penjana Tunai") (UPP).

Dalam menaksir nilai kegunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh aset tersebut didiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun pra-cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko-risiko yang khusus terhadap aset tersebut. Jika nilai bawa sesuatu aset melebihi jumlah boleh diperolehi semula, aset tersebut dikurangkan kepada jumlah boleh diperolehi semula. Kerugian penurunan nilai berhubung dengan UPP atau kumpulan UPP diperuntukkan dahulu untuk mengurangkan nilai bawa bagi sebarang muhibbah yang diperuntukkan kepada unit-unit atau kumpulan unit tersebut dan kemudian, untuk mengurangkan nilai bawa aset-aset lain dalam unit atau kumpulan unit berdasarkan pro-rata.

Kerugian penurunan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali bagi aset-aset yang sebelumnya dinilai semula di mana penilaian semula tersebut diambil kepada pendapatan komprehensif lain. Dalam kes ini penurunan nilai tersebut juga diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sehingga kepada jumlah bagi sebarang penilaian semula sebelumnya.

Penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang indikasi bahawa kerugian penurunan semula diiktiraf terdahulu mungkin tidak lagi wujud atau mungkin telah berkurangan. Kerugian penurunan semula diiktiraf terdahulu diterbalikkan semula hanya jika terdapatnya perubahan dalam anggaran-anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah boleh didapatkan semula aset sejak kerugian penurunan nilai kali terakhir. Sekiranya demikian, nilai bawa aset tersebut ditingkatkan kepada jumlah boleh didapatkan semula. Peningkatan tersebut tidak boleh melebihi nilai bawa yang mungkin telah ditentukan, bersih setelah ditolak susut nilai, tidak mempunyai kerugian penurunan nilai yang telah diiktiraf sebelum ini. Pembalikan semula sedemikian diiktiraf dalam untung atau rugi melainkan aset tersebut diukur pada jumlah dinilai semula, yang demikian pembalikan semula tersebut dianggap sebagai peningkatan didalam penilaian semula. Kerugian penurunan nilai atas muhibbah tidak diterbalikkan semula dalam tempoh berikutnya.

2.13 Anak-anak syarikat

Anak-anak syarikat adalah sebuah entiti dimana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasinya untuk mendapatkan manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Dalam penyata kewangan Johor Corporation yang berasingan, pelaburan dalam anak-anak syarikat diambilkira pada kos ditolak kerugian penurunan nilai.

2.14 Syarikat-syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah sebuah entiti, bukan sebuah anak syarikat atau sebuah usaha sama, dimana Kumpulan mempunyai pengaruh yang signifikan. Sebuah syarikat bersekutu adalah diambilkira secara ekuiti dari tarikh Kumpulan memperolehi pengaruh yang signifikan sehingga tarikh Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas syarikat bersekutu tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 SAMBUNGAN

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.14 Syarikat-syarikat bersekutu (sambungan)

Pelaburan-pelaburan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu diambilkira menggunakan kaedah ekuiti. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diukur dalam penyata kedudukan kewangan pada kos campur perubahan-perubahan pasca-pengambilalihan dalam bahagian Kumpulan ketara aset-aset bersih syarikat-syarikat bersekutu. Muhibbah berkaitan dengan syarikat-syarikat bersekutu dimasukkan dalam nilai bawa pelaburan tersebut. Sebarang lebihan bahagian Kumpulan bagi nilai saksama bersih bagi aset-aset boleh dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka syarikat bersekutu tersebut ke atas kos pelaburan tidak diambilkira daripada nilai bawa pelaburan tersebut dan sebaliknya dimasukkan sebagai pendapatan dalam menentukan bahagian Kumpulan dalam untung atau rugi syarikat bersekutu tersebut bagi tempoh dalam mana pelaburan tersebut diperolehi.

Apabila bahagian Kumpulan keatas kerugian dalam syarikat bersekutu menyamai atau melebihi faedahnya dalam syarikat bersekutu tersebut, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian seterusnya, melainkan ia telah menanggung atau membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu tersebut.

Setelah menggunakan kaedah ekuiti, Kumpulan akan menentukan samada ianya perlu untuk mengiktiraf tambahan kerugian kerosotan ke atas pelaburan Kumpulan dalam syarikat-syarikat sekutunya. Kumpulan menentukan pada setiap tarikh pelaporan samada terdapat sebarang objektif yang mana pelaburan dalam syarikat sekutu dirosotnilai. Sekiranya ini berlaku, Kumpulan mengambilkira jumlah kerosotan sebagai perbezaan diantara jumlah boleh diperolehi oleh syarikat-syarikat sekutu dan nilai bawanya serta diiktiraf jumlahnya di dalam untung atau rugi.

Penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu disediakan pada tarikh laporan yang sama dengan Johor Corporation. Jika perlu, pelarasan dibuat untuk menjadikan dasar-dasar perakaunan sejajar dengan dasar-dasar perakaunan Kumpulan.

Dalam penyata kewangan berasingan Johor Corporation, pelaburan-pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos ditolak kerugian penurunan nilai. Bagi pelupusan pelaburan-pelaburan sedemikian, perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan nilai-nilai bawa mereka dimasukkan dalam untung atau rugi.

2.15 Aset-aset kewangan

Aset-aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya bila, Kumpulan dan Johor Corporation menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Apabila aset-aset kewangan diiktiraf pada awalnya, ia diukur pada nilai saksama, serta, didalam keadaan aset-aset kewangan tidak pada nilai saksama menerusi untung atau rugi, kos-kos transaksi yang berkaitan secara langsung.

Kumpulan dan Johor Corporation menentukan klasifikasi aset-aset kewangan mereka pada pengiktirafan awal, dan kategori-kategori tersebut termasuk aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi, pinjaman dan piutang, pelaburan-pelaburan dipegang-hingga-matang dan aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual.

a) Aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi

Aset-aset kewangan diklasifikasikan sebagai aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi jika mereka dipegang untuk dagangan atau ditentukan sedemikian selepas pengiktirafan awal. Aset-aset kewangan yang dipegang untuk dagangan adalah derivatif-derivatif (termasuk derivatif-derivatif terbenam berasingan) atau aset-aset kewangan diperolehi terutamanya untuk tujuan menjual mereka pada masa terdekat.

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.15 Aset-aset kewangan (sambungan)

a) Aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi. (sambungan)

Selepas pengiktirafan awal, aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan-perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

Keuntungan atau kerugian bersih atas aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi tidak termasuk perbezaan pertukaran, pendapatan faedah dan dividen. Perbezaan-perbezaan pertukaran, pendapatan faedah dan dividen atas aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi diiktiraf berasingan dalam untung atau rugi sebagai sebahagian daripada kerugian atau pendapatan lain.

Aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi boleh dinyatakan sebagai semasa atau bukan-semasa. Aset-aset kewangan yang dipegang terutamanya untuk tujuan dagangan dinyatakan sebagai semasa manakala aset-aset kewangan yang tidak dipegang terutamanya untuk tujuan dagangan dinyatakan sebagai semasa atau bukan-semasa berdasarkan pada tarikh penyelesaian.

b) Pembiayaan dan piutang

Aset-aset kewangan dengan pembayaran tetap dan boleh-ditentukan yang tidak tersenarai dalam pasaran aktif diklasifikasikan sebagai pembiayaan dan piutang.

Selepas pengiktirafan awal, pembiayaan dan piutang diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi bila pembiayaan dan piutang dinyah-iktiraf atau disusut nilai, dan menerusi proses pelunasan.

Pembiayaan dan piutang diklasifikasi sebagai aset-aset semasa, kecuali bagi yang mempunyai tarikh-tarikh matang lebih daripada 12 bulan selepas tarikh ia dilaporkan diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

c) Pelaburan-pelaburan dipegang-hingga-matang

Aset-aset kewangan dengan pembayaran tetap dan boleh ditentukan dan kematangan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang-hingga-matang bila Kumpulan mempunyai hasrat dan keupayaan positif untuk memegang pelaburan tersebut hingga matang.

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan-pelaburan dipegang-hingga-matang diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi bila pelaburan-pelaburan dipegang-hingga-matang dinyahiktiraf atau disusut nilai, dan menerusi proses pelunasan.

Pelaburan-pelaburan dipegang-hingga-matang diklasifikasi sebagai aset-aset bukan-semasa, kecuali pelaburan-pelaburan yang mempunyai kematangan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasi sebagai semasa.

d) Aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual

Aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual diklasifikasi sebagai aset-aset kewangan yang ditentukan sebagai tersedia untuk dijual atau tidak diklasifikasi dalam mana-mana tiga kategori di atas.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010
SAMBUNGAN

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.15 Aset-aset kewangan (sambungan)

d) Aset-aset kewangan ada-untuk-dijual (sambungan)

Selepas pengiktirafan awal, aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada perubahan-perubahan dalam nilai saksama aset-aset kewangan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali kerugian penurunan nilai, keuntungan dan kerugian pertukaran asing keatas instrumen monetari dan faedah dikira menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian kumulatif yang diiktiraf sebelum ini dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi sebagai satu pelarasan klasifikasi semula bila aset kewangan dinyah-iktiraf. Pendapatan faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Dividen-dividen daripada instrumen ekuiti tersedia-untuk-dijual diiktiraf dalam untung atau rugi bila hak Kumpulan dan Johor Corporation untuk menerima pembayaran wujud.

Pelaburan-pelaburan dalam instrumen ekuiti yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti pada kos ditolak kerugian penurunan nilai.

Aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual diklasifikasi sebagai aset-aset bukan-semasa melainkan mereka dijangka akan direalisasikan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan.

Satu aset kewangan dinyah-iktiraf bila hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah luput. Pada nyah-iktiraf suatu aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan antara nilai bawa dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pembelian atau jualan cara biasa adalah pembelian atau jualan aset-aset kewangan yang memerlukan penyediaan aset-aset dalam tempoh secara amnya diwujudkan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran yang berkenaan. Semua pembelian dan jualan cara biasa aset-aset kewangan diiktiraf atau dinyah-iktiraf pada tarikh dagangan tersebut iaitu, tarikh Kumpulan dan Johor Corporation memberi komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.16 Kerosotan nilai aset-aset kewangan

Kumpulan dan Johor Corporation menilai pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa satu aset kewangan disusut nilai.

a) Si berhutang dagangan dan piutang lain dan aset-aset kewangan lain dibawa pada kos selepas pelunasan

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian penurunan nilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, Kumpulan dan Johor Corporation mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkiran bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran. Bagi kategori-kategori aset-aset kewangan tertentu, seperti si berhutang dagangan, aset-aset yang dinilai sebagai tidak disusut nilai secara individu seterusnya dinilai untuk penurunan nilai secara kolektif berdasarkan ciri-ciri risiko yang serupa. Bukti yang objektif bagi penurunan nilai bagi satu portfolio si berhutang boleh mengambilkira pengalaman lepas Kumpulan dan Johor Corporation dalam mengutip pembayaran, satu peningkatan dalam pembayaran tertunda dalam portfolio yang melepasi tempoh kredit purata dan perubahan-perubahan yang boleh dilihat dalam keadaan-keadaan ekonomi negara dan setempat yang berhubung dengan kegagalan bayaran atas si berhutang.

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.16 Kerosotan nilai aset-aset kewangan (sambungan)

a) Piutang dagangan dan piutang lain dan aset-aset kewangan lain dibawa pada kos selepas pelunasan (sambungan)

Sekiranya sebarang bukti sedemikian wujud, jumlah kerugian penurunan nilai diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawa aset dan nilai semasa bagi aliran tunai masa depan yang dianggarkan didiskaun pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan tersebut. Kerugian penurunan nilai tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi.

Nilai bawa aset kewangan tersebut dikurangkan oleh kerugian penurunan nilai tersebut secara terus bagi semua aset kewangan kecuali si berhutang dagangan, di mana nilai bawa dikurangkan menerusi akaun peruntukan. Bila si berhutang dagangan menjadi tidak boleh dikutip, ianya dihapus kira terhadap akaun peruntukan tersebut.

Jika dalam tempoh seterusnya, jumlah kerugian penurunan nilai berkurang dan pengurangan ini boleh dikaitkan dengan secara objektif kepada satu peristiwa terjadi selepas penurunan nilai tersebut diiktiraf, kerugian penurunan nilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan ke tahap di mana nilai bawa aset tersebut tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh tersebut. Jumlah yang diterbalikkan diiktiraf dalam untung atau rugi.

b) Sekuriti-sekuriti ekuiti tidak tersiar harga dibawa pada kos

Jika terdapatnya bukti yang objektif (seperti perubahan-perubahan kurang baik yang signifikan dalam persekitaran perniagaan di mana penerbit beroperasi, kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan yang signifikan penerbit) bahawa kerugian penurunan nilai atas aset-aset kewangan dibawa pada kos telah ditanggung, jumlah kerugian diukur pada perbezaan antara nilai bawa aset tersebut dan nilai semasa aliran tunai masa depan dianggar didiskaun pada kadar pulangan pasaran semasa bagi aset kewangan yang serupa. Kerugian-kerugian penurunan nilai sedemikian tidak diterbalikkan dalam tempoh-tempoh seterusnya.

c) Aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual

Penurunan yang signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos, kesukaran kewangan penerbit atau penanggung obligasi yang signifikan, dan ketiadaan pasaran dagangan yang aktif adalah pertimbangan-pertimbangan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa sekuriti pelaburan diklasifikasi sebagai aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual disusut nilai.

Jika aset kewangan tersedia-untuk-dijual disusut nilai, satu jumlah yang terdiri daripada perbezaan antara kosnya (bersih dari sebarang pembayaran prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasanya, ditolak sebarang kerugian penurunan nilai diiktiraf sebelum ini dalam untung atau rugi, dipindah daripada ekuiti kepada untung atau rugi.

Kerugian penurunan nilai atas pelaburan-pelaburan ekuiti tersedia-untuk-dijual tidak diterbalikkan dalam untung atau rugi dalam tempoh-tempoh seterusnya. Peningkatan dalam nilai saksama, jika ada, selepas kerugian penurunan nilai diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Bagi pelaburan-pelaburan hutang tersedia-untuk-dijual, kerugian penurunan nilai diterbalikkan kemudiannya dalam untung atau rugi jika peningkatan dalam nilai saksama pelaburan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada satu peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan kerugian penurunan nilai dalam untung atau rugi.

2.17 Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai di bank dan dalam tangan, simpanan semasa, dan pelaburan-pelaburan jangka-pendek dan yang sangat mudah untuk ditukar kepada tunai yang diketahui jumlahnya dan yang tertakluk kepada risiko perubahan dalam nilai yang tidak signifikan. Ini termasuk overdraf bank yang merupakan keperluan didalam pengurusan tunai Kumpulan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010
SAMBUNGAN

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.18 Kontrak pembinaan

Kerja-kerja pembinaan dalam kemajuan merupakan jumlah kasar yang belum dituntut yang dijangka akan diterima daripada pelanggan bagi kerja-kerja pembinaan yang telah diselesaikan. Ia dikira pada kos ditambah keuntungan yang diiktiraf pada tarikh terkini ditolak tuntutan kemajuan dan kerugian yang diiktiraf. Kos termasuk segala perbelanjaan berkaitan secara langsung kepada projek-projek khusus dan peruntukan bagi overhead tetap dan berubah yang ditanggung dalam kegiatan kontrak Kumpulan berdasarkan kapasiti operasi biasa.

Kerja-kerja pembinaan dalam kemajuan ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan sebagai sebahagian daripada piutang, deposit dan prabayaran. Jika bayaran diterima daripada pelanggan melebihi pendapatan yang diiktiraf, maka lebihan tersebut ditunjukkan sebagai pendapatan tertunda dalam penyata kedudukan kewangan.

2.19 Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah dan kos pembangunan hartanah

(i) Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah

Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah terdiri daripada tanah di mana tiada aktiviti-aktiviti pembangunan dijalankan atau di mana aktiviti-aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran operasi normal. Tanah sedemikian diklasifikasi dalam aset-aset bukan semasa dan dinyatakan pada kos ditolak sebarang kerugian penurunan nilai terkumpul.

Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah diklasifikasi semula sebagai kos pembangunan hartanah apabila aktiviti-aktiviti pembangunan telah bermula dan di mana ianya boleh ditunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti pembangunan boleh disiapkan dalam kitaran operasi normal.

(ii) Kos-kos pembangunan hartanah

Kos-kos pembangunan hartanah terdiri daripada segala kos yang berkaitan terus dengan aktiviti-aktiviti pembangunan atau yang boleh diperuntukkan secara munasabah kepada aktiviti-aktiviti sedemikian.

Apabila hasil kewangan bagi satu aktiviti pembangunan boleh dianggar dengan pasti, hasil dan perbelanjaan pembangunan hartanah diiktiraf dalam untung atau rugi dengan menggunakan kaedah tahap penyediaan. Tahap penyediaan ditentukan menerusi kadar kos-kos pembangunan hartanah dibelanjakan bagi kerja yang telah dilaksanakan terkini kepada kos-kos pembangunan hartanah keseluruhan yang dianggarkan.

Di mana hasil kewangan bagi suatu aktiviti pembangunan tidak dapat dianggar dengan pasti, hasil pembangunan hartanah hanya diiktiraf sehingga kos-kos pembangunan hartanah ditanggung yang berkemungkinan akan diperolehi, dan kos-kos pembangunan hartanah atas hartanah yang dijual diiktiraf sebagai satu perbelanjaan dalam tempoh ianya ditanggung.

Sebarang kerugian yang dijangka atas satu projek pembangunan, termasuk kos-kos yang akan ditanggung semasa tempoh liabiliti kecacatan, diiktiraf serta merta sebagai satu perbelanjaan.

Kos-kos pembangunan hartanah yang tidak diiktiraf sebagai satu perbelanjaan, diiktiraf sebagai satu aset, yang diukur pada yang mana lebih rendah antara kos dan nilai boleh direalisasikan bersih.

Lebihan hasil diiktiraf dalam untung atau rugi keatas tuntutan kepada pembeli-pembeli diklasifikasi sebagai tuntutan terakru dalam si berhutang dagangan dan lebihan tuntutan kepada pembeli-pembeli keatas hasil diiktiraf dalam untung atau rugi diklasifikasi sebagai tuntutan berperingkat dalam sipiutang dagangan.

2.20 Inventori

Inventori terdiri daripada bahan-bahan mentah, simpanan dalam gudang, kerja dalam kemajuan, kedai dan rumah yang telah siap.

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.20 Inventori (sambungan)

Inventori dinyatakan pada kos dan nilai realisasi bersih, yang mana lebih rendah. Kos inventori adalah ditentukan berasaskan prinsip masuk-dahulu keluar-dahulu/kos purata berwajaran dan termasuk perbelanjaan yang ditanggung didalam memperolehi inventori tersebut dan membawanya ke lokasi dan keadaan yang sedia ada. Bagi kerja dalam kemajuan/barangan siap, kos termasuk bahagian overhead pengeluaran yang bersesuaian berdasarkan kapasiti operasi biasa. Nilai realisasi bersih ialah anggaran harga jualan dalam perjalanan perniagaan biasa, ditolak anggaran kos penyiapan dan anggaran kos yang perlu untuk melaksanakan penjualan.

2.21 Peruntukan-peruntukan

Peruntukan-peruntukan diiktiraf bila Kumpulan mempunyai obligasi semasa (legal atau konstruktif) akibat satu peristiwa lepas, ianya berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber ekonomi akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi tersebut dan jumlah obligasi tersebut boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan-peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan dilaras untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Sekiranya tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber ekonomi akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi tersebut, peruntukan tersebut diterbalikkan. Sekiranya kesan nilai masa wang adalah penting, peruntukan-peruntukan didiskaun menggunakan kadar pra-cukai semasa yang mencerminkan, di mana sesuai, risiko-risiko khusus kepada liabiliti tersebut. Bila diskaun digunakan, peningkatan dalam peruntukan disebabkan oleh masa yang berlalu diiktiraf sebagai kos kewangan.

2.22 Geran-geran kerajaan

Geran-geran kerajaan diiktiraf pada nilai saksama mereka di mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan semua syarat akan dipenuhi. Di mana geran tersebut berkaitan dengan satu aset, nilai saksama tersebut diiktiraf sebagai geran modal tertunda dalam penyata kedudukan kewangan dan dilunas kepada untung atau rugi disepanjang hayat berguna dijangka bagi aset yang relevan menerusi ansuran tahunan yang sama.

2.23 Liabiliti-liabiliti kewangan

Liabiliti-liabiliti kewangan diklasifikasi menurut kandungan perjanjian kontrak yang diikat dan definasi-definasi bagi suatu liabiliti kewangan.

Liabiliti-liabiliti kewangan, didalam skop FRS 139, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya bila, Kumpulan dan Johor Corporation menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Liabiliti-liabiliti kewangan diklasifikasi sebagai sama ada liabiliti-liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi atau liabiliti-liabiliti kewangan lain.

a) Liabiliti-liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi

Liabiliti-liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi termasuk liabiliti-liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan dan liabiliti-liabiliti kewangan ditentukan selepas pengiktirafan awal pada nilai saksama menerusi untung atau rugi.

Liabiliti-liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan termasuk derivatif-derivatif yang dimasuki oleh Kumpulan dan Johor Corporation yang tidak memenuhi ciri-ciri perakaunan perlindungan nilai. Liabiliti-liabiliti derivatif diukur pada awalnya pada nilai saksama dan seterusnya dinyatakan pada nilai saksama, dengan sebarang untung atau rugi yang terhasil dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian bersih atas derivatif-derivatif termasuk perbezaan pertukaran.

Kumpulan dan Johor Corporation belum menentukan sebarang liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010
SAMBUNGAN

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.23 Liabiliti-liabiliti kewangan (sambungan)

b) Liabiliti-liabiliti kewangan lain

Liabiliti-liabiliti kewangan lain Kumpulan dan Johor Corporation termasuk siputang dagangan dan lain-lain, pinjaman dan pembiayaan.

Siputang dagangan dan lain-lain diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama ditambah kos-kos urusaniaga berkaitan secara langsung dan seterusnya diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Pinjaman dan pembiayaan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama, selepas kos-kos urusaniaga dan seterusnya diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Pinjaman diklasifikasi sebagai liabiliti-liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai satu hak tanpa syarat untuk menunda penjelasan liabiliti tersebut untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh laporan kewangan.

Bagi liabiliti-liabiliti kewangan lain, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi bila liabiliti-liabiliti tersebut dinyahiktiraf, dan menerusi proses pelunasan.

Suatu liabiliti kewangan dinyah-iktiraf bila obligasi di bawah liabiliti tersebut terhapus. Apabila suatu liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan yang lain daripada peminjam yang sama dengan terma-terma yang jauh berbeza, atau terma-terma bagi liabiliti sedia ada diubah dengan ketara, pertukaran tersebut atau modifikasi sedemikian dianggap sebagai nyah-iktiraf bagi liabiliti asal dan pengiktirafan satu liabiliti baru, dan perbezaan dalam nilai-nilai bawa masing-masing diiktiraf dalam untung atau rugi.

2.24 Kos-kos pinjaman

Kos-kos pinjaman dimodal sebagai sebahagian daripada kos bagi suatu aset kelayakan jika mereka berkaitan secara langsung kepada pemerolehan, pembinaan atau pengeluaran aset tersebut. Pemodalan kos-kos pinjaman bermula apabila aktiviti-aktiviti untuk menyediakan aset tersebut bagi kegunaan dirancang atau dijual adalah sedang dalam pelaksanaan dan perbelanjaan dan kos pinjaman yang telah ditanggung. Kos-kos pinjaman adalah dipermodal sehingga sebahagian besar aset-aset tersebut telah disiapkan bagi kegunaan yang dirancang atau dijual.

Semua kos-kos pinjaman lain diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh ianya ditanggung. Kos-kos pinjaman terdiri daripada kos-kos faedah dan kos-kos lain yang Kumpulan dan Johor Corporation menanggung berhubung dengan pinjaman dana berkenaan.

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.25 Manfaat anggota pekerja

a) Pelan-pelan sumbangan ditentukan

Kumpulan mengambil bahagian dalam skim-skim pencen kebangsaan sebagaimana yang ditentukan oleh undang-undang negara-negara di mana ia mempunyai operasi. Syarikat-syarikat Malaysia dalam Kumpulan membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di Malaysia, satu skim pencen caruman yang ditentukan. Caruman-caruman kepada skim-skim pencen caruman ditentukan diiktiraf sebagai satu perbelanjaan dalam tempoh dalam mana perkhidmatan berkaitan dilaksanakan.

b) Faedah-faedah penamatan

Faedah -faedah penamatan diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila Kumpulan menunjukkan kesungguhan, dengan tidak menunjukkan kemungkinan untuk menarik diri secara realistik, kepada pelan terperinci formal untuk menamatkan pekerjaan sebelum tarikh bersara biasa. Faedah-faedah penamatan bagi lebihan sukarela diiktiraf jika Kumpulan telah membuat tawaran menggalakkan lebihan sukarela, dan kemungkinan tawaran tersebut akan diterima, dan bilangan yang menerima boleh dianggarkan secara pasti.

2.26 Pajakan-pajakan

a) Sebagai pemajak

Pajakan-pajakan kewangan, yang memindahkan kepada Kumpulan secara ketara segala risiko dan ganjaran sampingan kepada pemilikan item yang dipajak, dipermodal pada permulaan pajakan tersebut pada nilai saksama aset yang dipajak tersebut, sekiranya lebih rendah, pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan minimum. Sebarang kos-kos langsung awal juga ditambah kepada jumlah yang dipermodal. Pembayaran pajakan dibahagikan antara caj-caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan tersebut untuk mencapai satu kadar faedah yang tetap atas baki liabiliti selebihnya. Caj-caj kewangan dicaj kepada untung atau rugi. Sewa-sewa luar jangka, jika ada, dicaj sebagai perbelanjaan dalam tempoh-tempoh dalam mana mereka ditanggung.

Aset-aset yang dipajak disusut nilai sepanjang hayat berguna yang dianggar bagi aset tersebut. Walau bagaimanapun, jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Kumpulan akan memperolehi pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut disusut nilai sepanjang hayat berguna yang dianggar dan juga tempoh pajakan tersebut yang mana yang lebih pendek.

Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi atas dasar garis lurus sepanjang tempoh pajakan tersebut. Manfaat agregat bagi insentif yang disediakan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa sepanjang tempoh pajakan atas dasar garis lurus.

b) Sebagai pemberi pajak

Pajakan-pajakan di mana Kumpulan secara ketara mengekalkan segala risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset tersebut diklasifikasi sebagai pajakan-pajakan operasi. Kos-kos langsung awal yang ditanggung dalam perundingan satu pajakan operasi ditambah kepada nilai bawa bagi aset yang dipajak dan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan tersebut atas dasar-dasar yang sama dengan pendapatan sewa. Dasar perakaunan bagi pendapatan sewa dibentang dalam Nota 2.28(g).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010
SAMBUNGAN

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.27 Operasi yang dihentikan

Suatu komponen Kumpulan diklasifikasi sebagai "operasi dihentikan" apabila kriteria untuk diklasifikasi sebagai dipegang untuk jualan telah dipenuhi atau ianya telah dilupus dan satu komponen sedemikian mewakili satu cabang perniagaan utama atau tempat dari segi geografi bagi operasi atau sebahagian daripada suatu cabang perniagaan yang utama. Satu komponen dianggap sebagai dipegang untuk jualan jika nilai-nilai bawanya akan diperolehi semula terutamanya melalui urusan jualan dan bukan menerusi penggunaan yang berterusan.

Selepas diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan, aset-aset bukan semasa dan kumpulan-kumpulan untuk dilupuskan tidak lagi disusut nilai dan diukur pada yang mana lebih rendah antara nilai bawa dan nilai saksama ditolak kos untuk menjual. Sebarang perbezaan diiktiraf dalam untung atau rugi.

2.28 Hasil

Hasil diiktiraf ke satu tahap di mana ianya berkemungkinan bahawa manfaat-manfaat ekonomi akan mengalir kepada Kumpulan dan hasil tersebut boleh diukur dengan pasti. Hasil diukur pada nilai saksama bagi pertimbangan diterima atau akan diterima.

a) Jualan barang

Hasil daripada jualan barang diiktiraf selepas pemindahan risiko dan ganjaran pemilikan barang yang signifikan kepada pengguna. Hasil tidak diiktiraf ke satu tahap di mana terdapat kepastian yang signifikan berhubung pertimbangan yang akan diperolehi, kos-kos berkaitan atau pemulangan barang yang mungkin berlaku.

b) Perkhidmatan yang diberikan

Hasil daripada perkhidmatan yang diberikan diiktiraf menurut tahap penyiapan pada tarikh laporan. Tahap penyiapan ditafsir dengan merujuk kepada kajian dan kerja yang telah terlaksana.

c) Jualan harta

Hasil daripada jualan harta diambilkira menurut kaedah tahap penyiapan sebagaimana dijelaskan dalam Nota 2.19(ii).

d) Kontrak-kontrak pembinaan

Hasil daripada kontrak-kontrak pembinaan diambilkira menurut kaedah tahap penyiapan sebagaimana yang dijelaskan dalam Nota 2.18.

e) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf menggunakan kaedah faedah berkesan.

f) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf bila hak Kumpulan untuk menerima pembayaran wujud.

g) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa diambilkira atas dasar garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Kos-kos agregat bagi insentif yang disediakan kepada para pemajak diiktiraf sebagai satu pengurangan pendapatan sewa sepanjang tempoh pajakan atas dasar garis lurus.

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.29 Cukai pendapatan

a) Cukai semasa

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah dijangka akan diperolehi semula daripada atau dibayar kepada pihak-pihak berkuasa percukaian. Kadar-kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlahnya adalah berdasarkan undang-undang atau sebahagian besarnya telah menjadi undang-undang pada tarikh laporan.

Cukai-cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali ke satu tahap di mana cukai tersebut berkaitan dengan item-item yang diiktiraf di luar untung atau rugi, sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara terus dalam ekuiti.

b) Cukai tertunda

Cukai tertunda disediakan menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan-perbezaan sementara pada tarikh laporan antara dasar-dasar cukai bagi aset dan liabiliti dan nilai bawa mereka bagi tujuan laporan kewangan.

Liabiliti-liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi segala perbezaan-perbezaan sementara, kecuali:

- di mana liabiliti cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan awal muhibbah atau satu aset atau liabiliti dalam satu urusanniaga yang bukan merupakan satu kombinasi perniagaan dan, pada masa urusanniaga, tidak memberi kesan kepada sama ada untung perakaunan atau untung atau rugi yang kena cukai; dan
- berhubung perbezaan-perbezaan sementara boleh dicukai yang berkaitan dengan pelaburan-pelaburan dalam anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu, di mana waktu keterbalikkan perbezaan-perbezaan sementara dibuat boleh dikawal dan ianya berkemungkinan bahawa perbezaan-perbezaan sementara tidak akan diterbalikkan pada masa hadapan.

Aset-aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh ditolak, membawa ke hadapan kredit-kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai yang tidak digunakan, ke satu tahap di mana ianya berkemungkinan terdapatnya keuntungan boleh dicukai untuk digunakan oleh perbezaan-perbezaan sementara boleh ditolak, dan kredit-kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai yang tidak digunakan dibawa ke hadapan yang boleh digunakan kecuali:

- di mana aset cukai tertunda berhubung dengan perbezaan sementara boleh ditolak timbul daripada pengiktirafan awal bagi satu aset atau liabiliti dalam satu urusanniaga yang bukannya satu kombinasi perniagaan dan, pada masa urusanniaga, tidak memberi kesan kepada sama ada untung perakaunan atau untung atau rugi boleh dicukai; dan
- berhubung perbezaan-perbezaan sementara boleh ditolak yang berkaitan dengan pelaburan-pelaburan dalam anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu, aset-aset cukai tertunda diiktiraf hanya ke satu tahap di mana ianya berkemungkinan perbezaan-perbezaan sementara akan diterbalikkan pada masa hadapan, dan adanya untung boleh dicukai untuk digunakan oleh perbezaan-perbezaan sementara.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 SAMBUNGAN

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.29 Cukai pendapatan (sambungan)

b) Cukai tertunda (sambungan)

Nilai bawa bagi aset-aset cukai tertunda dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan dikurangkan kepada satu tahap di mana ianya tidak lagi berkemungkinan bahawa untung boleh dicukai yang mencukupi akan ada untuk membolehkan segala atau sebahagian daripada aset cukai tertunda untuk digunakan.

Aset-aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh laporan dan diiktiraf ke satu tahap di mana ianya telah menjadi berkemungkinan untung boleh dicukai masa depan akan membolehkan aset-aset cukai tertunda untuk digunakan.

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar percukaian yang dijangka dikenakan pada tahun apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti dijelaskan, berdasarkan kadar percukaian dan undang-undang percukaian yang telah menjadi undang-undang atau sebahagian besarnya telah menjadi undang-undang pada tarikh laporan tersebut.

Cukai tertunda berkaitan dengan item-item yang diiktiraf di luar untung atau rugi diiktiraf di luar untung atau rugi. Item-item cukai tertunda diiktiraf dalam urusniaga yang berhubungkait sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara terus dalam ekuiti dan cukai tertunda yang timbul daripada satu kombinasi perniagaan dilarang terhadap muhibbah atas pengambilalihan.

Aset-aset cukai tertunda dan liabiliti-liabiliti cukai tertunda diimbangi, sekiranya hak boleh dikuatkuasakan dari segi undang-undang wujud untuk mengimbangi aset-aset cukai semasa terhadap liabiliti-liabiliti cukai semasa dan cukai-cukai tertunda berkaitan dengan entiti boleh dicukai yang sama dan penguasa percukaian yang sama.

2.30 Pelaporan segmen

Bagi tujuan pengurusan, Kumpulan disusun mengikut segmen-segmen operasi berdasarkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan mereka yang diurus secara bebas oleh pengurus-pengurus segmen masing-masing yang bertanggungjawab ke atas prestasi segmen masing-masing. Para pengurus segmen melapor secara terus kepada pengurusan Johor Corporation yang mengkaji semula keputusan-keputusan segmen secara berkala bagi memperuntukkan sumber-sumber kepada segmen-segmen dan untuk menilai prestasi segmen tersebut. Pendedahan tambahan atas setiap daripada segmen-segmen ini ditunjukkan dalam Nota 40, termasuk faktor-faktor yang digunakan untuk mengenal pasti segmen-segmen yang boleh dilapor dan dasar pengukuran bagi maklumat segmen.

2.31 Kontingensi-kontingensi

Satu liabiliti atau aset kontingensi adalah satu obligasi yang mungkin atau satu aset yang timbul daripada peristiwa-peristiwa lepas dan dimana kewujudannya akan dipastikan hanya dengan berlakunya atau tidak berlakunya peristiwa (peristiwa-peristiwa) masa depan yang tidak pasti yang tidak keseluruhannya dalam kawalan Kumpulan.

Liabiliti-liabiliti dan aset-aset kontingen tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan.

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.32 Perakaunan untuk lindung-nilai

Nilai Saksama lindung-nilai

Nilai saksama lindung-nilai adalah perlindungan nilai yang terdedah kepada perubahan dalam nilai saksama aset atau liabiliti yang diiktiraf atau komitmen padu yang tidak diiktiraf, atau bahagian yang dikenalpasti bagi sesuatu aset, liabiliti atau komitmen padu, yang berkaitan kepada suatu risiko khusus dan boleh memberi kesan kepada untung atau rugi.

Di dalam nilai saksama lindung-nilai, keuntungan atau kerugian daripada pengukuran semula instrumen perlindungan nilai pada nilai saksama atau komponen matawang asing pada nilai bawanya diterjemahkan pada kadar tukaran lazim pada akhir tempoh laporan diiktiraf di dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian daripada item lindung-nilai, kecuali item lindung-nilai yang dikategorikan sebagai tersedia-untuk-dijual, dikaitkan kepada risiko lindung-nilai dilaraskan kepada nilai bawa item lindung-nilai dan diiktiraf di dalam untung atau rugi. Bagi item lindung-nilai yang dikategorikan sebagai tersedia-untuk-dijual, nilai saksama untung atau rugi dikaitkan kepada risiko lindung-nilai diiktiraf di dalam untung atau rugi.

Nilai saksama perakaunan lindung-nilai digugurkan secara prospektif apabila instrumen perlindungan nilai tamat tempoh atau di jual, di tamatkan atau dilaksanakan, lindung-nilai tersebut tidak lagi berkesan atau peruntukan lindung-nilai adalah dibatalkan.

Aliran Tunai lindung-nilai

Aliran tunai lindung-nilai adalah perlindungan nilai yang terdedah kepada perubahan di dalam aliran tunai yang dikaitkan kepada suatu risiko khusus berhubung dengan suatu liabiliti atau aset yang diiktiraf atau suatu transaksi dijangka mungkin berlaku dan akan memberi kesan untung atau rugi. Bagi suatu aliran tunai lindung-nilai, bahagian untung atau rugi pada instrumen lindung-nilai yang ditentukan akan menjadi lindung-nilai berkesan diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain dan bahagian yang tidak berkesan diiktiraf di dalam untung atau rugi.

Selepas itu, keuntungan atau kerugian terkumpul diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan daripada ekuiti kepada untung atau rugi di dalam tempoh yang sama atau tempoh-tempoh di mana ramalan aliran tunai lindung-nilai memberi kesan untung atau rugi. Jika item lindung-nilai adalah liabiliti atau aset bukan kewangan, keuntungan atau kerugian, diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain yang dipindahkan daripada ekuiti dan dimasukkan di dalam jumlah awal aset atau liabiliti. Walaubagaimanapun, kerugian diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain yang mana tidak akan diperolehi dalam satu atau lebih tempoh hadapan diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi.

Aliran tunai perakaunan lindung-nilai digugurkan secara prospektif apabila instrumen perlindungan nilai tamat tempoh atau dijual, di tamatkan atau dilaksanakan, lindung-nilai tidak lagi berkesan, ramalan urusanniaga dijangka tidak terjadi atau peruntukan lindung-nilai adalah dibatalkan. Jika lindung-nilai adalah bagi urusanniaga yang diramalkan, keuntungan atau kerugian terkumpul daripada instrumen perlindungan nilai kekal di dalam ekuiti sehingga urusanniaga diramalkan terjadi. Apabila urusanniaga diramal tidak dijangka akan berlaku, sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul berkaitan diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain bagi instrumen perlindungan nilai diklasifikasikan daripada ekuiti kepada untung atau rugi.

Pelaburan Bersih lindung-nilai

Pelaburan bersih lindung-nilai adalah lindung-nilai di dalam kepentingan aset bersih operasi luar negara. Dalam pelaburan bersih lindung-nilai, bahagian keuntungan atau kerugian pada instrumen perlindungan nilai yang telah ditentukan akan menjadi lindung-nilai berkesan diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain dan bahagian yang tidak berkesan diiktiraf di dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian terkumpul yang diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain di klasifikasi dari ekuiti kepada untung atau rugi pada pelupusan operasi luar negara.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010
SAMBUNGAN

3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN SIGNIFIKAN

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah dilapor bagi hasil, perbelanjaan, aset-aset dan liabiliti-liabiliti, dan pendedahan liabiliti-liabiliti luar jangka pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian mengenai andaian-andaian dan anggaran-anggaran ini boleh membawa kepada hasil yang memerlukan pelarasan penting kepada nilai bawa bagi aset atau liabiliti yang terlibat pada masa depan.

3.1 Pertimbangan yang dibuat dalam menggunakan polisi perakaunan

Dalam proses menerima pakai polisi perakaunan Kumpulan, pengurusan telah membuat pertimbangan-pertimbangan berikut, selain yang melibatkan anggaran, yang mempunyai kesan yang paling signifikan ke atas jumlah-jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan:

a) Klasifikasi aset-aset kewangan

Kumpulan mengklasifikasi aset-aset kewangan sebagai pelaburan-pelaburan dipegang-hingga-matang bila ia mempunyai hasrat dan keupayaan yang positif untuk memegang pelaburan tersebut hingga matang.

b) Penurunan nilai pelaburan-pelaburan tersedia-untuk-dijual

Kumpulan mengkaji semula sekuriti-sekuriti hutangnya yang diklasifikasi sebagai pelaburan-pelaburan tersedia-untuk-dijual pada setiap tarikh laporan untuk menilai sama ada ianya disusut nilai. Kumpulan juga merekod caj-caj penurunan nilai atas pelaburan-pelaburan ekuiti tersedia-untuk-dijual apabila terdapatnya penurunan yang signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos.

Penentuan apa yang dikatakan “signifikan” atau “berpanjangan” memerlukan pertimbangan. Dalam membuat pertimbangan ini, Kumpulan menilai, antara faktor lain, pergerakan harga saham asal dan tempoh serta tahap pada mana nilai saksama suatu pelaburan adalah kurang daripada kosnya. Sepanjang tahun ini, Kumpulan menurunkan nilai pelaburan ekuiti tersenarai dan tidak tersenarai dengan penurunan yang “signifikan” dalam nilai saksama sebagai tempoh “berpanjangan” lebih daripada 12 bulan.

c) Komitmen pajakan operasi – sebagai pemberi pajak

Kumpulan telah memasuki pajakan-pajakan harta komersil atas harta-harta pelaburannya. Harta-harta komersil menggabungkan pajakan-pajakan tanah dan bangunan. Pada permulaan pajakan tersebut, ianya mustahil untuk mendapatkan satu anggaran yang pasti bagi pecahan nilai saksama faedah pajakan tersebut antara tanah dan bangunan. Oleh itu, Kumpulan telah menilai berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat perjanjian tersebut, sama ada tanah dan bangunan tersebut adalah secara jelasnya pajakan-pajakan operasi atau pajakan-pajakan kewangan. Kumpulan telah menilai perkara-perkara berikut:

- i) hak milik-hak milik tanah tidak dipindahmilik pada Kumpulan, dan
- ii) sewa dibayar kepada tuan tanah bagi harta-harta komersil adalah di tingkatkan kepada sewa kadar pasaran pada jarak masa berkala, dan Kumpulan tidak mengambil bahagian dalam nilai sisa bangunan tersebut.

Pengurusan telah mempertimbangkan bahawa ia mengekalkan semua risiko dan ganjaran pemilikan harta-harta tersebut secara signifikan, dengan itu telah mengambilkira kontrak-kontrak tersebut sebagai pajakan-pajakan kewangan.

3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

3.2 Sumber-sumber utama ketidakpastian anggaran

Andaian-andaian utama berhubung masa depan dan sumber-sumber utama lain bagi ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan yang mempunyai risiko yang signifikan untuk menyebabkan pelarasan penting kepada nilai-nilai bawa bagi aset-aset dan liabiliti-liabiliti dalam tahun kewangan hadapan dibincangkan seperti di bawah.

a) Penurunan nilai muhibbah dan jenama

Muhibbah, jenama dan lain-lain aset tidak zahir yang mempunyai jangka hayat yang tidak menentu adalah diuji bagi penurunan nilai setiap tahun dan pada masa-masa lain apabila terdapat tanda-tanda sedemikian wujud. Ini memerlukan satu anggaran nilai guna unit-unit menjana-tunai kepada mana muhibbah dan jenama diperuntukkan.

Apabila pengiraan nilai guna dilakukan, pengurusan mesti menganggarkan aliran tunai masa depan jangkaan daripada aset tersebut atau unit menjana-tunai dan memilih kadar diskaun yang bersesuaian untuk mengira nilai semasa bagi aliran tunai tersebut. Butiran lanjut mengenai nilai bawa tersebut, andaian-andaian utama yang digunakan dalam penilaian penurunan nilai bagi muhibbah dan jenama dan analisis sensitiviti kepada perubahan dalam andaian-andaian tersebut diberi dalam Nota 16.

b) Penurunan nilai pembiayaan dan piutang

Johor Corporation telah menjamin liabiliti luar jangka sebanyak RM480 juta yang timbul daripada kemudahan pembiayaan yang diberikan kepada anak-anak syarikat tertentu yang dijamin oleh saham-saham anak-anak syarikat tersenarai milik Johor Corporation sepertimana yang dinyatakan dalam Nota 18.

Tidak bercagar

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2010	2009	2010	2009
Kemungkinan tuntutan oleh pihak-pihak ketiga	9	9	-	-

Pada 31 Disember 2010, Kumpulan, melalui anak syarikat tidak langsungnya, New Britain Palm Oil Limited (NBPOL), mempunyai liabiliti luar jangka berkaitan tuntutan undang-undang didalam urusan bisnes biasa berhubung pertikaian tanah, isu-isu pekerja dan pertikaian GST. Kumpulan telah menafikan semua liabiliti dalam semua kes dan dengan segala kesungguhan mempertahankan tindakan-tindakan tersebut. Adalah tidak praktikal untuk menganggarkan kemungkinan kesan ke atas tuntutan tersebut tetapi nasihat undang-undang menunjukkan bahawa sebarang liabiliti yang mungkin terbit sekiranya tuntutan-tuntutan tersebut berjaya walaupun tiada kemungkinan sedemikian ianya tidak akan memberi kesan yang ketara.

Lain-lain liabiliti luar jangka bercagar

Dalam tahun 2004, sebuah anak syarikat telah menandatangani satu perjanjian tiga pihak, yang mana boleh diperbaharui setiap tahun, dengan Pelaburan Johor Berhad ("PJB") dan Amanah Raya Berhad ("ARB"), masing-masing pengurus dan pemegang amanah bagi kedua-dua Amanah Saham Johor ("ASJ") dan Dana Johor ("DJ") untuk pelaksanaan satu skim untuk pemegang-pemegang kedua-dua unit ASJ dan DJ. Di bawah skim ini, pemegang unit boleh memohon untuk membeli balik sehingga 500 unit atau 10% daripada pegangan saham semasa dalam ASJ dan DJ, yang mana lebih tinggi untuk harga pembelian balik sebanyak RM1 dan RM0.50 masing-masing untuk setiap ASJ dan DJ. Anak syarikat tersebut perlu membeli daripada PJB unit-unit ASJ dan DJ yang mana PJB perlu membeli balik daripada pemegang-pemegang unit ASJ dan DJ. Skim ini juga membenarkan pemegang-pemegang unit untuk menjual semula unit-unit tersebut sebanyak 10% setahun pada harga sebagaimana di atas.

Pada Jun 2008, skim ASJ telah diberhentikan dan baki unit selebihnya dipindahkan kepada ARB.

Pada tahun 2009, Kumpulan telah menandatangani satu perjanjian tiga pihak dengan PJB dan ARB kelima untuk belian balik unit DJ. Di bawah perjanjian ini PJB akan menawarkan untuk belian balik sebahagian unit-unit DJ yang dipersetujui daripada pemegang-pemegang unit.

Pada akhir tahun, Kumpulan adalah bertanggungjawab sehingga ke tahap baki unit-unit DJ dalam edaran di bawah skim ini. Kebarangkalian aliran keluar faedah ekonomi masa hadapan yang timbul daripada skim ini masih belum dapat ditentukan. Oleh itu, tiada peruntukan dibuat untuk liabiliti yang timbul daripada skim yang dinyatakan ini dalam penyata kewangan.

37. KATEGORI-KATEGORI INSTRUMEN KEWANGAN

Jadual dibawah memberikan analisa kategori instrumen kewangan seperti berikut:

- (a) Pembiayaan dan piutang (L&R);
- (b) Nilai saksama melalui untung atau rugi (FVTPL);
 - Pegangan untuk didagangkan (HFT), atau
 - Ditetapkan atas pengiktirafan awal (DUIR);
- (c) Aset kewangan tersedia untuk dijual (AFS);
- (d) Pelaburan dipegang hingga matang (HTM); dan
- (e) Lain-lain liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan (OL).

	Nilai bawa	L&R	FVTPL- HFT	FVTPL- DUIR	AFS	HTM
2010						
Aset kewangan						
Kumpulan						
Lain-lain pelaburan	401	-	21	-	377	3
Si berhutang perdagangan dan lain-lain	876	876	-	-	-	-
Tunai dan persamaan tunai	668	668	-	-	-	-
	1,945	1,544	21	-	377	3
Johor Corporation						
Lain-lain pelaburan	24	-	10	-	14	-
Si berhutang perdagangan dan lain-lain	1,305	1,305	-	-	-	-
Tunai dan persamaan tunai	78	78	-	-	-	-
	1,407	1,383	10	-	14	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

SAMBUNGAN

37. KATEGORI-KATEGORI INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

	Nilai bawa	OL	Derivatif ditetapkan sebagai instrumen lindung-nilai
2010			
Liabiliti kewangan			
Kumpulan			
Pembiayaan dan pinjaman	6,659	6,659	-
Si piutang perdagangan dan lain-lain	1,454	1,454	-
Derivatif instrumen kewangan	175	-	175
	8,288	8,113	175
Johor Corporation			
Pembiayaan dan pinjaman	3,443	3,443	-
Si piutang perdagangan dan lain-lain	824	824	-
	4,267	4,267	-

234

38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Kumpulan dan Johor Corporation terdedah kepada risiko-risiko kewangan yang timbul daripada operasi mereka dan penggunaan instrumen-instrumen kewangan. Risiko-risiko kewangan yang utama termasuk risiko kredit, risiko mudah tunai, risiko kadar faedah, risiko matawang asing dan risiko harga pasaran.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah mengkaji semula dan bersetuju polisi-polisi dan prosedur bagi menguruskan risiko-risiko tersebut, yang mana dilaksanakan oleh Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Perbendaharaan dan Ketua Kawalan Kredit. Ahli-ahli jawatankuasa audit memberikan pendapat bebas keatas keberkesanan proses pengurusan risiko.

Ianya, dan sebagaimana keseluruhan tahun kewangan semasa dan lalu, polisi Kumpulan yang tiada derivatif akan diambil kecuali bagi penggunaan instrumen lindung-nilai dimana sesuai dan menjimatkan kos. Kumpulan dan Johor Corporation tidak menggunapakai perakaunan lindung-nilai.

Seksyen berikut memberikan perincian berkaitan pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko-risiko kewangan yang telah dinyatakan diatas mengenai risiko kewangan dan objektif, polisi dan proses-proses untuk menguruskan risiko-risiko tersebut.

a) Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul atas instrumen-instrumen kewangan belum dijelas sekiranya satu pihak memungkirinya. Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kredit timbul terutamanya daripada si berhutang perdagangan dan lain-lain. Bagi aset-aset kewangan lain (termasuk sekuriti-sekuriti pelaburan, tunai dan baki bank dan derivatif), Kumpulan dan Johor Corporation meminimumkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan pihak-pihak yang mempunyai rekod kredit yang baik.

38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**(a) Risiko kredit (sambungan)**

Objektif Kumpulan adalah untuk mendapatkan pertumbuhan hasil berterusan sambil meminimumkan kerugian yang ditanggung disebabkan oleh pendedahan risiko kredit yang meningkat. Kumpulan hanya berurusan dengan pihak-pihak ketiga yang diiktiraf dan mempunyai kewibawaan kredit. Adalah menjadi dasar Kumpulan bahawa semua pelanggan yang berhasrat untuk berurusan atas terma-terma kredit adalah tertakluk kepada prosedur-prosedur verifikasi kredit. Sebagai tambahan, baki-baki jumlah belum terima dipantau secara berterusan dengan keputusan bahawa pendedahan Kumpulan kepada hutang lapuk adalah tidak signifikan. Bagi transaksi yang tidak berlaku di dalam negara unit operasi yang relevan, Kumpulan tidak menawarkan terma-terma kredit tanpa kelulusan Ketua Kawalan Kredit.

Sepanjang tahun kewangan, Kumpulan telah menerima pakai satu dasar baru untuk memasuki insuran kredit dagangan bagi pelanggan kali pertama yang berhasrat untuk berurusan atas terma-terma kredit untuk mengurangkan risiko-risiko kredit yang memuncak yang timbul daripada strategi-strategi pertumbuhan hasil.

Pendedahan kepada risiko kredit

Pada tarikh laporan, pendedahan maksimum Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kredit diwakili oleh:

- Nilai bawa bagi setiap jenis aset-aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan, termasuk derivatif-derivatif dengan nilai saksama positif
- Jumlah nominal RM18.4 juta (2009: RM15.4 juta) berkaitan dengan satu jaminan korporat yang disediakan oleh Johor Corporation kepada sebuah bank bagi pinjaman bank sebuah syarikat anak.

Profil tumpuan risiko kredit

Kumpulan menentukan tumpuan risiko kredit dengan memantau profil negara dan sektor industri bagi belum terima si berhutang dagangan secara berterusan. Profil tumpuan risiko kredit bagi si berhutang dagangan Kumpulan dan Johor Corporation pada tarikh laporan adalah seperti berikut:

	Kumpulan			
	2010		2009	
	RM	% Jumlah	RM	% Jumlah
- Ringgit Malaysia	591	67	953	69
- Dollar US	220	25	348	25
- PNG Kina	60	8	84	6
- Rupiah Indonesia	3	-	-	-
- Dollar Singapura	2	-	-	-
- Lain-lain	-	-	5	-
	876	100	1,390	100

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

SAMBUNGAN

38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**a) Risiko kredit (sambungan)**Aset-aset kewangan yang tidak melebihi tempoh bayaran dan tidak dirosotnilai

Maklumat mengenai penghutang perdagangan dan lain yang tidak melebihi tempoh bayaran dan tidak disusut nilai dinyatakan dalam Nota 22. Deposit-deposit dengan bank dan institusi kewangan lain, sekuriti-sekuriti pelaburan dan derivatif-derivatif yang bukan lewat dibayar mahupun dirosot nilai diletakkan bersama institusi-institusi kewangan bereputasi atau syarikat-syarikat yang mempunyai rekod kredit yang baik dan tiada sejarah kemungkiran bayaran.

Aset-aset kewangan yang samada lewat dibayar atau dirosot nilai

Maklumat mengenai aset-aset kewangan yang samada lewat dibayar atau dirosot nilai dinyatakan dalam Nota 22.

b) Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Kumpulan dan Johor Corporation akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi tanggungan kewangannya disebabkan kekurangan dana. Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada ketidakserasian tempoh matang aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan. Objektif Kumpulan dan Johor Corporation adalah untuk mengekalkan keseimbangan antara kesinambungan pembiayaan dan fleksibiliti menerusi penggunaan kemudahan-kemudahan kredit siap sedia.

Analisa kematangan

Jadual dibawah meringkaskan profil kematangan liabiliti-liabiliti kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada tarikh akhir laporan berdasarkan pada bayaran kontrak tidak didiskaunkan:

Kumpulan 2010	Nilai bawa	Kupon/ kadar faedah	Kontrak aliran tunai	Kurang daripada 1 tahun	1 - 2 tahun	2 - 5 tahun	Lebih 5 tahun
		kontrak %					
Liabiliti kewangan bukan derivatif:							
Terma pinjaman							
- Bercagar	2,034	5.34	2,034	1,001	133	431	469
- Tidak bercagar	215	5.34	215	103	26	86	-
Liabiliti pajakan kewangan							
- Bercagar	29	4.46	29	8	8	13	-
Overdraf bank							
- Bercagar	71	7.39	71	71	-	-	-
- Tidak bercagar	12	7.39	12	12	-	-	-
Terimaan bank							
- Tidak bercagar	10	3.73	10	10	-	-	-
Kredit pusingan							
- Bercagar	836	4.66	836	836	-	-	-
- Tidak bercagar	23	4.66	23	23	-	-	-
Sijil Terjamin							
Boleh Tebus	182	-	182	-	182	-	-
Sekuriti Hutang							
Cara Islam	384	5.40	384	25	-	140	219
Bon Cara Islam							
Boleh Tebus							
Terjamin ("BIBTT")	2,769	5.05	2,769	-	2,769	-	-

38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

b) Risiko kecairan (sambungan)

Analisa kematangan (sambungan)

Jadual dibawah meringkaskan profil kematangan liabiliti-liabiliti kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada tarikh akhir laporan berdasarkan pada bayaran kontrak tidak didiskaunkan: (sambungan)

Kumpulan 2010	Nilai bawa	Kupon/ kadar faedah kontrak %	Kontrak aliran tunai	Kurang daripada 1 tahun	1 - 2 tahun	2 - 5 tahun	Lebih 5 tahun
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan-tidak bercagar	92	5.70	92	61	6	11	14
Pendahuluan daripada pemegang saham sebuah syarikat anak	2	-	2	2	-	-	-
Sipiutang perdagangan dan lain-lain	1,452	-	1,452	1,452	-	-	-
	8,111		8,111	3,604	3,124	681	702
Liabiliti derivatif kewangan							
Jualan hadapan dan kontrak-kontrak belian (dijelaskan secara kasar) - Aliran tunai dilindung nilai:							
Aliran keluar	175		321	321	-	-	-
Aliran masuk	-		(559)	(493)	(66)	-	-
	8,286		7,873	3,432	3,058	681	702
Johor Corporation							
2010							
Liabiliti kewangan bukan derivatif							
Bon Cara Islam Boleh Tebus Terjamin ("BIBTT")							
- Bercagar	2,769	5.05	2,769	-	2,769	-	-
Kredit pusingan							
- Bercagar	400	4.66	400	400	-	-	-
Sijil Terjamin							
Boleh Tebus	182	-	182	-	182	-	-
Bon Cara Islam Bercagar	-	5.40	-	-	-	-	-
Pembiayaan Kerajaan							
Persekutuan-tidak							
bercagar	92	5.70	92	61	6	11	14
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	824		824	824	-	-	-
	4,267		4,267	1,285	2,957	11	14

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

SAMBUNGAN

38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**c) Risiko kadar faedah**

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa depan bagi instrumen-instrumen kewangan Kumpulan dan Johor Corporation akan turun naik disebabkan oleh perubahan-perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kadar faedah timbul terutamanya daripada pembiayaan dan pinjaman, pembiayaan pada kadar terapung yang diberi kepada pihak-pihak berkaitan dan pelaburan dalam sekuriti-sekuriti hutang diklasifikasi sebagai tersedia-untuk-dijual. Kumpulan tidak melindungi nilai pelaburannya dalam sekuriti-sekuriti hutang kadar tetap memandangkan mereka mempunyai pasaran sekunder atau pasaran jual semula yang aktif untuk memastikan kecairan. Pembiayaan Johor Corporation pada kadar terapung yang diberikan kepada pihak-pihak berkaitan membentuk satu lindung-nilai yang semula jadi bagi pembiayaan bank kadar terapung bukan semasa. Semua aset dan liabiliti kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada kadar terapung adalah secara kontraknya diharga semula pada jarak masa kurang daripada 6 bulan (2009: kurang daripada 6 bulan) dari tarikh laporan.

Polisi Kumpulan adalah untuk menguruskan kos faedah menggunakan kadar hutang tetap dan terapung. Untuk menguruskan campuran ini dengan cara kos yang berkesan, Kumpulan memasuki transaksi pertukaran kadar faedah.

Profil kadar faedah Kumpulan dan Johor Corporation bagi instrumen kewangan yang mengandungi faedah signifikan, berdasarkan kepada jumlah bawa pada akhir tempoh pelaporan adalah:

	Kumpulan 2010	Johor Corporation 2010
Instrumen kadar tetap		
Pembiayaan berjangka		
- Bercagar	524	-
- Tidak bercagar	40	-
Liabiliti pajakan kewangan		
- Bercagar	29	-
Overdraif bank		
- Bercagar	1	-
Terimaan bank		
- Tidak bercagar	9	-
Kredit pusingan		
- Bercagar	36	-
- Tidak bercagar	22	-
Sijil Bercagar Boleh Tebus	182	182
Sekuriti Hutang Cara Islam	250	-
Bon Cara Islam Boleh Tebus Terjamin	2,769	2,769
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan - tidak bercagar	92	92
Pendahuluan daripada pemegang saham sebuah anak syarikat	2	-
	3,956	3,043

38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

c) Risiko kadar faedah (sambungan)

	Kumpulan 2010	Johor Corporation 2010
Instrumen kadar terapung		
Pinjaman berjangka		
- Bercagar	1,509	-
- Tidak bercagar	175	-
Overdraif bank		
- Bercagar	70	-
- Tidak bercagar	12	-
Kredit pusingan		
- Bercagar	800	400
- Tidak bercagar	1	-
Sekuriti Hutang Cara Islam	135	-
	2,702	400

239

Analisa sensitiviti bagi risiko kadar faedah

	Kumpulan Untung bersih selepas cukai	Ekuiti
Kadar faedah		
- Meningkatkan sebanyak 100 mata asas	600	600
- Menurun sebanyak 100 mata asas	(600)	(600)
Kadar faedah		
- Meningkatkan sebanyak 200 mata asas	1,200	1,200
- Menurun sebanyak 200 mata asas	(1,200)	(1,200)

d) Risiko mata wang asing

Risiko mata wang asing adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa depan bagi instrumen kewangan akan turun naik disebabkan oleh perubahan-perubahan dalam kadar pertukaran asing.

Kumpulan mempunyai pendedahan mata wang daripada urusanniaga daripada jualan atau pembelian yang didenominasi dalam mata wang selain daripada mata wang berfungsi entiti-entiti Kumpulan berkenaan, terutamanya Ringgit Malaysia (RM) dan Kina. Mata wang asing dalam mana urusanniaga-urusanniaga ini didenominasi adalah terutamanya US Dollar ("USD").

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

SAMBUNGAN

38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**d) Risiko mata wang asing (sambungan)**

Kumpulan memerlukan semua entiti operasinya untuk menggunakan kontrak-kontrak mata wang hadapan untuk melupuskan pendedahan mata wang terhadap sebarang urusniaga individu yang melebihi RM100,000 di mana pembayaran dijangka lebih daripada satu bulan selepas Kumpulan telah memasuki satu komitmen kukuh bagi jualan atau pembelian. Kontrak-kontrak mata wang hadapan mestilah dalam mata wang yang sama sebagaimana item lindung-nilai. Ianya merupakan dasar Kumpulan untuk tidak memasuki kontrak-kontrak hadapan sehingga satu komitmen yang kukuh telah wujud. Ianya merupakan dasar Kumpulan untuk merunding terma derivatif lindung-nilai untuk menyamai terma item lindung-nilai bagi memaksimumkan keberkesanan lindung-nilai.

Analisa sensitiviti bagi risiko mata wang asing

Jadual di bawah menunjukkan sensitiviti keuntungan Kumpulan bersih cukai terhadap perubahan yang mungkin dan munasabah dalam kadar-kadar pertukaran USD dan Kina berbanding mata wang berfungsi entiti-entiti Kumpulan, dengan semua pemboleh ubah lain adalah konstan.

	Kumpulan Keuntungan bersih selepas cukai	Ekuiti
USD - dikukuhkan 3%	29	34
- disusutkan 3%	(29)	(34)
USD - dikukuhkan 4%	38	45
- disusutkan 4%	(38)	(45)
PNG KINA - dikukuhkan 3%	3	3
- disusutkan 3%	(3)	(3)
PNG KINA - dikukuhkan 4%	4	4
- disusutkan 4%	(4)	(4)

e) Risiko harga pasaran

Risiko harga pasaran adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa depan bagi instrumen-instrumen kewangan Kumpulan akan turun naik disebabkan oleh perubahan dalam harga-harga pasaran (selain daripada kadar-kadar faedah atau pertukaran).

Kumpulan terdedah kepada risiko harga ekuiti yang timbul daripada pelaburannya dalam instrumen-instrumen ekuiti tersiar harga. Instrumen-instrumen ekuiti tersiar harga di Malaysia adalah disenaraikan di Bursa Malaysia, manakala instrumen-instrumen ekuiti tersiar harga di luar Malaysia disenaraikan sebahagian besarnya di Bursa Saham London. Instrumen-instrumen ini diklasifikasi sebagai dipegang untuk dagangan atau aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual. Kumpulan tidak mempunyai pendedahan kepada risiko harga komoditi.

39. PENGURUSAN MODAL

Objektif Kumpulan ketika menguruskan modal adalah untuk menjaga kemampuan Johor Corporation untuk diteruskan sebagai sebuah perusahaan berterusan dan bagi mengekalkan struktur modal yang optimal bagi mematuhi dengan syarat-syarat hutang dan peraturan pihak berkuasa.

Kumpulan secara aktif dan mengkaji semula secara berkala dan menguruskan struktur modalnya untuk memastikan struktur modal yang optimal dan pulangan bagi pemegang saham, dengan mempertimbangkan keperluan modal masa hadapan Kumpulan dan keberkesanan modal, keuntungan sedia ada, aliran tunai, perbelanjaan modal dan peluang pelaburan strategik yang dijangka.

Pengurusan memantau modal berdasarkan kepada nisbah "gearing" bersih. Nisbah "gearing" dikira sebagai hutang bersih dibahagi dengan ekuiti pemegang saham. Hutang bersih dikira sebagai pinjaman ditolak tunai dan persamaan tunai.

	Kumpulan	
	2010	2009
Pinjaman bank	6,659	6,629
Tolak: Tunai dan persamaan tunai	(668)	(705)
Hutang bersih	5,991	5,924
Jumlah ekuiti	5,035	4,742
Nisbah hutang-kepada-ekuiti	1.19	1.25

Tiada perubahan dalam pendekatan Kumpulan bagi pengurusan modal dalam tahun kewangan semasa.

Terdapat keperluan modal yang dikenakan oleh Bank Negara kepada sebuah anak syarikat tidak langsung yang terlibat dalam broker insuran dan perundingan. Pada ketika ini, anak syarikat tersebut telah mematuhi dengan keperluan dana pemegang saham minimum RM600,000 pada setiap suatu masa.

Pada 31 Disember 2010, Kumpulan telah merekodkan suatu kemudahan pembiayaan 12 bulan USD200 juta dijamin oleh syarikat anak utamanya, NBPOL, berkaitan pengambilalihan Kula. Pembiayaan ini perlu dijelaskan pada 15 April 2011. Pada tarikh laporan ini, pembiayaan USD200 juta ini akan dijelaskan melalui lima (5) tahun kemudahan pembiayaan sebanyak USD240 juta yang diperolehi daripada sebuah konsortium bank-bank tempatan dan asing seperti yang dinyatakan dalam Nota 41(25) kepada penyata kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

SAMBUNGAN

40. MAKLUMAT SEGMENT

Maklumat segmen Kumpulan dibentangkan berkaitan kepada segmen bisnes dan geografi. Format pelaporan utama, segmen bisnes, adalah berasaskan struktur pengurusan dan pelaporan dalam Kumpulan. Penentuan harga antara segmen adalah berasaskan terma-terma biasa atau terma-terma yang telah dirundingkan.

Segmen keputusan, aset dan liabiliti termasuk perkara yang boleh diagihkan terus kepada suatu segmen dan juga yang boleh diagihkan atas asas yang munasabah.

Segmen perbelanjaan modal adalah jumlah kos yang ditanggung dalam tahun semasa untuk membeli hartanah, loji dan kelengkapan dan hak-hak guna tanah.

Segmen bisnes

Bisnes segmen utama Kumpulan adalah terdiri daripada yang berikut:

- Minyak sawit – Perladangan kelapa sawit, pemprosesan minyak sawit mentah, perkhidmatan dan perundingan pengurusan perladangan
- Prisihatin – hospital dan perkhidmatan kesihatan
- Hartanah – Pembangunan hartanah dan pembangunan perumahan
- Intrapreneur ventures – Pengangkutan laut, pengurusan letak kenderaan, jualan produk berasaskan kayu dan mel pukat dan percetakan
- Restoran khidmat cepat – Kedai Pizza Hut, Ayamas and Kentucky Fried Chicken

Lain-lain operasi Kumpulan meliputi terutamanya operasi-operasi yang mana tidak bersaiz memadai untuk dilaporkan secara berasingan.

Segmen geografi

Segmen bisnes Kumpulan diuruskan atas asas seluruh dunia, mereka beroperasi dalam dua kawasan geografi utama:

- Malaysia – Terutamanya operasi perladangan, operasi prisihatin, restoran khidmat cepat dan aktiviti pelaburan
- Papua New Guinea – Terutamanya operasi perladangan

Dalam pembentangan maklumat berdasarkan segmen geografi, segmen pendapatan adalah berasaskan lokasi geografi para pelanggan. Segmen aset adalah berasaskan lokasi geografi aset-aset tersebut.

40. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

(a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes

	Minyak Sawit	Prisihatim	Hartanah	Intrapreneur Ventures	Restoran			Operasi dihentikan	Kumpulan
					Khidmat Cepat	Lain-lain			
Kumpulan - 2010									
Jualan kepada pihak luar	2,413	1,248	400	324	3,036	985	(882)	7,524	
Jualan antara segmen	-	-	-	-	-	-	-	-	
Jumlah jualan	2,413	1,248	400	324	3,036	985	(882)	7,524	
Keputusan									
Keputusan segmen (luaran)	732	154	64	14	277	121	(8)	1,354	
Pendapatan tidak diperuntukkan								14	
Kos tidak diperuntukkan								(125)	
Keuntungan dari operasi								1,243	
Kos kewangan								(351)	
Bahagian keputusan syarikat bersekutu	-	40	-	2	-	28	-	70	
Keuntungan sebelum cukai								962	
Perbelanjaan cukai								(280)	
Keuntungan selepas cukai								682	
dari pada operasi berterusan								152	
Keuntungan dari jualan operasi yang dihentikan								834	
Keuntungan bagi tahun semasa								834	

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya
SAMBUNGAN

244

40. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)**(a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes (sambungan)**

	Minyak Sawit	Prisihatini	Hartanah	Intrapreneur Ventures	Restoran		Kumpulan
					Khidmat Cepat	Lain-lain	
Kumpulan - 2010							
<u>Lain-lain informasi</u>							
Aset-aset segmen	6,567	114	3,291	468	1,475	859	12,774
Syarikat-syarikat bersekutu	-	186	18	-	-	303	507
Aset-aset tidak diperuntukkan							1,103
Jumlah aset disatukan							14,384
Liabiliti segmen	2,516	19	1,591	400	846	4,159	9,531
Liabiliti tidak diperuntukkan							(182)
Jumlah liabiliti disatukan							9,349
Perbelanjaan modal	361	-	1	98	261	13	734
Susutnilai & pelunasan	183	1	5	24	118	52	383

40. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

(a) Format pelaporan utama - Segmen Bisnes (sambungan)

	Minyak Sawit	Prisihatim	Hartanah	Intrapreneur Ventures	Restoran			Kumpulan
					Khidmat Cepat	Lain-lain	Hapuskira	
Kumpulan - 2009								
Jualan								
Jualan kepada pihak luar	2,768	1,477	635	210	2,760	343	-	8,193
Jualan antara segmen	121	-	-	47	-	142	(310)	-
Jumlah jualan	2,889	1,477	635	257	2,760	485	(310)	8,193
Keputusan								
Keputusan segmen (luaran)	435	143	108	9	242	51	-	988
Pendapatan tidak diperuntukkan								13
Kos tidak diperuntukkan								(46)
Keuntungan dari operasi								955
Kos kewangan								(323)
Bahagian keputusan syarikat bersekutu	-	19	11	4	-	4	-	38
Keuntungan sebelum cukai								670
Perbelanjaan cukai								(224)
Keuntungan selepas cukai								446
Diwakili oleh:								
Keuntungan daripada operasi berterusan								468
Kerugian daripada operasi dihentikan								(22)
Keuntungan tahun semasa								446

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

SAMBUNGAN

246

40. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)**(a) Format pelaporan utama - Segmen Bisnes (sambungan)**

	Minyak Sawit	Prisihatini	Hartanah	Intrapreneur Ventures	Restoran Khidmat Cepat			Lain-lain	Kumpulan
Kumpulan - 2009									
Lain-lain informasi									
Aset-aset segmen	5,529	1,184	1,941	439	2,121	168		11,382	
Syarikat-syarikat bersekutu	-	239	125	4	-	53		421	
Aset-aset tidak diperuntukkan								1,995	
Jumlah aset disatukan								13,798	
Liabiliti segmen	400	314	137	376	513	31		1,771	
Liabiliti tidak diperuntukkan								7,285	
Jumlah liabiliti disatukan								9,056	
Perbelanjaan modal	417	204	6	131	221	353		1,332	
Susutnilai & pelunasan	140	47	6	22	104	56		375	

40. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

(b) Format pelaporan sekunder - Segmen Bisnes (sambungan)

	Jualan (luaran)		Jumlah Aset		Perbelanjaan Modal	
	2010	2009	2010	2009	2010	2009
Kumpulan						
Malaysia	6,064	6,183	10,859	9,376	421	925
Indonesia	20	21	17	18	-	3
Papua New Guinea	243	275	3,001	1,886	313	335
United Kingdom	109	-	-	102	-	69
Negara-negara lain dalam Asia	-	430	-	-	-	-
Negara-negara lain dalam Eropah	1,076	1,099	-	-	-	-
Lain-lain negara	12	185	-	-	-	-
	7,524	8,193	13,877	11,382	734	1,332
Syarikat-syarikat bersekutu			507	421		
Aset-aset tidak diperuntukkan			-	1,995		
Jumlah aset			14,384	13,798		

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN

1. Sepanjang tahun semasa, sebuah anak syarikat kepada Johor Paper & Publishing Sdn Bhd, iaitu Johor Logistics Sdn Bhd bersama-sama dengan syarikat induk muktamadnya telah mengambilalih saham-saham tersiar harga tawaran pengambilalihan melalui OSK Investment Bank Berhad. Johor Logistics Sdn Bhd telah mendapat kemudahan pembiayaan penyambung daripada pihak bank tersebut untuk membeli sebanyak 10,949,411 unit saham tersiar harga. Saham-saham tersebut telah ditawarkan pada pertimbangan tunai RM0.80 sesaham.
2. Pada 30 Disember 2010, Langsung Marine Base Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Trilink Multiple Sdn Bhd), iaitu anak syarikat kepada Johor Paper & Publishing Sdn Bhd telah menandatangani Perjanjian Jual dan Beli bersama dengan syarikat berkaitan untuk membeli tanah-tanah yang dikenali sebagai PLO 46B, PLO 46C, PLO 119 dan PLO 120 yang terletak di Kawasan Perindustrian Tanjung Langsung, Pasir Gudang yang berukuran kira-kira 39.41 ekar dengan balasan belian berjumlah RM43.88 juta. Tempoh pajakan tanah-tanah tersebut adalah 60 tahun.
3. Pada 25 Februari 2010, Kulim (Malaysia) Bhd (KMB) mengumumkan bahawa NBPOL telah bersetuju pada 24 Februari 2010 untuk membeli 80% saham di dalam CTP (PNG) Limited. Pengambilalihan tersebut telah disempurnakan pada bulan April 2010. CTP (PNG) Limited kini dinamakan semula sebagai Kula Palm Oil Limited.
4. Pada 1 Mac 2010, JTP Trading Sdn Bhd telah mengumumkan bahawa KMB, bersama dengan anak syarikatnya, JTP Trading Sdn Bhd, telah menandatangani Perjanjian Jual Beli Saham bersama dengan Kamarulzaman Othman berkenaan pelupusan 20,000 saham biasa yang mewakili 10% saham modal JTP Trading Sdn Bhd untuk jumlah balasan sebanyak RM88,200.
5. Pada 9 Mac 2010, KMB mencadangkan pelupusan harta yang dikenali sebagai Menara Ansar kepada Al-Aqar KPJ REIT untuk jumlah balasan jualan sebanyak RM105 juta yang perlu diselesaikan sebahagiannya oleh pertimbangan tunai sebanyak RM63 juta dan RM42 juta dengan penerbitan 42,857,000 unit baru dalam Al-Aqar pada harga terbitan RM0.98 seunit. Walaubagaimanapun pada 22 September 2010 kedua-dua belah pihak bersetuju untuk tidak meneruskan perjanjian berikutan keadaan yang tidak dijangkakan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

SAMBUNGAN

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

6. Pada 9 Mac 2010, KMB mengumumkan bahawa ia telah menerima tawaran daripada Johor Corporation untuk pajakan bagi sebahagian daripada tanah yang terletak di PTB 18322 HS(D) 475165 Mukim Bandar Johor Bahru, Johor Bahru yang berukuran 20,297 kaki persegi untuk jumlah balasan pajakan sebanyak RM5 juta.
7. Pada 12 Mac 2010, KMB mengumumkan untuk mencadangkan penyusunan semula pajakan terhadap sebahagian tanah yang terletak di PTB 18322 HS(D) 475165 Mukim Bandar Johor Bahru daripada Johor Corporation.
8. Pada 30 April 2010, KMB mengumumkan bahawa ia telah bersetuju untuk memindahkan 49% kepentingan ekuitinya didalam Nexsol Singapore (S) Pte Ltd. ("Nexsol(S)") kepada Peter Cremer (Singapore) GMBH ("Peter Cremer") dan Peter Cremer bersetuju untuk memindahkan 49% kepentingan ekuitinya di dalam Nexsol (M) Sdn Bhd (Nexsol(M)) kepada KMB.
9. Pada 21 Julai 2010, KMB telah mencadangkan untuk melupuskan kesemua kepentingan ekuitinya sebanyak 91.38% di dalam Natural Oleochemicals Sdn Bhd ("NATOLEO"), yang mewakili 186,560,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam NATOLEO untuk balasan tunai sebanyak RM450,000,000. Pelupusan tersebut telah disempurnakan pada 20 September 2010.
10. Pada 12 Ogos 2010, KMB mengumumkan bahawa Kulim melalui anak-anak syarikatnya, telah pada tarikh yang sama mengambilalih keseluruhan modal saham yang diterbitkan dan berbayar bagi lapan (8) syarikat, bertujuan untuk digunakan sebagai Skim Pembangunan Usahawan di dalam syarikat yang dikenali sebagai Skim Intrapreneur Kulim (skim tersebut).
11. Pada 3 November 2010, KMB mengumumkan untuk mencadangkan:
 - (a) Pecahan saham melibatkan pemecahan bahagian setiap satu saham biasa sedia ada bernilai RM0.50 sesaham yang dipegang di dalam KMB kepada dua saham biasa bernilai RM0.25 sesaham (cadangan pecahan saham);
 - (b) Terbitan bonus bagi pemecahan bahagian saham-saham baru pada asas satu saham bonus untuk setiap satu saham pemecahan bahagian yang dipegang selepas pecahan saham yang dicadangkan;
 - (c) Penambahan modal saham yang dibenarkan KMB daripada RM200,000,000 yang terdiri daripada 400,000,000 saham kepada RM500,000,000 yang terdiri daripada 2,000,000,000 saham yang dipecah bahagian (cadangan penambahan modal saham yang dibenarkan);
 - (d) Pindaan terhadap Memorandum dan Artikel Syarikat KMB (cadangan pindaan); dan
 - (e) Penerbitan waran percuma dalam KMB (waran-waran) pada asas satu (1) waran untuk setiap lapan (8) saham yang dipecah bahagian yang dipegang selepas cadangan pecahan saham dan saham bonus yang dicadangkan (cadangan penerbitan waran percuma).

Cadangan-cadangan yang dinyatakan di atas untuk dilaksanakan telah diluluskan oleh pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang berlangsung pada 10 Februari 2011.

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

12. Pada 27 Januari 2010, KFCH mengumumkan bahawa, ia melalui Roaster's Chicken Sdn Bhd telah menandatangani beberapa Perjanjian Langganan termasuk Perjanjian Pemegang Saham dengan pihak-pihak berikut:

- (a) Masnawi bin Mohamed Soa'aid dan Rasamas Bukit Tinggi Sdn Bhd
- (b) Mohd Faizal bin Awang Soh dan Rasamas Kota Bharu Sdn Bhd

Perjanjian tersebut membolehkan pihak-pihak tersebut untuk melanggan saham biasa yang mewakili sehingga 10% kepentingan ekuiti di dalam syarikat-syarikat tersebut hasil daripada pelaksanaan Skim Intrapreneur Rasamas.

13. Pada 27 Januari 2010, KFCH mengumumkan bahawa ia telah menyusun semula struktur Kumpulan yang melibatkan pemindahan Syarikat-syarikat Intrapreneur Rasamas, hasil daripada pelaksanaan Skim Intrapreneur Rasamas Kumpulan kepada yang berikut:

- (a) Rasamas Wangsa Maju Sdn Bhd mengambilalih Rasamas BC Sdn Bhd. Rasamas BC Sdn Bhd dicadangkan untuk menjalankan operasi-operasi ruangniaga Rasamas Sdn Bhd cawangan Batu Caves; dan
- (b) Rasamas Tebrau Sdn Bhd mengambilalih Rasamas Terminal Larkin Sdn Bhd. Rasamas Terminal Larkin Sdn Bhd dicadangkan untuk menjalankan operasi-operasi ruangniaga Rasamas Terminal Larkin.

14. Pada 17 Februari 2010, KFCH mengumumkan bahawa ia telah menyusun semula struktur Kumpulan yang melibatkan pemindahan Ayamazz Sdn Bhd daripada Ayamas Food Corporation Sdn Bhd kepada KFC Marketing Sdn Bhd.

15. Pada 9 Julai 2010, KFCH mengumumkan tentang pembatalan perjanjian yang ditandatangani antara Roaster's Chicken Sdn Bhd, anak syarikat milik-penuh KFCH, dan yang tersebut di bawah berikutan perletakan jawatan Pihak-pihak Intrapreneur Rasamas (lihat definisi di bawah):

- (a) Ahmad Bin Ali dan Rasamas Larkin Sdn Bhd; dan
- (b) Musa Bin Putit dan Rasamas Taman Universiti Sdn Bhd

16. Pada 2 Disember 2010, KFCH mengumumkan bahawa ia telah melalui Roaster's Chicken Sdn Bhd menandatangani beberapa Perjanjian Langganan termasuk Perjanjian Pemegang Saham dengan pihak-pihak berikut:

- (a) Lim Siew Hong dan Rasamas Melaka Sdn Bhd; dan
- (b) Mohd Ikmal Nizam bin Nordin dan Rasamas Nilai Sdn Bhd

Perjanjian-perjanjian tersebut membolehkan pihak-pihak tersebut melanggan/membeli saham biasa yang mewakili sehingga 10% kepentingan ekuiti di dalam syarikat-syarikat berkenaan hasil daripada pelaksanaan Skim Intrapreneur Rasamas.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

SAMBUNGAN

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

17. Pada 23 Mac 2010, Sindora Berhad telah menandatangani satu Perjanjian Belian Saham bersyarat dengan Commerce-KNB Agro Teroka Sdn Bhd berhubung dengan jual dan beli 3,800,000 Saham Keutamaan Terkumpul Boleh Tebus dan Boleh Tukar bernilai 1 sen setiap satu sebagai keseluruhan terbitan modal saham utama dalam Microwell Sdn Bhd (Microwell) untuk RM4,500,000 tunai.

Pengambilalihan yang dicadangkan telah disempurnakan pada 23 April 2010. Pada masa yang sama Sindora Berhad telah menukar sebahagian daripada Saham Keutamaan Terkumpul Boleh Tebus dan Boleh Tukar tersebut kepada 1,500,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam Microwell, mewakili 60% daripada modal saham biasa yang ditambah di dalam Microwell.

18. Pada 11 Jun 2010, Sindora Berhad telah menandatangani Perjanjian Jual dan Beli dengan Encik Jeyaratnam a/l Velupillai, Dato' Abdul Kadir Bin Mohd Deen, Dr Jagjit Singh a/l Bhagwan Singh dan Dato' Mohd Shahrom Bin Mohamad berhubung jual dan beli 1,125,000 saham biasa bernilai tara RM1.00 sesaham dalam MIT Insurance Brokers Sdn Bhd ("MIT"), mewakili 90% kepentingan ekuitinya, pada RM2,025,000.

Cadangan pengambilalihan tersebut telah diselesaikan sepenuhnya pada 23 Julai 2010.

19. Sepanjang tahun semasa, anak syarikat yang dimiliki oleh Sindora Berhad sebanyak 51% iaitu E.A Technique Sdn Bhd telah membeli tambahan saham ekuiti sebanyak 4,600,000 bernilai RM1.00 sesaham, mewakili kira-kira 12% kepentingan ekuiti dalam Orkim Sdn Bhd ("Orkim"), menjadikan Orkim sebagai syarikat bersekutu Kumpulan sebanyak 49.9% pegangan saham.

Pada 31 Januari 2011, Kumpulan telah melaksanakan opsyen panggilan selaras dengan Perjanjian Langganan dan Pemegang Saham untuk membeli tambahan sebanyak 1% kepentingan ekuiti dalam Orkim. Dengan itu, Orkim menjadi sebuah anak syarikat Kumpulan.

20. Pada 13 Disember 2010, Metro Parking (M) Sdn Bhd ("Metro"), sebuah anak syarikat 75% milik Sindora Bhd telah melupuskan 2,000,000 saham biasa bernilai HK\$1.00 sesaham mewakili 40% pegangan saham, berjumlah HK\$2,000,000 tunai atau HK\$1.00 sesaham kepada Mr. Paul Emmanuel Cornish; dan 250,000 saham biasa bernilai HK\$1.00 sesaham mewakili 5% pegangan saham, berjumlah HK\$250,000 tunai atau HK\$1.00 sesaham kepada Mr. Tyrone Lopez. Selepas cadangan tersebut, Metro HK akan menjadi anak syarikat 55% milik Metro.

21. Skim Penstrukturan semula Hutang

Pada 31 Disember 2010, Kumpulan dan Johor Corporation merekodkan pinjaman berjumlah kira-kira RM6.6 billion dan RM3.35 billion masing-masing. Daripada jumlah ini, kira-kira RM3.44 billion perlu dijelaskan pada 31 Julai 2012. Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation telah melantik penasihat-penasihat kewangan untuk menstruktur semula pinjaman tersebut. Sehingga kini, pelan penstrukturan semula masih belum muktamad.

Walaupun bagaimanapun, Ahli Lembaga Pengarah berkeyakinan bahawa skim penstrukturan semula hutang ini akan berjaya.

22. Pada 6 November 2009, DBhd bercadang untuk mengambil alih cadangan-cadangan yang berikut:

- (a) Cadangan pertukaran saham melibatkan pertukaran 250,140,754 saham biasa bernilai RM0.50 sesaham dalam DBhd (Saham-saham DBhd yang terdiri daripada keseluruhan modal saham yang diterbitkan dan dibayar DBhd dengan penerbitan 150,084,452 saham biasa Insan Kualiti Sdn Bhd (IKSB) yang baru bernilai RM0.50 sesaham, yang pada masa ini sebuah anak syarikat milik-penuh DBhd pada harga terbitan RM0.80 untuk saham baru IKSB dan jumlah bayaran tunai berjumlah RM80,045,041 kepada pemegang saham sedia ada DBhd pada asas RM0.60 saham baru IKSB dan bayaran kira-kira RM0.32 dengan pertukaran untuk setiap satu (1) saham DBhd yang dipegang;

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

- (b) Cadangan pengambilalihan oleh IKSB syarikat-syarikat berikut daripada kumpulan syarikat JCorp:
- (i) 100% kepentingan ekuiti dalam Tanjung Langsung Port Sdn Bhd yang terdiri daripada 97,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham untuk balasan belian yang telah dinyatakan kira-kira RM249.05 juta dan;
 - (ii) 100% kepentingan ekuiti dalam TPM Technopark Sdn Bhd yang terdiri daripada 20,048,000 saham biasa yang bernilai RM1.00 sesaham bagi balasan belian bernilai yang telah dinyatakan kira-kira RM54.80 juta.

Jumlah balasan kira-kira RM303.85 juta akan diselesaikan dengan terbitan sebanyak 229,727,770 saham baru IKSB pada harga terbitan bernilai RM0.80 sesaham IKSB dan bakinya iaitu RM120.07 juta untuk diselaraskan dengan jumlah yang terhutang oleh JCorp bagi cadangan (c);

- (c) Cadangan pelupusan 250,140,754 saham biasa DBhd mewakili keseluruhan saham modal DBhd yang diterbitkan dan dibayar oleh IKSB kepada JCorp untuk balasan bernilai RM200,112,603 untuk diselesaikan dengan tunai bernilai kira-kira RM80.05 juta dan bakinya sebanyak RM120.07 juta untuk diselaraskan dengan jumlah yang terhutang oleh JCorp bagi cadangan (b) dan;
- (d) Cadangan Pemindahan mengenai kedudukan penyenaian DBhd di dalam Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad kepada IKSB

Pada 6 November 2009, IKSB telah menandatangani perjanjian pembelian saham bersyarat bagi cadangan 22 (b) dan perjanjian jualan saham bersyarat untuk cadangan 22 (c) dengan JCorp.

Pada 6 Mei 2010, DBhd telah mengumumkan bahawa tarikh bagi memenuhi cadangan pembelian dan pelupusan dilanjutkan sehingga 6 November 2010.

Berikutan pengumuman pada 6 Mei 2010 tersebut, pada 14 Julai 2010, DBhd telah mengumumkan mengenai penangguhan skim, sehingga penyelesaian isu-isu di antara DBhd dan JCorp berhubung dengan cadangan pembelian syarikat-syarikat tersebut. Skim tersebut masih berjalan dan pengumuman yang sesuai akan dibuat sebaik sahaja keputusan mengenai isu yang berbangkit diselesaikan.

23. Pengambilalihan Tawaran Bersyarat daripada JCorp dan Johor Logistics Sdn Bhd. (JLSB):

- (a) Pada 30 April 2010, DBhd menerima Notis Pengambilan Tawaran bersyarat (Notis) daripada JCorp dan JLSB (dikenali sebagai Pembuat Tawaran Bersama) untuk mengambilalih keseluruhan baki saham biasa bernilai RM0.50 sesaham dalam DBhd (Saham DBhd) belum lagi dimiliki oleh Tawaran Bersama pada harga tawaran bernilai RM0.80 bagi satu tawaran saham untuk diselesaikan sepenuhnya secara tunai ("Tawaran"). Tawaran telah diluluskan oleh Bursa Malaysia Sekuriti Berhad.
- (b) Tawaran adalah bersyarat berikutan Pembuat Tawaran Bersama mendapat penerimaan yang sah sebelum 5 petang pada 3 Jun 2010 (Tarikh tutup) atau tarikh telah dilanjutkan atau pindaan kepada tarikh tutup sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pembuat Tawaran yang akan menyebabkan Pembuat Tawaran Bersama dan pihak-pihak mereka bersama pegangan terkumpul, bersama saham-saham DBhd yang telah dibeli, dipegang atau berhak untuk dibeli lebih daripada 50% saham pengundian DBhd.
- (c) Pada 7 Jun 2010, Pembuat Tawaran Bersama melanjutkan tarikh tutup Tawaran tersebut kepada 17 Jun 2010.
- (d) Tawaran telah disempurnakan pada 17 Jun 2010 dengan Pembuat Tawaran Bersama yang memegang 53.79% saham-saham DBhd.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

SAMBUNGAN

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

24. Pada 14 Januari 2011, Kumpulan melalui anak syarikat tidak langsungnya New Britain Palm Oil Limited (NBPOL) telah menandatangani Perjanjian Pemindahan dengan PT Ivo Mas Tunggal dan Madascar Capital Pte Limited untuk pelupusan 50% kepentingannya dalam PT Damitama Mas Sejahtera, sebuah syarikat bersekutu NBPOL, berjumlah USD14.4 juta (selepas duti dan cukai kena dibayar) berhubung Perjanjian Jual Beli Bersyarat bertarikh 17 Disember 2010. Tunai tersebut telah diterima pada 14 Januari 2011 dan seterusnya telah diletakkan dalam Pusingan Deposit Jangka Pendek 30 hari bersama dengan dividen akhir yang diterima daripada syarikat bersekutu tersebut yang bernilai USD3.1 juta (selepas cukai kena dibayar), untuk digunakan sebagai bayaran tanggungan cukai semasa bagi NBPOL sebaik sahaja ia telah dinilai oleh pihak berkuasa percukaian.
25. Pada 31 Mac 2011, Kumpulan melalui anak syarikat tidak langsungnya, New Britain Palm Oil Limited (NBPOL) telah menandatangani Perjanjian Kemudahan dengan sebuah konsortium bank asing dan tempatan berjumlah USD240 juta, kemudahan 5 tahun, yang mana akan digunakan untuk membayar balik kemudahan 12 bulan berjumlah USD200 juta yang telah dikeluarkan bagi pengambilalihan Kula (dijangka untuk pembayaran semula pada 15 April 2011), dan bakinya untuk pelbagai projek-projek modal dan modal kerja. Cagaran-cagaran berikut telah diberikan bagi kemudahan ini:
- Gadai janji saksama berdaftar ke atas segala aset-aset dan akujanji kumpulan NBPOL kecuali bagi dua (2) anak-anak syarikat, Ramu Agri Industries Limited dan New Britain Oils Limited; dan
 - Pajakan gadai janji berdaftar ke atas segala pajakan negeri dan pajakan-pajakan kepada pihak lain lebih daripada 500 hektar merangkumi segala tanah dan bangunan-bangunan yang sedia ada dimiliki oleh NBPOL.

Kemudahan merangkumi bahagian 1 berjumlah USD120 juta dan bahagian 2 berjumlah USD120 juta. Jumlah pokok belum dilunaskan dibawah bahagian 1 akan dibayar balik secara 18 ansuran suku tahunan berjumlah USD6.3 juta bermula 6 bulan daripada pengeluaran pertama dan ansuran terakhir berjumlah USD6.6 juta. Jumlah pokok belum dilunaskan dibawah bahagian 1 akan dibayar balik apabila matang.

26. Pada 1 November 2010, KFCH mengumumkan bahawa ia, melalui anak syarikat milik-penuhnya, Ayamas Food Corporation Sdn Bhd, menandatangani Perjanjian Jual dan Beli Saham-saham untuk mengambilalih keseluruhan modal saham terbitan dan berbayar Southern Poultry Farming Sdn Bhd, Synergy Poultry Farming Sdn Bhd, Ventures Poultry Farm Sdn Bhd dan Agrotech Farm Solutions Sdn Bhd bagi jumlah balasan tunai sebanyak RM1,111,951.
27. Pada 7 Mac 2011, QSR Brands Bhd mengumumkan bahawa ia telah menubuhkan sebuah anak syarikat, milik penuh, Integrated Poultry Industry (Kampuchea) Private Limited, bagi tujuan operasi ayam daging dan memproses pengeluaran di dalam Phnom Penh, Cambodia.
